

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 17**

**Isnin**

**2 April 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 29)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 (Halaman 30)  
Rang Undang-undang Pergigian 2017 (Halaman 163)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 2 April 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk memastikan majikan mematuhi *Code of Conduct* bagi memperbaiki hubungan antara majikan dan pekerja bagi mencapai keharmonian kerja.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Negaraku Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman *Code of Conduct for Industrial Harmony* atau pun lebih kita kenali Tatacara Untuk Keharmonian Perusahaan merupakan satu garis panduan mengenai etika perhubungan perusahaan dan bukannya merupakan satu akta yang memerlukan satu penguatkuasaan dari segi perundangan. Dengan kata lain *Code of Conduct for Industrial Harmony* adalah satu garis panduan dalam menangani permasalahan yang wujud di tempat kerja dan pematuhan kepada Tatacara untuk Keharmonian Perusahaan kini adalah secara moral atau pun *morally binding*, dengan izin.

*Code of Conduct for Industrial Harmony* diwujudkan sebagai panduan kepada pihak majikan, pekerja dan kesatuan sekerja dalam menangani isu perhubungan, perusahaan dan pengurusan kerja di tempat kerja. Tujuan ianya diwujudkan adalah untuk menetapkan prinsip-prinsip dan garis panduan kepada majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja mengenai amalan dan perhubungan perusahaan bagi mencapai keharmonian perusahaan yang lebih memuaskan serta mewujudkan tempat kerja yang kondusif.

*Code of Conduct for Industrial Harmony* adalah satu pendekatan bagi memperbaiki hubungan majikan dan pekerja serta kesatuan sekerja hanya dengan perundingan dan perhubungan yang selalu diadakan di antara pihak-pihak yang terlibat maka masalah-masalah yang menimbulkan pertikaian perusahaan dapat dikawal dan menggalakkan sistem yang lebih licin serta adil bagi faedah pihak-pihak yang terlibat juga kepada masyarakat umumnya. Tatacara keharmonian perusahaan adalah sebagai satu garis panduan kepada majikan, pekerja dan kesatuan sekerja untuk diamalkan dalam usaha mencapai persetujuan antara pihak yang terlibat.

Walau bagaimanapun pihak kementerian tidak terlibat secara langsung dalam urusan majikan, pekerja dan kesatuan sekerja melaksanakan tatacara tersebut. Namun, pihak kementerian sentiasa memberi galakan agar pihak terbabit mematuhi *code of conduct* melalui sesi lawatan harmoni dan juga dialog *tripartite*. Terima kasih.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan ini. Saya berterima kasih kepada pihak kementerian kerana *code of conduct* ini diberi ruang untuk pekerja dan majikan membuat sesuatu perbincangan agar permasalahan di antara pekerja dan majikan dapat diselesaikan dengan baik. Sewajarnya dengan itu, bagaimanakah aduan-aduan yang dibuat di bawah seksyen 8, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 di mana di lihat dalam satu kes, melibatkan pensyarah-pensyarah di sebuah kolej swasta di mana MoU penyelesaian di bawah akta ini kelihatannya telah dilanggari dan pihak jabatan tidak memainkan peranan yang sepatutnya dimainkan bagi memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sebenarnya, kes ini adalah kes yang tersendiri dan untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, *Code of Conduct for Industrial Harmony* ini merupakan satu garis panduan dalam menangani permasalahan yang wujud di tempat kerja. Ianya terpakai kepada semua kategori kesatuan sekerja. Tidak kira sama ada pekerja rendah, pertengahan dan juga pekerja eksekutif atau pun profesional.

Jadi, saya terpaksa melihat Tuan Yang di-Pertua balik kes ini andainya terdapat kecuiaan yang melibatkan jabatan kita atau pun di mana-mana, maka kita akan pastikan supaya tidak ada pelanggaran yang dilakukan oleh mana-mana pihak tentang perkara ini. Sebab itu lah dalam *code of conduct* ini Tuan Yang di-Pertua, dua pihak ini mesti ada persetujuan. Sebab itu lah kita hendak buat menambah baikkan kepada *code of conduct* ini kita mesti ada *tripartite* punya perundingan antara majikan, pekerja dan juga kita sebagai kerajaan.

**■1010**

Saya hendak sebut sedikit Tuan Yang di-Pertua, antara persetujuan yang telah dibuat. Bagi majikan, majikan terus bersetuju tidak akan menyokong dan menggalakkan apa-apa amalan buruk yang tidak adil seperti mengganggu hal ehwal sebuah kesatuan sekerja dan hak-hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan sekerja; melakukan diskriminasi, menyekat atau memaksa mana-mana pekerja kerana menjalankan aktiviti kesatuan sekerja yang sah ataupun menyalahgunakan kuasa dalam apa-apa acara. Balik ini kita akan lihat. Bagi kesatuan-kesatuan sekerja juga telah bersetuju tidak akan menyokong dan menggalakkan mana-mana amalan buruk yang tidak adil seperti cuai menjalankan kewajipan, merosakkan harta benda, mengingkari perintah. Maknanya tidak boleh menggalakkan kesatuan mereka untuk mengingkari perintah yang ditentukan oleh majikan dan juga mengganggu atau mengacau kerja biasa.

Tuan Yang di-Pertua, kes kolej yang mungkin disebutkan ini akan kita buat siasatan dan saya kira saya juga maklum dalam tindakan kita dan saya kira kes ini akan dapat kita selesaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memaklumkan bahawa *Code of Conduct 1975* ini adalah bukan undang-undang. Ini adalah tujuan falsafahnya ialah untuk mengeratkan ataupun mengharmonikan antara pekerja dan majikan. Ia ditubuhkan pada zaman Almarhum Tun Abdul Razak dahulu.

Namun demikian, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian disebabkan ia bukanlah undang-undang, maka apakah langkah kerajaan untuk memastikan kesatuan sekerja yang hanya ada lapan peratus sahaja dalam negara ini yang nak kita galakkan untuk menambah atau menubuhkan kesatuan supaya dimasukkan dalam perjanjian bersama untuk dijadikan sebagai rang undang-undang dalam majikan dan pekerja dalam syarikat itu. Mohon penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang *code of conduct* ini bukanlah satu akta dan undang-undang. Namun *code of conduct* ini diwujudkan berasaskan kepada beberapa seksyen di dalam akta-akta berikut, maknanya kita hendak buat penjelasan, huraian dan mencari jalan terbaik yang lebih baik dalam melaksanakan beberapa seksyen dalam akta-akta ini. Umpamanya ialah:

- (i) Akta Perhubungan Perusahaan 1997 Akta 177 di bawah seksyen 9, seksyen 13, seksyen 18 dan juga seksyen 20 yang boleh kita baca; dan

- (ii) Akta Kerja 1959, seksyen 14 dan 69 termasuklah penyiasatan dalaman ataupun DI yang melibatkan pekerja dan majikan.

*Code of conduct* adalah satu garis panduan yang memperjelaskan lagi tentang tatacara dalam mengendalikan isu perhubungan perusahaan dan pengurusan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Langat, sebenarnya kita di bawah Kementerian Sumber Manusia ini ada 26 akta yang ditadbir urus oleh Kementerian Sumber Manusia yang melibatkan 13 buah jabatan dan agensi di bawah kementerian. Pihak kementerian sedang meneliti kesemua akta-akta ini termasuklah yang melibatkan *code of conduct* ini.

Saya kira saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, memang kita hendak supaya kesatuan sekerja ini lebih diberikan keluasan untuk aktif dan berkhidmat bukan sahaja untuk menjaga kepentingan ahli-ahli tetapi dalam masa yang sama, mereka boleh membantu meningkatkan lagi peranan majikan dan mewujudkan keharmonian dalam kesatuan sekerja yang juga melibatkan kerajaan dan kementerian kita sendiri. *Insyah-Allah* kalau tiada halangan dalam bulan Oktober ini kita akan melihat keseluruhan akta-akta yang perlu kita pinda demi kebaikan masa depan pekerja kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan perkembangan terkini pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di sekolah-sekolah "*hotspot*" yang dikenal pasti mempunyai rekod masalah disiplin bagi memantau perbuatan jenayah dan mengawal keselamatan pelajar di sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Selayang atas soalan tentang sekolah-sekolah *hotspot*.

Tuan Yang di-Pertua, pemasangan kamera litar tertutup ataupun dikenali sebagai CCTV di sekolah-sekolah adalah dibuat mengikut kategori sekolah yang berisiko tinggi. Pemasangan CCTV dimasukkan dalam skop kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan Kementerian Pendidikan Malaysia. Kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan semasa menetapkan bahawa setiap sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah berisiko tinggi dibekalkan dan dipasang dengan lapan kamera dan dua monitor CCTV oleh syarikat kawalan keselamatan yang dilantik. Tiga lokasi wajib pemasangan kamera CCTV adalah pintu masuk utama, dalam pondok pengawal dan depan pintu masuk pejabat pentadbiran.

Lima kamera selebihnya hendaklah dipasang di lokasi yang ditentukan oleh pentadbir sekolah iaitu di kawasan berisiko tinggi seperti makmal sains dan ICT, bengkel, stor alat tulis dan ICT, koperasi, bilik guru dan pintu masuk asrama serta kawalan berisiko sederhana seperti koridor, surau dan dewan makan. Satu monitor CCTV dipasang dalam pondok pengawal atau di stesen pengawal yang ditentukan oleh pentadbir sekolah manakala satu monitor dipasang di pejabat pentadbiran bagi tujuan pemantauan. Walau bagaimanapun, pemasangan CCTV tersebut hendaklah dilakukan di kawasan-kawasan yang sesuai dan tidak bertentangan dengan hak kebebasan ataupun *privacy* dengan izin, murid-murid dan juga guru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk jawapan yang diberikan. Untuk memasang CCTV di sekolah untuk mengatasi masalah isu disiplin adalah satu langkah yang baik tetapi pada saya bila kita mengadakan CCTV, ini ialah untuk merakamkan kejadian terutamanya isu disiplin seperti jenayah, *gangsterism* dan kes buli fizikal. Saya mengalu-alukan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri tentang kes buli fizikal di mana Yang Berhormat telah berkata bahawa kerajaan harus mengadakan kadar toleransi sifar untuk kes buli.

Oleh yang demikian, selain daripada mengadakan CCTV di mana kes itu sudah terjadi, adakah kementerian mengadakan satu cadangan untuk mengatasi masalah disiplin terutamanya kes buli daripada puncanya dan puncanya biasa bukan sahaja di dalam sekolah tetapi ada di luar sekolah, ada pengaruh *gangsterism*. Ini semua adalah di luar kawalan guru-guru dan sekolah. Adakah cadangan untuk mengadakan satu jawatankuasa melibatkan pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kalau juga untuk mengadakan jabatan agama supaya kita mengatasi masalah daripada puncanya dan mencegah dan bukan sehingga kejadian itu berlaku di mana mangsa sudah hilang wang atau tercedera dan juga kes di mana mereka telah meninggal dunia. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Selayang. Terima kasih juga Yang Berhormat Selayang kerana memberi kepujian kepada inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengatasi masalah buli dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun melaksanakan pelbagai kaedah untuk bukan sahaja mengurangkan, untuk wujudkan suasana sifar buli di kawasan sekolah. Kita bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan, contoh dalam program-program *Stand Together* contohnya dengan satu syarikat individu swasta yang bersama-sama dapat mewujudkan satu ruang

bersama rakyat Malaysia untuk *stand together* dengan izin, mewujudkan kadar sifar buli. Itu tanggungjawab.

Selain daripada itu Yang Berhormat, kepada Kementerian Pendidikan sendiri, kita telah mewujudkan NBOS. NBOS ini merupakan satu program yang diberi nama Remaja Wawasan yang mana kita bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia dan juga Angkatan Tentera Malaysia. Contoh, sekolah-sekolah yang berisiko dikenal pasti dan bila dikenal pasti, kita bekerjasama. Contohnya kita ada pegawai perhubungan khas yang memantau keselamatan sekolah. Ini di luar sekolah dan juga di dalam sekolah kerana kuasa Kementerian Pendidikan *very clear* dengan izin, dalam kawasan sekolah. Di luar kawasan sekolah, di sinilah ini wujudnya NBOS dengan PDRM, angkatan tentera.

#### ■1020

Saya merakamkan terima kasih kepada semua agensi-agensi kerajaan ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana mereka memang komited, mempunyai komitmen yang tinggi untuk melihat kewujudan satu suasana sifar buli di kawasan sekolah. Kita juga bekerjasama dengan mereka, bukan sahaja kementerian-kementerian ini, malah dengan Jabatan Kebajikan, kita wujudkan ruang-ruang bagaimana kita boleh ada program. Sekolah-sekolah juga mengadakan program spesifik apabila dikenal pasti pelajar-pelajar bermasalah ini sehingga guru-guru juga pergi melawat ke rumah-rumah ibu bapa untuk mengadakan sesi kaunseling.

So, kita pun tidak mahu bersedih ataupun berdukacita apabila perkara ini telah berlaku. Kementerian Pendidikan, guru-guru, di sini guru-guru melaksanakan tanggungjawab yang luar biasa. Bukan tanggungjawab mereka untuk pergi ke rumah seorang pelajar tetapi mereka juga pergi untuk membantu menyelesaikan masalah bagaimana dapat meringankan. Ini di antara tanggungjawab. Masalahnya Yang Berhormat, ini bukan sahaja masalah guru-guru ataupun agensi-agensi. Kalau hendak mendapat satu penyelesaian holistik, maka kita ada penglibatan guru-guru, ibu-bapa, komuniti dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat tempatan bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya apakah yang dimaksudkan dengan sekolah berisiko tinggi ini? Apakah langkah-langkah lain selain daripada pemasangan CCTV yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah-masalah disiplin di sekolah-sekolah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Rompin atas soalan secara spesifik menanya

definisi apabila saya mengatakan sekolah berisiko tinggi. Yang Berhormat, sekolah berisiko tinggi ini dalam kaedah pendefinisan Kementerian Pendidikan Malaysia ialah pertama, sekolah-sekolah yang berada tepi atau dekat-dekat dengan jalan yang besar. *Easy access to the school*, yang pertama. Kedua, dalam kawasan perumahan. Ketiga, kerap berlaku kes kecurian di kawasan tersebut, bukan semestinya dalam kawasan sekolah tetapi dalam kawasan-kawasan yang dekat sekolah. Ini merupakan definisi kita tentang sekolah-sekolah yang berisiko tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat, sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif untuk membendung gejala salah laku disiplin melibatkan murid sekolah bagi memastikan hasrat kemenjadian murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan juga intelek. Empat ini wajib. Ini akan mewujudkan satu keadaan satu situasi yang mana pelajar-pelajar ini komited dan menjadi kita akan dapat mewujudkan seorang pelajar yang berakhlak tinggi, itu harapan kita.

Pada masa Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melakukan pelbagai inisiatif. Bukan sahaja dari aspek program-program ini tetapi contoh, kita telah mengeluarkan surat pekeliling dan surat siaran, kempen-kempen diadakan, program sahsiah diwujudkan, persatuan dan kelab sukan, bimbingan, usaha-usaha pemulihan serta kerjasama dengan semua agensi, kita terbuka. Kementerian Pendidikan Malaysia terbuka dengan mana-mana agensi yang sudi bekerjasama dengan kita untuk bukan sahaja mengurangkan Tuan Yang di-Pertua, tetapi untuk mewujudkan keadaan sifar buli.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam program CCTV ini, saya hendak bagi satu bandingan sahaja. Tahun lalu, kes buli di sekolah-sekolah Yang Berhormat, maklumat yang ada pada saya. Pada tahun 2017, tahun lalu, 2,795. Setahun sebelum itu, 3,448. Dalam masa yang singkat kita telah berjaya mengurangkan tetapi di Kementerian Pendidikan, kita belum bergembira lagi. Kita tidak mendabik dada kata kita berjaya, tidak. Kita dalam proses memperoleh kejayaan. Kejayaan ini hanya boleh berlaku sekiranya ada seperti mana yang saya katakan tadi, kerjasama semua pihak. Kita percaya kita akan berjaya melaksanakan keadaan sifar buli dengan kerjasama semua pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Perdana Menteri menyatakan dasar kerajaan dan SOP dalam menghadapi masalah bencana alam seperti banjir, kebakaran, tanah runtuh dan lain-lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:**  
Terima kasih, soalan yang baik Tuan Yang di-Pertua. Dasar kerajaan dalam tindak balas



bencana adalah berdasarkan arahan MKN 20. Arahan ini menggariskan dasar dan mekanisme pengurusan bencana, terutamanya bencana darat secara menyeluruh, termasuk peranan dan tanggungjawab agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi penyelamat, badan-badan berkanun, pihak swasta dan juga badan-badan sukarela.

Dasar dan mekanisme pengurusan bencana ini meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlakunya suatu bencana supaya penggemblerangan sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran, konflik serta pertindihan peranan. Senarai Perintah Tetap Operasi (PTO) sedia ada ialah PTO Banjir, PTO Industri, PTO Jerebu, PTO Petrokimia, PTO Gempa Bumi, PTO Tsunami dan PTO Kemarau. PTO dan Garis Panduan Dalam Proses Pemurnian, PTO Bencana Nuklear dan Radiologi, PTO Bencana Tanah Runtuh, PTO Komunikasi Bencana, Garis Panduan Pusat Kawalan Operasi Bencana dan Pusat Kawalan Tempat Kejadian.

Walaupun MKN 20 jelas meliputi aspek pengurusan bencana bagi setiap kejadian bencana yang khusus, tatacara pengurusan bencana telah diperincikan dalam Perintah Tetap Operasi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara. PTO tersebut dikeluarkan dengan tujuan memberi garis panduan bertindak kepada jabatan, agensi terlibat dalam pengurusan bencana khusus tersebut supaya kaedah pengurusan bencana tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan sempurna.

Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, yang kita bagi perhatian sekarang ini ialah kepada awal, semasa dan juga selepas. Awalnya, termasuklah usaha-usaha pencegahan dan mengurangkan risiko banjir. Ini dalam masa yang sama, persediaan awal ini termasuklah persediaan tempat perpindahan, mengadakan simulasi dan juga lain-lain lagi penerangan diberikan kepada rakyat. Jadi, selepas itu kita semasa kejadian berlaku, mereka akan dipindahkan ke pusat-pusat perpindahan. Semasa pusat perpindahan, kita akan pastikan supaya mereka dapat makanan dan juga keselesaan di sana.

Selepas banjir, biasanya kita bagi bantuan, termasuklah bantuan mencuci rumah dan dalam keadaan yang kejadian bencana dan banjir besar, di mana kerosakannya berskala besar, kita juga akan bagi bantuan. Jadi, pada keseluruhannya, PTO yang sedia ada telah berjalan dengan lancar dan baik dan hampir seluruh negara kita lihat pengurusan bencana telah dibuat dengan baik. Kalau sekiranya ada di mana-mana kekurangan, kita perbaiki dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Memang dari segi dasar kerajaan memang mempunyai dasar untuk banteras bencana ini. Akan tetapi kalau kita melihat tiap-tiap tahun kalau di Sarawak, bencana yang sering berlaku ialah banjir dan kebakaran. Dalam awal tahun ini kita

melihat di sesetengah kawasan di Sarawak bencana banjir adalah amat teruk. Jadi, soalan saya di sini adalah sama ada kerajaan di peringkat daerah, di peringkat kampung-kampung mempunyai kelengkapan seperti tenaga dan tenaga kerja untuk menghadapi masalah ini?

Oleh sebab kalau kita melihat tiap-tiap kali bencana ini berlaku, yang jadi masalah ialah kawasan terpencil yang tidak ada jalan dan yang paling teruk adalah dari segi bekalan makanan dan bekalan ubat-ubatan, *accessibility* kepada klinik dan hospital. Ini adalah satu masalah yang amat ketara kalau kita lihat di Sarawak baru-baru ini, bukan sahaja masa banjir tetapi juga masa kebakaran. Inilah selalu menjadi pertanyaan sama ada kita ini mampu dari segi persediaan kita di peringkat yang terpencil? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali kita dari segi persediaan aset dan lain-lain lagi mencukupi. Bagi kawasan-kawasan yang terpencil, sekarang ini *forward base* iaitu penghantaran makanan ini bukan lagi dihantar kepada gudang-gudang besar tetapi kita hantar di peringkat daerah dan daerah boleh menghantar di peringkat komuniti. Contohnya, banjir yang berlaku baru-baru ini, sewajarnya makanan dihantar ke komuniti itu lebih awal sebab kita menjangkakan banjir berlaku sahaja tiap-tiap tahun di situ. Kita hantar makanan lebih awal dan dengan itu mereka tidak perlu berpindah keluar tetapi mereka boleh pindah di kawasan yang telah ditentukan di sana. Jadi, persediaan awal ini termasuk yang ini. Menyediakan makanan dan juga lain-lain lagi sebelum banjir.

#### ■1030

Apa yang dibuat oleh NADMA sekarang ini ialah memastikan supaya mereka berpindah sebelum banjir. Jadi kalau yang ini boleh dilakukan di semua tempat, ianya adalah yang terbaik. Yang paling penting sekarang ini, jawatankuasa pengurusan bencana peringkat daerah, mereka mesti mengenal pasti lebih awal tentang bencana yang dijangka berlaku dan mereka menghantar bekalan makanan dan mengarahkan supaya perpindahan dibuat sebelum banjir. Jadi kita akan dapat mengurangkan risiko kerosakan harta benda ataupun nyawa. Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah SOP ataupun penambahbaikan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan keselesaan terutama mangsa-mangsa banjir di pusat perpindahan yang melibatkan warga emas, OKU dan golongan ibu yang baru bersalin? Kita lihat sekarang ini apabila pusat penempatan ini diletak di sekolah-sekolah, sebenarnya ia amat tidak menyelesaikan terutama kepada golongan yang memerlukan suasana yang khusus seperti keperluan bilik air yang dekat dan katil yang mudah mereka bergerak. Jadi mungkin perkara ini akan dipertimbangkan. Jadi,

apakah perancangan pihak kerajaan untuk memastikan penambahbaikan di pusat-pusat pemindahan ini agar lebih baik untuk masa akan datang? Minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, di semua pusat perpindahan kita ada klinik sementara di mana kita sediakan katil untuk mereka yang tidak sihat termasuk juga ibu bersalin dan sebagainya. Jadi yang pentingnya ialah katil dan tempat bilik darjah yang lebih selesa untuk mereka.

Kita kata kita nak sediakan di tempat lain. Mereka hanya boleh berpindah di situ sahaja. Jadi yang paling penting sekarang ini, menyediakan kemudahan di sekolah tersebut. Itu sebab macam sekolah-sekolah di Kelantan ini banyak yang telah kita bina bilik air tambahan, bilik mandi dan juga kantin untuk membolehkan mangsa banjir mendapat keselesaan.

Yang Berhormat, pada keseluruhannya saya nak bagi tahu kepada semua orang bahawa pengurusan banjir sekarang ini dibuat di tahap yang cukup baik. Malah banjir di Kelantan, tiap-tiap kali banjir, saya sampai di Kelantan sebelum banjir termasuk Rantau Panjang. Jadi saya ingat saya mengetahui pergerakan yang berlaku di sana dan memastikan supaya mangsa banjir yang OKU, warga emas, orang bersalin dan sebagainya— orang bersalin tak berapa ramai sangat tetapi kita bagi perhatian yang sebaiknya. Terima kasih.

**4. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]** minta Perdana Menteri menyatakan;

- (a) Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) boleh mewujudkan suatu tribunal untuk menangani dan menyelesaikan segala pertikaian antara syarikat *e-hailing* dengan pemandunya; dan
- (b) senarai skim bantuan dan kebajikan buat pemandu teksi yang diusahakan oleh kerajaan dan kesannya kepada kesemua pemandu teksi berdaftar.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini SPAD tiada cadangan untuk mewujudkan tribunal bagi menangani dan menyelesaikan pertikaian antara syarikat *e-hailing* dan pemandu-pemandu *e-hailing*. Ini adalah kerana terdapat satu bahagian di SPAD yang dikenali sebagai *Complaint Management Department* dengan izin, ataupun CMD yang menguruskan semua aduan dan isu-isu yang berkaitan. Semua aduan dan isu yang diajukan dan dimaklumkan kepada CMD ini akan

ditangani secara pentadbiran dan, dengan izin, *case to case basis* atau diberi maklum balas berdasarkan isu yang ditimbulkan.

Walau bagaimanapun, SPAD mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan satu tribunal dan akan diberi pertimbangan jika perlu pada masa akan datang. Ingin juga saya nyatakan di sini, Yang Berhormat, kalau ada apa-apa pun isu, saya dan juga SPAD sendiri sering kali mengadakan *engagement*, dengan izin, dengan pemandu-pemandu teksi dan persatuan-persatuan yang ada.

Menyentuh mengenai kebajikan pemandu teksi pula, di bawah Pelan Transformasi Industri Teksi (TITP) yang telah diluluskan oleh Kabinet pada Ogos 2016, beberapa langkah telah dicadangkan bagi menambah baik pendapatan dan kebajikan pemandu-pemandu teksi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga di Dewan ini, *lab* telah dianjurkan oleh SPAD pada bulan Disember 2015 yang dihadiri oleh ahli-ahli persatuan dan juga wakil-wakil daripada persatuan teksi sehingga lahirnya TITP ini.

Langkah-langkah ini sedang dilaksanakan secara berperingkat. Di antara langkah-langkah yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan adalah pemberian lesen individu dan geran tunai kerajaan bagi pemandu teksi dan kereta sewa yang telah tamat kontrak dalam sistem pajak. Kebanyakan aduan yang telah kita terima ialah mereka ini adalah nak keluar daripada sistem pajak. Jadi ini kita atasi. Dan maklum balas ini adalah daripada pemandu teksi sendiri. Pemberian lesen individu hanya diberikan kepada pemohon-pemohon yang layak dan tertakluk kepada kriteria kelayakan seperti warganegara Malaysia dan termasuk bersih daripada rekod jenayah dan kesalahan di bawah SPAD dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Semasa Bajet 2017, kerajaan melalui SPAD menawarkan geran tunai berjumlah RM5,000 sebagai subsidi kos pembelian kenderaan baharu kepada pemandu teksi yang berhasrat untuk keluar daripada sistem pajak kepada permit individu. Pada Bajet 2018 pula, kerajaan juga melalui SPAD memperuntukkan geran RM5,000 untuk pemandu teksi yang bertukar kepada perkhidmatan *e-hailing* yang ingin membeli kenderaan yang baru.

Kedua, kita juga membuka pilihan model dan jenama kenderaan bagi kegunaan kelas lesen teksi. Semua jenama kenderaan dan model yang mencapai penarafan keselamatan tiga bintang di bawah Program Penilaian Kereta Baharu ASEAN (NCAP) atau setaraf telah diluluskan. Ini akan membantu mempercepatkan proses penggantian kenderaan yang lama dan lebih penting lagi akan mengurangkan kos bagi pemandu teksi dan pengusaha.

Ketiga, membenarkan penggunaan kadar tambang dinamik bagi teksi bermeter, kereta sewa dan teksi mewah yang menggunakan aplikasi *e-hailing*. Pemandu teksi

bermeter, kereta sewa dan teksi mewah akan mempunyai pilihan untuk mengambil penumpang di bahu jalan dan melalui tempahan *e-hailing*, mereka juga diberi peluang untuk menggunakan struktur tambang dinamik yang membolehkan mereka mengenakan tambang berdasarkan aplikasi *e-hailing*.

Selain daripada itu juga, untuk kebajikan mereka, kerajaan juga melalui PERKESO juga telah memperkenalkan skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri yang telah diluluskan untuk pemandu teksi yang bekerja sendiri atau individu yang menjalankan perkhidmatan seumpama bagi memberi perlindungan daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit pekerja, pekerjaan dan kemalangan semasa menjalankan aktiviti kerja. Sehingga Februari 2018, seramai sembilan pencarum dan merupakan pemandu teksi telah menerima bayaran faedah daripada skim ini sejak ia diperkenalkan. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Saya hanya ingin menanyakan sebagai soalan susulan ya.

Awal Mac ini kita dikejutkan dengan monopoli atau pengambilalihan Uber oleh Grab Car di Asia Tenggara dan saya difahamkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sedang melakukan siasatan untuk memastikan tidak ada monopoli yang merugikan pengguna. Memandangkan kerajaan mempromosi dan menganjurkan supaya pemandu teksi juga beralih kepada sistem *e-hailing*, soalan susulan saya berkait dengan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan sekiranya Grab cuba menambah tambang? Saya tahu Yang Berhormat Menteri menjalankan perbincangan dengan mereka tetapi apakah langkah-langkah mengikat daripada segi undang-undang yang mampu diambil supaya tidak ada salah guna ataupun monopoli berlebihan oleh Grab? Itu satu.

Keduanya, apakah sebab utama kenapa pemandu teksi yang mungkin cuba mendapat penggunaan geran sebanyak RM5,000 itu yang diperuntukkan oleh kerajaan ditolak dan apakah langkah-langkah susulan untuk membantu mereka yang mungkin tidak tersenarai? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat sendiri maklum bahawa saya sendiri telah mengadakan perbincangan dengan pihak Grab pada 26 hari bulan yang lepas untuk mendengar daripada mereka sendiri dan juga saya memberi, bukan juga dikatakan memberi jaminan tetapi mereka telah menjaminkan kepada kita supaya tidak ada sebarang kenaikan harga ataupun *unfair* daripada segi harganya.

**■1040**

Kalau berlaku itu, saya telah memberi penekanan kepada pihak Grab, kalau berlaku satu diskriminasi daripada segi harga ataupun memonopolikan harga, mengambil peluang ini daripada keadaan yang berlaku, maka kita akan mengambil tindakan melalui *Malaysian Competition Act*. Ini kita bekerjasama dengan MCCC dan seperti yang dikatakan, mereka memantau, kami juga memantau. Kami tidak mahu ini akan menjejaskan peluang untuk mereka yang mengambil, *taxi drivers* ataupun pemandu *e-hailing*, dengan izin akan terjejas. Sebab ini adalah satu usaha untuk kita menggalakkan pemandu teksi yang sedia ada untuk *convert*, berhijrah kepada sistem *e-hailing*.

Yang Berhormat tadi menyentuh mengenai kenapa mereka ada yang ditolak daripada mendapatkan geran. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kalau terkini, SPAD telah meluluskan 2,493 lesen individu daripada yang tukar daripada pajak kepada individu dan daripada bilangan ini ada 638 geran tunai kerajaan sehingga 20 Mac yang telah kita berikan. Ada yang ditolak sebab tidak cukup kelayakan seperti misalnya bukan berada di bawah syarikat, tiada kontrak, kedua, kurang tiga tahun daripada segi pengalamannya. Dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita mengusahakan cara untuk membantu mereka sebab ada antara mereka tidak layak kerana daripada segi umurnya tidak dapat— sebab mereka perlu juga mengadakan pinjaman.

Akan tetapi kita cuba membincangkan lagi ada syarikat-syarikat yang mengusahakan dan kita menggalakkan usaha ini usaha sama di antara syarikat dengan pihak— bila saya mengatakan syarikat ialah syarikat yang menjualkan kenderaannya bersama dengan pihak *finance companies*, dengan izin untuk berbincang, untuk mencari jalan yang paling mudah untuk membantu. Kita telah memikirkan beberapa cara misalnya mungkin anaknya boleh menolong ataupun mungkin ada yang boleh membantu pemandu teksi ini untuk membenarkan mereka menggunakan nama dan ada lagi cara lain untuk kita bincangkan bersama sebab kita juga hendak menggalakkan supaya mereka dapat melayakkan diri menggunakan geran ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Menteri, pertamanya tahniah kerana *e-hailing* ini satu kerangka yang baru, bukan sahaja untuk teksi kemudian kalau berjaya, boleh buat untuk *air-cond*, *service pipe* dan macam-macam. Jadi, ini selaras dengan kita menuju negara *economy digital* dan akan membantu banyak, merendahkan kos sara hidup di masa depan.

Saya hendak tanya Menteri, di samping itu transformasi itu telah mengurangkan, tarik teksi keluar daripada pajak, bantu kerajaan, beri dinamik punya *rate*. Di samping itu saya difahamkan daripada 40,000 lebih teksi, 14,000 lebih sudah berdaftar dengan *e-*

*hailing*. Ini satu perkembangan yang amat baik. Saya ucapkan tahniah kerana makna dulu saya ingat tahun lepas Tuan Yang di-Pertua, tetapi 14,000 sudah berdaftar. Ini satu petanda baik. Makna rakyat memahami, sudah mula *embracing* atau menerima ini sebagai satu perubahan yang positif.

Cuma saya hendak tanya pada Menteri, saya ada cakap tahun lepas, kalau boleh *rate* pemandu teksi ini dengan *e-hailing* ini ada yang 15 peratus, ada 20 peratus, adakah agaknya bercadang untuk memberi diskaun kepada mereka kerana kosnya lebih tinggi. Masih tinggi dibandingkan dengan peserta-peserta *e-hailing* yang lain? Terima kasih.

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mungkin kebanyakan daripada pemandu teksi atau persatuan tidak memahami. Kerajaan hanya memberi *ceiling rate*, dengan izin, dia memberi *ceiling rate*. Misalnya *flat fall* dia RM10. Kalau pemandu teksi ini merasakan mereka hendak turunkan, tidak ada masalah. Kita tidak akan menghalang mereka. Kita cuma tidak mahu mereka memberi harga yang begitu tinggi sekali, tinggi daripada *ceiling rate* itu. Memang ini salah satu daripada soalan yang FAQ lah dikatakan, *frequently asked question* mana-mana saya pergi. Semalam saya pun berada di Sabah pun begitu juga. Ini bermakna mereka masih belum memahaminya.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat, bertanya di dalam Dewan supaya saya boleh menjelaskan ini. Pertama sekali *rate* ataupun kadar yang dikenakan oleh kerajaan bukanlah satu kemestian. Cuma kerajaan hanya hendak mengawal supaya mereka tidak mengenakan kadar yang lebih tinggi daripada apa yang telah kita kenakan. Kalau mereka hendak turunkan sama seperti *e-hailing*, itu terpulang kepada mereka.

Kedua, kalau mereka merasa mereka hendak suruh *e-hailing* pula macam Grab ini supaya samakan harga, sama minta supaya persatuan ini berbincang juga bersama dengan pihak Grab. Ini kerana saya percaya ada lagi yang lain yang dikenakan Grab, yang tidak diketahui oleh pihak pemandu teksi yang biasa ini. Jadi kami sentiasa membantu dan bekerjasama. Kalau memerlukan kehadiran kami dalam perbincangan, *insya-Allah*, kami akan bersama dengan pihak yang memerlukan. Terima kasih.

**5. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan adakah kementerian akan membuat analisis kepentingan negara untuk 'One Belt One Road Initiative' dan apakah mekanisme dasar telah dilaksanakan untuk merealisasikan inisiatif ini dan memastikan rakyat dapat menikmati manfaat tersebut.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai.

Sebagai latar belakang, inisiatif BRL ataupun *One Belt One Road Initiative* ini diperkenalkan oleh Presiden Xi Jinping, pada tahun 2013. Kita sedia maklum bahawa hubungan ekonomi dan politik kita ini pada peringkat awal kemerdekaan dan sebelum kemerdekaan agak rapat dengan negara Barat, pada mulanya United Kingdom. Selepas itu tahun 60-an, 70-an kita rapat dengan negara Barat.

Selepas itu tahun 80-an kita mula rapat pula dengan negara Jepun dan Korea Selatan dan akhir-akhir ini ASEAN merupakan satu kawasan yang amat penting bagi kita. Dalam tempoh empat atau lima tahun ini pula, khususnya selepas dirayakan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia dengan China pada tahun 2014, hubungan Malaysia–China semakin rapat dan apabila diperkenalkan dasar *One Belt One Road Initiative*, Malaysia adalah salah sebuah negara yang paling kuat menyokong dasar ini.

Kenapa kita sokong dasar ini? Pertama, negara China adalah sebuah negara besar, penduduk yang paling besar di dunia, saiz ekonominya yang kedua di dunia selepas Amerika Syarikat, saiznya 10 trilion dolar Amerika, mengalami kadar pertumbuhan yang tertinggi selama 20 tahun memegang rekod, mencapai kadar pertumbuhan yang tertinggi di dunia selama 20 tahun, akhir-akhir ini mungkin telah didahului oleh India. Akan tetapi selama 20 tahun, China merupakan sebuah negara yang berjaya.

China juga mempunyai beberapa syarikat yang besar dalam bidang teknologi umpamanya, Alibaba syarikat yang terbesar dalam bidang *e-commerce*, Huawei, yang telah menubuhkan *operational headquarters* di Malaysia, dengan izin yang memberi perkhidmatan kepada 100 buah negara. Jadi syarikat Huawei di Malaysia ini memberi perkhidmatan kepada 100 buah negara dalam bidang *marketing*, dalam bidang *technical support*, dengan izin. Jadi ini antara contoh syarikat-syarikat negara China yang hebat. Oleh itu, adalah wajar Malaysia menjalin hubungan yang lebih baik dengan negara China dan berikut ialah beberapa faedah yang kita peroleh daripada hubungan baik tersebut.

Sebelum itu Yang Berhormat juga bertanya apakah mekanisme cara kita melaksanakan dasar ini. Kita telah tubuhkan sebuah sekretariat di MITI pada bulan Julai 2017. Tujuan penubuhan sekretariat tersebut adalah untuk memantau semua perjanjian dan juga MoU yang ditandatangani antara Malaysia dengan negara China. Sekretariat ini telah pun berfungsi dan memantau kedudukan pelaburan, perdagangan dan infrastruktur yang lain daripada semasa ke semasa dan melaporkan kepada kerajaan kerana hubungan Malaysia – China ini cukup penting.



Berikut adalah antara faedah bagi rakyat Malaysia: Pertama, daripada segi perdagangan. Negara China merupakan rakan dagang yang terbesar bagi Malaysia tahun lepas. Perdagangan dengan China berkembang pada kadar 20.6 peratus, eksport kita meningkat 28 peratus tahun lepas. Jumlah perdagangan ialah RM291 bilion. Jadi China nombor satu, termasuklah kelapa sawit, getah. Perdana Menteri ada maklumkan dua atau tiga hari lepas bahawa kalaulah kita berkelahi dengan China umpamanya, apa akan menimpa, nasib apa yang akan menimpa peneroka FELDA kerana ia akan menjejaskan industri kelapa sawit, ini contoh;

Kedua, daripada segi pelaburan pula, setakat ini negara China nombor 11, bukan nombor satu atau nombor tiga, nombor 11 daripada segi pelaburan asing. Jadi, pelabur asing yang ke-11 terbesar di Malaysia.

#### ■1050

Jumlah pelaburan setakat ini RM14.6 bilion, itu dari segi pelaburan *tourism*, pelancongan. Tahun lepas 2.12 juta pelancong, antara bilangan yang terbesar yang diterima oleh Malaysia.

Dari segi infra, Pelabuhan Kuantan umpamanya mendapat penyertaan 40 peratus daripada Syarikat Beibu Gulf dan dari segi infra juga ECRL RM55 juta kena dibelanjakan, 85 peratus daripada pembiayaan daripada negara China.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu projek dengan izin, *game changer* akan mengubah landskap ekonomi Pantai Timur khususnya Kelantan, Terengganu dan Pahang. Inilah antara faedah-faedah yang diperoleh oleh rakyat Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendapat faedah yang besar daripada hubungan yang baik dengan negara China. Negara China nombor dua terbesar di dunia dan negara China juga mempunyai teknologi yang hebat. Negara China melabur di seluruh dunia. Negara China mempunyai modal yang cukup besar, maka semua negara di dunia telah menjalankan usaha bagi menarik pelaburan dan hubungan ekonomi yang rapat dengan China. Oleh itu dasar Malaysia tepat.

Oleh yang demikian kita amat bimbang dengan janji ataupun manifesto Pakatan Harapan yang menyatakan bahawa semua projek mega daripada negara China akan dikaji semula. Kita yakin Pakatan Harapan tidak akan memerintah negara ini. Akan tetapi jika itu dilakukan, dia hendak kaji semula pelaburan Alliance Steel di Kuantan, hendak kaji semula Pelabuhan Kuantan, hendak kaji semula pelaburan dalam solar di Melaka, Pulau Pinang dan di Sarawak umpamanya, ini akan menjejaskan hubungan negara kita dan negara China, menjejaskan harga kelapa sawit, getah dan menjejaskan pelaburan perdagangan itu. Oleh itu Kerajaan Barisan Nasional akan tetap memupuk hubungan yang baik dengan negara China kerana ia telah mendatangkan banyak faedah untuk

negara kita termasuklah untuk mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan peluang-peluang pekerjaan.

Umpamanya Alibaba, *digital free trade zone* dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 3 November yang lalu, 2,072 syarikat sudah disenaraikan dan syarikat-syarikat ini ada antaranya telah berjaya untuk mengeksport bukan sahaja ke negara China tetapi seluruh dunia. Terima kasih.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya kepada kementerian adalah, sektor ekonomi manakah yang menjadi tumpuan pihak kementerian dalam inisiatif *One Belt One Road* ini? Bagaimanakah kementerian memastikan dan berkomunikasi kepada rakyat biasa terutamanya golongan B40 dan M40 inisiatif *One Belt One Road* ini dapat secara langsung memberi manfaat ekonomi kepada mereka.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai komunikasi ini penting. Kita tahu bahawa ada beberapa pihak umpamanya bekas Perdana Menteri ada menuduh bahawa projek Forest City akan ada 70,000 orang China, akan tinggal di sana dan diberi kewarganegaraan Malaysia, maka fakta ini telah diselewengkan. Maka komunikasi ini penting. Saya setuju Yang Berhormat bahawa komunikasi hendaklah kita tingkatkan lagi termasuklah B40, rakyat memahami. Umpamanya pelancongan 2.12 juta pelancong China tahun lepas umpamanya datang ke Malaysia.

*Driver* teksi, operator yang mengusahakan restoran, hotel-hotel tiga, empat dan lima bintang, pulau-pulau Langkawi dan lain-lain semua mendapat manfaat termasuklah kepada B40 mendapat peluang pekerjaan bagi anak-anak mereka. Jadi saya yakin kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan komunikasi ini. Apa pun kita bersyukur kerana diayah pembangkang tidak diterima oleh rakyat kebanyakan. Ada seorang dua, sekerat dua yang mengiakan dakwaan fitnah pembangkang. Kebanyakan rakyat Malaysia mengetahui bahawa hubungan antara Malaysia dan China melalui *One Belt One Road* dan lain-lain program projek ini telah mendatangkan banyak faedah kepada kita termasuklah memberi peluang pekerjaan kepada orang miskin di seluruh negara.

Umpamanya projek Alliance Steel di Kuantan, ada empat hingga lima ribu peluang pekerjaan di Kuantan. Projek Forest City juga di Johor. Yang Berhormat sedia maklum Tanjong Piai jiran kepada Forest City. Sedia maklum bagaimana ia telah mewujudkan peluang pekerjaan. Projek-projek solar di Sarawak, Melaka dan Pulau Pinang begitulah keadaannya.

Keduanya berkaitan sektor-sektor yang diberi tumpuan. Sudah pasti pelaburan adalah penting. Sebenarnya negara China ini kita memberi tumpuan kepada hampir kesemua sektor iaitu pelaburan, perdagangan, pelancongan, infrastruktur kerana China

mempunyai kemampuan yang hebat dalam teknologi dan mempunyai modal yang besar yang mampu dilaburkan dalam pelbagai bidang. Oleh itu umpamanya tahun ini kita telah buat keputusan untuk menyertai tiga pameran pelaburan di negara China yang berkaitan dengan *One Belt One Road*, inisiatif ini.

Satu ialah di Xian, satu di Nanning dan satu lagi Shanghai. Ini adalah semuanya berkaitan dengan usaha China untuk mempromosikan lagi *One Belt One Road*. Negara China telah juga memberi jaminan bahawa ia akan meningkatkan import daripada negara-negara seluruh dunia sebanyak RM8 Trilion. Maka syarikat-syarikat Malaysia harus mengambil faedah ataupun mengambil peluang daripada usaha China untuk menambah pembelian barangan seluruh dunia RM8 trilion dalam tempoh dua, tiga tahun akan datang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apakah kesukaran dan cara mengatasinya?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, kesukaran...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Apakah kesukaran, masalah yang dihadapi dan cara untuk mengatasinya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *One Belt One Road*.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tidak berapa jelas ya. Jadi tidak ada kesukaran. Kita ada sedikit sebanyak tentangan peringkat awal, sekarang ini sudah terima. Pertamanya Malaysia merupakan negara yang paling kuat, antara negara yang paling kuat menyokong inisiatif ini. Kita tidak ada masalah besar, kita terus jalankan usaha promosi. Kita ada duta di Beijing. Kita ada pejabat-pejabat MIDA, MATRADE di beberapa kota besar negara China, *tourism* juga Malaysia ada pejabat-pejabat. Maka dengan usaha-usaha promosi ini kita tidak menghadapi sebarang kesukaran malah kita telah diminta supaya Malaysia meningkatkan lagi usaha-usaha mempromosikan Malaysia di negara China. Semuanya berjalan dengan lancar dan baik, *insya-Allah*.

**6. Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah status terkini Kolej Islam Malaya (KIM) yang telah berhenti operasinya pada tahun 1970. Senaraikan aset yang dimiliki dan siapa yang menguruskan aset tersebut sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Kolej Islam Malaya ataupun ringkasnya disebut sebagai KIM yang ditubuhkan pada tahun 1955 merupakan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang pertama di negara ini. Penubuhannya adalah bersumberkan sumbangan

daripada pelbagai pihak termasuk tapak Istana Jemaah Klang yang diwakafkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada ketika itu.

Pada tahun 1970 operasi KIM telah ditangguhkan bagi memberi laluan kepada penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada masa ini KIM telah diaktifkan semula dan beroperasi di atas nama Universiti Islam Malaysia ataupun ringkasnya UIM sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja Ke-222 pada 22 Oktober 2010. Berdasarkan keputusan tersebut juga Universiti Islam Malaysia telah didaftarkan sebagai universiti swasta di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 14 Januari 2014. Berhubung dengan aset-aset KIM, pada ketika ini diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah Kolej Islam Malaya ataupun ringkasnya LAKIM dan sebahagiannya di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Selangor ataupun MAIS. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebagaimana yang kita maklum bahawasanya Kolej Islam Malaya ini banyak melahirkan tokoh-tokoh ulama yang terkemuka kerana sijilnya itu telah pun diiktiraf sehinggakan boleh menyambung sampai ke peringkat *master* daripada keluaran Kolej Islam Malaya itu.

Persoalan saya ialah bagaimana status pengurusan aset Kolej Islam Malaya ini dibayangkan, digambarkan hampir dekat dengan RM2 bilion tetapi ke mana pula keuntungan yang dibelanjakan?

■1100

Ini kerana aset Kolej Islam Malaya ini ialah statusnya kebanyakan hasil daripada wakaf, maka sudah tentu di mana keuntungan sama ada diuruskan oleh lembaga pengurusan atau wakaf. Jadi, keuntungannya itu ke mana dibelanjakan? Apabila tertubuhnya Universiti Islam Malaysia, maka sudah tentu ada satu inisiatif supaya wang yang dianggap sebagai wakaf khusus untuk Kolej Islam Malaya ini dipindahkan kepada Universiti Islam Malaysia. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang atas satu pandangan dan juga saranan yang begitu baik disampaikan. Sebagaimana yang telah saya perjelaskan sebentar tadi, penubuhan KIM ataupun Kolej Islam Malaya— bahkan saya fikir Yang Berhormat pun adalah salah seorang daripada keluaran KIM (Kolej Islam Malaya) pada masa dahulu, yang telah melahirkan ramai daripada kalangan-kalangan pimpinan-pimpinan di peringkat negara, bahkan pentadbir-pentadbir yang ada kaitan dengan agama, bahkan bidang-bidang profesional yang bukan agama juga dilahirkan melalui KIM sebagaimana saya sebutkan. Sebagaimana yang saya jelaskan juga bahawa ia terhenti pada 1970 dan kemudian disambung balik perjalanan KIM dengan melalui penubuhan apa yang kita namakan

dengan penubuhan Universiti Islam Malaysia. Ini hakikatnya Universiti Islam Malaysia sedang berjalan pada masa sekarang dan telah pun beroperasi.

Cuma persoalan Yang Berhormat Bukit Gantang sebutkan tadi, bagaimana pula dengan harta-harta wakaf yang telah pun diberikan ataupun yang telah disumbangkan secara wakaf sebelum daripada ini. Ini yang saya katakan tadi, di sudut perjalanan universiti, telah pun berjalan. Tentunya bila universiti hendak berjalan, dia perlukan dana yang begitu kuat atas nama universiti, apatah lagi Universiti Islam Malaysia ini dia beroperasi atas model yang agak berbeza daripada universiti-universiti lain.

Selain daripada dia universiti swasta yang berdiri di atas kaki sendiri dengan kesinambungan KIM, dia juga memperkenalkan kursus-kursus yang *postgraduate*. Maknanya dia memulakan sesi pengajian pada bidang ataupun peringkat *master* untuk *undergraduate* ataupun untuk mereka yang *degree* ini tidak diperkenalkan di peringkat Universiti Islam Malaysia. Maka dia memerlukan dana yang besar, saya sebutkan tadi yang sebagaimana Yang Berhormat katakan.

Saya amat bersetuju bahawa perlu dana-dana yang datang daripada KIM terdahulu. Ini di atas nasihat daripada pihak Tuanku Selangor dan juga atas nasihat Majlis Agama Islam Selangor. Rundingan masih lagi dijalankan dan buat masa sekarang, wang ini diuruskan oleh lembaga yang telah saya sebutkan ialah LAKIM iaitu pemegang amanah kolej Islam terdahulu. Mereka masih lagi menjaga dan melihat amanah ini sebagai jagaan mereka. Cuma proses untuk tujuan diurus selia balik oleh Universiti Islam Malaysia ini masih lagi berjalan.

Cuma yang terbaik Yang Berhormat, 21 Mac yang lalu, satu perbincangan di peringkat Kabinet dan Kabinet mengambil perhatian ini adalah merupakan universiti yang ditubuhkan melalui Majlis Raja-Raja, jadi akan ada kesinambungan perbincangan dan kertas yang akan dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja untuk supaya memberikan cadangan supaya penurunan kuasa bagi pengurusan yang berlaku di peringkat LAKIM tadi diserahkan kepada peringkat Universiti Islam Malaysia yang ditubuhkan. Saya fikir kalau sekiranya perkara di peringkat ini dapat diselesaikan untuk mendapat perkenan Majlis Raja-Raja bagi tujuan pengurusan wang-wang wakaf yang sedang diseliatkan oleh LAKIM, maka UIM akan mampu menguruskan dan berdiri secara sendiri. Sebagaimana Yang Berhormat kata jumlah kewangan, itu saya tidak pasti banyak mana, tetapi adalah jumlah yang begitu besar. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selepas penutupan Kolej Islam Malaya ini, sebuah kampus Universiti Islam Malaysia yang berkeluasan 100 ekar yang terletak di Cyberjaya telah menjadi kesinambungan untuk penerusan pembelajaran berkaitan dengan Islam di kolej Islam ini. Kita tahu kerajaan

begitu komited untuk meneruskan usaha-usaha memberikan pengajaran dan juga pengajian berkaitan dengan agama Islam terutamanya di universiti-universiti tempatan dan juga kolej-kolej universiti.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah kerjasama di antara JAKIM dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi dalam meningkatkan taraf-taraf universiti dan juga kolej-kolej universiti berteraskan Islam di negara kita ini? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang. Saya cuba memahami maksud soalan yang telah diberikan. Memang sebagaimana yang dikatakan tadi, selepas daripada penutupan KIM tahun 1970 yang lalu dengan pada waktu itu memberikan laluan kepada penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia pada saat dan ketika yang sama. Maka, wang-wang yang telah diuruskan daripada harta-harta wakaf telah pun diserahkan kepada satu lembaga yang dilantik iaitu Lembaga Amanah Kolej Islam Malaya (LAKIM).

Sehubungan yang sama juga sebagaimana yang Yang Berhormat katakan, sejauh mana JAKIM berperanan bersama-sama dengan KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi) untuk mempertingkatkan usaha-usaha ke arah untuk pendidikan Agama Islam ini diperkembangkan dalam konteks negara, saya fikir sejauh daripada selepas penerokaan perjalanan KIM (Kolej Islam Malaya) yang telah banyak melahirkan graduan-graduan dan juga cendekiawan pemikir yang ada latar belakang agama. Akan tetapi pada hari ini kalau dilihat secara tuntas bagaimana kita melihat bahawa kerajaan mengorak langkah ke hadapan, bukan hanya sekadar terhad di universiti KIM sahaja yang kesinambungannya ialah UKM dengan Fakulti Islam, di Universiti Malaya juga tumbuh apa yang dinamakan dengan Akademi Islam. Hari ini kita ada USIM. Hari ini kita ada juga dengan Universiti Islam Antarabangsa. Hari ini kita ada banyak bidang-bidang pengajian universiti-universiti Islam, Terengganu yang kita melihat UniSZA.

Banyak lagi universiti yang telah lahir daripada usaha-usaha yang secara kita sedari ataupun tidak, secara langsung ataupun tidak ialah ke arah untuk memperkukuhkan pengajian dan pendidikan agama. Bahkan Yang Berhormat, untuk saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, dalam bidang-bidang bukan hanya pengajian yang bersifat din (keagamaan) ini, tetapi termasuk hafiz dan sebagainya yang dilahirkan melalui di atas nama universiti-universiti yang pelbagai. Dahulu mungkin kita lihat di UiTM, dia hanya lebih banyak berlatarbelakangkan akademik yang bersifat melahirkan graduan-graduan yang bidang semata-mata akademik, tetapi hari ini universiti yang seperti ini juga menawarkan bidang-bidang yang berkaitan dengan keagamaan.

Ini sebagaimana juga dahulu kalau kita tengok yang menghasilkan produk perbankan Islam ialah Bank Islam. Akan tetapi hari ini bukan Bank Islam semata-mata,

bahkan banyak lagi bank yang lain yang ada di Malaysia beroperasi tidak lengkap kalau sekiranya mereka tidak memperkenalkan produk perbankan ataupun yang berteraskan kepada syariah. So, itulah usaha yang sama ada kita sedari dan tidak disedari yang ditekuni oleh pihak kerajaan dengan dukungan yang sungguh-sungguh secara sedari dan tidak kita sedari ia telah mencambahkan kekuatan untuk mengangkat martabat agama dan memperkenalkan agama Islam sebagai agama yang *[Berucap dalam bahasa Arab]*, agama untuk kehidupan dalam pengajaran manusia. Terima kasih.

**7. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai/ Pengkalan Rejab/ Sungai Poyan fasa 2 akan siap setelah 2 kontraktor penyelamat pun tidak dapat menyiapkan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Limbang. Untuk makluman Yang Berhormat Limbang, Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Buangabai/ Pengkalan Rejab/ Sungai Poyan fasa 2 yang telah ditamatkan kontraknya dengan kontraktor asalnya, hanya dilantik subkontraktor penyelamat sahaja. Status terkini pelaksanaan projek ini adalah 68.58 peratus berbanding 100 peratus.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, *termination review team* JKR Sarawak telah membuat lawatan pada 23 Mac 2018 bagi menilai projek tersebut.

■1110

Hasil daripada lawatan itu TRT, JKR Sarawak ingin mencadangkan supaya kontrak di tamatkan memandangkan kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja sebagaimana yang telah ditetapkan. Bagi kerja yang masih belum dilaksanakan adalah kerja-kerja penurapan jalan sepanjang 3 kilometer dengan anggaran kos berjumlah RM2 juta. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Barangkalilah Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ini selalu melawatlah ke sana. Apa yang saya saksikan, jalan ini sudah terbenkakai. *Where everybody-* saya bangkit dalam ucapan Titah Duli Tuanku hari itu. Banyak kerja yang saya perhatikan, *premix* baru satu *layer* tak sampai hujung. Tanah runtuh di sebelah bukit belum lagi *clear*, banyak yang sebenarnya

saya- mungkin *review team* itu ada melawat lah ya. Hari itu saya ada dengar daripada JKR, mungkin penyelamat itu hendak di *terminate*.

*So, after this review* kata *they want to give until June* lah kan. Saya difahamkan dalam jawapan daripada Menteri. Hari itu semasa bahas Titah Duli Tuankulah, dia kata akan dipanjangkan, Jun. Okey, saya menaruh harapan, rakyat menaruh harapanlah agar ianya disiapkan *by Jun, then*. Apa caranya, *well the rakyat want to see* lah, Jun. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah ada berangkai sedikit ini Tuan Yang di-Pertua, iaitu apakah sebenarnya isu dan permasalahan dengan projek ini? Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Sekarang ini saya nampak fasa keempat punya *signboard* sudah terpacak di hujung jalan fasa ini, sudah terpacak. Ertinya, *awarded already, it is another different contractor* lah. *So, already-* ini sudah mula ini, memang sudah mula hendak nampak.

Jadi, saya setelah melalui pengalaman ini Timbalan Menteri, *I'm very sorry to say this that* rakyat biasalah tertanya-tanya, dengan izin, saya secara peribadi *it seems like that we choose a wrong contractor to do the fasa kedua*. *So*, apakah langkah-langkah daripada pihak kementerian *as the owner of the project for the rakyat? We know that the work implementation supervision is by JKR Sarawak*. Akan tetapi apakah langkah seterusnya daripada kementerian setelah melalui pengalaman ini untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang untuk fasa kedua? Oleh sebab fasa kedua ini *work scopenya* lagilah, ada dua buah jambatan lagi, *all these things*. *So*, apakah langkah-langkah daripada kementerian untuk fasa 4? *What is the real issues behind the delay of fasa kedua?* Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat ini memanglah tahu sangat berkenaan dengan projek ini sebab Yang Berhormat adalah seorang wakil rakyat yang rajin. Isu ini sejak tahun 2013 memang Yang Berhormat selalu bangkitkan dan bertanya, memohon penjelasan tentang projek yang bermasalah ini. Jadi sebenarnya Yang Berhormat, panjang ceritanya projek ini. Saya ingat Yang Berhormat mungkin tahu juga tetapi sebab ini sudah disediakan untuk makluman kepada Yang Berhormat. Biar saya bagi Yang Berhormat ya.

Projek ini telah ditamatkan kontrak pada bulan November 2013 disebabkan oleh kelemahan kontraktor asalnya. Status fizikal projek semasa kontrak ditamatkan adalah 86 peratus dan sebenarnya berbanding 100 peratus jadual. Jadi, baki kerja adalah penurapan jalan sepanjang 5.85 kilometer. Jadi, projek telah di tender secara tender terhadap pada mulanya, selaras dengan pekeliling kerajaan bagi projek sakit pada Oktober 2015. Namun, harga petender terendah adalah 30 peratus lebih tinggi daripada anggaran jabatan. Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit KKLW pada 27 Januari 2016 dulu



memutuskan supaya projek di tender semula secara tender terbuka. *Ministry of Finance* (MOF) melalui surat bertarikh 24 Februari 2016 bersetuju dengan keputusan Mesyuarat JPKS KKLW.

Projek telah ditender semula secara tender terbuka pada 2 April 2016. Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor dikeluarkan pada 20 Oktober 2016 dan projek mula dilaksanakan pada 21 November 2016. Sehingga 28 Februari 2018, status fizikal projek adalah 68.85 peratus, berbanding yang sebenarnya, berbanding 100 peratus jadual. Jadi, JKR Sarawak memaklumkan bahawa kelewatan projek berpunca daripada kelemahan kontraktor dalam menguruskan projek dan *cash flow* projek mereka. Jadi, *termination review team* seperti mana yang saya telah maklum tadi daripada JKR Sarawak dijangka telah membuat lawatan. Jadi, 23 Mac mereka telah membuat dan bagi menilai dan mengambil tindakan sewajarnya.

Jadi kedua, apakah langkah-langkah di masa depan untuk memastikan tidak ada masalah yang sama ataupun serupa fasa 4? Kita sebenarnya mengikut apa yang sedia ada dari segi *standard operating procedures* mengenai kontrak dan sebagainya. Kita seharusnya mengikut apa jua syarat-syarat yang perlu kita ikut untuk kita mengenal pasti. Akan tetapi Yang Berhormat, memang kita akui bukan mudah hendak memilih kontraktor sebab ada garis panduan. Kita memilih yang terendah, selalunya seperti mana yang terjadilah, yang terendah tidak berkemampuan. Kalau kita tidak memilih yang terendah, banyak sepatutnya kita perelaskan mengapa kita tak ambil yang terendah.

Jadi, bermasalah juga kalau ada aduan dan sebagainya. Jadi, kita harapkan ia sebenarnya sekarang kita mengetahui kita hendak mungkin di masa depan hendak mengetahui secara lebih teliti terhadap petender-petender yang mengambil bahagian dalam untuk fasa-fasa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Dr. Azman bin Ismail.

**8. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan pecahan eksport minyak sawit Malaysia sebagai bahan makanan dan biodiesel mengikut nilai serta negara-negara yang mengimport. Apakah rancangan jangka panjang kementerian untuk menghadapi cabaran dalam pasaran minyak sawit.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara khususnya, tidak ada maklumat sebenar berhubung dengan pecahan eksport minyak sawit Malaysia sebagai bahan makanan dan biodiesel mengikut nilai serta negara-negara yang mengimport. Walau bagaimanapun dianggarkan sebanyak 80 peratus daripada minyak

sawit dan produk berasaskan sawit digunakan sebagai bahan makanan, manakala bakinya untuk bahan-bahan bukan makanan. Dalam hubungan ini, antara rancangan jangka panjang untuk menghadapi cabaran dalam pasaran minyak sawit adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan permintaan dengan memperkukuh pasaran sedia ada dan meneroka pasaran baru. Kementerian bersama-sama agensi di bawahnya giat menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara melalui penyertaan di dalam pameran eksport perdagangan dan misi teknikal bagi mempromosi dan meningkatkan tahap kesedaran tentang kebaikan produk sawit Malaysia. Selain itu, kementerian juga berusaha meningkatkan akses pasaran di negara-negara pengimport melalui penyertaan dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan rundingan pelbagai hala atau serantau;
- (ii) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran sawit. Bagi memastikan sektor sawit terus berdaya saing di pasaran minyak dan lemak antarabangsa, aktiviti R&D memfokuskan kepada usaha untuk meningkat penggunaan minyak sawit dan penghasilan produk hiliran bernilai tambah tinggi untuk pasaran eksport. Penggiat industri minyak sawit negara digalakkan untuk meneroka dan memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran yang disifatkan sebagai *niche market* untuk mendapatkan nilai pasaran yang lebih tinggi;
- (iii) Pensijilan Minyak Sawit Malaysia. Skim persijilan merupakan salah satu usaha untuk menghadapi cabaran terutamanya di kalangan negara pengguna yang mahukan minyak sayuran yang dihasilkan secara mampan. Skim Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MSPO) dilaksanakan sebagai langkah untuk mewujudkan akses pasaran yang lebih luas untuk minyak sawit Malaysia. Skim MSPO akan menjadikan mandatori pada Disember 2019 dan ia adalah satu langkah ke arah mewujudkan sistem kemapanan yang diterima secara global dan menjenamakan minyak sawit Malaysia agar diterima sebagai pilihan utama pengguna.

## ■1120

Sekian, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Semasa lawatan rombongan lawatan sawit ke Kesatuan Eropah, saya melihat *figure* import Eropah yang agak besar untuk biodiesel dan saya rasa ada banyak juga usaha yang dilakukan untuk mempromosikan minyak sawit sebagai biodiesel, R&D dan lain-lain lagi.

Soalan saya adalah begini. Banyak masalah timbul apabila kita menggunakan minyak sawit sebagai biodiesel kerana persaingan kita dengan minyak-minyak asal Eropah seperti *canola* yang memang lebih sesuai dijadikan biodiesel. Sedangkan, minyak sawit itu adalah satu makanan anugerah Ilahi yang istimewa. Ia *superfood*. Dan berkembangnya penduduk dunia maknanya akan berkembangnya dan akan meningkatnya permintaan terhadap sawit sebagai makanan.

Jadi, apakah pihak kementerian tidak merasakan bahawa seluruh usaha kita itu harus ditumpukan untuk menjadikan minyak sawit kita sebagai bahan makanan berkualiti tinggi, makanan sihat, *superfood* yang kita promosikan ke seluruh dunia dan kita kecilkan ataupun kita tiadakan lagi usaha untuk biodiesel? Ini kerana dengan perkembangan teknologi, enjin bio diesel akan berubah kepada enjin elektrik dan lain-lain lagi. Jadi, masa depannya suram. Jadi, tidakkah kementerian merasakan kita perlu menggandakan usaha menjadikan minyak sawit itu sebagai *superfood*, makanan sihat dan kita tinggalkan terus usaha-usaha R&D tentang biodiesel tadi? Terima kasih.

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya penggunaan-penggunaan sawit untuk biodiesel dan juga makanan sebenarnya bergantung kepada negara pengimport sebenarnya. Kita tidak boleh menentukan apa yang akan mereka gunakan sama ada untuk makan kah atau untuk biodiesel. Jadi, bila mereka mengimport minyak sawit, kita akan hantar. Macam mana mereka gunakan, itu terpulang kepada mereka.

Akan tetapi kita akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan minyak sawit ini mempunyai kualiti yang tinggi dengan pelbagai usaha iaitu satu daripadanya ialah kita memperkenalkan MSPO. Dengan adanya MSPO ini, maka kita akan mendapat satu jenama yang baik untuk Malaysia sebagai pengeksport minyak sawit. Bermakna walaupun harga minyak sawit di antara Malaysia dan negara lain sama tetapi kita mempunyai kualiti yang tinggi dengan kita menggunakan MSPO. Usaha juga telah banyak dilaksanakan oleh kerajaan supaya sawit daripada Malaysia ini digemari atau disukai oleh pengguna-pengguna di luar negara.

Jadi itulah sebabnya minyak sawit ini, di Malaysia ini, kita berusaha sedaya upaya untuk memastikan pengeluarannya begitu berkualiti, mempunyai— R&D kita juga memfokuskan kepada khasiat-khasiat yang ada pada minyak sawit di Malaysia ini. Kita telah memperkenalkan pelbagai hasil seperti vitamin E, vitamin A daripada minyak sawit di Malaysia ini. Dengan ini, memberi keyakinan kepada pembeli sawit bahawa daripada Malaysia ini kita mempunyai, memperkenalkan pelbagai khasiat kepada mereka melalui minyak sawit. Terima kasih.

**9. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapa peratuskah pertumbuhan segmen industri kecil dan sederhana (IKS) Bumiputera bagi tahun 2017 yang diterajui oleh MARA.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerantut.

Untuk makluman Yang Berhormat Jerantut, pertumbuhan usahawan IKS bumiputera melalui program pembangunan usahawan korporat yang dilaksanakan oleh MARA antara tahun 2016 dan tahun 2017 adalah sebanyak 22.57 peratus. Pertumbuhan sebanyak 22.57 peratus ini adalah melibatkan seramai 52 syarikat PKS bumiputera dengan peningkatan jumlah jualan tahunan sebanyak RM54 juta dari tahun 2016 hingga tahun 2017. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan.

Soalan tambahan saya ialah apakah peranan MARA dalam membantu usahawan PKS supaya mereka mempunyai kemampuan yang tinggi dalam menghadapi daya saing syarikat bagi mendepani persaingan semasa yang semakin dinamik dan juga dengan persaingan-persaingan syarikat-syarikat yang telah pun bertapak lebih kukuh? Jadi kalau mereka tidak dibantu, mungkin mereka akan terhalang dari segi pemasaran. Terima kasih.

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Okey, sebelum saya menjawab soalan tambahan, ingin saya kongsi juga maklumat yang saya fikir agak penting untuk melengkapkan jawapan tadi.

Untuk membiayai 52 syarikat PKS Bumiputera tadi, MARA telah membelanjakan RM116 juta. Pembiayaan 52 syarikat yang terlibat itu. Nilai jualan dalam tahun 2016 adalah RM240 juta. Ia telah meningkat kepada RM294 juta dalam tahun 2017 iaitu peningkatan 22.57 peratus tadi.

Untuk menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Jerantut, MARA sentiasa memainkan peranan dalam membantu peningkatan usahawan melalui pendekatan secara holistik dan integrasi dalam program keusahawanan MARA. Jadi program ini melibatkan tumpuan kepada latihan keusahawanan, kemudahan pembiayaan dan kemudahan infrastruktur perniagaan. Contohnya dalam industri makanan halal, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk peningkatan taraf enam buah kawasan industri MARA (KIM) kepada pusat transformasi halal bertaraf amalan pengilangan yang baik atau *good manufacturing practice*, bersih, selamat dan sihat dan *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP). Program ini akan memberi manfaat kepada 134 syarikat PKS.

Kerajaan juga menyediakan RM52.3 juta untuk membangunkan projek mini *halal hub* di tiga kawasan iaitu Parit Sulong, Kluang dan Ledang yang akan memberi manfaat kepada 30 syarikat PKS. Sebanyak RM40 juta juga diperuntukkan untuk membangunkan usahawan PKS melalui penubuhan Inkubator Teknologi Makanan Mara (INTEM).

Kesimpulannya, program pembangunan PKS akan diteruskan melalui ekosistem keusahawanan MARA dan kerjasama antara agensi kerajaan yang lain seperti MATRADE, TERAJU, SME Corp, JAKIM dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih.

#### ■1130

**10. Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Salor-Pasir Mas dan jejambat (*flyover*) di Bulatan Bandar Pasir Mas.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Pasir Mas *bypass* fasa dua yang melibatkan skop kerja menaik taraf Bulatan Lemal, pembinaan jejambat (*flyover*) di atas Bulatan Lemal dan pembinaan jambatan baru bersebelahan Jambatan Salor sedia ada telah dimilik tapak pada 19 Januari 2015 dengan tarikh siap semasa pada 28 Disember 2018.

Status kemajuan fizikal projek sehingga 22 Februari 2018 adalah 65 peratus. Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan *flyover* dan menaik taraf Bulatan Lemal sedang dijalankan. Pembinaan struktur jambatan merentasi Sungai Kelantan telah 99 peratus siap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mewakili rakyat Pasir

Mas dan rakyat Kelantan mengucapkan terima kasih di atas kejayaan pembinaan projek yang tepat pada masanya. Saya harap pembinaan jejambat yang menghubungkan di antara laluan Pasir Mas ke Tanah Merah berjalan lancar.

Soalan saya, kejayaan pembinaan ini akan memudahkan laluan akses ke pekan Rantau Panjang yang merupakan pekan pelancongan negeri Kelantan. Laluan di antara Pasir Mas ke Rantau Panjang juga ada cadangan daripada pihak kerajaan untuk pembesaran daripada dua *lane* kepada empat *lane*. Jadi soalan saya, bilakah cadangan projek ini akan dimulakan? Terima kasih. *[Menyampuk]*

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Saya akan memberikan jawapan kepada Yang Berhormat Pasir Mas secara bertulis mengenai isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Sebelum saya baca itu, mohon untuk saya mengalu-alukan rombongan pelajar dan guru-guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Tawar, Jerantut ke Dewan ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai di bahas dan diputuskan D.R.6/2018 iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 dan D.R.46/2017 iaitu Rang Undang-undang Pergigian 2017 seperti yang tertera di nombor satu dan dua dalam Aturan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 3 April 2018.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[29 Mac 2018]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seperti yang diputuskan tadi, terdapat dua rang undang-undang yang akan dibahas dan diputuskan untuk hari ini. Saya putuskan bahawa perbahasan dihadkan 15 minit setiap seorang, tidak melebihi 15 minit. Yang Berhormat Menteri akan mula menjawab untuk Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 pada selewat-lewatnya jam 3.30 petang ini. Ya, Yang Berhormat Tanah Merah giliran Barisan Nasional.

**11.34 pg.**

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ya, terima kasih. *Insyallah*, ringkas sahaja tidak sampai 15 minit.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk turut serta membahaskan satu rang undang-undang yang saya anggap cukup penting bukan sahaja pada saat-saat kita sedang membuat persiapan bagi menghadapi PRU-14 tetapi juga demi masa depan keselamatan serta keamanan negara.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, isu masalah berita tidak benar ataupun lebih popular dengan istilah berita palsu bukanlah ancaman kepada Malaysia sahaja malah ia sudah menjadi satu isu global yang kini semakin mengancam banyak negara. Kalau kita melayari laman web *Wikipedia* di situ tersenarai sekurang-kurangnya 26 buah negara yang sedang bertindak memerangi ancaman berita tidak benar atau berita palsu. Pelbagai masalah

yang mereka hadapi akibat kegilaan teknologi maklumat yang menyaksikan media sosial menjadi platform utama oleh pelbagai pihak untuk menyebarkan berita palsu.

Di Jerman contohnya, Parlimen negara itu pada bulan Jun tahun lalu telah meluluskan satu rang undang-undang yang membolehkan syarikat media sosial di denda sehingga EURO50 juta atau bersamaan RM200 juta jika mereka gagal menarik balik berita tidak benar di laman web masing-masing. Di negara-negara jiran terdekat kita seperti Indonesia contohnya, pemerintahan negara itu mengambil tindakan drastik menahan mereka yang menjadi tulang belakang apa yang dipanggil *Muslim cyber army*. Kelompok ini bertanggungjawab secara aktif dan tersusun menyebarkan berita tidak benar berbentuk provokatif yang begitu meresahkan umat Islam. Di Singapura, Pusat Kecemerlangan Keselamatan Kebangsaan negara itu menegaskan kempen berita palsu dan maklumat salah terancang telah mempengaruhi dan menggugat masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi contoh-contoh lain yang membuktikan bahawa penggubalan rang undang-undang yang bertujuan membanteras berita tidak benar bukanlah bermotif politik oleh sesebuah kerajaan tetapi ia semata-mata demi kesejahteraan, keamanan dan keselamatan sesebuah negara. Oleh itu, dalam memperkatakan mengenai Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 ini, semua pihak perlu berlapang dada dan tidak melihat ia dari sudut politik semata-mata. Dalam apa pun isu, ia akan menjadi huru-hara dan kacau-bilau jika dicampuradukkan dengan politik.

Justeru itu, perlu ditegaskan bahawa rang undang-undang ini perlu dilihat dalam skop yang lebih luas. Mana-mana pihak tidak perlu merasa takut atau bimbang dengan pembentukan Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 jika mereka yakin tidak mempunyai niat untuk melakukannya. Apatah lagi, penentuan sama ada sesuatu bahan atau berita itu dikategorikan benar atau tidak benar ia di bawah bidang kuasa mahkamah sepenuhnya, bukan oleh jabatan kerajaan khususnya Jabatan Peguam Negara. Jabatan Peguam Negara hanya boleh mengarahkan pendakwaan dilakukan tetapi kata putus atau yang akan membuat keputusan muktamad adalah mahkamah.

Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan saya menggesa Jabatan Perdana Menteri dengan bantuan agensi-agensi perundangan dan penguatkuasaannya benar-benar membuat persiapan rapi bagi memastikan pelaksanaan undang-undang itu apabila diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tidak mencetuskan sebarang kontroversi dan lebih daripada itu menjadi alat kepada mana-mana pihak untuk menganiaya pihak yang lain. Setiap kes yang berlaku harus dikaji dengan teliti sebelum sesuatu tindakan diambil. Siasatan tidak harus bergantung kepada satu agensi sahaja seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) semata-mata sebaliknya sudah tiba masanya kerajaan menubuhkan satu unit



atau jabatan khas di bawah Jabatan Peguam Negara bagi meneliti semua kes yang berlaku.

Melalui unit ataupun jabatan khas itu, sesuatu kes akan disiasat daripada pelbagai sudut sebelum ia dikemukakan kepada mahkamah untuk dibicarakan. Langkah ini bertujuan bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan. Ini kerana apabila sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah, ia bukan sahaja akan menghabiskan masa mahkamah tetapi ia boleh menjejaskan imej atau kredibiliti orang yang didakwa yang belum tentu ia melakukan kesalahan tersebut.

Selain itu, saya juga menggesa kerajaan supaya lebih tegas menangani berita-berita tidak benar yang kini semakin meluas dilakukan oleh media-media asing dalam usaha mereka memburuk-burukkan nama Malaysia. Menyentuh soal ini, saya menggesa kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk memastikan diplomat-diplomat kita di luar negara lebih proaktif memantau laporan-laporan media asing khususnya di Amerika Syarikat dan Britain yang kita lihat sejak kebelakangan ini semakin ghairah melakukan berita tidak benar berhubung sesuatu isu mengenai Malaysia.

Walaupun dalam sesuatu isu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sudah memberi penjelasan terperinci namun ia tidak mampu menutupi kegilaan media-media asing tertentu yang mahu menjatuhkan imej negara ini di peringkat antarabangsa. Saya mencadangkan respons segera perlu dilakukan bagi membetulkan laporan media asing seperti mana dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom, Datuk Ahmad Rasidi Hazizi yang menyelar majalah *The Economist* di London kerana menyiarkan artikel mengenai Malaysia yang disifatkan mengandungi kesilapan serius selain memperkecilkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan.

#### ■1140

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menggulung perbahasan ini, saya ingin menasihati rakan-rakan daripada pembangkang, marilah bersama-sama menyokong rang undang-undang ini, janganlah bagaikan tidur tidak lena dan cacing kepanasan apabila kerajaan mengambil langkah membentangkan rang undang-undang ini. Saya memahami kita memasuki musim pilihan raya tetapi jangan segala-galanya mahu dipolitikkan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Tanah Merah minta penjelasan.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ...Jika rakan-rakan saya...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Boleh?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Batu Kawan tunggu, akhir sekali. *I still got time, insya-Allah.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ...Jika rakan-rakan saya daripada pembangkang tidak mempunyai apa-apa agenda tersirat atau merasakan pembentangan rang undang-undang ini tidak akan menghilangkan modal kempen mereka dalam PRU 14, marilah bersama menyokongnya. Akan tetapi saya hairan kenapa mereka melatah tidak tentu pasal seolah-olah dunia akan kiamat apabila Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini dilaksanakan.

Apa yang perlu difahami adalah pelaksanaan undang-undang ini terpakai kepada semua pihak, tidak kira sama ada pemimpin kerajaan mahupun pembangkang, media yang menyokong kerajaan atau tidak, semuanya tidak akan terlepas daripada tindakan jika menyebarkan berita tidak benar. Lagi pula tiada apa yang hendak ditakutkan kerana seperti mana saya tegaskan yang akan menentukan berita benar atau tidak bukannya kerajaan atau agensinya tetapi mahkamah. Sebagai satu gabungan pembangkang yang mempunyai peguam yang hebat-hebat, saya fikir rakan-rakan saya daripada pembangkang tidak perlu takut jika mereka tidak mempunyai apa-apa agenda.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbincangan ini dengan menyatakan memandangkan ini adalah persidangan kita sebelum PRU 14, saya mengharapkan persahabatan yang terjalin antara Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini berkekalan di luar Dewan. Tidak mengapalah kita bergaduh dan bertegang leher di dalam Dewan kerana mempertahankan pendirian masing-masing tetapi janganlah membawa permusuhan ini sehingga ke luar Dewan. Jangan jadikan perbezaan bendera politik merenggangkan persahabatan kita. Sesungguhnya sehebat mana pun kita berpolitik semuanya demi negara yang tercinta ini. Okey Yang Berhormat Batu Kawan – minta izin.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah di atas peluang ini. Saya ingin bertanya – tadi Yang Berhormat Tanah Merah mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Ahli Parlimen Pekan ini telah difitnah oleh media antarabangsa. Setahu saya ramai Ahli Parlimen sebelah sini, pembangkang banyak kali telah difitnah dan diaibkan, maka kami membuat laporan polis.

Sekiranya betul bahawa kandungan maklumat dalam berita antarabangsa tersebut itu bukanlah benar, kami masih menunggu-nunggu bila Perdana Menteri akan menyaman ataupun membuat laporan polis terhadap berita ini. Saya rasa ini adalah benda yang logik dan sekiranya ada satu kenyataan dibuat yang boleh dengan izin, *spoiled your reputation* maka Perdana Menteri harus— saya rasa sudah berapa tahun kita sudah tunggu Perdana Menteri mengambil tindakan di atas media antarabangsa ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Batu Kawan, saman menyaman ini kita serahkan kepada pihak berkenaan. Kalau bab saman ini tidak habis-habis, hari-hari saya hendak saman. Yang Berhormat Batu Kawan pun hari-hari saya hendak saman. Akan tetapi Yang Berhormat Batu Kawan, kita serahkanlah kepada pihak yang berkenaan ya. Apa pun pandangan Yang Berhormat Batu Kawan, saya hormati.

Akhirnya dengan izin, saya ingin membaca dua rangkap pantun kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

*“Andai kata padam pelita,  
gelap gelita di malam hari,  
andai ada terlanjur kata,  
maaf dipinta setulus hati”.*

Mencontohi Yang Berhormat Menteri Padang Rengas tadi ada tetapi dia sudah keluar. Kepada rakan-rakan yang datang dari latar belakang berbagai-bagai warna, hijau, oren, biru muda— entah macam-macam warnalah, saya faham. Lawan tetap lawan namun kawan tetap kawan.

*“Pergi ke kedai membeli kaya,  
untuk dimakan bersama roti,  
jika menang pilihan raya,  
insya-Allah kita berjumpa lagi”.*

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**11.44 pg.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya akan jawab pantun Dewan yang mulia itu di hujung nanti Yang Berhormat Tanah Merah. Sudah ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan pandangan bahawa isu yang kita sedang bahaskan ini adalah sebenarnya berpandukan kepada keseimbangan antara memberi kebebasan pandangan dan bercakap dengan apa yang dikatakan kebebasan yang tidak bertanggungjawab. Itu adalah dua *line* yang membezakan antara apa yang kita sedang bahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat mengelak orang ramai untuk berfikir khususnya dalam dunia media sosial hari ini yang boleh diakses hampir oleh semua orang. Oleh sebab itu, setiap rakyat dalam menilai perkembangan-perkembangan yang berlaku, mereka akan berfikir dan mereka akan berbincang, mereka akan menjadikannya sebagai cakap di kedai kopi dan ini sebenarnya adalah merupakan satu fitrah yang Allah

SWT berikan kepada manusia dalam al-Quran banyak Allah SWT berfirman [*Membaca ayat al-Quran*] “*Sesungguhnya itu adalah tanda-tanda bagi orang yang berfikir*”. Tanda-tanda ini banyak antaranya ciptaan Allah, langit, bumi dan sebagainya tetapi kita jangan melihat kejadian politik, kezaliman pemimpin, penyelewengan dan rasuah itu bukan tanda-tanda kebesaran Allah. Itu juga adalah merupakan tanda-tanda kebesaran Allah yang mana bagi orang-orang yang berfikir, mereka akan mengamati segala apa yang berlaku.

Oleh itu menyekat manusia daripada berfikir ini Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang mereka lihat dari tanda-tanda kebesaran Allah termasuklah penyelewengan sebuah pemerintahan dan sebagainya adalah merupakan satu penghinaan kepada kemanusiaan kerana ia menyekat manusia untuk berfikir. Nabi SAW memberi ruang yang cukup luas kepada mana-mana rakyat untuk menegur pemimpin-pemimpin mereka.

Saya khawatir di sebalik niat yang disebut oleh Yang Berhormat Tanah Merah dan rakan-rakan yang lain hakikatnya undang-undang ini berupaya untuk menyekat daripada kita menegur pemerintah kerana tidak ada satu definisi yang jelas apakah yang dimaksudkan dengan berita palsu? Apakah yang dimaksudkan dengan penyelewengan yang benar-benar berlaku ataupun apakah yang dimaksudkan dengan penyelewengan yang disembunyikan.

Maka kekaburan ini menghalang kita untuk menegur pemerintah sedangkan ia merupakan satu saranan yang disuruh dan diperintah oleh Islam dalam sabda Junjungan Besar Nabi SAW dengan izin [*Membaca hadis dalam bahasa Arab*] iaitu hadis yang dikeluarkan oleh Abu Daud dan Al Tarmizi dengan maksudnya, “*Demi sesungguhnya hendaklah kamu mengajak kepada makruf dan mencegah daripada kemungkaran dan hendaklah kamu menyekat perbuatan penzalim di kalangan kamu termasuk pemerintah dan membawanya kepada kebenaran dan meninggalkan kepalsuan*”.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa apa yang saya sebut dan cakap ini mungkin bagi sesetengah menyatakan ini terlalu *general*, *we need some specific*. Oleh itu saya akan masuk kepada yang lebih spesifik iaitu kebebasan sosial media. Kita tidak menafikan bahawa sosial media ini ada dua wajah Tuan Yang di-Pertua. Satu wajah ialah ia memberikan peluang untuk kita mengekspresikan diri, memberikan peluang untuk kita memberi pandangan dan dapat berkongsi pendapat dan pandangan.

Akan tetapi dari satu segi lagi Tuan Yang di-Pertua, peluang yang ada kepada media sosial ini juga boleh jadi *against us*. Boleh jadi satu perkara yang boleh merosakkan masyarakat, boleh menimbulkan pelbagai perkara-perkara yang palsu yang akhirnya yang palsu itu menjadi benar, yang benar itu menjadi palsu. Itu satu yang tidak dapat dinafikan. Saya tidak akan *exaggerate* ketika saya membahaskan isu ini bahawa yes

benar saya yakin, benar saya terima, benar kami semua terima bahawa media sosial dalam rangka kebebasan memberi pandangan ada dua wajah, satu baik, satu buruk. Itu tidak ada siapa yang menafikan.

Cuma soal saya ialah Tuan Yang di-Pertua, apakah wajah baik dan buruk ini boleh diselesaikan dengan satu lagi undang-undang yang pada hakikatnya, konon untuk menyekat berita tidak benar atau palsu tetapi hakikatnya ialah satu undang-undang yang menyekat kebebasan memberi pandangan, yang menyekat kebebasan untuk menegur dan juga yang menyekat kebebasan untuk memberikan pandangan dan pendapat mereka terhadap kepentingan-kepentingan mereka kepada sebuah kerajaan.

■1150

Saya ingin petik, '*More often than not, one refrains from making a general case for speech regulation on social media, because if social media is a strange beast, law regulating free-speech is a stranger beast still – known to be capricious, discriminatory and necessarily power-driven*'. Maksudnya, ya kita mengaku media sosial dan kebebasan ada baik dan buruknya tapi apakah dengan kita memberikan undang-undang ini atau kita menggubal dan bersetuju dengan undang-undang ini ia akan selesai masalah. Bahkan kemungkinan undang-undang ini akan menjadi raksasa yang lebih ganas daripada itu di mana raksasa ini akan dilihat akan lebih bersifat *discriminatory* dan lebih bersifat *necessarily power-driven*.

Maknanya ini akan digunakan untuk kepentingan mereka yang berkuasa untuk menyekat suara-suara yang menegur penyelewengan dan rasuah yang berlaku dalam mana-mana kerajaan termasuklah kerajaan kita yang kita sayang iaitu Malaysia ini. Jadi ini satu perkara yang kita kena ambil kira secara serius. Jangan kita hanya bercakap baik semua, bagus ini undang-undang tetapi kita lupa tangan kita jugalah kita mendingkan suara-suara benar yang mahu menegur supaya negara ini menjadi lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk apa yang dimaksudkan dengan piawaiian fitnah itu sendiri. Kita tengok dalam Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 ini kita dapati ia terlalu *vague*, terlalu kabur dan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat kita di sebelah sana, lawan tetap lawan, kawan tetap kawan, jangan risau.

Saya ingin memetik apa yang berlaku kononnya dikatakan di Jerman. Ada satu undang-undang yang menyekat ataupun yang ada kita katakan anti berita palsu ini, berita tidak benar ini. Akan tetapi, tahu kah Yang Berhormat undang-undang yang dimaksudkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat di sebelah sana adalah undang-undang yang memberikan definisi yang lebih spesifik Tuan Yang di-Pertua kepada berita tidak benar itu apa, seperti berkaitan dengan seksyen yang khusus undang-undang jenayah, seperti

menyebarkan propaganda Nazi, seperti aktiviti *terrorism*, seperti fitnah terhadap presiden atau negara, penderhakaan, penipuan, keganasan dan pornografi.

Itu jelas *but I cannot find anywhere here*. Ini terlalu *vague* untuk kita gunakan sebagai satu kuasa kita untuk menidakkan suara bagi menegur penyelewengan yang berlaku. Saya tambah lagi satu— itu satu hal. Jadi saya sudah jawab kalau alasan dikatakan Jerman, Filipina ada undang-undang ini tapi undang-undangnya lebih spesifik sedangkan ini adalah terlalu umum.

Kita kena bezakan Tuan Yang di-Pertua antara apa yang dikatakan fitnah, *defamation* dengan apa yang dikatakan *freedom of the expression*. Fitnah, *defamation*— orang yang memfitnah itu *liable*, dia mesti membawa bukti-bukti. Adapun *freedom of expression*, itu adalah pendapat rakyat apa yang berlaku kepada kerajaan contohnya kalau rakyat bercakap tentang 1MDB. Apakah kita hendak sekat sedangkan kita sendiri tidak bagi jawapan? Apakah kita hendak sekat orang bercakap RM2.6 bilion yang dikatakan ada dalam akaun Perdana Menteri?

Adakah kita hendak sekat itu kalau tidak ada satu jawapan tuntas kepada persoalan itu? Apakah kita hendak menyekat orang bercakap tentang kemewahan Perdana Menteri sedangkan tidak ada satu ketelusan kepada perbelanjaan dan ia dapat dilihat bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tapi oleh seluruh dunia? Apakah kita hendak menyekat orang bercakap dalam *Facebook*, dalam *WhatsApp* apabila kapal mewah ditahan di Bali yang menyatakan dikaitkan dengan 1MDB sedang kita tidak ada jawapan tentang 1MDB?

Salah siapa Tuan Yang di-Pertua? Maka tiba-tiba kita bawa undang-undang ini, lalu kita kata ini adalah untuk menyelesaikan masalah berita palsu. Apa yang palsunya? Kamu tidak memberi jawapan kepada satu persoalan besar yang diperkatakan oleh seluruh dunia lalu kamu datangkan undang-undang ini untuk menyatakan ini adalah untuk menyekat berita palsu. Mana rakyat boleh terima, termasuk mana Ahli Parlimen yang rasional akalunya boleh terima. Kalau Ahli Parlimen cuba hendak gula-gulkan kata kita kenalah jaga negara daripada berita yang tidak betul, itu saya setuju. Saya tidak menafikan itu.

Akan tetapi, soalnya hari ini kalau hendak tambah lagi saya kepada hujah saya Tuan Yang di-Pertua, dari sudut kebebasan media, Malaysia *ranking* nombor 144 berbanding dengan 180 negara. Maknanya kebebasan media tidak ada, bagaimana *free flow of information* hendak sampai tiba-tiba kita hendak ketatkan lagi dengan berita palsu ini— anti berita palsu. So, hujah-hujah itu Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara yang naluri saya, *conscious*, *dhomir* saya tidak boleh terima. Saya tidak mampu menerima satu

akta yang dalam keadaan sekarang pun kita tidak dapat bagi kebebasan, tiba-tiba kita datangkan pula dengan berita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang bagaimana hari ini kita tengok dunia bercakap tentang akta kebebasan maklumat. Dunia-dunia lain semua sudah ada akta kebebasan maklumat tetapi negara kita kononnya hendak pergi ke TN50, hari ini belum ada lagi akta kebebasan maklumat sudah datang akta berita tidak benar. Bagi saya ini satu yang *moving backward*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sedang akta tidak benar ini adalah sebenarnya membawa negara kita jauh ke belakang tanpa ada satu struktur-struktur yang membenarkan kebebasan media, yang membenarkan kebebasan maklumat, yang membenarkan kebebasan Parlimen dan yang membenarkan kebebasan politik. Maka apabila semua itu tidak ada Tuan Yang di-Pertua, datang pula akta ini diminta untuk kita sokong, tanyalah kepada *dhomir-dhomir* kita sekalian, apakah betul *is our country on the right track* kepada TN50? *[Disampuk]* Yes, Yang Berhormat Lembah Pantai akan menambahkan lagi poin-poin saya tadi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua masa tinggal satu minit. Saya pun hairan tidak ada orang bangkit untuk mencelah, terima kasih...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ada, ada.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oh, ada. Itu saya rasa fasal apa tidak ada orang bangkit. Saya *dok* tunggu BN bangkit. Sila.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, sama-sama tolong.

Di antara pemalsuan yang paling besar yang saya rasa ialah apabila seseorang itu mengatakan bahawa ada Tuhan yang lain daripada Allah. Kalaulah ada manusia yang berkata demikian, bolehkah kita menggunakan akta ini mengatakan bahawa dia telah menyebarkan berita palsu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih, yang itu bukan berita palsu yang itu adalah tentang kita— kena tanyalah kepada tuan tubuh yang menyebut itu dan ditentukan oleh keputusan fatwa. Bukan berita palsu. Sekarang kita sedang bercakap tentang berita palsu. Kita *concentrate* tentang berita palsu.

Jadi apa yang saya hendak tegaskan di penghujung ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh terima daripada sudut *dhomir* hati saya dengan apa yang ada. Saya tidak akan menyokong anti berita tidak benar ini dengan diakhiri dengan pantun.

*Jangan takut kalau gayat,*

*Bulu lebat abang misai,*

*BN takut berhadapan rakyat,*

*Anti berita palsu jadi perisai.*

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**11.59 pg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya sejahtera, salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan usul Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018.

■1200

Pada hemat saya, akta ini adalah satu keperluan seiring dengan kecanggihan teknologi ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada berita tidak benar, masalah berita tidak benar ataupun berita palsu bukanlah suatu perkara yang harus dipandang enteng oleh kita semua. Ianya berupaya menjadi satu masalah yang kritikal apabila terdapat individu-individu yang menyebarkan berita tidak benar untuk tujuan yang tidak sepatutnya demi untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu yang khusus.

Lebih kritikal lagi Tuan Yang di-Pertua, apabila gejala budaya, dengan izin, *citizen journalism* kini menjadi satu budaya yang amat kritikal disebabkan oleh kedangkalan sesetengah kelompok masyarakat yang sering kali menerima, mempercayai dan mengongsikan berita-berita tidak benar tanpa berfikir panjang untuk menyemak keabsahan dan kesahihan maklumat yang diterima terlebih dahulu daripada pihak yang mempunyai autoriti-autoriti.

Tambahan pula, dengan perkembangan teknologi kini yang menjadikan media sosial sebagai medium paling berpengaruh dalam menyebarkan maklumat-maklumat. Di samping itu juga, teknologi telefon pintar juga memudahkan gejala penyebaran berita tidak benar menerusi kumpulan-kumpulan *WhatsApp*, *Telegram* dan lain-lain yang wujud ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, lebih membimbangkan lagi apabila berita tidak benar terbabit disebarkan pula oleh individu-individu di dalam kumpulan-kumpulan terbabit kepada individu-individu lain yang mengakibatkan penyebaran berita ini tidak benar dan lebih cepat tersebar sehingga menimbulkan ada kalanya kepanikan, perasaan kurang senang dan kebencian masyarakat.

Persoalan yang timbul, mengapakah reaksi terus diberikan oleh kelompok masyarakat ini tanpa mengkaji dahulu kesahihannya? Sedangkan dalam surah al-Hujrat ayat 6, Allah SWT telah berfirman, '*Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidiklah untuk menentukan*



*kebenarannya supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang telah kamu lakukan”,* dalam Suratul Hujrat ayat 6. Maka, disebabkan oleh penyebaran berita tidak benar, ditambah pula dengan budaya, dengan izin, *citizen journalism* yang semakin kritikal, maka sudah tiba masanya kita memerlukan suatu undang-undang untuk mengekang dan menangkis gejala negatif ini.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ingin mencelah ini kerana tentang mengenai orang ramai yang tidak menyiasat dahulu kebenaran sesuatu berita itu. Saya ingin bertanya, apabila sesuatu berita itu keluar, saya biasa melihat bahawa jabatan-jabatan kerajaan, terutamanya bila menyentuh tentang bidang kerajaanlah, jabatan-jabatan, kementerian, mereka akan respons kepada *WhatsApp* itu ataupun berita-berita itu yang timbul di dalam *Facebook*.

Dengan cara itu, jadi dapat menjawab isu itu dan berita itu pun bila rakyat dah tahu, maka dia akan memberi amaranlah ataupun memberi pengetahuan kepada orang ramai, *‘oh ini, jabatan ini telah jawab. Berita ini tidak benar’* seperti berita mengenai kehalalan senarai barang halal dan sebagainya. Itu pun berita palsu juga. Jadi, sekarang ini saya nak tanya, adakah mekanisme yang kita ada di semua kementerian sekarang dengan ada jabatan IT masing-masing, tidak mampu untuk menjawab apa yang kita katakan berita-berita yang dikatakan palsu mengenai kerajaan ini? Terima kasih.

**Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja di atas pencelahan tersebut. Pada hemat saya, kita jangan menafikan tentang apa yang dilakukan oleh kerajaan ketika ini. Cuma dalam soal ini, ianya sangat penting, terutama sekali dalam memastikan kepada satu kemaslahatan yang lebih besar lagi. Lebih-lebih lagi dalam konteks RUU Antiberita Tidak Benar ini kerana biarpun ada pihak yang menentang keras pelaksanaan RUU ini, adakah mungkin khususnya kerana mereka juga merupakan penyebar kepada berita tidak benar atau palsu?

Saya amat yakin dan percaya, sekiranya akta ini tidak diluluskan segera, ianya akan memberikan satu impak buruk kepada masyarakat kerana berupaya untuk menggugat kestabilan negara serta menimbulkan kepanikan di kalangan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh satu artikel yang bertajuk *‘Analisa Kewangan Tabung Haji 2009 – 2015’* di dalam akaun *Facebook* Yang Berhormat Pandan bertarikh 9 Februari 2016 yang telah menimbulkan satu suasana panik sehingga menggugat keyakinan rakyat

terhadap institusi Tabung Haji. Kesannya, seramai 3,954 pendeposit Lembaga Tabung Haji, termasuk orang dalam Parlimen saya sendiri menutup akaun mereka. Daripada jumlah itu, seramai 3,105 orang hilang kelayakan menunaikan haji, termasuk hilang tahun giliran menunaikan haji.

Tambahan pula, berdasarkan aktiviti pengeluaran harian yang direkodkan Tabung Haji pada 10 Februari 2016, sehari selepas artikel itu disiarkan, terdapat peningkatan pengeluaran sebanyak RM41 juta, diikuti RM49.8 juta pada 11 Februari 2016 dan RM27.9 juta pada 12 Februari 2016, berbanding hanya RM8 juta pada 9 Februari 2016. Namun demikian, apa yang mengejutkan saya, beliau sendiri tidak menutup akaun Tabung Haji milik beliau. Bahkan, simpanannya di dalam Tabung Haji berjumlah RM464,000, ditambah pula beliau menerima dividen sebanyak RM37,000 daripada pihak Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, *“terdengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan”*. Akhirnya, yang rugi dan menelan air liur adalah sebanyak 3,954 pendeposit yang menutup akaun mereka kerana percaya kepada berita tidak benar ini. Adakah bukti ini masih tidak cukup untuk menggambarkan keperluan kepada rang undang-undang ini? Tambahan pula perkara yang merisaukan adalah dalam konteks perpaduan kaum di negara Malaysia. Negara kita mempunyai komposisi kaum dan agama yang berbeza-beza. Sekiranya wujud anasir untuk meruntuhkan perpaduan dan keharmonian pelbagai kaum di negara kita dengan menimbulkan sentimen perkauman menerusi penyebaran berita palsu, sudah pasti ianya akan menggugat kemakmuran awam dan kestabilan negara.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, lagi sekali.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tambahan pula- Tuan Yang di-Pertua, saya nak teruskan Tuan Yang di-Pertua, sebab poin saya ada banyak lagi. Terima kasih. Tambahan pula baru-baru ini Yang Berhormat Gombak, bila saya terbaca dalam *Hansard* Sidang Dewan Undangan Negeri Selangor. Beliau menyatakan kenyataan yang tidak benar dan berunsurkan perkara yang tidak logik terhadap saya apabila mengeluarkan kenyataan bahawa saya telah dipaksa oleh Yang Berhormat Tanjong Karang untuk membuat bising mengenai isu tanah Ijok di Parlimen Kuala Selangor. Justeru itu, saya ingin menegaskan bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang tidak pernah sekali-kali menyuruh saya untuk membuat bising mengenai isu skandal Tanah Ijok. Sebaliknya, ianya adalah satu usaha saya sendiri sebagai Ahli Parlimen Kuala Selangor untuk memperjuangkan hak dan kepentingan rakyat tempatan, terutama sekali peneroka di Parlimen Kuala Selangor dan ini merupakan satu amanah yang besar yang harus digalas oleh saya.

Kedua, adakah berita tidak benar ini yang dikeluarkan adalah usaha untuk mengalihkan rakyat kepada satu skandal Tanah Ijok yang mungkin menguntungkan individu-individu tertentu? Apakah ini merupakan satu kaedah untuk lari daripada menyelesaikan masalah peneroka di Tanah Ijok? Tuan Yang di-Pertua, natijahnya, isu berita palsu bukanlah isu tempatan semata-mata kerana ianya turut melanda negara-negara maju di antero dunia.

#### ■1210

Kuasa besar seperti Amerika Syarikat sendiri turut merasai bahang akibat penyebaran berita-berita palsu yang semakin mengganas.

Jelasnya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa berita tidak benar berupaya untuk menjejaskan sistem demokrasi malah turut menggugat keharmonian dengan mencetuskan ketegangan dan konflik di dalam negara. Misalnya di Perancis dan United Kingdom, berita palsu menjadi satu ancaman semasa pilihan raya yang sedang dijalankan pada tahun tersebut. Tambahan pula, Presiden Perancis, Emmanuel Macron dan Perdana Menteri Britain, Theresa May mendakwa pilihan raya di negara mereka telah diselubungi dengan berita-berita tidak benar sehingga menjejaskan pelaksanaan sistem demokrasi negara tersebut bahkan kestabilan serta keharmonian rakyat di negara tersebut.

Cetusan daripada itu, negara Perancis bersedia menggubal undang-undang sedia ada demi melindungi prinsip demokrasi di negara Perancis. Manakala di negara Britain, Kerajaan Britain menubuhkan satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Komunikasi Keselamatan Negara bagi mengekang fenomena segala berita-berita tidak benar yang disebarkan di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, undang-undang baru ini adalah selaras dengan kehendak semasa. Ia adalah satu undang-undang yang berbentuk pencegahan yang akhirnya memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Rang undang-undang ini wajar dilihat sebagai satu perkara untuk menggalakkan rakyat menjadi seorang yang bertanggungjawab khususnya dalam setiap perkongsian maklumat. Tambahan pula, rang undang-undang ini tidak sama sekali menyekat hak kebebasan bersuara rakyat seperti yang telah diperuntukkan di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, dengan rang undang-undang yang diperkenalkan ini merupakan satu keperluan dan juga eksklusif bagi menangani kesalahan-kesalahan penyebaran berita tidak benar walaupun kita mempunyai undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Komunikasi Multimedia 1998.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Silakan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya, selama ini bila pihak kerajaan mereka mengadu tentang maklumat palsu dalam *Facebook* dan *social media*, kita lihat pihak polis, MCMC semua ini ambil tindakan dengan sangat cepat. Akan tetapi bagi pihak pembangkang, selalunya tidak ada tindakan diambil. Saya adalah seorang mangsa serangan berita palsu di media sosial dan saya ditahan di bawah ISA kerana berita palsu. Akan tetapi tidak nampak kerajaan ambil tindakan terhadap mereka dari Barisan Nasional yang mencaci nama saya dan juga menyebarkan berita palsu tentang saya. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang *double standard* ini?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tertanya-tanya bila masa ISA dikenakan kepada Yang Berhormat Seputeh kerana ISA telah dimansuhkan. Ini satu berita palsu... [*Dewan riu*] Satu berita palsu yang cuba diletakkan dan dihadapkan di sini.

Saya hendak nyatakan, Tuan Yang di-Pertua, daripada soal yang telah dinyatakan, saya pernah terbaca mengenai perkara yang berkaitan dengan penyebaran berita palsu ini kerana saya lihat apabila dilakukan dan tanpa ada pengawalan, kekhuatiran saya ianya memang betul akan menyebabkan ketidakstabilan berdasarkan contoh-contoh yang saya nyatakan.

Saya kenal Yang Berhormat Seputeh ini dari segi apa yang beliau katakan dalam *social media*. Jadi sebab itu dalam konteks penyiasatan, sudah tentu kita harus memberikan ruang dan peluang dalam proses-proses *the rule of law* terutamanya lebih-lebih lagi dalam soal-soal ini untuk memastikan penyiasatan itu harus berada dalam tahap yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu berdasarkan...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua, ramai pembangkang ini saya pun hairan, dia melihat akta ini sebagai *draconian* yang orang kata akta yang tidak seharusnya, tetapi kita lihat bagaimana Indonesia baru sahaja meluluskan akta yang ada, *Philippines* sudah ada, di *Singapore* apatah lagi lebih keras daripada apa yang kita ada. Ini tujuannya untuk memerangi mereka yang suka menyebarkan berita palsu. Kalau tidak suka menyebarkan macam saya, tidaklah kena tapi kalau macam Yang Berhormat Seputeh suka menyebarkan berita palsu, yang suka memfitnah, memanglah kena. Minta komen Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini berita palsu ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan dalam rumusan saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Sehubungan itu, Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan hujahan yang telah diberikan sebentar tadi, tuntasnya negara memerlukan kepada satu undang-undang yang membendung gejala penyebaran berita tidak benar, berita palsu yang sememangnya bermotifkan niat jahat yang mengganggu gugat kestabilan dan keamanan politik negara. Sudah pasti, Tuan Yang di-Pertua, para pemfitnah ini harus diberikan hukuman yang berat agar ianya dapat memberikan satu pengajaran bukan sahaja kepada pemfitnah, bahkan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Benarlah kata pepatah, *'intan itu jika terbenam di pelimbahan sekalipun tidak akan hilang cahayanya'*. Sejauh mana pun kejahatan yang cuba dilakukan, akhirnya kebenaran akan muncul jua.

Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**12.16 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Saya petik apa yang telah dikatakan oleh adik kepada Perdana Menteri iaitu Dato' Nazir Razak mengenai rang undang-undang ini. Ini yang dia kata, Tuan Yang di-Pertua. *He says about the anti-fake bill. He said, "As much as I abhor fake news, the Anti-fake News Bill should be deferred. It must comprehensively drafted and debated. It must not be rush". He phrases that, "This is above basic rights of the individual expressions and installing fear of such draconian punishment based on ambiguous definition will rattle our society"*.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah perkara yang mustahak kerana ramai di antara Ahli Parlimen yang ada di sini kurang faham bila mereka mengatakan bahawa rang undang-undang seperti ini telah di*approve* di Indonesia dan *Singapore*. Akan tetapi di sana jangan kita lupa, sebelum ia di*approve*, ia ada perbincangan dengan *stakeholders*. Dan kekurangannya adalah kita sepatutnya mengadakan *Parliamentary Select Committee* mengenai perkara ini. Keengganan kerajaan dan nampaknya untuk *rush through* rang undang-undang ini, *"ada udang di sebalik batu"*. Itu yang saya kluatir kerana saya rasa *the basic features* rang undang-undang ini akan *restrict the freedom of expression*.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Ipoh Barat dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat jangan bimbang, selepas saja PRU ini, BN diberi amanah lagi, kita akan wujudkan *Select Committee*. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat nanti kalau menang, kita akan pilih sebagai pengerusi untuk *Select Committee* ini. Ini untuk memastikan bahawa kesinambungan Parlimen itu akan berjalan terus.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini *fake news*.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Saya ingat Yang Berhormat Kinabatangan kurang fahamlah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini *fake news*, nombor satu. Nombor dua, bila sesuatu undang-undang telah diluluskan, ia akan jaranglah dalam tempoh lima tahun, 10 tahun ia akan dibawa untuk diubahsuai. Ini adalah dari sejarah kita. Jadi itu nombor satu.

Nombor dua, saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan itu saya hairan. Kalau itulah pendirian Barisan Nasional, saya harap kita kedua-dua pihak boleh bersetuju untuk merujuk perkara ini sekarang sahaja, pada waktu yang *most opportune* untuk *Select Committee*. Macam di Singapura di mana *Parliamentary Select Committee* telah ditubuhkan di mana penyiasatan sedang dibuat, selepas menghalusi pandangan-pandangan semua pihak, baru satu keputusan diambil. Maka ini kekurangan yang sangat serius di negara ini dan saya rasa ini adalah perkara seperti yang dikatakan oleh adik kepada Perdana Menteri sendiri yang mengatakan bahawa *there is no necessity to rush through the bill*. Saya rasa ini adalah perkara yang mustahak.

Jangan kita lupa, Tuan Yang di-Pertua, bahawa semasa rang undang-undang ini telah dibawa ke Parlimen ini, lepas itu ada pindaan kepada rang undang-undang ini.

#### ■1220

Nampaknya tidak ada keseriusan atau tidak ada menghalusi rang undang-undang itu sedalam-dalamnya. Ada kekurangan yang tertentu maka ini menunjukkan lebih-lebih lagi bahawa ia patut dirujuk kepada *Select Committee* dan kenapa pihak-pihak sangat segan untuk merujuk perkara itu. Adakah mereka penakut atau kerana pilihan raya akan datang tidak lama lagi mungkin dua minggu, satu bulan, jadi ini akta ini akan digunakan untuk *silent the opposition in particular*. Inilah Tuan Yang di-Pertua yang kita khuatir dan bolehkah kerajaan setuju bahawa ia dirujuk kepada *Select Committee*, kalau tidak kenapa tidak. Apakah keengganan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin alih kepada beberapa perkara yang saya rasa yang perlu perhatian. Tuan Yang di-Pertua, kita ada undang-undang cukup untuk meliputi semua perkara sedemikian yang di mana dikatakan kekurangan dan patut membawa *Anti-Fake News Bill* kerana Akta Multimedia Komunikasi, *Sedition Act*, *Penal Code* semua ini cukup. Tidak perlu kita perlukan lagi undang-undang. Apa yang menjadi masalah pada perkara ini adalah dua perkara Tuan Yang di-Pertua.

Satu, kekurangan *investigation* yang sedalam-dalamnya dalam kes-kes di mana dilaporkan dan nombor dua *selective prosecution* dan ini tidak boleh diatasi dengan rang undang-undang ini. *This is another cover up, this is another way to put the opposition down. This is another way to prevent people the freedom of expression in this country.*

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri terlibat di mana saya telah melaporkan terhadap *Utusan Malaysia* pada tahun 2009 di mana *Utusan Malaysia* telah melaporkan bahawa M. Kulasegaran, Ahli Parlimen Ipoh Barat terlibat dalam beberapa cara untuk mengguling Raja-Raja Melayu di negara ini. *The constitution monarchy of Malaysia is been questioned by M. Kulasegaran.* Ini semua tidak benar, saya tidak pernah mengatakan sedemikian dalam Parlimen. Video-video Parlimen akan menunjukkan perkara itu tetapi bila saya melaporkan perkara itu tidak ada apa-apa tindakan yang diambil. *So, it shows* Tuan Yang di-Pertua, kekurangan *investigation* yang benar sedalam-dalamnya. Itu yang menjadi masalah di negara, *not the fact that the fake news. If there's a proper investigation* saya percaya dengan penuh *Utusan Malaysia* dan surat khabar yang lain yang melaporkan tidak benar, yang melaporkan fitnah tindakan semestinya telah diambil dan dengan *anti-fake news* ini pun sedemikian juga.

Bila kita melaporkan bukan saya sahaja tetapi lebih kurang dua tahun dahulu, Tuan Yang di-Pertua saya sendiri melaporkan terhadap beberapa orang yang telah memfitnah tanpa asas terhadap saya dan ramai di antara Ahli Parlimen DAP, Tuan Yang di-Pertua di mana perkara yang pertama dibuat oleh polis adalah untuk merampas *handphone* kita. Saya sendiri *handphone* saya telah dirampas lebih kurang dua tahun dahulu. Ramai di antara kawan-kawan saya di sebelah sini dari DAP, ada orang yang telah dirampas lebih kurang lima *handphone*, ada orang yang telah dirampas tujuh *handphone* sampai sekarang tidak ada apa-apa tindakan.

Apa yang polis pandai, rampas. Rampas, polis selepas itu saya tidak tahu rampas apa-apa tetapi dia rampas *handphone*. *Handphone* saya sendiri dan mereka mengatakan untuk menyenangkan perkara itu *they ask me to download the whole* apa yang difitnahkan, saya *download*, saya *translate* semua itu saya buat. Selepas itu saya tulis surat kepada DBP, saya tulis surat kepada AG tidak ada apa-apa tindakan, Tuan Yang

di-Pertua. Jadi menunjukkan dua perkara yang telah saya katakan, *there is lack of investigation process in this country and there is selective prosecution*.

Kalaulah itu dilaporkan oleh kawan-kawan saya di sebelah sana, semestinya tindakan yang serius telah diambil terhadap pihak-pihak yang lain dan inilah Tuan Yang di-Pertua menunjukkan bahawa *the selective process* yang digunakan oleh kerajaan, yang digunakan oleh pihak polis tidak boleh diterima.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar, bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahun lepas salah satu ucapan saya di dalam Parlimen diputar belit dan dimasukkan dalam blog Pro UMNO Barisan Nasional. Saya telah membuat laporan polis, semua bahan bukti telah diberikan tetapi sudah lebih daripada setahun sampai hari ini tidak ada apa-apa siasatan. Saya telah paksa untuk dapatkan siasatan sebab kita tahu itu adalah blog UMNO Barisan Nasional. Setakat hari ini tidak ada apa-apa, ini berlaku pada saya ucapan di dalam Parlimen diputar belit. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya rasa ini adalah perkara yang mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh mengarahkan pihak-pihak mengambil tindakan kerana ia telah memutarbelitkan perkara yang beliau ucap dalam Parlimen. Kalau boleh jadi di sini apatah lagi di tempat lain. *I can understand your apprehension your-* apa yang dihadapi. Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara pada tahun 2006 di kawasan saya ada dengan izin saya baca, "*More than one thousand Muslims in front of the Catholic Church of Silibin gathered to protest against the purported baptism by Datuk Azhar Mansur on a group of Malays at the Church at Silibin*", di kawasan saya.

Saya sendiri telah pergi ke *church* tersebut dan selepas itu polis menyiasat tetapi *nothing happened* dan didapati orang-orang yang terlibat dalam penukaran agama tersebut betul berlaku tetapi di antara masyarakat orang asal bukan masyarakat lain. So, *this is* bila 1,000 orang berkumpul di gereja dan sebagainya menjadi tension kepada semua. Polis, FRU semua datang. Tindakan susulan patut diambil. Mereka kata telah menangkap orang yang spread *the fake news*, tidak ada apa-apa tindakan.

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan bahawa *that is a lack of thorough investigation. That is not we want*. Itu sebab kalau ada IPCMC – *Independant Police Misconduct Commission* dan ini akan *there can be a check and balance on the investigation team especially* terhadap pihak polis. Saya tahu ramai di antara pegawai polis adalah orang baik tetapi di antaranya dalam *investigation* sangat-sangat kurang,



nombor satu yang tidak aktif dan tidak menjalankan tugas mereka dan *investigation* dan *prosecution* pun keadaannya sama.

Kalau kita tengok minggu dulu Tuan Yang di-Pertua, saya mewakili dua ahli kawan dari DAP dituduh *fake news under the Malaysian Communication Act*. Dia ada peruntukan-peruntukan yang tertentu untuk situasi-situasi sedemikian. *Why is there a necessity of these act?* Inilah yang menjadi kekhuatiran kepada pihak-pihak yang berkenaan dan saya rasa kalau ini tidak ditarik balik atau sekurang-kurangnya dihantar ke *Select Committee* ia akan menghancurkan sedikit *freedom expression* yang kita ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih mustahak adalah *Freedom of Information Act* itulah *that is the basis that we should have* seperti yang telah ada di negeri Pulau Pinang dan di Selangor. *That is what is required in this country not further claiming down, not further control*. Apa yang kita perlu adalah supaya *government which is not open*. *Why do I say that, Tuan Yang di-Pertua?* Ini bukan baru, pada tahun 1962 saya petik apa John F. Kennedy kata, "*A nation that is afraid to let it's people judge the truth and the false suit is open in an open market is afraid of its people*".

Menunjukkan bila perkara-perkara yang tidak dibahas tidak dibincang atau *diclamp down* dengan *anti-fake news* ini akan menyusahkan masyarakat dan ini adalah satu kerajaan yang kejam. Ini bukan perkara baru yang saya petik tetapi *daily occurrence* yang menjadi dan saya harap pihak-pihak berkenaan akan tahu. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua bahawa pada pilihan raya yang akan datang, *we are all be affected that be a grossed misabused*. Nampaknya sesi ini dipanggil khususnya adalah untuk meluluskan rang undang-undang ini iaitu untuk supaya menenteramkan pihak-pihak dalam kerajaan yang khuatir bahawa pembangkang akan lebih menggunakan *internet media* yang *is open secret*.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih mustahak adalah ini, *you cannot fight against information technology*. *You must go along with the information technology*. Apa yang dibuat macam sekarang Uber dan Grab dan sebagainya *there is no use of fighting with them, you must compliment*. Saya ada kata banyak dengan *taxi driver, you must find a way to enhance and improve with it*. Sama juga dalam keadaan hari ini Tuan Yang di-Pertua bila kerajaan membawa rang undang-undang ini, *this is to contain the freedom of expression, freedom of information for public*.

Saya rasa ini akan menyusahkan semua pihak dan kerajaan *is not doing the best interest* untuk rakyat dan ini adalah perkara yang perlu perhatian dan perlu satu kesedaran yang baru, *a new thinking, a new open way to address* perkara-perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali...

■1230

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, sedikit. Yang Berhormat Ipoh Barat, sebelum boleh satu *round*? Terima Tuan Yang di-Pertua, boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Ipoh Barat, saya hendak beri pencelahan di sini iaitu berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bahawa sekarang ini undang-undang ini digunakan untuk mengekang kebebasan untuk berikan pendapat dan pandangan.

Adakah Yang Berhormat Ipoh Barat sedar bahawa selama ini kita di blok Pakatan Harapan ini d serang dan diberikan tuduhan bahawa kita mempunyai satu kumpulan tentera siber untuk membuat serangan-serangan di alam maya terhadap kerajaan? Akan tetapi sekarang ini bukan lagi perkara itu berlaku, malah rakyat sendiri sebenarnya yang sekarang ini berani untuk membuat *posting-posting* yang mengkritik secara terbuka kerajaan. Adakah undang-undang ini dianggap boleh memberikan ketakutan kepada rakyat di luar sana yang majoriti sudah tidak mahu lagi Kerajaan Barisan Nasional?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Bukit Katil, saya rasa ini adalah perkara yang serius. Saya rasa ini adalah yang akan mengakibatkan dengan *Anti-Fake Bill* ini, yang akan menyekat *the new thinking* ramai di antara pemuda-pemuda di negara ini dan saya rasa ini akan menyusahkan *the freedom of expression* dalam negara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, *I just give a headline, the treat to debunking fake news* perlu diambil kira. *There a many ways to all commit* dan satu di antara cara ialah jangan menggunakan akta atau rang undang-undang ini untuk menyekat apa yang hak kepada pihak-pihak yang di negara ini dan kenapa kita tidak ada *Freedom of Information Act*? Terima Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu.

12.31 tgh.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, okey terima Tuan Yang di-Pertua. Kurang sihat sikit, suara pun berlainan. Terima kasih kerana memberi kebenaran kepada saya Tuan Yang di-Pertua dalam membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ya. Sebenarnya kalau sebut anti berita tidak benar ini sebenarnya sangat luas. Dan berita palsu termasuk dalam erti kata dalam berita tidak benar. Ini sebenarnya kenapa undang-undang ini perlu diadakan. Banyak berita kadang-kadang separuh benar, separuh tidak benar.

Jadi, kita kena lihat dalam kita draf undang-undang baru, jadi kita kena lebih *advance* lagi kerana dalam keadaan sekarang dulu kita tidak ada draf. Kita draf undang-

undang dulu, kita tidak ada lagi media massa seperti sekarang ya. Dulu hanya ada surat khabar, mesin cetak seperti biasa ya dan undang-undang dulu dibuat sebelum daripada media massa terbaru ini ada ya. Maknanya, perlunya ada undang-undang khas dalam kita mengawal. Jadi, kita sebenarnya tidak perlu takut kalau pihak pembangkang pun rasa tidak perlu takut kecuali ada *temptation* hendak buat berita palsu. Ha, itu saya tidak tahu lah. Kalau ada dalam niat hendak buat, bila dah diluluskan esok kita akan kenakan lah.

Akan tetapi jangan takut, kita tidak akan kenakan pada semua. Maknanya, hanya kepada pembangkang sahaja atau pun Pakatan sahaja. Kita akan kenakan kepada semua. Dalam undang-undang kita jelas. Kita ada dua bahagian, Bahagian II dan Bahagian III. Bahagian II menyebut mana-mana orang yang melalui apa-apa cara. Maknanya semua orang bukan hanya pembangkang, bukan hanya Pakatan Harapan dan juga bahagian tiga juga adalah perkara yang sama. Ini bagusnya, ada Bahagian III ini pula sebab memberi satu yang dikatakan untuk membuat permohonan ex-parte. Untuk menyekat daripada berita itu terus berada di dalam berita sebagainya, ya. Tidak kira dengan cara penerbitan sebagainya. Maknanya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dalam undang-undang baru kita ini, kita ada nya Bahagian III ini mana-mana pihak yang terkesan boleh membuat permohonan ke mahkamah, kalau sebelum ini kita tidak ada dan hukuman juga agak berat. Kalau tidak ikut perintah, boleh didenda sehingga RM100,000. Maknanya, kita hendak lihat supaya tidak ada lagi penyebaran-penyebaran berita yang tidak masuk akal kadang-kadang. Hendak menceritakan benda-benda yang baik, banyaklah dalam kalau kita lihat kadang-kadang benda betul pun kita tidak boleh, kalau benda itu ada niat jahat dan sebagainya. Menjadi tidak betul.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Banyak perkara-perkara—belum masuk lagi pun dah— Berkenaan dengan apa itu? Kalau saya boleh tahu berkenaan apa Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kapar? Tanya dulu bahagian apa hendak tanya? Saya belum masuk lagi pun habis yang lain-lain. Maksud berita palsu saya belum masuk lagi. Hanya hendak cerita akta sahaja.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya ada soalan.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Rasa faham dengan akta.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya ada soalan mukadimah Yang Berhormat tadi. Boleh?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey lah, okey tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu, Setiu, Setiu. Mahu bagi laluan kepada Yang Berhormat Kapar kah tidak?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Boleh, boleh, boleh tidak apa, tidak apa lah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dia lebih faham dia rasa, saya rasa saya lebih faham.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan kepada Yang Berhormat. Soalan pertama, Yang Berhormat mengatakan tadi sekarang dah ada banyak media massa dan sebagainya. Saya ingin tanya tentang pandangan Yang Berhormat, yang pertama adalah, tentang walaupun media massa dah banyak, kita ada *WhatsApp*, *Facebook* dan sebagainya. Bukan kah kita pun tahu *the freedom of information and freedom of media* di negara kita makin lama makin terkikis. Dia tidak selaras dengan apa yang sedang berlaku sekarang. Walaupun ada banyak media tetapi *freedom of media* kita tidak bagi secara bebas untuk mereka. Itu yang pertama.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat sendiri mengatakan dengan adanya isu-isu sekarang kita perlu undang-undang ini. Yang Berhormat juga dalam perkataan tadi mengatakan dah ada undang-undang sebelum ini. Bukankah sebagai pengamal undang-undang, kita sepatutnya memperkasakan undang-undang yang sedia ada dan bukannya memperkenalkan undang-undang baru. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu, boleh saya tambah satu soalan sahaja dengan izin?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti, nanti. Nanti lupa nanti, nanti. Saya jawab satu-satu. Saya jawab yang kedua dulu ya. Yang kedua itu, saya rasa masalah sekarang ini undang-undang yang sedia ada tidak boleh hendak kita kawal berita-berita yang benar dan tidak benar. Undang-undang apa yang kita ada? Sekarang, kalau undang-undang bawah SKMM, kita ada seksyen 233. Dia menceritakan pasal benda-benda lain. Pasal benda-benda yang lucah dan sebagainya, bahan-bahan lucah. Jadi, ini tidak ada. Ini pasal berita. Berita yang tidak benar, termasuk berita palsu. Jadi, ini jawapan saya kepada soalan kedua. Hendak dikatakan tidak bebas, semua berita dalam apa semua bebas bercerita. Yang kita hendak kawal hanya yang tidak benar. Kalau yang benar, kita tidak sekat. Ini lah dia, ini masalah kadang-kadang dia orang di dalam fikiran dia orang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuba mengelirukan rakyat mengatakan, oh! Bebas tidak bebas akhbar kita? Sebenarnya bebas. Cuma yang kita hendak sekat sekarang ini berita Yang Berhormat tidak benar. Itu sahaja. Kena faham ya? Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Setiu memberi laluan untuk minta penjelasan. Soalan saya berkenaan dengan mukadimah tadi juga. Bila Yang Berhormat Setiu bermula dengan kata, ada keperluan untuk satu undang-undang khusus ya untuk isu berita palsu atau *fake news* ya, dengan izin dan sebab itu kita perlu, *you know*—rang undang-undang ini perlukan lah.

Saya ingin Yang Berhormat Setiu sebagai satu mantan pengamal undang-undang, adakah Yang Berhormat Setiu tahu berkenaan peruntukan di akta yang sedia ada, yang sudah ada lama sejak tahun 1984 dengan izin, *Printing Presses and Publications Act* khususnya peruntukan seksyen 8A. Boleh saya baca Tuan Yang di-Pertua dengan bahasa Inggeris ya. Tajuknya ialah *offence to publish false news*. Istilah *false news* itu ada. *False news* itu sama dengan apa yang ada di rang undang-undang sekarang. Dia bermula macam ini, 8A(1), “*Where in any publication, there is maliciously publish any false news*”. Itu ialah satu kesalahan.

#### ■1240

Jadi sekarang kita lihat inilah dengan sama, saya boleh kata *exact*lah, hampir sama unsur-unsur kesalahan ialah sama yang dicadangkan sekarang. Unsur apa? *False news* dan dengan pindaan sekarang kita tukar *knowingly* kepada *maliciously* iaitu sama dengan seksyen 8A. Seksyen 8A. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiu, sudah ada. Parlimen sudah buat undang-undang dulu dengan unsur yang sama, kenapa kita sekarang bawa satu undang-undang dan kita dengan izin, kita *replicate*, kita *duplicate* secara *exact* apa yang kita ada. Ini yang menimbulkan persoalan tentang niat...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey Yang Berhormat Subang, saya sudah fahamlah, saya faham okey. Jawapan dia senang sahaja. Okey, yang sekarang undang-undang sekarang dia lebih luas. Saya sudah beritahu awal-awal tadi dia lebih luas, berita tidak benar. Dia sebagai payung okey. Palsu itu adalah sebahagian daripadanya. Maknanya tidak sama. Okey faham Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang tak faham ini. Rasa Yang Berhormat Subang dia ini...

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Akta Mesin Cetak adalah bermula dibuat 1984, belum ada lagi yang sekarang ini media massa sekarang ini *Facebook* lah, *Twitter* nya dengan apanya, belum ada. Apa yang adanya masa itu mesin

cetak sahaja. Jadi dia tak nampak lagi apa yang kita hendak buat sekarang. Ini yang baru ini kita buat, baru nampak. Jadi ini sangat penting. Kita kena faham kenapa undang-undang ini dibuat.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Setiu sedikit. Kiri.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiu, saya hendak ingin bertanyalah sebab Yang Berhormat Setiu sebagai bekas mantan pengamal undang-undang dan sebelah sana pun banyak pihak yang terlibat juga. Kita seolah-olah akta ini hanya melindungi pihak sebelah sini, pihak kerajaan sahaja. Seolah-olah macam itu apa yang saya dapat daripada pihak pembangkang ini. Jadi, adakah akta ini dibuat hanya menyebelahi satu-satu pihak sahaja dan sebelum ini ada pihak sebelah sana juga mengatakan undang-undang ini nanti bila dia naik jadi kerajaan, jagalah akan balas dendam.

Jadi, kita seolah-olah keliru sedangkan pada saya undang-undang ini merangkumi semua pihak untuk melindungi semua orang. Termasuk pelbagai isu yang ada, termasuklah isu Ijok misalnya ada penipuan dikatakan dalam di luar pasal penjualan tanah, isu pembelian rumah Ketua Menteri Pulau Pinang misalnya. Ini saya jangka adakah ia tidak terang-kum ataupun terang-kum. Apa pandangan Yang Berhormat Setiu? Terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jawapan dia memang betul. Terang-kum. Masuk semua, jadi masuk dalam ucapan saya dan saya ingin menambah bahawa bawah seksyen 4, jelas mana-mana orang yang melalui mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak dan sebagainya itu boleh disabitkan. Maknanya semua orang, bukan sahaja kita.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti. Bila dekat *last* nanti saya bagi. Saya hendak beritahu sedikit sebanyak ini. Okey kita lihat pelbagai berita-berita palsu yang jelas okey. Kalau kita hendak tengok ada satu berita pemimpin PKR dedahkan sifat sebenar Rafizi. [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] Adakah ini bohong? Adakah ini benar? Adakah berita tidak benar? Jadi selagi tidak dinafikan, kita pun tak boleh kata benar atau tak benar. Akan tetapi *statement* ada, pemimpin PKR dedahkan sifat sebenar Rafizi, okey. Ada lagi kelemahan pimpinan Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin punca parti kucar kacir. Aktivis PPBM, adakah ini berita benar atau tak benar. Adakah ini hendak dibenarkan? Hendak diamatkan diri okey, ada lagi.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti, nanti saya hendak bagi tahu, sabar, sabar, sabar.

**Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Yang Berhormat Setiu, saya hendak tanya sebab yang disebutkan itu bukannya BR1M. Itu analisa, analisa tentang isu semasa.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Satu lagi berita Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin tak malu skandal dengan bini orang. Adakah ini kita hendak benarkan? Adakah ini hendak didiamkan berita benarkah, tak benar? Benar. Saya tak boleh kata benar, tak benar.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Jelas sikit, *sorry*.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sebab saya sendiri tak tahu cerita benar tak benar. Okey lagi satu...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Setiu, sedikit boleh tanya hendak benar atau tak benar.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti, nanti. Kalau saya benarkan saya tidak habis hendak bagi tahu.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** PBB cerita benarkah, tak benar?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sabar! Sabar dulu saya hendak beritahu. Ini *floor* saya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tak habis memfitnah orang di sini.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dalam *Malaysiakini*, "*PAS Selangor doa hancurkan tentera ahzab Harapan*". Kemudian keluar lagi berita, "*PAS Selangor doa hancurkan 'pakatan jahat'*". Mana satu betul, benar yang mana benar. Jadi marah kalau didoakan supaya pakatan jahat tetapi doa tak ada untuk hancurkan pakatan jahat pun. Tunjukkan bagi petunjuk tetapi itu pun kena marah. Jadi yang lain-lain banyak lagilah perkara-perkara kadang-kadang kita lihat ini satu lagi. "*Mukhriz Ikut Telunjuk DAP Mahu Buang Penjawat Awam Jika Berkuasa*". Pun sama. Ini berita saya hendak kata, inikah berita benar ataupun berita tak benar! Kalau tak benar, nafikan atau selepas ini lulusnya undang-undang kita, maka buatlah *report* dan boleh buat permohonan di bawah *ex parte application*. Sedikit lagi ya.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiu sepanjang kita mendengar perdebatan tadi, kebanyakan menyatakan bahawa akta ini memberi kesan dari segi politik semata-mata

dan kita tengok pihak pembangkang terlalu tidak setuju dengan akta ini kerana dikatakan menjejaskan politik mereka.

Akan tetapi Yang Berhormat Setiu, bolehkah Yang Berhormat Setiu mengesahkan di sini bahawa akta ini bukan untuk tujuan menangani isu-isu berita tidak benar yang berkait dengan politik semata-mata, tetapi ia juga pada pandangan saya— saya minta Yang Berhormat Setiu mengesahkan. Dalam dunia ekonomi juga ada berita-berita tak benar yang boleh menyebabkan keruntuhan ekonomi dalam bidang industri pengeluaran ada juga, dalam bidang perkhidmatan pun ada berita tidak benar, dalam bidang hiburan, dalam bidang agama, dalam bidang keselamatan. Semua ada masalah tentang berlakunya penyebaran berita tidak benar.

Jadi bukankah akta ini akan melindungi semua aspek-aspek yang disebutkan tadi, maka dengan sebab itu kita perlu terima dan perlu luluskan akta ini. Terima kasih.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Betul Yang Berhormat Tasek Gelugor. Memang betul, sebab ini kalau mengikut seksyen 4, jelas maknanya semua benda, merangkumi semua benda, berita tidak benar merangkumi semua benda bukan setakat benda palsu sahaja. Benda-benda lain yang palsu pun boleh ekonominya, apa-apa sahajalah, rumah tangga orang kah, apa semua, semua terlibat. Boleh. Selagi ia tidak benar, maka dia akan terangkum dalam akta kita sekarang. Jadi, tidak salahlah maknanya kita mengadakan satu akta yang baik seperti ini untuk kita sama-sama menjaga aman, supaya negara kita aman damai dan tidak kucar-kacir. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**12.48 tgh.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca sepotong ayat al-Quran]* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Pertama saya rujuk kepada satu hadis Nabi SAW riwayat Ibnu Majah dan juga Ahmad. Sabda Nabi SAW, *[Membaca sepotong hadis]* “Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan tipu daya”, *[Membaca sepotong hadis]* “Orang yang berbohong dianggap benar”, *[Membaca sepotong hadis]* “Dan orang yang bercakap benar dianggap pula pembohong”. *[Membaca sepotong hadis]* “Orang yang khianat diberikan amanah” *[Membaca sepotong hadis]* “Orang yang amanah pula dianggap sebagai pengkhianat”.

*[Membaca sepotong hadis]* “Dan berbicara kepada zaman itu”, *[Membaca sepotong hadis]* lalu sahabat bertanya Ya Rasullullah apa itu, *[Membaca sepotong hadis]* Sabda Nabi, *[Membaca sepotong hadis]* “Lelaki yang bodoh...”, *[Membaca sepotong*



*hadis*] Bercakap pada perkara besar melibatkan negara. Kita mungkin berada pada zaman yang disebut oleh kerana oleh Nabi kita Muhammad SAW ini. Orang benar dianggap bohong, yang bohong dianggap benar yang khianat diberi amanah, yang amanah pula dianggap sebagai pengkhianat. Maka tentulah suasana yang seumpama ini mengajak kita untuk berfikir bagaimanakah cara untuk mencegah dan menanganinya.

#### ■1250

Allah Taala menurunkan satu ayat dalam al-Quran berbunyi, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] Bermaksud, "Jika datang pada kamu seorang yang fasik membawa satu berita, maka hendaklah kamu mendapatkan keterangan atau bukti dan penjelasan". [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Kerana bimbang nanti kamu boleh menimpakan satu musibah pada satu kaum...". "Bijahalah", disebabkan oleh kejahilan. [Membaca sepotong ayat al-Quran], "Dan jadilah kamulah atau apa yang kamu lakukan itu orang-orang yang menyesal".*

Ayat ini turun sempena satu kisah, di mana Nabi SAW menghantar seorang laki-laki bernama Al-Walid bin Uqbah bin Abi Muaith untuk mengutip zakat daripada satu kampung, perkampungan Bani Musthaliq. Apabila beliau sampai, maka orang-orang Bani Musthaliq keluar beramai-ramai untuk menyambut utusan Nabi SAW untuk menggambarkan kegembiraan dan kesungguhan mereka menyambut utusan Nabi SAW. Akan tetapi Al-Walid ini salah faham. Dia menganggap bahawa mereka keluar untuk membunuh beliau ataupun menyekat beliau, maka beliau kembali kepada Nabi SAW dan menceritakan bahawa orang-orang Bani Musthaliq enggan membayar zakat hingga Nabi SAW sebagai Ketua Negara menjadi murka.

Apabila sampai maklumat itu kepada perkampungan Bani Musthaliq, mereka hantar utusan menyatakan kepada Baginda SAW salah faham tersebut bahawa mereka hanyalah keluar untuk menyambut utusan Nabi, bukan untuk menyerang ataupun menghalang kehadiran utusan Nabi SAW. Cerita ini menunjukkan kepada kita bahawa salah faham atau berita yang silap yang dilakukan dan dibawa oleh manusia tanpa sebarang penyelidikan boleh menghancurkan sebuah masyarakat. Oleh sebab itulah Allah turunkan ayat yang kita bacakan sebentar tadi. Bahkan, pada zaman Nabi SAW juga satu berita fitnah yang disebarkan oleh orang-orang munafikun, yang dipimpin oleh Abdullah bin Ubai bin Salul...

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kuala Nerus. Boleh?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, sila.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Kuala Nerus, saya bukan Muslim, saya bukan orang Islam tetapi

saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Ya, saya tengok ramai yang membantah akta ini dan juga kita ada Akta Antidadah, bermakna selagi kita tidak ambil dadah, sepatutnya kita jangan takut dengan akta itu. Saya minta pandangan, kalau ikut pengajaran Islam, adakah benar memfitnah itu adalah lebih bahaya daripada membunuh? Pengajaran Islam juga mengajar seseorang itu bercakap berdasarkan fakta, jangan memfitnah. Jadi, apa takutnya dengan akta selagi kita cakap apa yang benar, mengikut fakta? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya datangkan satu cerita tentang hadis menggambarkan betapa Islam mengangkat berita yang benar. Cuma hujahan yang disebut oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi tentang fitnah lebih besar, lebih bahaya ataupun lebih teruk daripada membunuh. Itu adalah kefahaman yang salah terhadap dua ayat Allah SWT. Satunya, *al-fitnatu asyaddu minal qatli*, "*Fitnah itu lebih teruk daripada membunuh*", satu lagi *al-fitnatu akbaru minal qatli*, "*Fitnah itu lebih besar daripada membunuh*".

Makna, fitnah di sini bukan dengan makna yang kita faham sekarang iaitu berita palsu, tuduhan tetapi makna fitnah di situ adalah fitnah kekufuran. Jadi, berhujah dengan ayat itu adalah silap walaupun yang berhujah itu adalah kadang-kadang orang Islam sendiri. Akan tetapi apa yang saya faham daripada Yang Berhormat tadi ialah tentang besarnya perkara fitnah dan juga perkara yang melibatkan pembohongan ini. Ya, Islam menegaskan bahawa berbohong adalah dosa besar. Apatah lagi jika pembohongan itu datang daripada mereka yang menjadi pemimpin kepada masyarakat.

Oleh sebab itulah sabda Nabi SAW, [*Membawa sepotong ayat*] Ketahuilah sabda Nabi SAW, "*Sebenar-benar pengkhianatan ialah... [Membaca sepotong ayat] pengkhianatan oleh seorang pemimpin terhadap rakyat dan orang awam*". Itu menunjukkan betapa Islam menegaskan tentang bahayanya fitnah, pengkhianatan, pembohongan dan sebagainya. Saya hendak datangkan satu cerita zaman Nabi SAW yang berlaku kepada isteri Baginda SAW yang dituduh kononnya berzina dengan seorang sahabat Nabi SAW.

Cerita fitnah yang disebarikan oleh seorang laki-laki iaitu Abdullah bin Ubai bin Salul, Ketua Orang-orang Munafikin pada zaman Nabi SAW. Ceritanya hanya kerana prasangka. Bila mana Aisyah r.a. ketinggalan dalam satu perjalanan pulang ke Madinah Al Munawwarah, lalu sahabat Nabi bernama Shafwan bin Muathal bila tengok Aisyah r.a. ketinggalan, membawa untanya diturunkan dengan isyarat supaya Aisyah naik, lalu diheret unta itu sampai ke Madinah Al-Munawwarah. Bila sampai ke Madinah sahaja, maka Abdullah bin Ubai membisikkan, tidak mungkin dua orang yang berdua-duaan itu tidak selamat ataupun selamat daripada berzina dan sebagainya, maka berita itu

disambut oleh orang Islam, disebarkan hingga menimbulkan kegemparan dalam masyarakat Madinah Al-Munawwarah selama sebulan hingga akhirnya apabila Aisyah sedar apa yang berlaku, Aisyah minta dengan Nabi untuk kembali ke rumah ibu dan bapanya untuk bertenang sekejap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Nerus, ada Ahli Yang Berhormat berdiri di belakang.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya? Ada? Sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus kerana telah memperbetulkan hujah daripada Yang Berhormat Simpang Renggam tadi dan juga merupakan satu pengajaran kepada kita semua. Akan tetapi setuju kah, sebab tadi Yang Berhormat Simpang Renggam kata kita tidak perlu takut tentang undang-undang ataupun Rang Undang-undang Antiberita 'Palsu' seperti kita tidak perlu takut kepada Undang-undang Antidadah, kalau tidak buat salah jangan takut. Jadi, setujukah Yang Berhormat Kuala Nerus bahawa masalahnya kita bukan hanya undang-undang, masalahnya ialah pelaksanaannya. Saya hendak bagi contoh, satu undang-undang telah dikenakan ke atas seorang anak muda satu bulan yang lalu di bulan Februari, nama beliau Fahmi Reza.

Dikenakan penjara satu bulan dan denda RM30,000 semata-mata kerana beliau lukis komik. Masalahnya bukan undang-undang, masalahnya kita bukan takut kerana kita buat salah. Masalahnya ialah orang yang melaksanakan undang-undang itu berlaku tidak adil dan memperalatkan dan menyalahgunakan kuasa, menghukum orang yang tidak bersetuju dengan mereka.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya sangat bersetuju dan itu adalah sebahagian poin yang saya akan sebut. Kebimbangan bukan kepada akta, akta itu adalah benar tetapi pada pelaksanaan kepada akta. Kita memerlukan orang yang tulus, orang yang jujur, orang yang amanah untuk melaksanakan akta yang baik. Di kala mana akta itu dilaksanakan oleh mereka yang tidak jujur dan tidak amanah, maka akan berlakulah salah guna dan akan berlakulah mereka yang kena zalim.

Oleh sebab itulah kita tengok hadis Nabi SAW, [*Membaca sepotong hadis*], "*Bilamana amanah disia-siakan tunggulah kiamat*". Sahabat tanya Nabi, [*Membaca sepotong ayat*], "*Apa makna amanah disia-siakan?*" Sabda Nabi SAW, [*Membaca sepotong ayat*] "*Bilamana satu amanah, pengurusan, pemerintahan, diberikan kepada orang yang tidak layak, maka tunggulah kiamat*". Itu menunjukkan kepada kita bahawa kebimbangan ialah pada pelaksanaan, maka yang perlu kita laksanakan ialah kita

pastikan mereka yang bakal mentadbir negara ini pada PRU14, pasca PRU14 adalah mereka yang kita yakin boleh melaksanakan akta ini dengan cara yang paling baik, paling beramanah hingga akhirnya mereka memberi kebaikan kepada rakyat dan juga negara, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung apa saya sebutkan tadi. Bilamana tersebar berita palsu tentang Aisyah r.a., menimbulkan kegemparan. Ini cerita melibatkan isteri Nabi SAW dan Nabi dalam konteks ini adalah seorang pemerintah, pemerintah bagi Madinah Al-Munawwarah. Hingga akhirnya, selepas sebulan daripada itu barulah diturunkan ayat, ditegur oleh Allah SAW. Firman Allah SWT, *[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Alangkah baik kalau kamu dengar cerita tadi... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Orang-orang yang beriman, laki-laki dan perempuan bersangka baik"*.

*[Membaca sepotong ayat al-Quran] "Dan mereka menyatakan ini adalah pembohongan yang sangat nyata"*. Ini nasihat al-Quran. Sangat malang pada hari ini kita lihat bukan hanya orang awam, bahkan juga orang-orang politik sama ada daripada pihak kerajaan ataupun pembangkang tidak mengamalkan apa yang disarankan oleh Allah SWT ini. Bila sampai pada satu berita, maka segera kita bersangka buruk, membuat pelbagai tuduhan dan juga tohmahan, tidak bersikap adil dalam membuat penilaian kepada apa-apa berita.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang prasangka dan bagaimana saranan Islam dalam kita memimpin. Sekarang ini *viral*, bahawa pemimpin PAS terima duit 1MDB. Ada yang mengatakan PAS terima duit RM90 juta. Begitu juga PAS telah berUG dengan UMNO. Jadi, perkara-perkara ini sedang *viral*. Jadi, ini menimbulkan salah faham dan tanggapan negatif kepada parti Islam. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Sabda Nabi, *[Membaca sepotong ayat] "Kalau tidak kerana pembuktian, tentu manusia mendakwa apa yang dia mahu dakwa"*. Itu yang berlaku sekarang. Tanpa sebarang bukti, kita membuat dakwaan yang sangat berat terhadap manusia, terhadap masyarakat, terhadap individu, terhadap kelompok, terhadap parti dan terhadap pelbagai pihak. Maka, kita perlu tegaskan di sini bahawa pembuktian adalah perkara asas. *[Membaca sepotong ayat] "Hukum asal manusia bebas daripada sebarang tuduhan"*.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Akan tetapi sangat pelik kita pada hari ini, kita sebut begini.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kita kata kalau tidak betul, samanlah.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kuala Nerus. Jadi, yang tohmahan seperti kata PAS menerima duit 1MDB, jadi ini merupakan fitnah macam mana? Adakah berbeza dengan fitnah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Itu adalah fitnah yang sangat besar, menyatakan PAS menerima duit daripada UMNO. Ini adalah tuduhan dan tohmahan. Bahkan, disabitkan contoh saya beli kereta menggunakan duit UMNO. Saya bukan hanya mempunyai gaji daripada Parlimen semata-mata, saya adalah ahli perniagaan, mempunyai kewangan saya sendiri, ini tuduhan yang sangat jahat. Merosakkan maruah, bukan seorang, bukan dua, puluhan ribu manusia, jutaan manusia yang bersama parti Islam. Itu tuduhan-tuduhan yang salah.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus tentang penafian-penafian tersebut sebab bagi yang mendakwa pastinya kena bawa bukti. Cuma, adakah Yang Berhormat Kuala Nerus bersetuju bahawa kita perlu membuat deklarasi aset supaya tuduhan-tuduhan itu dapat dijawab secara telus bahawa kita mempunyai kekayaan begini-begini supaya orang tidak timbul keraguan seperti mana yang Ahli Parlimen Amanah semua telah *declare*kan aset mereka. Apa pandangan PAS? Itu satu kenyataan, minta pandangan PAS lah.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih daripada Yang Berhormat Parit Buntar. Deklarasi aset itu adalah hak yang boleh kita laksanakan kepada rakyat tetapi tidak semestinya secara terbuka. Secara parti, dalam kita kerana pengisytiharan aset terbuka itu boleh mendedahkan kepada pelbagai serangan lain terhadap pemilik harta. Itu ada pro dan kontranya, masing-masing memberikan pandangan. Akan tetapi balik kepada hukum asal. Asas seseorang tidak berhak untuk dituduh, sekiranya berlaku sebarang tuduhan tanpa sebarang bukti yang benar, itu adalah suatu pembohongan dan juga fitnah yang sangat besar dan dosanya patut ditanggung oleh mereka yang melakukan perkara seumpama itu.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, bukanlah sebagai seorang penjawat awam daripada Ahli Parlimen yang mengundi kita,

perlu mengetahui dari mana kekayaan kita dan di mana kita belanjakan kekayaan. Itu soalan saya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, isunya ialah adakah kita perlu mendedahkan aset kepada orang awam? Itu persoalan yang boleh kita bahaskan. Masing-masing ada pandangan tersendiri tetapi memaklumkan aset yang ada kepada parti atau peringkat dalaman, itu boleh dilakukan oleh mana-mana parti, tidak ada sebarang masalah. Akan tetapi balik kepada hukum asal, adakah jika tidak diisytiharkan aset, menjadi alasan dan dalil untuk seseorang itu dituduh dengan pelbagai tuduhan? Balik kepada hukum asal, *[Membaca sepotong ayat]*. Hari ini kita hendak merubah konsep yang asal tadi.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Parti PAS mempunyai sistem, apakah parti PAS mempunyai sistem untuk suruh Ahli Parlimennya mendeclarekan aset di hadapan pimpinan?

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya tidak perlu menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi, itu adalah urusan dalaman kami. Akan tetapi apa yang kita tegaskan ialah balik kepada hukum asal, jangan lari tajuk. *[Membaca sepotong ayat]* “*Hukum asal adalah lebih daripada tuduhan*”. Kenapa kita hendak gunakan hari ini, umpama kita katakan. Kalau tidak betul, samanlah. Saman ini melibatkan duit, melibatkan kos, masa, setahun, dua tahun dan tiga tahun. Untuk tempoh yang panjang sebelum kita berjaya membersihkan nama kita setelah dituduh, ditohmah, reputasi kita jatuh dan sebagainya. Ini adalah suatu perkara yang sangat zalim.

Zalim terhadap orang yang dituduh. Oleh sebab itu balik kepada kaedah asal, hukum Islam. *[Membaca sepotong ayat]* “*Dan itu kaedah yang dipakai oleh seluruh dunia*”. Oleh sistem kehakiman antarabangsa. Kenapa kita pula hari ini hendak ubah sistem itu menyatakan bahawa saman akan menentukan betul apa tidak? Ini adalah kaedah yang sangat salah. Oleh sebab itulah, kita tengok dalam Quran menceritakan kepada kita kaedah, kita berhadapan dengan keadaan yang seumpama ini.

Firman Allah SWT, *[Membaca sepotong ayat]* “*Alangkah baik jikalau kamu dengar perkara seumpama ini kamu menyatakan bahawa tidak wajar kamu bercakap perkara yang seumpama ini... [Membaca sepotong ayat]* “*Maksudnya engkau wahai Tuhan*” *[Membaca sepotong ayat]* “*Ini adalah berita bohong yang sangat besar*”. *[Membaca sepotong ayat]* “*Allah nasihat kamu jangan buat lagi perkara yang seumpama itu*”

Firman Allah Taala lagi, *[Membaca sepotong ayat]* Firman Allah, “*Mereka yang suka tersebarnya berita jahat, di kalangan orang-orang yang beriman bagi mereka yang sangat pedih... [Membaca sepotong ayat]* “*Di dunia dan juga di hari akhirat Allah SWT*” *[Membaca sepotong ayat]* “*Allah Taala mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui*”.

Untuk menggambarkan betapa pentingnya perkara ini... Tuan Yang di-Pertua, sambung selepas rehat atau macam mana? Saya ada poin sikit lagi. Sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah saya kasi lebih masa.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Okey, saya tamatkan begini. Saya jelaskan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak suka memotong Yang Berhormat apabila berkaitan hadis.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** ...dalam konsep Islam, bai'ah dibuat Nabi SAW dengan sahabat sebelum pembinaan negara Madinah ialah antaranya [*Membaca sepotong ayat*] "*Kamu kena bai'ah, jangan buat datang berita palsu*". [*Membaca sepotong ayat*] "*Yang kamu reka di kalangan kamu*". Ini menggambarkan kepada kita bahawa asas kepada sebuah negara ialah jangan mencipta sebarang berita palsu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana masa yang diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.06 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada lagi hendak ambil bahagian? Yang Berhormat Sekijang.

### **2.32 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini. Walaupun tadi kita sudah mendengar rakan-rakan, terutamanya di sebelah sana menyatakan yang mereka sebenarnya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, tetapi dengan perbahasan saya ini, saya yakin selepas ini mungkin mereka akan lihat bahawa rang undang-undang ini perlu untuk kita sokong pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan perbahasan saya ini dengan merakamkan junjungan kasih saya di atas keprihatinan Duli Maha Mulia Sultan Johor yang telah menzahirkan dukacita apabila media sosial disalahgunakan oleh segelintir pihak untuk menghantar berita-berita palsu bagi memupuk kesangsian dan kebencian. Baginda amat risau kerana perkara ini juga terpalit kepada Baginda dan keluarga Baginda. Saya juga

menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang turut menzahirkan rasa dukacita apabila media sosial dan portal berita disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan berita palsu sehingga boleh mengundang perpecahan dalam kalangan rakyat. Sesungguhnya keprihatinan Tuanku Sultan Johor dan Sultan Selangor terhadap bahayanya sebaran berita palsu ini sepatutnya kita kongsi dan sekalian rakyat Malaysia menyokong tentang rang undang-undang yang akan kita bentangkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya penyampaian sesuatu berita itu sangat berkait rapat dengan agama. Kita sudah dengar tadi ada firman ayat Quran dan sebagainya. Tidak kira apa sekalipun agama yang dianuti oleh manusia, setiap agama menekankan tentang betapa pentingnya berita yang disampaikan itu benar. Setiap agama juga tidak membenarkan prasangka buruk apatah lagi penyampaian berita atau cerita palsu yang menjurus kepada fitnah.

Saya ingin berkongsi sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, *“Akan datang tahun-tahun penuh dengan kedustaan yang akan menimpa manusia. Pendusta dipercayai, orang yang jujur didustakan, amanat diberikan kepada pengkhianat, orang yang jujur dikhianati dan ruwaibidhah turut berbicara. Lalu para sahabat bertanya apakah ruwaibidhah itu? Baginda menjawab iaitu orang-orang yang...”*— dengan izin— *“Bodoh yang mengurus urusan orang yang banyak iaitu umat-umat manusia.”*

Di dalam hadis ini, terdapat dua rumusan yang boleh kita berikan penekanan. Pertamanya, betapa pentingnya sesuatu berita itu dibuktikan kesahihannya. Kedua, akibat buruk yang akan menimpa kita semua jika kita termakan dan percaya kepada berita-berita yang tidak benar ataupun berita palsu, atau yang lebih teruk istilahnya ialah fitnah.

Jadi persoalannya, mengapa bila dibawa perkara yang baik yang boleh menghalangnya tersebarnya berita-berita palsu dan fitnah ini seperti Akta Antiberita Tidak Benar ini, ada pula pihak yang tidak bersetuju dan menolak? Di dalam agama kita sendiri pun telah menekankan betapa pentingnya kita menghindarkan berita yang tidak benar ini. Jadi, adakah proses menghalang penyampaian berita palsu ini adalah sesuatu yang tidak baik? Itulah masalah yang ada pada pembangkang pada kali ini. Perkara yang baik sekalipun mereka tetap akan tolak.

Tuan Yang di-Pertua, kepesatan teknologi memungkinkan kehidupan masyarakat pada hari ini menjadi lebih mudah. Ini termasuklah dalam proses sebaran dan penyampaian berita. Namun, di sebalik kemudahan akses ini, kita juga tidak boleh nafikan ada keburukan yang perlu kita sama-sama memberikan perhatian. Kehadiran media sosial sebagai platform penghubung merupakan perkara yang tidak boleh kita elakkan



dan di hujung jari sahaja pun, pelbagai perkara kini kita boleh capai. Disebabkan hujung-hujung jari ini jugalah pelbagai maklumat serta berita disampaikan dan tersampai tidak kira sama ada sesuatu berita itu dihujah menerusi fakta benar ataupun dipenuhi aita yang membawa kepada fitnah.

Akta Antiberita Tidak Benar yang dicadangkan ini menggariskan beberapa peruntukan yang dilihat sedikit sebanyak mampu membendung penyebaran berita palsu. Setiap undang-undang perlu melihat dari sudut pencegahan. Sesungguhnya mencegah itu lebih baik daripada merawat. Hukuman denda sehingga RM500,000 atau penjara enam tahun, setelah dipinda, merupakan suatu bentuk hukuman pencegahan. Ia bukan bertujuan untuk menakut-nakutkan, sebaliknya adalah untuk memastikan setiap rakyat Malaysia lebih berhati-hati dalam menyebarkan sesuatu berita. Melalui hukuman ini, ia akan memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak begitu mudah membuat perkongsian ataupun dalam bahasa biasanya *sharing*, tanpa membuat apa-apa pengesahan. Apabila risau diambil tindakan berat, maka setiap rakyat sudah tentu akan membuat penelitian lanjut sebelum menerima sesuatu berita.

Akan tetapi, adakah dengan kewujudan akta dengan hukuman sebegini berat akan menghalang hak kebebasan bersuara? Adakah terdapat juga praktis sama di negara luar yang lain? Jawapan kepada soalan pertama ini ringkas. Berani kerana benar, takut kerana salah. Jika tidak bersalah dan berada di pihak yang benar, tidak perlulah kita takut tentang akta ini. Untuk soalan kedua pula, sudah tentulah ada.

Contohnya di Jerman, menerusi undang-undang dikenali sebagai dengan izin, *Network Enforcement Act (NetzDG)*. Malah, peruntukan di bawah undang-undang di Jerman ini adalah jauh lebih berat. Apakah peruntukan itu? Di bawah NetzDG ini, seseorang didapati bersalah menyebarkan kebencian melalui penyampaian berita tidak benar boleh dikenakan denda antara EUR500,000 ataupun RM2.4 juta sehingga EUR5 juta ataupun RM24.17 juta. Daripada jumlah ini, denda mungkin boleh meningkat kepada EUR50 juta ataupun RM242 juta jika platform penyiaran yang digunakan tidak mengambil tindakan terhadap apa-apa berita palsu yang disebarkan.

Beberapa negara lain juga ketika ini sedang mengkaji undang-undang berkaitan berita palsu ini. Ada yang masih di peringkat awal penggubalan dan ada juga sedang menunggu masa untuk dibentangkan. Presiden Perancis pada tarikh 3 Januari awal tahun ini telah secara terbuka menyatakan bahawa kerajaan pimpinannya bercadang memperkenalkan undang-undang berkaitan berita palsu dalam masa terdekat bagi membendung masalah ini. Sementara di negara jiran seperti di Singapura, dua minggu lalu telah memulakan pendengaran awam bagi mengkaji kepentingan undang-undang seperti ini. Melalui satu kajian yang melibatkan hampir 2,000 responden, menyatakan

seramai 91 peratus responden menyokong sesuatu undang-undang yang lebih ketat untuk mengawal penyebaran berita palsu.

#### ■1440

Di Filipina pula, sudah terdapat tiga usul berkaitan berita palsu dibawa ke *House of Representatives* dan juga Dewan Senat. Salah satu usul yang dibawa oleh Senator Joel Villanueva pada Julai 2017 yang lepas yang telah memfailkan usul untuk mengenakan denda antara 220,000 sehingga 370,000 bagi kesalahan penyebaran berita palsu di negara tersebut. Jika di negara maju dan ke hadapan seperti Jerman ini pun memerlukan undang-undang seumpamanya, apatah lagi negara kita di Malaysia ini. Jika negara sejiran pun telah mempunyai cadangan yang sama, adakah Malaysia sanggup membiarkan berita palsu menjadi pemecah belah masyarakat kita?

Malaysia tidak boleh terus membiarkan perkara ini. Kita semua sedar dan bukan rahsia lagi bahawa penyebaran berita palsu ini adalah permainan harian seperti yang dilakukan oleh sesetengah pihak. Pihak pembangkang juga antara kumpulan yang sering membuat pelbagai berita palsu. Antara buktinya, kita tidak mungkin akan lupa bahawa penipuan yang telah dibuat pada tanggal 5 Mei 2013 iaitu ketika berlangsungnya hari pengundian PRU 2013 bila mana pembangkang dengan secara *desperate* menyebarkan berita palsu terdapat 40,000 pengundi Bangladesh telah digunakan untuk mengundi Barisan Nasional.

Sebab itu sehingga ke saat ini, kita membahaskan rang undang-undang ini, pihak pembangkang masih lagi tidak bersetuju kerana hakikatnya penyebaran berita palsu ini adalah modus operandi mereka. Ini telah terbukti pada PRU 2013 yang lalu. Mereka memomokkan rakyat kononnya Akta Antiberita 'Palsu' ini akan menyekat kebebasan bersuara. Mereka timbulkan rasa amarah rakyat dengan menyatakan undang-undang ini bersifat kejam dan kerajaan bersifat terdesak. Sedangkan kebenarannya kewujudan akta ini akan menghalang tingkah laku hina mereka yang selama ini menjadi makanan harian.

Jangan sesekali kita lupa bagaimana tersebarnya berita palsu pada tanggal 5 Mei 2013 tentang kononnya peti undi dibawa lari dari pusat pengundian. Mereka memperbodohkan rakyat yang mungkin kurang peka atau kurang arif tentang perjalanan pilihan raya, sedangkan setiap calon bertanding berhak melantik wakil atau ejen yang akan mengawasi perjalanan hari pengundian dari awal sehingga selesai semua kiraan dibuat bagi setiap saluran mengundi. Dua contoh ini sudah cukup jelas menunjukkan bahawa pembangkang adalah dalang di sebalik tersebarnya banyak berita palsu di negara kita ini. Hakikatnya, kebebasan dan ketelusan sistem penyampaian maklumat dan berita telah dirobek oleh pihak pembangkang. Oleh sebab itu mereka tidak bersetuju dengan cadangan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak harus lupa tentang bagaimana tohmahan fitnah dan berita palsu yang disiarkan oleh Yang Berhormat Pandan pada 9 Februari tahun 2016, di *Facebook* miliknya tentang kononnya Tabung Haji mengalami defisit dan tidak mampu membayar semula caruman yang dibuat jika kesemua pencarum mengeluarkan wang mereka secara serentak. Oleh kerana angkara tersiarnya tohmahan fitnah dan berita palsu ini, seramai 3,954 pendeposit telah termakan penipuan jahat ini, telah menutup akaun mereka dan daripada jumlah ini, seramai 3,105 pendeposit telah hilang kelayakan menunaikan haji termasuk kehilangan tahun giliran untuk menunaikan haji.

Saya tidak mahu sentuh perkara ini terlalu mendalam kerana ia masih dalam proses mahkamah tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini ialah rakyat diperbodohkan dengan begitu kejam oleh pembangkang dengan penyebaran berita palsu seperti ini sehingga mereka menutup akaun dan kehilangan giliran untuk mengerjakan haji dan masih ramai pemimpin pembangkang menerima keuntungan pula hasil caruman mereka di Tabung Haji. Mereka menyebarkan berita palsu, menanam kebencian, menyemai rasa marah rakyat kepada kerajaan. Mereka sendiri sebaliknya menerima keuntungan hasil daripada simpanan mereka. Wahai rakan-rakan, simpatilah kepada rakyat. Jangan kerana kemarukkan kuasa, jangan kerana tidak sabar sangat hendak duduk Putrajaya, kita buat perkara-perkara yang tidak baik seperti ini.

Ini belum lagi termasuk dengan berita-berita *recycle* kononnya negara kita ini negara yang akan bankrap. Itu tidak termasuk dakwaan jahat bahawa Malaysia ini *the fail state* ataupun negara gagal. Ini juga tidak termasuk sangkaan ekonomi Malaysia dalam keadaan yang teruk sedangkan terbukti kebenarannya terbukti tidak benar dan semua sangkaan ini adalah sangkaan yang tidak baik. Badan antarabangsa telah menyatakan perkara ini berbeza daripada apa yang dinyatakan dan selama ini dan terbukti bahawa pembangkang memang cuba memperdayakan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu tidak salah saya katakan pembangkang takut pada akta ini kerana sesungguhnya merekalah dalang di sebalik tersebarnya banyak cerita palsu dan mengarut dan tidak benar ini. Oleh sebab itu mereka tidak akan sokong akta ini walaupun pada hakikatnya akta ini adalah akta yang baik bagi rakyat supaya rakyat tidak terus diperbodohkan oleh mereka ini untuk menutup perkara-perkara yang tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya nyatakan sebentar tadi berhubung dengan segala macam bentuk berita palsu yang telah direka dan disebarkan oleh pembangkang merupakan punca mengapa mereka takut dan tidak bersetuju dengan akta ini. Malaysia sudah tentu – saya amat yakin dan saya amat percaya sudah tentu akan lebih aman dan harmoni tanpa adanya berita-berita palsu yang boleh merosakkan

hubungan kehidupan masyarakat kita. Kita juga tidak perlukan pemimpin seperti pembangkang yang saban hari membentuk kebencian di antara masyarakat kita.

Cukuplah setakat ini Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang baik seperti objektif dan matlamat penggubalan Akta Antiberita Tidak Benar ini haruslah dipandang daripada segi sudut positif bagi memastikan kita tidak terus diperdaya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Malaysia bebas *fake news*. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah.

#### **2.46 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kebanyakan rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Parlimen di sebelah sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*] dan juga ramai rakan-rakan wartawan yang berada di luar sedang bertanya mengapa pihak kerajaan begitu tergesa-gesa ingin hendak meluluskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa buat masa kini, perkara yang paling penting yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan adalah untuk mengadakan lebih banyak dialog kepada seluruh rakyat Malaysia. Kenapakah pihak kerajaan hendak meluluskan rang undang-undang ini sebelum PRU yang ke-14? Saya hendak tanya, sebab kalau kita lihat kepada mereka yang tersabit kesalahan ini, akan didenda sebanyak sepuluh tahun penjara dan juga didenda tidak melebihi RM500,000 walaupun ada pengurangan denda daripada segi penjara. Akan tetapi apa yang saya lihat pada hari ini kalau seseorang menyebarkan satu *WhatsApp* ataupun *We Chat* mengenai GST.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [*Bangun*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Sebentar ya. Mengenai GST membebaskan rakyat, adakah perkataan GST membebaskan rakyat selepas kita luluskan undang-undang ini ia akan menjadi satu berita palsu dan mereka yang menyebarkan *WhatsApp* ini akan disalahkan ataupun didakwa ke mahkamah. Ya, silakan Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Rasah. Tadi Yang Berhormat Rasah kata mengapa kerajaan tidak memberikan lebih banyak masa dan saya dengar tadi Ahli Yang Berhormat daripada

sana [*Merujuk kepada blok kerajaan*] berkata bahawa banyak negara telah buat termasuk negara-negara jiran saya. Tahukah Yang Berhormat Rasah bahawa ada di negara Singapura iaitu jiran kita yang terdekat ini, Parlimen telah menubuhkan sebuah jawatankuasa terpilih ataupun *Select Committee*, dengan izin untuk membincangkan tentang isu-isu yang berkaitan dengan berita palsu, berkaitan dengan cara-cara untuk mengatasinya termasuk mungkin melaksanakan perundangan dan jawatankuasa terpilih Parlimen ini terdiri daripada Ahli-ahli pembangkang dan juga mereka telah mengadakan perbincangan atau *consultation* awam sepanjang bulan Mac dan saya percaya akan dilanjutkan lagi.

Jadi, bezanya dengan Malaysia yang hanya diberikan dua hari untuk berdebat dan seakan-akan terburu-buru untuk melaksanakan akta ini sebelum pilihan raya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** [*Bangun*]

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, saya memang— Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya masukkan ucapan Yang Berhormat Bukit Mertajam di dalam ucapan saya. Saya memang amat setuju. Sebenarnya semua Ahli Parlimen sebagai contoh *Select Committee* sepatutnya ditubuhkan untuk membincangkan perkara ini. Bukanlah sebelum pembentangan rang undang-undang ini barulah ada satu sesi taklimat yang saya rasa mungkin kurang daripada satu jam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Katil bangun Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bukit Katil, selepas Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Rasah tadi yang berkaitan denda ataupun hukuman. Adakah Yang Berhormat Rasah sedar bahawa apabila Ahli ahli Parlimen daripada kerajaan memberikan misalan-misalan seperti Filipina dan negara-negara yang lain, di Filipina misalnya Yang Berhormat Rasah, hukuman berat ini yang dalam Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini, hanyalah penjara antara satu hingga enam bulan dan denda daripada 40,000 peso kepada 20,000 peso yang pada kita rendahlah. Jadi kita ingin tanya kepada kerajaan, apakah Yang Berhormat Rasah setuju apakah standard yang diikuti dalam kita membuat penentuan jumlah denda dan juga tempoh penjara ini kerana kita lihat seolah-olah begitu teruk kesalahan menyebarkan berita palsu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

## ■1450

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya memang amat setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Katil tadi.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai bangun Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai sila.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Rasah, Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja isunya bila bercakap tentang *Select Committee*, Jawatankuasa Parlimen Khas dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya ingin maklumkan Yang Berhormat, apa pendapat Yang Berhormat bila masa negara seperti England di United Kingdom dan juga di Amerika Syarikat, mereka wujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi membincangkan isu-isu di bawah tajuk *fake news*.

Di England sahaja, lapan bulan diteruskan proses ini untuk mengenal pasti dalang-dalang di sebalik *consultant*, perunding *Cambridge Analytica* tapi maksudnya kalau hendak bandingkan kenapa kita ambil secara terpilih bila bab Jawatankuasa Parlimen, bab adanya proses dan rundingan kita letak ke tepi. Saya mohon pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya memang amat setuju sekali apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Jadi saya memang akan mencadangkan supaya pihak kerajaan tangguhkan rang undang-undang ini supaya dapat dibincangkan di *Select Committee*, selepas itu barulah membentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai juga yang bertanya-tanya, siapakah yang akan tentukan berita itu adalah palsu ataupun tidak benar kerana bagi seluruh rakyat Malaysia berita palsu itu berita yang tidak berasas tetapi katakan apa yang saya ambil contoh tadi, GST satu cukai yang membebankan rakyat. Ini adalah benar tetapi bagi tafsiran Kerajaan Barisan Nasional, GST dia tidak membebankan rakyat Malaysia.

Di sini saya memeta satu keratan akhbar dari *Utusan Malaysia* yang bertarikh 1 April 2013, berita yang dikeluarkan lima tahun dahulu oleh pihak *Utusan* dan kenyataan Perdana Menteri. Tajuk ia '*Penyelesaian Pengiktirafan Sijil UEC*' dan berita tersebut menyatakan bahawa Perdana Menteri telah menjanjikan selepas pertemuan dengan Dong Zhong, beliau akan berjumpa dengan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi pada masa itu untuk cari jalan penyelesaian pengiktirafan UEC. Akan tetapi sampai hari ini sudah lima tahun, jawapan yang saya terima baru-baru ini mengatakan bahawa pihak kerajaan menegaskan bahawa pengiktirafan UEC – *status-*

*quo*. Jadi saya hendak tanya ini merupakan berita palsu ataupun berita yang benar. Sampai hari ini tidak ada pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, poin yang seterusnya. Sebenarnya kita sudah ada banyak undang-undang yang sedia ada untuk memerangi berita palsu cuma terpulanglah kepada pihak berkuasa, adakah mereka memang mempunyai hasrat untuk memeranginya. Memang saya tidak bantah mana-mana tindakan yang diambil kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab cuma dari segi mengambil tindakan atau langkah-langkah, undang-undang ini saya lihat kalau di sini, sebelah sini ada penyokong-penyokong Pakatan Harapan yang dikatakan kononnya memfitnah mana-mana pihak di sebelah sana mereka akan diambil tindakan, mereka akan dilokap.

Di sini, saya ingin memohon pihak kementerian ataupun Menteri yang bertanggungjawab boleh tidak tolong beri jawapan kepada Dewan yang mulia ini, berapakah mereka yang telah pun diambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang memfitnah pemimpin-pemimpin yang di sebelah sini, di sebelah Pakatan Harapan.

Saya rasa itu adalah sesuatu yang kita perlu tahu dan saya rasa dalam— ketika kita mengambil langkah-langkah, undang-undang ataupun segala pendakwaan kita tidak sepatutnya ada *double standard*. Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka agak bimbang kalau dengan lulusnya rang undang-undang ini, ia akan menyekat bukan sahaja kebebasan bersuara tetapi juga kebebasan media.

Saya rasa ini adalah sesuatu yang kita perlu lihat semula dan jikalau boleh kaji semula dan bukannya dengan begitu tergesa-gesa hendak membentangkan di sini selama dua hari lepas itu kita mencari jalan untuk meluluskan. Ini kerana saya faham pihak Barisan Nasional memang mempunyai majoriti untuk memenangi dalam pengundian sebentar nanti, tetapi saya rasa yang paling penting sekali kita selaku wakil rakyat kita perlu mengambil kira apakah impak yang akan berlaku terhadap rakyat kita kalau kita luluskan rang undang-undang ini selepas ini.

Saya rasa akhir sekali, ini berita benar. Saya ingin mohon kepada— ingin maklum kepada Tuan Yang di-Pertua, juga Dewan yang mulia ini, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini bahawa saya tidak akan bertanding di kerusi Parlimen pada PRU-14 tetapi walaupun saya tidak akan bertanding, saya akan menggunakan kesempatan ini saya masih lagi mewakili seluruh rakyat kawasan Rasah, saya ingin mengambil pendirian bahawa saya mengambil kira kepentingan seluruh rakyat penduduk Rasah, saya tetap akan menolak rang undang-undang ini demi kepentingan semua rakyat Malaysia.

Jadi dengan kata-kata ini, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dengan tunjuk ajar yang telah diberi. Terima kasih kepada semua rakan-rakan tidak kira di sebelah sana dan juga di sini dan kita harap selepas ini kita dapat melihat harapan baru di negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak tanding Parlimen, mungkin tanding DUN Yang Berhormat. Yang Berhormat Tebrau.

### 2.56 ptg.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018, pada saya rasa bahawa isu penyebaran berita tidak benar ini merupakan satu masalah global. Ini sememangnya berlaku bukan baru-baru ini oleh kerana teknologi komunikasi berkembang pesat, bahkan sejak masa dulu— nanti saya akan sebut satu insiden pada masa Mei 13, Malaysia juga tidak terkecuali daripada masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut seorang ahli psikologi yang diberitahu saya, bahawa berita tidak benar selalunya disebar luas dan cepat disebar oleh kerana biasanya berita tidak benar ini lebih *sensational* dan mudah menarik perhatian orang yang menerimanya. Jadi, orang yang sebar ini mereka dapat keseronokan, kepuasan hati oleh kerana apa yang disebar dapat perhatian yang hangat dan dapat sambutan yang besar.

Jadi ada dua orang kata menyebarkan berita-berita palsu ini semudah mengoyakkan kertas kecil-kecilan dan menjadikan serpihan dan terbangkan ia ke udara. Kalau kita hendak betulkan semula, hakikatnya ia serumit kita mengumpul balik semua serpihan kertas dan tampal semula menjadikan kertas yang lengkap.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sambil berita-berita palsu mudah menangkap perhatian orang ramai tapi penjelasan tidak dapat perhatian yang wajar oleh kerana berita yang palsu ini seperti saya sebutkan tadi lebih *sensational* tapi penjelasan merupakan satu *anti-climax* yang tidak *sensational*. Oleh itu selalunya apabila kita buat penjelasan ia sudah tidak berkesan.

Saya hendak sebut tentang sekarang ada berita yang tidak benar mengenai Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Berita yang tidak benar mengenai rang undang-undang ini ialah rang undang-undang ini digubal semata-mata untuk menyekat kebebasan bersuara ataupun mengkritik Kerajaan Barisan Nasional menjelang PRU-14 dan juga rang undang-undang ini digubal untuk tutup skandal-skandal yang tertentu. Ini memang berita tidak benar mengenai rang undang-undang tidak benar.



Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebabnya orang sebarkan berita tidak benar ada yang mempunyai niat yang jahat misalnya hendak cemarkan imej individu pihak yang tertentu, ada juga yang merupakan *cyber bully*, ada yang di *Facebook* dan..

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekejap.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Nanti,nanti.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sekejap sahaja. Tadi itu berita tidak benar. Okey, nanti ya.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Biar saya— saya tengah cakap. Kedua, merupakan *cyber bully* di mana apabila dia sebarkan berita yang tidak benar berkenaan dengan individu yang tertentu ramai kawannya datang ini untuk hentam, untuk kritik orang yang disebutkan.

#### ■1500

Ketiga juga dia boleh dijadikan sebagai alat perang komersial. Dia cemarkan imej ataupun nama syarikat yang tertentu. Jadi, untuk mendapat keuntungan komersial dan lebih serius lagi, mungkin ia merupakan sesuatu yang subversif dan sebagainya. Tadi saya sebut tentang kita tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Okeylah. Ketigalah, terima kasih. terima kasih Yang Berhormat Tebrau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya rasa tiga alasan itu susah hendak diterimalah sebab kita ada banyak lagi undang-undang untuk mengatasi perang komersial kah ataupun...

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okeylah, tidak apalah. Ini boleh terima atau tidak boleh terima, itu bukan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Akan tetapi tadi tentang berita palsu bahawa akta anti berita palsu ini bukan untuk menyekat kebebasan menjelang pilihan raya. Jadi saya bolehkah minta supaya MCA ataupun Yang Berhormat Tebrau untuk minta kerajaan tarik balik akta ini, buat selepas pilihan raya. Lepas itu kita bincang dengan lebih lanjut. Janganlah buat bagi dua hari saja untuk berbincang.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey, okey.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kalau betul-betul akta ini bukan untuk menyekat atau untuk membantu Barisan Nasional menang pilihan raya, tarik balik.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey cukup, saya sudah faham, saya faham. saya sudah faham, cukup. Ini penjelasan. Sekarang biar saya terangkan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Buat macam Singapura, ada satu *select committee*, ada jawatankuasa terpilih.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Pada saya, rang undang-undang ini sepatutnya dilaksanakan sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-13.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mengapa? Jadi...

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Oleh sebab pada masa ini, ada berita tidak benar mengenai 40,000 Bangladesh dibawa ke sini dan ini banyak menjejaskan keputusan pilihan raya ini. Pilihan raya apa?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi ini memang untuk supaya tidak menjejaskan keputusan pilihan raya bagi Barisan Nasional-lah? Pengakuan Yang Berhormat Tebrau bahawa rang undang-undang ini memang untuk membantu pilihan raya. Betul?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Apa pendirian MCA terhadap rang undang-undang ini, Yang Berhormat Tebrau?

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Okey, cukup, cukup. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Pengakuan, adakah Yang Berhormat Tebrau sudah mengaku ini memang untuk membantu pilihan raya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ruang, ruang untuk pencelahan ditarik balik Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Sebab dia takut akan menjejaskan pilihan raya untuk Barisan Nasional.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tadi saya sebut, tadi saya ada sebut bahawa walaupun sebelum sekarang, pada masa insiden Mei 13 pun, ada berita tidak benar seperti ini.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah itu pengakuan? Adakah itu pengakuan? Pengakuanlah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Misalnya pada masa itu saya pernah dengar ada orang yang...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah tadi Yang Berhormat Tebrau telah membuat pengakuan?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya. Jangan berdialog, jangan berdialog ya.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Ada orang yang nasihatkan orang bukan Melayu jangan makan nasi lemak. Oleh sebab kononnya orang-orang Melayu masukkan serpihan kaca di dalam nasi lemak. Itu masa insiden Mei 13. Ini saya hanya berikan beberapa contoh, berapa serius berita-berita tidak palsu ini. Apakah kesannya kepada masyarakat... [*Dewan riuh*]

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Mei 13 1969, berapa lama dah berlaku dah...

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini contoh lapuklah, bagi contoh yang baru lah, masa depan. Orang sudah lupa sudah 13 Mei ini. Ini pemikiran progresif.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Adakah MCA sekarang baru hendak bangkitkan isu ini?

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berita tidak benar...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tahun 1969. Apa alasan ini? Alasan langsung tidak logik.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Bila di PRU13, ada *blackout*. Ini beri kesan untuk kira undi...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Cakap sajalah hendak jahanamkan UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, duduk.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Di kawasan Bentong. Walaupun selepas itu, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat?

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Cukup, saya hendak *finish* kan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, tidak bagi. Yang Berhormat Shah Alam duduk, Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Walaupun selepas itu, pihak pembangkang pun sudah mengaku bahawa ini tidak benar. Akan tetapi *the damage has been done*,

dengan izin. Kita sebenarnya— sebenarnya saya cakap terus terang. Semalam pun di monorel yang saya hendak naik, saya masih dengar dua orang pakcik bincang tentang *blackout*, bincang tentang 40,000. Jadi kita nampak walaupun banyak penjelasan dibuat, tetapi orang sudah tidak boleh ubah mereka punya imej.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bahawa berita tidak benar ini amat serius. Oleh kerana dia menjejaskan keharmonian kaum, dia boleh menjejaskan ekonomi negara, dia boleh menjejaskan kestabilan negara dan pada saya, walaupun pihak pembangkang banyak cakap tentang hak-hak asasi manusia, tetapi pada saya, saya rasa hak untuk mengetahui yang sebenarnya merupakan satu hak asasi manusia amat penting. Kenapa kita hendak memberikan perlindungan kepada semua orang untuk hanya dapat berita yang benar saja.

Saya memang tidak faham, macam mana pihak pembangkang kata bahawa rang undang-undang ini oleh menyekat suara yang bercakap kebenaran. Ini Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar, bukan anti berita benar. Macam mana dia boleh menyekat orang daripada cakap yang benar? [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit soalan hendak tanya Yang Berhormat Menteri. saya tahu bahawa kita sudah ada laman web sebenarnya. Akan tetapi saya tidak tahu keberkesanan laman web itu. Siapa yang gunakan dia? Adakah dia berkesan? Kadang-kadang ada berita yang saya tidak berani kata tidak benar tetapi berita yang ragu-ragu.

Saya berikan contoh. Dalam tahun ini, saya pernah baca kononnya ada seorang pemilik dusun, dia kata buah-buahannya selalu dicuri dan dia begitu geram sampai dia sudah sembur racun pada semua buah-buahannya. Pada saya, kalau ini betul, orang ini sepatutnya ditangkap kerana kalau dia meracuni buah-buahannya, yang kena bukan pencuri, orang yang tidak sedar, orang yang beli dan orang yang makan. Kedua, kesannya begitu besar. Bukan sahaja dia punya buah-buahan tidak boleh dijual, bahkan sebenarnya semua orang yang jual buah-buahan yang sama, orang tidak berani beli. Jadi, dia sudah hukum orang yang salah.

Kedua ini baru-baru ini saya pun nampak satu *Youtube*, rakaman *Youtube*. Seorang perempuan, dia sambil menangis, sambil mengadu bahawa dia diekori oleh orang jahat dan dia bawa keretanya sampai ke balai polis tetapi balai polis tidak benarkan dia masuk dan sebagainya. Apa yang saya tidak faham, kenapa dia langsung tidak sebut mana itu balai polis? Patutnya kalau dia hendak *complain*, dia mesti beritahu mana balai polis yang tidak melayan. Akan tetapi dia langsung tidak sebut. Saya percaya ini dengan niat yang jahat untuk jatuhkan imej PDRM sahaja.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Tebrau. Dia memang sudah nyatakan balai polis yang mana.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** So, ini adalah sangkaan jahat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bandar Damai Perdana di Balakong. Tidak tahu tarik balik, ini berita palsu. [*Dewan riuh*]

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ini yang *fake news*.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang ketiga...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini berita palsu. Kalau Ahli Parlimen sendiri pun tidak faham itu fakta, bagaimana?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tebrau pun bawa berita palsu, Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau bawa berita palsu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak ada fakta jangan cakaplah. Tahu fakta kah tak tahu? [*Dewan riuh*]

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** [*Tidak jelas*] ...berita palsu, tarik balik kenyataan ini. Ini kenyataan yang tidak adil kepada mangsa tersebut.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Yang ketiga, kadang-kadang pun...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukan sahaja tidak membantu mangsa tetapi menyebarkan berita palsu. Inilah Ahli Parlimen MCA.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...Yang kononnya cara... [*Tidak jelas*] ...tertentu tidak sihat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta maaf. Tarik balik dan minta maaf. Tarik balik dan minta maaf kepada mangsa.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Ini tidak akan... [*Tidak jelas*]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Tebrau, tarik balik.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini mengelirukan Dewan. Ini mengelirukan Dewan. Apabila Ahli Parlimen sendiri pun tidak pasti tentang fakta kes tersebut, mereka buat kenyataan yang palsu macam ini.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya rasa bahawa media cetak sepatutnya tidak bimbang kepada RUU Antiberita Tidak Benar ini.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Berita palsu, Ahli Parlimen sendiri yang sebarakan berita palsu di Dewan Rakyat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, dia pun Ahli Parlimen palsu. Dia Ahli Parlimen palsu. Ha.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Oleh kerana RUU ini akan menguntungkan media cetak yang biasanya jauh lebih bertanggungjawab.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tidak tahu, tetapi wanita itu ada menyatakan balai polis mana yang telah beliau pergi. Ini masalah Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau tidak tahu.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Biasanya media cetak akan semak kebenaran sebelum mereka cetak. Jadi saya rasa bahawa media cetak tidak perlu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Minta Yang Berhormat Tebrau tarik balik, minta Yang Berhormat Tebrau tarik balik.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tarik balik hal apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tarik balik berita palsu itu. Tarik balik. Memang disebut balai polis yang mana, memang disebut.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Bandar Damai Perdana. Okey, itu terletak di bawah kawasan Parlimen Serdang. Kalau tidak tahu, pergi mana cari tempat itu, saya bawa.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Selain daripada pelaksanaan akta ini, sepatutnya kerajaan juga perlu berusaha mendidik rakyat jelata macam mana hendak buat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Usaha mendidik orang macam *you* lah Ahli Parlimen Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kena didik orang macam *you* dulu.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** ...[Tidak jelas] Yang benar dengan yang tidak benar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tindakan kerajaan untuk menjelaskan RUU ini kepada rakyat jelata. Ini amat penting. Oleh kerana sekarang sudah ada macam-macam salah faham terhadap RUU ini, jadi banyak pihak percaya kepada apa yang mereka kata, hendak sekat kebebasan bersuara ini, kita harus berikan penerangan yang sebaik-baik mungkin kepada rakyat jelata supaya mereka tidak keliru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Jadi ini juga untuk memberikan gambaran yang sejelas-jelasnya kepada rakyat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Tebrau, penjelasan Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat Tebrau, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Penjelasan sudah habis sudah.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Penjelasan Yang Berhormat Tebrau, penjelasan Yang Berhormat Tebrau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Sudah habis sudah Yang Berhormat.

■1510

Seperti yang diputuskan pagi tadi, kita akan hentikan perbahasan jam 3.30 petang dan saya melihat masa ini hanya sesuai untuk dua pembahas, itu pun terpaksa dihadkan masa kepada 10 minit seorang. Saya jemput Yang Berhormat Bagan, selepas itu Yang Berhormat Baling.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...saya ingin- Oh! *Sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mesyuarat Yang Berhormat?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 36(12) di mana tadi Ahli Yang Berhormat Tebrau telah mengeluarkan kata-kata yang mengelirukan Dewan dan boleh disifatkan sebagai menghina Majlis ini kerana memberikan fakta palsu tentang seorang mangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Seorang mangsa wanita dan juga menyebarkan berita palsu. Jadi, saya mohon beliau supaya menarik balik dan memohon maaf kepada Dewan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...dan kepada mangsa tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya mendengar Yang Berhormat. Saya mendengar perbahasan Yang Berhormat Tebrau. Yang Berhormat

Tebrau tidak ada niat jahat dan tidak sampai ke tahap untuk merujuk beliau ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi, saya minta beliau tarik balik dan minta maaf.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak apa, biar dia tarik balik.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...Yang Berhormat Tebrau berniat jahat apabila mengeluarkan kenyataan itu tadi, seolah-olah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...wanita itu tidak menyatakan balai mana yang telah dirujuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada pelanggaran, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun tidak ada niat jahat...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *he must be checked and apologise.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun tidak ada niat jahat...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Minta beliau tarik balik dan mohon maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu jadi sebahagian daripada perbincangan beliau, Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *No, he must.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Faktanya tidak betul walaupun tidak ada niat jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Fakta tidak betul. Kalau kita telah memperbetulkan beliau...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Berita palsu...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** ...kalau dia memang tidak...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** ...ada sesetengah blog dia tulis, ada setengah blog tidak tulis. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.



**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *you need to make a ruling. [Dewan riuh]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ada *blog* yang tulis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itulah keputusan saya mengenai peraturan mesyuarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Masalahnya, inilah masalah berita palsu.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau berita palsu...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kalau berita palsu... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Tebrau keluarkan adalah berita palsu...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Dewan riuh]* ...tidak sengaja, dia perlu mohon maaf...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Siapa yang hendak berbahas *blog* yang boleh dibaca.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini usaha kita untuk antiberita palsu tetapi beliau sendiri sebarkan berita palsu dalam Dewan Rakyat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Lipis, tolonglah Yang Berhormat Lipis. Jangan lindungi orang yang keluarkan berita palsu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ini perkara penting Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan seorang mangsa wanita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Bagan, teruskan. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Beliau telah membuat pertuduhan palsu kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah, tidak payahlah Yang Berhormat ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apa *ruling* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya rasa kita perlu melindungi hak wanita...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *what is your ruling* Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis, duduk Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Are you going to let this go?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** So, berita palsu dari Barisan Nasional, okey. Berita palsu dari Barisan Nasional, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itulah *ruling* dia.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya rasa ini kita tidak boleh biarkan begitu sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** ...sebab ini melibatkan soal mangsa wanita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah putuskan Yang Berhormat. Tidak payahlah cabar keputusan Speaker, Yang Berhormat. Cukuplah ya, cukup. Ya, sila Yang Berhormat Bagan.

### 3.12 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang yang dibentangkan iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar. Saya agak kesal bahawa tadi kita lihat satu demonstrasi daripada seorang Ahli Parlimen yang hendak bersara tetapi yang hendak bersara buat berita tidak benar. Ini adalah ucapan terakhir beliau dengan buat berita tidak benar dan juga satu kes *bullying* ke atas seorang mangsa. Itu sesuatu yang tidak bermoral, tidak beretika, tidak bermaruah, malu sama sekali.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Bekas guru pula. Bekas guru pula itu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *So, you will end your term in shame*, Yang Berhormat Tebrau.

**Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]:** *I know what I say is true.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *You will end your term in shame.* Tuan Yang di-Pertua...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya ingin menyatakan bahawa rang undang-undang ini tidak lain tidak bukan adalah satu senjata untuk menutup kebenaran supaya yang palsu dapat ditegakkan sebagai yang benar dan yang benar akan diterbalikkan sebagai yang palsu. Inilah sesuatu yang amat bahaya untuk negara kita. Ini kerana kalau kita lihat berita tidak benar dan contoh yang sekarang sering digunakan oleh pihak parti pemerintah ialah tentang berita bahawa ada tuduhan 40,000 pengundi Bangla digunakan. Tuan Yang di-Pertua, kita pun menyokong prinsip bahawa kita mestilah membuat sebarang hujah mengikut fakta, hakikat dan yang benar.

Sekiranya ada apa asas tentang tuduhan seperti ini, mengapa tidak ada tindakan diambil ke atas sesiapa yang kononnya membuat tuduhan ini? Ada banyak akta-akta yang sedia ada yang boleh digunakan ke atas berita-berita yang tidak benar ini. Yang Berhormat Menteri undang-undang pun tahu. Di bawah Kanun Kesenyapan, di bawah *Printing Presses and Publications Act*. Malah saya pun menjadi seorang mangsa Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Inilah hakikatnya, kita tidak perlunya satu lagi akta yang mempunyai hukuman penjara yang begitu berat dan juga denda yang begitu besar. Undang-undang yang sedia ada sudah memadai, lebih daripada mencukupi. Mengapa perlu ada lagi satu undang-undang? Ini kerana di bawah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar, ada beberapa peruntukan yang baru iaitu pemakaian ke luar wilayah.

Kedua, bahawa mereka yang berkongsi, bukan dia yang buat, dia berkongsi maklumat pun kena. Itu sesuatu yang baru, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab di sini kita lihat, ini tidak lain tidak bukan adalah satu langkah ke arah *dictatorship*, lebih daripada autokrasi. Satu *dictatorship* dan inilah bahaya kepada negara kita. Saya ingin bertanya, sekarang rang undang-undang ini dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa hukuman penjara akan dikurangkan daripada 10 hingga enam tahun. Apakah perbezaan? *No difference*. Ini kerana sekiranya kita terlibat dalam sebarang maklumat yang diputuskan bukan oleh fakta tapi diputuskan oleh kerajaan, pemerintah, tidak kira ia benar atau tidak benar, kita boleh masuk ke penjara selama enam tahun. Ini sesuatu yang sungguh tidak adil, malah rakus sama sekali.

Saya ingin meminta, kalau kita sebut tentang berita tidak benar, sudah ada peruntukan dan juga ada undang-undang yang sedia ada, sudah cukup untuk mengambil tindakan. Akan tetapi sekarang timbullah masalahnya. Masalahnya ialah adakah *double standard* akan diamalkan? Ini kerana kita lihat banyak undang-undang, kita pun jadi mangsa. Mangsa tohmahan dan fitnah jahat ini. Akan tetapi kita lihat tidak ada sebarang tindakan yang diambil. Saya yakin bahawa perkara akan berlaku apabila Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar diluluskan.

Yang Berhormat Menteri cakap, 'Oh! Ini akan dilaksanakan secara adil kepada semua'. Akan tetapi kita tahu, kita telah mendapat pengalaman yang pahit sekali, kita tahu ia akan dilaksanakan ke atas mereka yang menentang parti pemerintah, Barisan Nasional. Buktinya, ada banyak berita tidak benar. Contohnya, Timbalan Menteri menyatakan bahawa GST akan menyebabkan harga barang turun. Adakah ini cukup untuk diambil tindakan ke atas berita tidak benar ini? Akan tetapi kita lihat tidak ada sebarang tindakan diambil.

Sebenarnya, apabila dia membuat komen macam ini, ini hanya menunjukkan kejahilan beliau tentang ekonomi. Akan tetapi mengapa tidak ada tindakan diambil? Ini satu perkara penting kerana ada yang percaya bahawa GST akan menyebabkan harga barang turun. Akan tetapi sebaliknya, harga barang naik menjadi sesuatu yang lumrah sampai pihak Barisan Nasional terpaksa mengadakan jualan murah di pelbagai tempat untuk menunjukkan mereka prihatin dengan rakyat. Apakah gunanya mengadakan jualan murah? Hapuskan GST, tidak payah jualan murah. Jualan murah hanya sebulan sekali, dua minggu sekali. Hapuskan GST, kita...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Menyampuk] Buat terowonglah, terowong 15 tahun baru buat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah yang penting, Tuan Yang di-Pertua. So, di sini kita lihat, semua semata-mata kerana mahu tutup skandal, tutup berita yang benar supaya ia tidak dapat diketahui oleh rakyat secara umum. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak bercakap tentang *double standard*. Saya pernah menjadi mangsa— bukan saya, itu biasa, itu saya terima. Akan tetapi anak saya menjadi mangsa tetapi tidak ada sebarang tindakan. Ini pun akan berlaku. Apabila anak saya semasa itu 15 tahun, dituduh kerana mencabul kehormatan seorang gadis perempuan dalam *web* tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil kerana dapat dibuktikan ini satu tuduhan palsu.

#### ■1520

Ini sesuatu yang biadab sekali. Kurang ajar terhadap seorang kanak-kanak tetapi mengapa tidak ada tindakan diambil? [Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, elak-elak daripada perkataan-perkataan yang *unparliamentary* Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perkataan biadab, kurang ajar. Jangan...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya tidak tuju kepada sesiapa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pun, pun, pun.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya cakap ini kerana terhadap anak saya bahawa dia mencabuli kehormatan seorang gadis. Apabila ini tidak berlaku, itu berita palsu. Itu biadab Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita tidak pakai perkataan biadab, kurang ajar dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Mereka yang sokong tuduhan ini, tentu mereka akan rasa serupa. Akan tetapi yang biadab itu tetap biadab, Tuan Yang di-Pertua. Mengapa tidak ada tindakan oleh pihak kerajaan terhadap perbuatan biadab ini? So, di sini kita akan lihat perkara yang sama, yang serupa akan berulang lagi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kena sokonglah rang undang-undang ini.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Di mana ia dibuat secara *double standard*. Sama juga semalam kita baca Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa jangan-jangan nanti kerana ada konsep *Malaysian Malaysia*, Rejimen Askar Melayu akan dibubarkan. Itu satu berita palsu! [Disampuk] Tidak pernah DAP menyatakan akan bubarkan Rejimen Askar Melayu. Tidak pernah ada sebarang kenyataan akan bubarkan askar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula buat kenyataan itu.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita menghormati...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sumbangan yang diberikan oleh askar kita...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Malah apabila berlakunya banjir...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...Hujan teruk pada bulan November.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagi laluan kepada yang senior.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya menghubungi Timbalan Perdana Menteri untuk meminta bantuan mendapatkan...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tahu takut.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...daripada askar. Untuk membantu...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Bagan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan tidak beri laluan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bolehkah tunjuk bukti di mana kita...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Double standard.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...bahawa kita akan bubarkan Rejimen Askar Melayu? Kalau ada tunjuk bukti, saya undur daripada...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Double standard.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ini satu pembohongan...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada sebelah itu, hantu sebelah, *Double standard.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi adakah tindakan akan diambil dengan pembohongan jahat seperti ini? Permainan perkauman dan ekstremisme hanya sebelah sahaja. Ini akan jadi kita semua autokrasi. Saya bimbang sekiranya dalam PRU14 akan datang, sekiranya sebelah sini tidak menang kita semua akan disumbat dan disorokkan ke penjara. Itulah matlamat utama Barisan Nasional. *[Dewan riuh]*

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sangkaan jahat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Itulah bahaya kalau hendak menegakkan demokrasi.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini sangkaan jahat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya sekali lagi meminta...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order.* Sangkaan jahat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** ...rang undang-undang ini ditarik balik. *[Dewan riuh]* Kalau kita hendak memastikan bahawa Demokrasi Berparlimen masih berfungsi, tarik balik rang undang-undang ini. Biar ia diputuskan oleh Parlimen baru yang akan ditentukan dalam PRU ke-14.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling.

**3.23 ptg.**

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar dalam Dewan yang mulia pada petang yang berbahagia ini.

Pada hemat saya rang undang-undang ini yang diperkenalkan amat penting dan tepat. Yang Berhormat Bagan, duduklah Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan, *why are you running away? [Dewan riuh]* Eh! Yang Berhormat Bagan! *Why is he running away? Chicken out,* awal-awal sudah lari.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Fasal dia tahu ucapan tidak ada nilai.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Oleh sebab berita palsu. Siapa hendak dengar ucapan palsu?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Orang yang cakap berita palsu inilah bapa pengedar berita palsu. Oleh sebab kalau Yang Berhormat tengok, Tuan Yang di-Pertua, untuk melihat kini betapa mudahnya seorang melemparkan tuduhan yang tidak benar dan apabila tuduhan tersebut dibuktikan tidak benar, maka lari keluar Dewanlah dia. Itulah yang berlaku pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak lari keluar, dia jalan keluar. Relaks sahaja fasal dia tahu Yang Berhormat Baling pun bukan hendak cakap apa, merapu sahaja.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada pula loyar buruk seekor ini.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak, Yang Berhormat Shah Alam ini tidak ada standard. Orang Shah Alam hendak tolak dia, tunggulah hari pilihan raya. *You are gone...*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Shah Alam air pun tidak ada. Balik mandilah, balik mandi.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...sebab ini semua bersekongkol dengan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah itu sebab persempadanan semula dibuat? Kalau takut, kalau kata orang Shah Alam hendak tolak Shah Alam, janganlah buat persempadanan baru.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudah, sudah...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini sudah takut, fasal tahu Shah Alam boleh menang lagi. Bukan macam Yang Berhormat Baling, kena buat satu gedung. Tuan

Yang di-Pertua, satu gedung di Baling hendak bagi orang kampung untuk hendak menang pilihan raya. Itulah *standard*...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya *extend* masa kerana diganggu, *don't blame me okay. I am not allowing anybody to participate*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *That is not for you to decide ya. That is not for you to decide. Masa, not for you to decide.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling tidak bagi jalan Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Masa sudah berlalu. Tidak ikut peraturan, tidak ikut peraturan. Yang Berhormat Shah Alam ini sejak saya masuk ke dalam Parlimen sebagai orang baru, orang yang paling tidak ada adab tertib, inilah orangnya sebab itulah saya ikut dia. Saya terpaksa jadi macam dia...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akal pun tidak ada.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Inilah contoh yang ada dalam Parlimen ini... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya tidak ada adab terhadap orang yang tidak ada adab dan gengster. Orang yang tidak ada adab ini memang kita tidak tunjuk adab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau mereka ini begini cara, *we have to stand up because of them, the attitude. We have to follow the seniors. This is the senior punya attitude.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Senior tidak komen orang keluar Dewan. *Why don't you follow that example?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jadi kalaulah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *The senior* tidak komen orang keluar Dewan.

**Beberapa Ahli:** Duduklah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You* kata hendak ikut senior, *why do you not follow that example?*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nampak Yang Berhormat Bagan keluar, hendak komen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Senior* tidak komen. Ikutlah contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam. Ya, sudah duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam sudah duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya keluar Dewan tidak Tuan Yang di-Pertua? Kalau tidak dia kata larilah, takutlah. Boleh saya keluar balik Yang Berhormat Baling?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya keluar balik Yang Berhormat Baling?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Hendak keluar, keluar terus. Jangan masuk Dewan sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah kata takutlah, larilah dan sebagainya. *It is because your hujah... [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Perbahasan tidak ada *standard*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, minta duduk Yang Berhormat Shah Alam ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Empat minit sudah hilang. Jadi *I have to take back my time because I got very important. I don't want to entertain them. I want to say something very important for the rakyat.* Ini bukannya hendak datang dalam ucapan bahas antiberita tidak palsu ini, kita tidak cerita fasal banjir, tidak cerita fasal askar Melayu. *We talk about what we want to say.*

Jadi kalaulah tidak mustahak, takkanlah Duli Yang Maha Mulia ke bawah Duli Tuanku Sultan, Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Diraja semasa Istiadat Pembukaan

Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam di Bangunan Parlimen, Kali Ketiga Belas di mana Duli Yang Maha Mulia telah bertitah menyokong cadangan untuk menggubal rang undang-undang ini bagi menangani penyebaran berita-berita palsu dan fitnah.

Pada hemat saya, apabila Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia yang mula begitu cakna dengan isu penyebaran berita tidak benar ini menunjukkan betapa isu ini sudah terlalu kritikal dan perlu dibendung dengan kadar yang amat segera. Malah pada hari ini pelbagai pihak bukan sahaja orang biasa, Raja, tidak kira Menteri, Perdana Menteri, mereka calar begitu sahaja. Mereka menyebarkan maklumat-maklumat palsu dengan pelbagai dakyah, hasutan yang dibawa. Ini tidak lari daripada institusi-institusi seperti Tabung Haji juga. Tabung Haji pernah dinyatakan oleh Ahli Parlimen yang berada dalam Dewan yang mulia ini kata kononnya Tabung Haji hendak bankrap. Seramai 3,000 ahli keluar takut duitnya hilang. Sehingga hari ini mereka tidak boleh hendak pergi ke haji kerana apabila mereka daftar balik, sudah kena tunggu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ada juga difitnah, ada juga difitnah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada dua orang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya tidak bagi laluan sesiapa. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi laluan, duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *This is my floor,* saya tidak bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pandan minta duduk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Itu nama dia penakut, Yang Berhormat Baling memang penakut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini semua diputarbelitkan. *[Dewan riuh]* Kalau tidak cukup lagi apabila sudah diputarbelitkan isu Tabung Haji, selepas itu pergi pula ke Baling naik lori tunjuk konon cara berhujah dalam lori itu...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Dia takut itu, dia takut, dia takut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Dah macam ada 3,000 orang. Mengatakan apa? Ini saya boleh sebut, saya boleh sentuh ini Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar dengar saya hendak

cakap ini. Yang Berhormat Pandan pergi ke Baling minggu lalu duduk atas lori ada 40 orang depan, bersyarah macam ada 40,000 orang. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pandan, dia kata...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau 40 orang, kenapa hendak takut? Yang Berhormat Baling meroyan macam 40,000 ini kenapa? [*Dewan riuh*]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak payah jadi pengerusi Tabung Haji lah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduklah. Jangan kacau *floor* orang, duduklah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau berani cakap, tidak berani hendak jawab. Janganlah jadi orang Parlimen! [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan, duduklah Yang Berhormat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa yang dia cakap?

#### ■1530

Apa Yang Berhormat Pandan cakap? Yang Berhormat Baling menghina, cakap India di dalam Parlimen sampai Ahli Parlimen Barisan Nasional tunduk malu kerana dia bercakap India. Bukan kah boleh berbahasa Tamil ini satu modal insan yang ditambah nilai? Apa salahnya kalau kita boleh berbahasa Tamil? Tak salah dan waktu itu saya...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Bukan untuk maki hamun dalam bahasa Tamil dalam Dewan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak ada. Yang Berhormat Pandan tak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pandan, duduk Yang Berhormat Pandan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bercakap dengan Yang Berhormat Kapar macam dua beradik bercakap, bukannya maki hamun. Yang Berhormat Pandan tak tahu, jangan cakap.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mengaji dulu lain kali, jangan kacau tempat orang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Hari ini *racist* tapi bila dekat pilihan raya, mereka akan memuja masyarakat India suruh undi mereka. Mereka sampaikan boleh cakap India.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa dah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang tak tahu cakap India pun akan cakap India, *broken* Tamil pun akan bercakap. Kerana apa? Bila mana mari nak serang pemimpin Barisan Nasional...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya sentuh pasal Tabung Haji bukan fasal Tamil, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak ada, saya ada video itu. Saya ada video itu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ini berita palsu dalam Dewan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya ada video itu, saya ada video. Video itu saya ada. Saya akan buat laporan polis setelah diwartakan, setelah rang undang-undang ini diwartakan. Saya ada video itu, saya ada video itu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sila, sila buat laporan polis.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal apa? pasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Pandan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Tak ada kena mengena.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kesalahan apa yang dilakukan? Kesalahan apa yang dilakukan yang buat laporan polis itu?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dah agak dah. Bila saya berucap, nak akan berbahas. Sebab itu saya ambil *last*.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pengerusi Tabung Haji takut dengan kita.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Pandan, cukuplah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling yang sebut Kapar lah, Pandan lah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Berpuluh-puluh kali sebut tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak bagi Yang Berhormat Kapar kah Yang Berhormat? Yang Berhormat Baling, nak bagi Yang Berhormat Kapar?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak bagi dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah, duduklah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa pasal pula? Tak berani? Kata abang adik. Kata bahasa Tamil [*Bercakap dalam bahasa Tamil*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Okey. Duduk dulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak. India, India, India. Tamil, Tamil, Tamil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling tak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tadi Tamil, Tamil sekarang tak mahu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat nombor berapa Yang Berhormat?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Peraturan mesyuarat nombor 8, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Peraturan mesyuarat nombor 8, Tuan Yang di-Pertua. Bahasa rasmi Majlis ialah bahasa Melayu bukan bahasa Tamil. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil kerana mengingatkan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Oh! Sekarang bahasa Tamil bahasa Kapar? Bukan bahasa Baling?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Siapa yang nak bercakap bahasa Tamil? Bukan saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Eh! Yang Berhormat Baling, insaf sikit. Dekat rumah pun cakap bahasa Tamil. *Masya-Allah*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bukit Katil kata dalam Dewan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dekat rumah cakap bahasa Tamil.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tak, apa salahnya? Dalam Dewan, ini dalam Dewan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itulah. Tengok sekarang hendak memperlekehkan. Apa lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini digubal bagi memperuntukkan beberapa kesalahan-kesalahan berhubung dengan penyebaran berita yang tidak benar. Ia juga menunjukkan kerajaan mengambil begitu berat isu penularan berita tidak benar dan dalam masa yang sama menunjukkan kerajaan komited dalam usaha untuk mengekang penularan berita yang tidak benar dalam negara ini.

Tadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat Bagan. Sebenarnya saya nak soal jawab tetapi dia lari. Tak *gentlemen*. Itu membuktikan ..

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Takut, takut.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu membuktikan, itu yang membuktikan *one sided*. Dia tak berani. Kalau boleh *gentlemen*, duduklah sini. Kerana apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang tak berani itu Yang Berhormat Baling. Nak berhadapan dengan Yang Berhormat Pandan isu Tabung Haji.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** ...Majlis-majlis Gong Xi Fa Chai...

[*Dewan riuh*]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Ada cacing kah tak boleh duduk diam-diam?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Isu Tabung Haji, Yang Berhormat Baling tak berani.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha? Ada cacing kah tak boleh duduk diam-diam?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk. *Got nothing to do with you*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Shah Alam, dia Kapar pun tak lepaslah. Tak boleh sampai Pandanlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Bagan ini, bila Yang Berhormat Bagan bersyarah waktu Raya Cina dan Gong Xi Fa Chai, saya ingat, saya tengok video itu hampir 20 kali nak hafal. Dia kata apa? Ini orang, satu kita kenal. Tahu, ini Datuk Seri. Seorang lagi kita kenal tetapi dia bukan kawan kita, dia Ahli Parlimen UMNO Baling, Azeez Rahim. Ini bukan kawan kita.

Dia sudah ambil RM3 juta, kenapa SPRM tak tangkap? Dia buat lima kali. Dia buat di Gong Xi Fa Chai, Chap Goh Meh sampai habis. Hari-hari. Tadi dia kata bila kes anak dia, saya simpati. Saya pun ada anak, saya simpati. Sebab itulah kita semua kena sokong rang undang-undang ini untuk membela anak Yang Berhormat Bagan, nak membela Yang Berhormat Pagoh yang dikaitkan dengan isteri orang yang mana hari ini kita tengok banyak rakan kita yang kononnya mereka kena kes-kes palsu ini ataupun *fake news*. Patut ini kita sokong, bukan kita lawan.

Bila kita lawan, jadi inilah masalahnya. Tengok Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Yang Berhormat Bandar Tun Razak ikut sebab dia tahu ini penting. Betapa pentingnya untuk kita pastikan hari ini, saya baru-baru ini ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Yang Berhormat Pagoh tak nak tengok? Yang Berhormat Pagoh tak nak tengok? Tengok Yang Berhormat Bandar Tun Razak sahaja? Yang Berhormat Pagoh tak nak tengok?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Shut up* lah Yang Berhormat Shah Alam. Duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tengoklah Yang Berhormat Pagoh sekali.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *None of your business*, duduk! Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok kes berita palsu ini begitu berleluasa sehinggakan baru-baru ini saya tonton berita utama iaitu *Buletin Utama*, seorang budak kecil yang Darjah 6, UPSR dari Seremban, beliau adalah seorang anak yang cemerlang. Bila balik dapat keputusan, mereka menuduh ada menular bahawa dia telah mati dibunuh dengan gambar. Ibu, ayah, anak itu pun sengsara sampai hari ini. Jadi mana ada pembelaan. Jadi kalau kita tangkap Yang Berhormat Bagan, esok dia kata saya minta maaf, saya tarik balik. Ini Parlimen kah boleh minta maaf dan tarik balik? Tak boleh.

Bila mana menuduh seseorang terima rasuah RM3 juta daripada syarikat dari Pulau Pinang, satu Baling orang tanya, '*Betul kah Datuk Azeez ambil RM3 juta?*' Jadi ada juga pihak-pihak yang datang tokok tambah belah sana, ha inilah dia RM3 juta telah diambil daripada Syarikat Zenith. Padahal palsu. Jadi saya saman. Jadi biarlah

mahkamah tentukan. Jadi saya cuma hendak mengingatkan kepada mereka-mereka, baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kes yang berkaitan dengan berita palsu ini ataupun *fake news* ini yang dibawa sampai begitu dahsyat. Sampai dah tidak ada had dah, limitnya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi di kesempatan ini, dalam saya diberi peluang untuk berbahas, saya ikut undang-undang. Mungkin kali ini kali terakhir kita berbahas, lepas ini pun kita tak tahu mereka ke kita, kita tak tahu tapi yang penting saya harap, saya harap hari ini, undang-undang ini dapat kita semua sokong dan pastikan kita dapat membantu rakyat di luar sana yang bersandarkan harapan dengan Kerajaan Barisan Nasional yang akan memperjuangkan masa depan mereka kerana ini satu perkara yang dahsyat. Fitnah ini pun lebih dahsyat daripada membunuh. Jadi itulah sebabnya kalau kita duduk berdiri di bumi yang nyata, saya harap kita semua akan menyokong *fake news* yang dibawa.

Jadi Yang Berhormat Menteri, jangan risau Yang Berhormat Menteri. Cuma pada pandangan saya, kalau Yang Berhormat Menteri gulung nanti, kita tengokkan enam tahun ini okeylah, RM500,000 okey tetapi yang Yang Berhormat Bagan sebut tadi itu, saya hendak kita juga pastikan kita bawa. Yang mereka-mereka yang panjangkan, *WhatsApp is the most important killing point*. Kadang-kadang kalau kita tak tahu, tak sah, kenapa kita nak panjangkan mesej itu dalam *group*? *Why should we do it?* Kita tak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita kena sahkan dulu. Tadi Yang Berhormat Shah Alam dah ambil masa saya empat minit, untuk rekod Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya nak bagi tahu, kita kena pastikan Yang Berhormat Menteri gulung, masukkan dalam akta yang mereka-mereka yang akan guna pakai dalam pilihan raya umum yang akan datang, *they will take the opportunity* dengan izin, akan uar-uarkan pelbagai berita palsu melalui *WhatsApp*.

Jadi, tolong masukkan juga *WhatsApp* ini juga. Kalau seseorang itu kata saya tak tahu, saya dapat, saya hantar. Tangkap orang itu juga dan cari sampai ke akar umbi siapa pencetus utama yang mulakan dan orang itu dituduh dan dipenjarakan enam tahun dan didenda dan kena bayar RM500,000 ini. Jadi itulah yang saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri. Teruskan Yang Berhormat Menteri, Baling mohon menyokong untuk kita sahkan rang undang-undang ini pada petang yang berbahagia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.



**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 iaitu Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Pasir Gudang, Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Stampin.

Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Bukit Gelugor, Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Limbang.

Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Sungai Besar, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Baling. Semua isu-isu yang telah dibawa.

■1540

Saya telah mendengar dan meneliti semua isu-isu, pandangan dan cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana akan saya jawab satu demi satu setiap isu yang dibangkitkan. Secara umumnya, kebanyakan perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menunjukkan bahawa yang lebih banyak ditekankan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak pembangkang seolah-olah menunjukkan bahawa adanya pendekatan yang begitu amat terdesak. Pembangkang dalam perbahasan banyak mengelirukan rakyat dengan izin *misleading the public*, dalam perbahasan banyak menyentuh seolah-olah tidak mahu mendengar penjelasan yang telah diberikan oleh kerajaan melalui pelbagai medium.

Saya tegaskan di sini bahawa rang undang-undang ini hanya bertujuan untuk menyekat penyebaran berita tidak benar, bukannya kebebasan bersuara seseorang rakyat, dengan izin *this law is not intended to restrict the freedom of speech but to restrict*

*the dissemination of fake news*. Ini dengan jelas dinyatakan dalam huraian atau dengan izin, *explanatory statement* rang undang-undang ini.

Sebenarnya saya berasa amat kecewa, dalam masa dan peluang yang telah diberikan dalam perbahasan rang undang-undang ini telah banyak yang dibazirkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana yang sentiasa membuat tuduhan demi tuduhan dan tohmahan-tohmahan terhadap usaha murni kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini. Yang paling menarik, pihak pembangkang bersama-sama dengan beberapa individu menyatakan kenyataan seolah-olah sehinggakan pegawai kerajaan disebutkan tidak menjawab kepada soalan apabila adanya pertemuan.

Tuan Yang di-Pertua, bak kata pepatah siapa makan cili, dialah terasa pedas. Jadi bermaksud, hanya mereka yang sedang dan berniat untuk menyebarkan berita tidak benar yang akan menentang keperluan undang-undang ini. Sebelum saya membentangkan rang undang-undang ini dalam Dewan yang mulia, taklimat diberikan kepada dua pihak iaitu pihak Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang. Di dalam taklimat ini, banyak isu-isu yang boleh dibawa, perlu dan wajib dibawakan tetapi seperti biasa saya sebut dalam kenyataan akhbar saya bahawa banyak yang telah dimanipulasikan.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, daripada pemantauan kita terdapat lebih kurang dua belas isu yang besar yang saya rasa saya jawab isu supaya lebih senang kita merangkumi perbahasan-perbahasan yang telah dibawa iaitu:

- (i) menyekat kebebasan bersuara;
- (ii) kerajaan tergesa-gesa memperkenalkan rang undang-undang ini;
- (iii) rang undang-undang ini adalah drakonian dan dibuat untuk persediaan pilihan raya;
- (iv) isu-isu membabitkan RM2.6 bilion dan tindakan sivil oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat;
- (v) undang-undang *redundancy*;
- (vi) tafsiran berita tidak benar;
- (vii) hukuman drakonian;
- (viii) siapa yang menentukan berita tidak benar;
- (ix) *extra territorial application*;
- (x) *selective prosecution*;
- (xi) jika Peguam Negara menyebarkan berita tidak benar; dan
- (xii) *non-setting aside (public order dan national security)*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab atas tajuk-tajuk tersebut dan saya harap selepas saya menjawab, bolehlah sesiapa yang hendak bangun dan bertanya saya akan menjawab. Akan tetapi kalau saya dah jawab, Tuan Yang di-Pertua rasa berapa kali saya hendak jawab perkara yang sama.

Pertama, adakah rang undang-undang ini menyekat kebebasan bersuara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Tiada mana-mana undang-undang yang digubal dan diluluskan oleh Parlimen adalah bertujuan untuk menyekat hak kebebasan bercakap dan bersuara sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini digubal selaras dengan punca kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 10, fasal 2 perenggan (a) Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan tersebut memberikan kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi mengawal selia kebebasan bercakap demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan persekutuan dan dengan izin, *in the interest of public order, national security, morality or to provide against deformation or incitement to any offense*. Hak kebebasan bersuara adalah hak tidak mutlak, dengan izin, *it's not an absolute freedom of speech*. Perkara ini secara jelas diputuskan oleh Mahkamah Agung dengan izin, *Supreme Court* dalam kes Public Prosecutor melawan Pung Chen Choon 1994 yang menyebut dengan izin, *"in considering this question, we had also kept in the forefront of our mind on the one hand the principal of the right to freedom of speech and expression has shrine in Article 10(1)(a) of the Constitution is not absolute because the Constitution authorizes Parliament to impose certain restriction as it deems necessary and which so far as might be material to this reference are to the interest of national security of the federation or any part thereof or fairly relation with other country public order morality.*

*Malicious publication of false news could cause interallied hatred or dissatisfaction among Malaysian people which in turn may lead to unrest and this could undermine the security of the federation of any part thereof. Malicious publication of false news touching on sensitive issues which may cause dissatisfaction or discontent in a cause more polytene society which in turn may lead to the disturbance of current life or the community resulting in disturbance of public order. And we agreed that the malicious publication of false news could insight the commission of an offense and so as falling within the boundaries of permissible restriction."*

Huraian rang undang-undang di muka surat 14 iaitu naskhah biru Tuan Yang di-Pertua, memastikan bahawa hak kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan dihormati.

Kemudian mengatakan bahawa kerajaan tergesa-gesa memperkenalkan rang undang-undang ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata biar saya jawab semua 12 dan kemudian saya akan jawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab ada dua belas alasan, kalau kita habis 12 itu...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tak apa, saya jawablah. *This is*— minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *This is my floor.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Memang kita akan, perbincangan tidak bermakna lagi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *Then you have been talking since Thursday, let us answer— today is Monday.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Lebih baik kita bertanya sekarang bila poin sudah dijelaskan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biar saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya akan ingat soalan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** 12 alasan disediakan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kedua, mengapa kerajaan tergesa-gesa memperkenalkan rang undang-undang ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Macam ini tak ada bermakna perbincangan begini.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kalau tidak sekarang, bila lagi?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita nak elak daripada perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat, duduklah.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kita hendak elak daripada perbincangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat Subang. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *As long as the process by which a law is in acted and misted and enforce are accessible and fair and efficient, then it must be done*

*timely* dengan izin. Isu penyebaran berita tidak benar adalah masalah global yang perlu ditangani dengan segera seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi yang semakin pantas dan kompleks. Banyak Yang Berhormat belah kerajaan telah membawa isu berkenaan dengan pantas dan kompleks.

Baru-baru ini, Jurnal Sains pada 9 Mac 2018 yang menerbitkan satu kajian bertajuk '*The Spread of True and False News Online*' oleh MIT Data Scientist Soroush Vosoughi yang menunjukkan bahawa dengan izin, "*the study analyze millions of tweets send between 2006 and 2017 and came to this chilly conclusion, false-suit diffuse significantly further, faster, deeper and more broadly than the truth in all categories of information, lies spread faster than the truth*". Ini scientific research Tuan Yang di-Pertua.

Penyebaran berita-berita tidak benar telah memanipulasi pertimbangan masyarakat sehingga menjejaskan proses demokrasi sesebuah negara. Dr. Merten Reglitz dari University of Birmingham telah menyatakan dengan izin, "*this false-suit have the potential to undermined citizen confidence in the democratic debate and their trust in their democratic government by fostering a climate of uncertainty in which political polarization thrice. Fake news can have this negative effect because they are design to attract attention by appealing to our natural cognitive biasness. Because democracy has intrinsic and unique instrumental moral value and because they are feasible counter-measures, I argue that democratic states have a moral duty to actively combat the spread and influence of fake news.*

Penyebaran berita tidak benar yang melibatkan remaja bawah umur sebagai contoh menyebabkan mangsa boleh membunuh diri akibat tekanan perasaan. Sebagai contoh, satu kes Phoebe Prince seorang remaja wanita di Massachusetts, Amerika Syarikat pada 2010 telah menggantung dirinya dipercayai akibat *cyber bullying* mengikut fitnah yang disebarikan melalui media sosial.

Fenomena *Twitter*. *Twitter* dikenali sebagai *toxic Twitter* Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, *Twitter can be a powerful tool for women to make connection and express themselves but for many women, Twitter is a platform where violence and abuse against them flourishes often with little accountability. MST International* menyatakan dengan izin, "*As a company, Twitter is failing in its responsibility to respect women right online by uneducatedly investigating and responding to report of violence and abuse in a transparent manner*". Maknanya di sini Tuan Yang di-Pertua, platform-platform sosial media seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan semua platform yang wujud mengaku bahawa *respond time* mereka kepada berita palsu ini tidak boleh respons yang seratus peratus. Ini dikatakan kerana lambakan akaun-akaun palsu, lambakan berita-berita palsu yang mana mereka tidak boleh memantau.

## ■1550

Itu sebabnya platform-platform khususnya media sosial wajar dikawal dengan memberi hak kepada rakyat yang menjadi mangsa mempertahankan diri mereka dan mendapat keadilan sewajarnya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ertinya di sini Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Berertinya di sini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Disebabkan bahawa sosial media platform sendiri...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bukankah betul kita ada seksyen 233, Akta Multimedia dan Komunikasi untuk mengawal masalah ini. Bukankah itu betul?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Mengaku bahawa mereka tidak mampu, tidak mampu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Menyelesaikan isu-isu terhadap berita palsu maka platform-platform ini melihat dan bagi pihak kerajaan kita menyedari bahawa hak perlu diberi kepada kerajaan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You have to address that. Jangan kita avoid the issue. You already have section 233, why do you want to redo the thing again?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Subang, duduk Yang Berhormat Subang ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *One year jail, RM50,000 fine...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Dan juga rakyat yang menjadi mangsa untuk mempertahankan diri, lebihnya kepada rakyat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *You already have it in the law...*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab nanti bagilah saya peluang.

**Seorang Ahli:** Duduklah.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Masalah dengan pembangkang, semua dia cakap betul, kita cakap semua salah. Bila saya hendak jawab tidak kasi jawab. Saya kata tadi, biar saya jawab 12 dulu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Lepas itu saya duduk...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dan saya jawablah soalan yang ditimbulkan, tidak ada masalah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya boleh jawab soalan, tidak ada masalah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebenarnya itulah cara dia untuk *provoke* Yang Berhormat Menteri supaya Yang Berhormat Menteri menjerit-jerit. *Relax* Yang Berhormat Menteri. Saya dah kena tadi dah. *Relax*, itu memang provokasi mereka, akan bagi *you* menjerit-jerit *then* lari *you* punya tajuk. *It's okay* Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Inilah cara mereka.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, terima kasihlah Yang Berhormat Baling sayangkan saya. Takut saya lari-lari daripada tajuk. Akan tetapi saya jamin kat Yang Berhormat Baling, saya tidak lari daripada tajuk dan saya pun tidak penakutlah macam ada di belah sana pergi taklimat rang undang-undang pun hendak bawa orang umur 95 tahun, sebab dia takut, takut, takut! [*Dewan riuh*] Hendak kena bawa orang. Lepas itu hendak bawa media sebab hendak serang hendak, ini masalahnya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa salahnya orang 93 tahun?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tetapi saya kata...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sebab penakutlah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Masalah kah?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam bukan anak jantan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Siapa yang takut?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam penakut.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Siapa yang takut?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, *you are number one, first class* punya penakut. [*Dewan riu*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *What is your problem?*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Gempak saja lebih dalam Parlimen.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *What is your problem?* Apa masalahnya?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tetapi dekat luar penakut.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dengan Yang Berhormat Pasir Salak pun lari tidak cukup tanah hari itu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang paling dahsyat Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Is that a crime?*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak dijemput pun datang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *93 years old, is that a crime?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ini yang masalah, tidak dijemput pun hendak datang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *What's the issue?* Tidak ada isu lain kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dahlah Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya selesaikan dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam duduk. Yang Berhormat Baling dah duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Umur 93 tahun, *is that a crime?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam.



**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan lah, apa hebat sangat isu 93 tahun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Beberapa negara luar...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Siapa yang takut?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Seperti Jerman, Singapura, Perancis...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sampai jadikannya satu isu?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Republic Czech, termasuk Kesatuan Eropah juga telah dan sedang mengambil langkah yang sama bagi membendung penyebaran berita tidak benar.

'Rang undang-undang ini adalah *draconian* dan digunakan untuk persediaan pilihan raya ini'. Ini telah disebut dalam banyak perbahasan oleh belah sana lah menyatakan bahawa rang undang-undang ini *draconian*.

*Draconian laws* seperti yang didakwa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun dihapuskan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. [Tepuk] Undang-undang *draconian* yang pertama, undang-undang ISA. ISA telah dibuang daripada negara kita. Rang undang-undang ini yang dicadangkan memberi kuasa kepada mahkamah yang membuat penentuan adalah mahkamah bukan kerajaan, bukan agensi kerajaan. Akan tetapi mahkamahlah yang membuat keputusan untuk menentukan kesalahan suatu kes dan menjatuhkan hukuman. Tidak seperti di zaman maha zalim dan maha firaun yang mana...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang masa itu Yang Berhormat Menteri pergi mana?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dilabelkan sendiri oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Zaman maha zalim, maha firaun itu Yang Berhormat Menteri di mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang mana sepanjang pemerintahan selama 22 tahun...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan Menteri yang menyokong dia kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Semua kuasa dan kata putus diletakkan di bawah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mempertahankan semua undang-undang yang dia luluskan. Bukan Yang Berhormat Menteri yang sokong kah masa itu?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri dengan mengetepikan kuasa mahkamah. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan Yang Berhormat Menteri yang sokong kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan Yang Berhormat Menteri yang sokong kah?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tiba-tiba maha zalim, maha firaun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *But you are the stronger supporter.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Semasa membentangkan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *The stronger supporter!*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tiba-tiba maha zalim, maha firaun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Semasa membentangkan...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam adalah Yang Berhormat Sepang nombor dua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila dah ada kuasa, barulah berani hendak sentuh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam adalah *assistant* kepada Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila tidak ada kuasa, tidak berani hendak sentuh.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam adalah setiausaha kepada Yang Berhormat Sepang. Ha! Inilah perangai. Sama, dua kali lima, lima kali dua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila tidak ada kuasa, barulah bersuara. Bila tidak ada kuasa, barulah bersuara.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tun Mahathir, semasa membincangkan pindaan kerajaan ke atas undang-undang, Akta Keselamatan Dalam Negeri...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa punya Menteri macam ini?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Atau ISA...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam apa salah, Yang Berhormat Shah Alam apa kurang? Dulu Yang Berhormat Shah Alam maki hamun orang tua itu, sekarang Yang Berhormat Shah Alam yang peluk orang tua itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Where is your principle?* Bila berkuasa lah tegur.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dulu Yang Berhormat Shah Alam lah maki hamun, Yang Berhormat Pandan lah maki hamun... *[Disampuk]* Maki hamun...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *U-turn* lagi... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, minta duduk Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dulu kutuk, sekarang puji, *U-turn* lagi. Pendirian tidak tetap...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam, *double standard* lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Tidak jelas]* ...Ada kuasa. Bila jatuh, dialah yang pertama menjengah... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Puji, kutuk, U-turn.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat Shah Alam ya. Okey.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Speaks against those who have power.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua. Saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Not to the retired.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat analogi antara undang-undang yang kita buat ini dengan zaman masa Perdana Menteri dulu.

**Seorang Ahli:** Saya tidak mahu sokong dia.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya hendak bacakan dalam *Hansard*, dalam *Hansard* di mana Perdana Menteri masa itu yang juga Menteri Dalam Negeri telah menyatakan kenapa mahkamah tidak boleh buat keputusan patut diberi kuasa pada

kerajaan. Jadi, saya hendak baca pada 23 Jun 1989, Tuan Yang di-Pertua. Tun Mahathir sendiri semasa membentang pindaan ke atas Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri atau ISA pada 23 Jun 1989 menyatakan bahawa tujuan utama pindaan ini dicadangkan adalah untuk menentukan bahawa perintah tahanan yang dibuat oleh Menteri yang memutuskan bahawa seorang itu mengancam keselamatan negara tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Tidak boleh dipersoalkan di mahkamah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya dan kita lawan dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ini adalah kerana kebelakangan ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kamu sokong dia. Menteri sokong dia, kami lawan dia, Menteri sokong dia...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Keputusan Menteri menyebabkan...  
[*Dewan riuh*]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hari itu kutuk, hari itu kutuk dia, sumpah dia, marah dia, kata macam-macam. Sekarang ni kutuk lagi, apa ini? Tidak ada pendirian. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dulu lawan, sekarang apa? Yang Berhormat Shah Alam, eh! Yang Berhormat Shah Alam dulu lawan, sekarang apa? Sekarang peluk, cium. *Poda* lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lawan orang yang tidak ada kuasa buat apa? Lawan orang yang tidak ada kuasa, yang ada kuasa itu yang kamu sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Menteri sedang menjawab Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *When he said that, you were with him.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menerangkan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang Menteri buat bila dia cakap macam itu?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dari segi bukti, masa kerajaan dipimpin oleh...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Dengar lah dia cakap itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduk Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang disebut sebagai maha zalim dan maha firaun itu. Dia orang panggil maha zalim dan maha firaun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, sokong, sokong. Maha zalim maha firaun masa itu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Disebabkan masa itu, ini bukan *fake news* Tuan Yang di-Pertua. ini adalah *re-news*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sekarang maha suci untuk mereka. Untuk pembangkang, Tun Mahathir adalah maha suci untuk dia orang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan maha suci, tidak ada orang maha suci. Kita lawan, siapa yang zalim, kita lawan. Dia ada kuasa kita lawan, bukan macam Barisan Nasional.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *[Tidak jelas]* ...Kuasa kerajaan, kuasa mahkamah telah diambil balik. Mahkamah tidak dibenarkan buat keputusan. Akan tetapi berbanding dengan undang-undang kita pada hari ini yang membuat keputusan mahkamah bukan kerajaan, saya hanya menggunakan *Hansard* itu untuk memberi bukti bezanya kepimpinan Perdana Menteri masa dulu dengan sekarang. Itu sahaja. Saya tidak cakap apa, saya panggil maha firaun, maha zalim.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa dulu sokong? Kenapa dulu sokong?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebab ini bukan *fake news*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa dulu sokong? *That is also not false news*, yang *you* sokong dia dulu *is not false news*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, dengar jawapan Menteri Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dia macam inilah, jawapan dia senang. Sekejap Yang Berhormat Menteri. Jawapan dia, Yang Berhormat Shah Alam dulu ikut PAS sekarang dia ikut PAN. Dia *flip-flop*, macam itulah. Yang Berhormat Shah Alam dulu marah, langgar tauke dia... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita berhenti sebentar Yang Berhormat ya. Okey, sudah selesai. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ya, hendak memetik kenyataan Mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh pada 20 September 1998 di mana beliau, Anwar Ibrahim telah menyifatkan Perdana Menteri masa itu Tun Mahathir sebagai *dictator* dan bertindak kejam terhadap siapa yang dibencinya. Cara beliau bertindak adalah seperti amalan

pemerintah komunis bintang tiga pada zaman darurat dahulu. Anwar Ibrahim cakap. Dia cakap...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *And you supported them. You supported him.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dengar jawapan Menteri Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You supported him, you supported him.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Ada juga...

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Sebab itu kita dah tidak pakai dia, kita tidak pakai dia dah. Yang Berhormat Shah Alam sahaja lah ambil.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *That is why you supporting him now.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh! Janganlah sekarang ini baru hendak cakap.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** *You will make a big mistake by supporting him.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila dah tidak ada kuasa baru hendak tegur. Bila dia ada kuasa, kamu juga yang sokong, kamu juga yang pertahan. Kamu juga yang sokong!

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kamu juga yang ambil dia sekarang, kamu juga yang ambil dia sekarang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sama lah dengan Yang Berhormat Pekan, bila Yang Berhormat Pekan tidak ada kuasa barulah akan sedar...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kamu juga yang ambil dia sekarang.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Bila Yang Berhormat Pekan tidak ada kuasa, baru lah hendak kritik.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Betul lah. Kamu juga yang ambil dia sekarang. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ya duduk. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kita halau Yang Berhormat Shah Alam keluar. Selamat, *if* Yang Berhormat Shah Alam tidak berhenti, Yang Berhormat Baling tidak akan berhenti.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kita undi, kita undi sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau tidak, kita undi. Kalau Yang Berhormat Shah Alam kacau Yang Berhormat Menteri, Baling akan turut kejar Yang Berhormat Shah Alam sampai Yang Berhormat Shah Alam berhenti.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Karang keluar dia kata takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam jangan kacaulah perempuan Yang Berhormat Shah Alam. Biar *gentleman* lah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang Berhormat Shah Alam mana ada maruah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Maruah pun tidak ada, kacau perempuan, kacaulah kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk Yang Berhormat. Yang lain duduk.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan pembangkang tuduh undang-undang ini zalim, *draconian*. Saya hendak terangkan undang-undang ini tidak zalim.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Panglima berantai dah berdiri dah itu.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Takkan saya hendak cakap pun tidak boleh? Saya tunjuk bukti dulu, bukan sekarang. Saya kata pada tahun 1998...

#### ■1600

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Masa *you* sokong dia...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Mantan itu panggil dia Komunis Bintang 3. *[Ketawa]* Saya hendak buat macam mana, yang panggil mantan Yang Berhormat Permatang Pauh, bukan...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Iyalah yang kamu sokong dia, masa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Selepas itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tunjukkan dalam prosiding mahkamah dan juga prosiding yang berlaku dalam Dewan ya. 1983 - krisis Perlembagaan 1983. 24 April 1987 - kalah pemilihan Presiden UMNO- bukan kalah, kalah tipis, lebih kurang menang tipis lah. 27 Oktober 1987 - Ops Lalang dilancar, 100 lebih ditahan, *opposition* dengan juga daripada parti yang sama. 3 Disember 1987 - membentangkan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan, memberi kuasa penuh kepada Menteri, tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah. 4

Februari 1988 - mahkamah memutuskan UMNO tidak sah. 17 Mac 1988 - membentangkan Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan, ini paling dahsyat ini Tuan Yang di-Pertua, kuasa kehakiman Persekutuan adalah setakat mana yang ditentukan di dalam perlembagaan sahaja. 5 Julai 1988 - 5 orang hakim telah disingkir. 8 Ogos 1988 - Tun Salleh Abbas telah dipecat. Hendak cakap undang-undang *draconian*, inilah undang-undang *draconian*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita menentang semua itu, kita menentang. *Where were you then?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, minta duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya *final year law student*, Universiti Malaya. Saya *student, law student* 1988.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam, *where are you now?* Yang Berhormat Shah Alam, *where are you now?* [Dewan riuh] Yang Berhormat Shah Alam *where are you now?*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** 1988 – *final year law student*. Yang Berhormat Shah Alam, *this is not fake news, this is real news*.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi, kita hendak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Real news, that you supported him. That is also not fake news. The real news, you supported him.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Itu sebabnya...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, halau Yang Berhormat Shah Alam ini keluar, Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Apa punya bodoh punya Ahli Parlimen. Bodoh betul. Bodoh betul.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan contoh *draconian*, undang-undang tersebut, jadi saya terangkan pada masa dulu. Jadi, apa yang saya hendak lakukan di sini ialah maklumkan kepada Ahli Dewan ini bahawa undang-undang ini tidak seperti undang-undang yang dibuat dahulu. Saya



memberikan bacaan daripada *hansard* yang mana kuasa mahkamah telah dikeluarkan daripada Undang-undang Mesin Cetak.

Contohnya, keputusan Menteri menolak permohonan membatalkan, menggantung sesuatu lesen atau permit adalah muktamad dan tidak boleh disoal dalam mana-mana mahkamah. Tidak adapun kenyataan ini dalam rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada langsung. Tidak ada langsung keputusan Menteri, tidak ada langsung mahkamah tidak boleh persoal, tidak ada langsung yang membuat keputusan apa itu *fake news* adalah Menteri ataupun agensi kerajaan, tidak ada langsung. Yang membuat keputusan adalah mahkamah.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** [*Mengetuk pembesar suara*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi, macam mana boleh dinyatakan bahawa undang-undang ini bersifat *draconian*? Kemudian Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini *redundant*, dengan izin. Kononnya *redundant* kerana terdapat beberapa undang-undang yang sedia ada untuk mengekang isu penyebaran berita tidak benar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** [*Mengetuk pembesar suara*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jadi maknanya, ada rang undang-undang lain. [*Dewan riuh*] Walaupun terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan, namun sehingga hari ini masalah ini tidak dapat dikawal secara efektif dan pantas berikutan perkembangan semasa teknologi maklumat yang semakin pantas dan kompleks.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, minta laluan. Penjelasan. *Clarification*.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kanun Keseksaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1958 telah digubal pada atau sebelum tahun 1990-an yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan pengedaran teknologi terkini. Rang undang-undang ini bersifat eksklusif untuk menangani penyebaran berita tidak benar.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Come on, Minister.*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Kewujudan akta-akta khas yang menangani kesalahan secara khusus, bukan perkara yang baru. Terdapat juga beberapa undang-undang yang sedia ada seperti di bawah ini yang undang-undang itu ada dan Kanun Keseksaan pun ada undang-undang itu. Contohnya, *Kidnapping Act* 1961, seksyen 359 hingga seksyen 369, Kanun Keseksaan juga memperuntukkan undang-undang berhubung dengan isu *kidnapping*, penculikan. Maknanya, *Kidnapping Act* ada dalam *Penal Code* pun ada.

Kedua, *Malaysia Anti Corruption Act 2009*. Seksyen 161 hingga seksyen 164 pun, Kanun Keseksaan pun ada. *Malaysia Anti Corruption Act* ada satu akta khas untuk rasuah, seksyen 161 hingga 164 dalam *Penal Code* pun ada tentang rasuah. *Sexual Offences Against Children Act 2017* yang kita laksanakan tahun lepas. Jenayah seksual tetapi dalam *Penal Code* pun ada seksyen Jenayah Seksual, 375A, 375B, 376, 376A, 376B, 377, 377A, 377B, 377C, 377CA, 377D), 377E.

Bererti bahawa, Kanun Keseksaan juga memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Bererti, ada tidak ada *duplicity*. Terdapat juga elemen-elemen baru dalam rang undang-undang ini yang diperkenalkan seperti pemakaian luar wilayah. Kemudian takrif penjelasan ilustrasi yang jelas, kemudian kesalahan mengenai bantuan kewangan, kesalahan sekiranya seorang itu tidak menghapuskan penyiaran berita tidak benar dan sebagainya dan mewujudkan langkah-langkah sementara, *interim measures*.

Jadi sebenarnya, saya menyatakan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa kenapa undang-undang ini diwujudkan dan undang-undang ini diwujudkan bukan bererti undang-undang yang ada tentang berita palsu itu tidak boleh dipakai tetapi undang-undang ini boleh dipakai dalam bentuk *complementary*, Tuan Yang di-Pertua. Kemudian tentang tafsiran berita tidak benar. Banyak Yang Berhormat mengatakan bahawa tafsiran berita tidak benar boleh membawa maksud yang luas dan boleh disalahgunakan.

Ini saya dengar daripada semua perbahasan lebih kurang, terutama sekali belah sana. Jadi Tuan Yang di-Pertua, skop yang luas adalah kerana teknologi masa kini yang membolehkan suatu berita atau maklumat palsu diterjemahkan dalam bentuk grafik atau apa-apa yang seumpama dengannya. Pertuduhan di bawah fasal 4, rang undang-undang ini hendaklah membuktikan tiga elemen jenayah yang wajib. Pertama, niat jahat – *mens rea*. Kedua, perbuatan mengadakan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedar dan mengelilingkan, menyebarkan – *actus reus*. Ketiga, berita tidak benar seperti dalam tafsiran.

Bagi fasal 5, rang undang-undang ini juga membuktikan tiga elemen jenayah yang wajib iaitu niat supaya bantuan digunakan mengetahui mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa bantuan itu akan digunakan - *mens rea*, bantuan kewangan diberikan secara langsung tidak langsung – *actus reus*, dan kemudian melakukan atau memudahkan perlakuan kesalahan di bawah fasal 4. Penetapan keperluan elemen-elemen jenayah yang ditentukan di bawah fasal 4 dan 5 dalam rang undang-undang ini memastikan tidak berlakunya sebarang penyalahgunaan oleh mana-mana pihak.

Jadi kemudiannya Tuan Yang di-Pertua, juga disebutkan tentang siapakah yang menentukan berita tidak benar? Daripada perbahasan banyak yang telah dibahas bahawa seolah-olah yang menentukan adalah satu kezaliman, seolah-olah macam ini ditentukan oleh kerajaan. Jadi, jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, jabatan kerajaan ialah kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberikan satu pihak yang *neutral* dan adil iaitu mahkamah untuk menentukan sama ada berita itu atau informasi itu tidak benar atau sebaliknya.

Jadi bererti, mahkamah lah yang akan memutuskan. Dengan proses ini, undang-undang yang sewajarnya, dengan izin, *by due of process of law*. Kuasa akan diberikan kepada mahkamah untuk membuat perintah bagi menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. Selepas siasatan juga, sekiranya pertuduhan dibuat, mahkamah yang akan menentukan berdasarkan kepada bukti-bukti yang sedia ada.

*Extra territorial application.* Yang Berhormat banyak juga timbul tentang kedudukan yang dituduh itu dalam elemen-elemen *extra territorial application*. Kesalahan ini merupakan kesalahan, dengan izin, *borderless crime*. Orang yang melakukan kesalahan ini sekiranya ia berada di luar Malaysia, hanya boleh dituduh apabila dia berada di negara ini atau jika dia dapat dibawa ke negara ini melalui proses ekstradisi. Pemakaian undang-undang lain yang berkaitan adalah seperti Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 dan Akta Ekstradisi. Kedua-dua akta ini dilaksanakan dengan kewujudan *treaty* di antara kedua-dua negara. Walau bagaimanapun, sekiranya tiada *treaty* antara kedua-dua negara, bantuan masih boleh diberikan melalui arahan khas. Peruntukan sedemikian terdapat juga dalam undang-undang yang sedia ada dalam negara kita.

Pertama, di dalam Akta Multimedia dan Komunikasi 1998, yang memperuntukkan sebagaimana yang berikut, para seksyen 4, "*territorial an extra territorial application*" dinyatakan dalam seksyen 4(2) dalam Akta MCMC ini, Akta Multimedia dan Komunikasi, "*This act and any subsidiary legislation should apply to any person beyond the geographical limits of Malaysia and the territorial waters if such*".

#### ■1610

Kemudian di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang juga memperuntukkan sebagaimana berikut... [*Membaca petikan*]

*"Extension of Act to extra territorial offences.*

*For any offences under this Act committed by any citizen or any permanent resident in any place outside and beyond the limits of Malaysia maybe dealt with as if had been committed at any place within Malaysia."*

Kemudian *selective prosecution*. Ada yang menyatakan bahawa kerajaan akan mewujudkan *selective prosecution* dalam undang-undang ini. Keputusan untuk mendakwa mana-mana orang atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dalam negara kita adalah bergantung pada segala keterangan yang diperolehi setelah siasatan yang lengkap dijalankan.

Tidak boleh ada *selective prosecution*. Keputusan pendakwaan hanyalah berdasarkan keterangan yang dapat membuktikan setiap elemen pertuduhan. Apabila seseorang itu dituduh, seseorang itu belum lagi dibuktikan telah melakukan kesalahan itu sehinggakan mahkamah memutuskan bahawa dia salah. Ini adalah selaras dengan prinsip *innocent until proven guilty*.

Menurut artikel *Publication of Prosecutorial Guidelines*, dengan izin... [Membaca petikan]

*“In reality, where the decision is to prosecute, scrutiny of the prosecution already takes place in the form of hearing before the court. The conviction and sentencing of an accused person are determined by the court, not the prosecutor. The commencement of prosecution does entail consequences for a person who is accused of an offence, even if he is acquitted. But such consequences would arise in any legal system, and can be minimized only by a trial conducted as efficiently and fairly as possible.”*

Orang yang dituduh perlulah mengemukakan segala bukti dan keterangan untuk membuktikan kes pembelaannya di mahkamah dan pada akhirnya pihak mahkamah sebagai suatu badan yang adil dan neutral berdasarkan kepada prinsip *separation of powers*, sebagai contoh.

Kemudian, jika Peguam Negara menyebarkan berita tidak benar, apakah tindakan? Jawapannya seksyen 40A kepada Jadual Kesebelas, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Peguam Cara Negara menjalankan kuasa Peguam Negara. Bererti kalau Peguam Negara, maka Peguam Cara akan mengganti. Peruntukan di atas juga terdapat dalam seksyen 39 Akta Taksiran 1948 dan 1967. Sementara itu subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa Peguam Negara adalah pendakwa raya. Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, *no one is above the law*, dengan izin. *We all accountable to our action*.

Kemudian, *non setting aside public order and national security*. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan perkara ini, dengan izin, bahawa menunjukkan isu berhubung dengan subfasal 8(3) iaitu apakah parameter yang akan diguna pakai oleh kerajaan dalam menentukan sesuatu berita yang tidak benar ini boleh menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara.

Maksud *public order* yang dibincangkan dalam kes Tan Boon Liat melawan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia 2MLJ 1976 muka surat 83, Yang Arif Abdul Kadir memutuskan seperti berikut dengan izin... [*Membaca petikan*]

*“The expression of public order is not defined anywhere but danger to human life and safety and the disturbance of public tranquility must necessarily fall within the purview of the expression. It is used in a generic sense and it is not necessarily anti tactical to this order and its wide enough to include consideration of public safety within its signification.”*

Maksud keselamatan negara, istilah tersebut, tidak boleh ditafsirkan secara eksklusif kerana ancaman kepada negara pada zaman ini adalah dalam pelbagai bentuk. Hakim dalam kes Mahkamah Rayuan Ching Chuan Se *against the Minister of Home Affairs and other*, juga kes Mahkamah Persekutuan Abdul Ghani bin Ali @ Ahmad *others* melawan *Public Prosecutor* menyatakan bahawa *the executive by virtue of its responsibility has to be the sole judge of what the national security requires.*

Kemudian, yang akhir sekali tentang perkataan *maliciously* dalam fasal 4 rang undang-undang ini sebagaimana yang dipinda, adakah ia sama maksudnya dengan elemen *maliciously* dalam seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 mengenai kesalahan menerbitkan berita palsu.

Menurut *Black’s Law Dictionary - Free Online Legal Dictionary Second Edition* dengan izin, *malice* ertinya *term that describe the caring out intentionally of an injurious and harmful act with no cost or justification*, dan *malicious act* didefinisikan sebagai *doing an intentionally wrong act*. Dalam definisi ini, *involving malice charge by wicked or mischievous motive or intention and act done maliciously is one that is wrongful and perform with fully or intentionally and without legal justification*.

Berdasarkan makna di atas, bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen *mens rea*, *maliciously* perlulah dibuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan dengan sengaja (*intentionally*) dan membawa kesan kemudaratan kepada seorang (*injures or harmful*). Kemudaratan ini membawa maksud yang luas dan boleh merangkumi kemudaratan secara fizikal ataupun emosi.

Adakah *element maliciously* dalam rang undang-undang ini sama dengan *maliciously* dalam seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984? Elemen *maliciously* atau niat jahat yang dicadangkan dalam fasal 4 rang undang-undang ini berbeza dengan *maliciously* dalam seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerana dalam subseksyen 8A(2) akta tersebut diperuntukkan bahawa seseorang yang dikatakan menerbitkan berita palsu dengan niat jahat, *maliciously publish false news*,

sekiranya orang itu tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentu sahkan terlebih dahulu berita palsu itu.

Dalam kes Lim Guan Eng melawan *Public Prosecutor* 2000 2CLJ 555, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa, dengan izin... [Membaca petikan]

*“In our opinion, when a person is charge with an offence under section 8A(1), the prosecution had to prove that the accused maliciously publish the false news. To rebut the presumption, the accused needs only to show that he has taken reasonable measures to verify the truth of the news. The ordinary man on the street does not apply in prosecution under section 8A(1).”*

Maknanya dia punya beban bukti itu, Tuan Yang di-Pertua. Mahkamah Persekutuan dalam kes ini telah membuat rujukan kepada kes *Public Prosecutor* melawan Pung Chan Chun 1994 yang memutuskan bahawa beban pembuktian elemen *maliciously* dalam seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan bukanlah *man on the street test*.

Berdasarkan kes ini, bolehlah disimpulkan bahawa beban pembuktian bagi elemen *maliciously* dalam rang undang-undang ini adalah berbeza sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 8A, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Di bawah rang undang-undang ini, *the degree of proof* lebih tinggi kerana perlulah dibuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan dengan sengaja (*intentionally*) dan dengan membawa kesan kemudaratan kepada seseorang (*injures or harmful*) berbanding dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bagan bangun.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak habis, kemudian saya duduk, semua orang boleh tanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang hanya mengehendaki agar pihak pendakwaan membuktikan bahawa tertuduh tidak mengambil langkah yang munasabah untuk menentukan (*verify*) berita itu benar atau palsu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan saya buka untuk soalan. Terima kasih.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya? Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana satu? Tadi Yang Berhormat Bagan berdiri. Mana satu? Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Bagan berdiri, Yang Berhormat Bagan kasi laluan kepada satu Ahli Yang Berhormat lagi. Mana satu?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu kepada Timbalan Speaker tadi bahawa isu-isu yang telah dibahaskan semua isu yang sama lebih kurang dan saya telah menjawab secara kumpul. Biarlah mereka tanya soalan dan kalau soalan itu adalah soalan sama, saya sudah jawab. Kalau soalan yang baru, baru saya akan jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya. Kami telah pun mendengar jawapan Menteri tadi. Tadi Menteri ada memberitahu kami bahawa pihak pembangkang di sini telah berniat untuk mengelirukan Dewan. Itu adalah perkataan yang agak *strong words*. Kita mengelirukan Dewan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh kami minggu lepas dan hari ini di dalam perbahasan rang undang-undang ini. Itu adalah satu tuduhan yang liar. *With respect*, Tuan Yang di-Pertua, *that is wild allegation*.

Menteri telah pun berdiri tadi dan kononnya menjawab apa yang ditimbulkan di dalam perbahasan ini. *With the greatest of respect*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *your reply was absolutely baseless, nonsense*. Semuanya dijawab secara umum, secara am. *Why are you ignoring the elephant in the room that is 1MDB? [Tepuk]* Kenapa tak sentuh 1MDB? Adakah awak seorang pengecut?

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, pengecut!

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Are you afraid? Are you afraid of touching on the issue which all of us has debated last week?* Saya hendak tanya adakah pengesahan Yang Berhormat Kota Belud bahawa MO1 itu adalah Yang Berhormat Pekan itu *fake news* kah? *Can you tell us if MO1 is Yang Berhormat Pekan? Is that fake news? Can you confirm? Because, if it is not, then I am going to go in the election campaign and tell the whole world that MO1 is Najib Pekan. [Tepuk]* Can you? Atau adakah Menteri akan *ignore* perkara-perkara penting ini?

#### ■1620

Ini adalah penting, tadi Yang Berhormat Menteri ada- saya hendak tanya sebelum saya- *just one more issue* Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Menteri ada menyatakan berkenaan dengan elemen *mens rea*. Di dalam RUU ini *mens rea* itu dikatakan ada *mens rea* dan boleh dilindungi di mahkamah sekiranya dipertikaikan di mahkamah. Kalau kita

mengeluarkan perkataan *knowingly* itu, *we take out the word knowingly from the act* bukankah itu bermaksud akta ini tidak mempunyai elemen *mens rea*. *That means* kami boleh melakukan satu jenayah di bawah akta ini tanpa tahu. *We can unknowingly commit an act.*


Saya boleh sebarkan satu *WhatsApp* mesej esok atau FB, saya tidak tahu ia palsu tetapi saya boleh dimasukkan penjara enam tahun. Di sana mana ada yang boleh guna minda mereka untuk menangani isu-isu penting ini. Mana ada? Dari sana mana ada, semua kosong. Langsung tidak tahu apa, *don't know what they're talking about*. Ini adalah perkara penting. *This impinges on our freedom of speech. One of fundamental rights guaranteed under the Federal Constitution and you want to listen to people like* Yang Berhormat Baling. *[Dewan ketawa]*

*You want to actually listen to him, take him seriously? Come on, come on. Menteri, you are not replied a single issue that has been raised. You were considered that a reply? It's a joke! What you reply was a joke. With the greatest of respect* Tuan Yang di-Pertua. *Please, please take it seriously, please answer the question that were raised last week especially on 1MDB. Terima kasih* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin merujuk kepada kes yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Menteri iaitu berkaitan dengan kes saya. Di mana saya dipenjarakan selama 18 bulan dan dalam kes ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ini pun kaki tipu tidak payah pakailah, ini pun penipu punya orang, pengecut.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Dalam kes ini tentu...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Takut, pengecut. Bila saya panggil  lari tidak cukup tanah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah, ini penipu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You cannot rely on this guy's talks.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Penipu, pemfitnah. Samalah semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Baling *has to retract an apologize to his...*



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah *you apologize, apologize* sampai tualah *you apologize*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *please make a ruling*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling *must make retract the apologize for calling another MP's penipu!*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Baling bodohlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *In this House*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You got nothing to do. He got nothing to do. What he did to me...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *...If you dengar baru you tahu Yang Berhormat Batu Kawan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *You shut up lah you! Bloody stupid.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua hantar dia keluar Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri duduk dulu, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang berdiri tolong duduk dulu Yang Berhormat!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Melampau sangat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua minta dia tarik balik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah tindakan akan diambil terhadap Yang Berhormat Baling.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Teruk sangat dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah tindakan akan diambil?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Yang sedang berdiri tolong duduk! Yang sedang berdiri sekarang Ahli Yang Berhormat tolong duduk. Sudahlah Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah.

*Take turns*, ikut peraturan mesyuarat. Saya tahu isu ini adalah isu serius. Semua yang diperkatakan pun telah diperkatakan. Menteri menjawab, kalau ada mencelah saya biarkan tetapi jangan lebih-lebih. Ikut peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Bagan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua *sorry*, minta maaf. Isu bukan bergilir-gilir berucap, bukan. Apa yang disebut tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya tidak ada panggil Yang Berhormat untuk berdiri dan berhujah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ya. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya tidak panggil Yang Berhormat berdiri untuk berhujah. Peraturan mesyuarat kan begitu, apabila Speaker panggil seorang Yang Berhormat berdiri baru boleh.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Baik, saya bangkitkan peraturan mesyuarat sekarang. Saya bangkitkan peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan Mesyuarat 36.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya bangkitkan peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk Yang Berhormat!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey. Saya duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya akan rujuk kepada peraturan mesyuarat nanti tetapi saya hanya hendak tanya tentang Yang Berhormat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa apabila beliau menyebutkan kes saya, di mana saya dipenjarakan selama 18 bulan, bukankah ini sudah memadai untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang kerajaan rasa ada menyebarkan berita-berita tidak benar. Akan tetapi sebaliknya pula memperkenalkan satu rang undang-undang ini yang begitu luas termasuk *extraterritoriality* iaitu boleh dipakai di luar wilayah.

Ini adalah satu undang-undang yang amat meluas sekali Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bila Yang Berhormat sebut tentang *selective prosecution* ataupun pendakwaan secara berpilih, ini jelas berlaku dalam kes yang melibatkan bukan sahaja saya tetapi juga pemimpin-pemimpin pembangkang. Di mana saya, anak saya menjadi mangsa tetapi pihak pendakwa raya tidak mengambil sebarang tindakan.

Tuan Yang di-Pertua anak saya hanya 15 tahun tetapi dijadikan mangsa oleh mereka yang menyokong Barisan Nasional, *cyber trooper* Barisan Nasional. Mengapa tidak ada sebarang pendakwaan dibuat. Sungguhpun pihak polis sendiri, Pengarah CID Pulau Pinang sendiri minta saya datang untuk membuat laporan polis. Siasatan dibuat, dihantar kepada pihak Peguam Negara tetapi tidak ada sebarang tindakan diambil untuk sesuatu berita yang palsu. Nasib baik tidak ada apa-apa yang berlaku ke atas anak saya. 15 tahun sahaja pun tidak lepas. Ini sesuatu yang saya rasa betul-betul marah Tuan Yang di-Pertua.

Itulah sebabnya saya rasa bila kita sebut tentang pendakwaan berpilih, mana kita yakin bila di dalam kes yang begitu jelas ini tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak Peguam Negara. Ia adalah semata-mata untuk mengenakan pihak pembangkang sahaja. Di sini Tuan Yang di-Pertua bolehkah saya minta Tuan Yang di-Pertua ambil tindakan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(1) ke atas perkataan yang tidak *berparliamentary* daripada Yang Berhormat Baling ke atas saya dan juga atas Yang Berhormat Batu Kawan.

Saya serah kepada kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua untuk meminta Yang Berhormat Baling tarik balik.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya hendak tanya soalan Yang Berhormat Menteri. Saya ada soalan dengan Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kasi *rulinglah* dulu.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Saya bukan hendak tarik, saya hendak tanya Menteri berkaitan dengan saya. Hendak tanya soalan dengan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri masih lagi membenarkan? Sila.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin menanyakan soalan berkaitan dengan isu yang mana ada pihak bagi tahu bahawa anak Yang Berhormat Bagan jadi mangsa Kerajaan Barisan Nasional dan sebagainya. Apakah tindakan yang harus kita lakukan kalau kita tidak ada rang undang-undang ini dapat diwartakan. Isu saya sendiri iaitu Setiausaha Agung DAP memanggil saya bahawa Ahli Parlimen UMNO Baling telah mengambil rasuah sebanyak RM3 juta daripada Syarikat Zenith. Selepas itu tunjukkan gambarkan saya dalam media televisyen kononnya saya penipu, pencuri. Kenapa MACC, SPRM tidak tangkap saya.

Jadi apakah pembelaan yang ada kepada saya? Yang Berhormat Menteri kalau saya saman sekadar minta maaf, sekadar memohon maaf. Yang Berhormat Bagan minta maaf kepada saya apakah cukup saya sebagai seorang Ahli Parlimen? Apakah satu

pembelaan terhadap Tabung Haji dan rakyat Baling? Apakah perlindungan yang saya harapkan? Jadi oleh sebab itulah hari ini amat bertepatan untuk kita menyokong dan meluluskan rang undang-undang ini untuk seluruh rakyat, bukan sekadar untuk Yang Berhormat Baling ia juga untuk anak Yang Berhormat Bagan, untuk semua pihak kita akan dapat pembelaan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin meminta penjelasan daripada Menteri mengenai apa yang disebut tadi. Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi bahawa kebebasan bercakap itu tidak tergugat. Ini perkara yang penting. Yang Berhormat Menteri telah merujuk kepada Artikel 10(1)(a) dan Menteri juga tahu bahawa Artikel 10(2)(a) yang memberi kuasa kepada kerajaan untuk menggubal undang-undang yang menyekat kebebasan bercakap di dalam Artikel 10(1)(a).

Akan tetapi di bawah Artikel 10(2)(a) penyekatan ataupun sekatan itu hanya *in the interest of security* ataupun *public order* yang relevan di sini? Akan tetapi jika Yang Berhormat Menteri lihat kepada undang-undang ini ia memperjenayahkan apa-apa kenyataan yang palsu sebahagian atau sepenuhnya. Maknanya yang tidak berkaitan dengan *interest of security* dan yang tidak berkaitan dengan *public order* juga dijenayahkan di bawah akta ini.

■1630

Bukankah itu bermakna bahawa undang-undang ini terkeluar daripada sekatan yang dibenarkan di bawah Artikel 10(2)(a)? Oleh itu, ia dengan pastinya bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. *On the surface*, atas muka rang undang-undang ini, bukankah ia terkeluar daripada sekatan yang dibenarkan di bawah 10(2)(a)? Mana-mana kenyataan pun, apa-apa walaupun begitu remeh pun telah dijenayahkan di bawah undang-undang ini walaupun tidak berkaitan dengan *interest of security* ataupun *public order*.

Autoriti yang dikemukakan oleh Menteri, Pung Chen Choon, semua tidak relevan. Ini soalan yang perlu dijawab, bagaimana undang-undang ini termasuk di dalam sekatan di bawah 10(2)(a)? Bagaimana ia boleh dibenarkan? Ini kerana kalau sesuatu kenyataan dikeluarkan walaupun ia tidak berkaitan dengan sekuriti atau *public order*, dia masih jenayah. Jadi, terkeluar. Jadi, ini bercanggah dengan Perlembagaan. Saya rasa ini persoalan yang Menteri mesti jawab kerana kita di Dewan Rakyat tidak boleh meluluskan satu undang-undang yang jelas *on the surface* dengan izin, bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua, sikit?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri, sikit, sikit. Saya pun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, masih lagi memberi laluan? Kepada siapa? Yang Berhormat Bukit Katil atau daripada mana?

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Tanah Merah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tanah Merah. Yang Berhormat Menteri, saya sebenarnya keliru Tuan Yang di-Pertua, bila dalam hal ini. Saya tidak faham kenapa saya nampak satu pihak ini macam cacing kepanasan, melatah tidak tentu fasal seolah-olah dunia ini akan kiamat sudah apabila undang-undang *fake news* ini akan dilaksanakan. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, pelaksanaan undang-undang ini satu pihak ataupun terpakai kepada semua pihak Yang Berhormat Menteri? Jadi, saya rasa yang undang-undang ini terpakai untuk kedua-dua pihak. Jadi, apa yang mereka hendak takutkan? Jadi saya fikirkan, kita seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi, mahkamah yang akan tentukan. Jadi Yang Berhormat Menteri, saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Katil.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Padang Serai telah membangkitkan suatu perkara yang penting untuk Yang Berhormat Menteri respons. Misalnya kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, dalam misalan-misalan dalam fasal 4, misalan (d) misalnya, "*A menerbitkan suatu iklan yang mengandungi karikatur Z yang menampilkan Z sebagai pelabur berjaya...*". Dalam konteks ini, saya lihat hatta karikatur ataupun kartun ini pun menjadi satu masalah yang menyebabkan menggugat keselamatan dalam negara ini. Jadi, kadang-kadang ini perkara yang pada saya cukup peliklah kenapa misalan ini berada di dalam perkara ini. Misalan (g) misalnya Tuan Yang di-Pertua, "*A memberikan ucapan dalam suatu forum umum yang diadakan di suatu tempat awam.*"

*Dalam ucapannya, A memaklumkan bahawa Z telah menyalahgunakan wang yang dikutip untuk tujuan amal...*". Apa kaitan ucapan *dinner*, makan malam untuk tujuan amal ada kaitan pula dengan *public order* dan sebagainya? Jadi saya fikir kadang-kadang ini seolah-olah misalan-misalan ataupun tamsil-tamsil ini *served the current political situations* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang tidak ada kaitan langsung dengan apa yang diistilahkan sebagai sekuriti dan juga *public order*. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan untuk perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua. Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Shah Alam. Silakan Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menganggap bahawa bila Tuan Yang di-Pertua tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap Yang Berhormat Baling, maka bererti bahawa kelakuan Yang Berhormat Baling adalah boleh diterima. Terima kasihlah.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri banyak memberikan contoh zaman maha zalim, zaman maha Firaun, ISA dan sebagainya. Kami di sebelah sini memang daripada zaman itu kami menentang dan kami telah berhujah meminta supaya undang-undang itu diteliti kembali untuk menentukan bahawa ia tidak disalahgunakan kepada kes-kes yang tidak ada kena-mengena dengan tujuan di sebalik mana undang-undang itu digubal. Ia kononnya digubal untuk menghadapi golongan pengganas Komunis, tetapi akhirnya ia digunakan untuk *political adversary* khususnya bagi golongan pembangkang.

Lalu dalam kes ini juga, bukan kita hendakkan ataupun kita sokong penyebaran berita palsu. Itu merupakan satu kenyataan bila Yang Berhormat Menteri kata macam cacing kepanasan ataupun bila Yang Berhormat Tanah Merah komen dan sebagainya, bertujuan untuk mengelirukan anggota Dewan dan pihak masyarakat bahawa kita ini sokong penyebaran berita palsu. Itu bukan isunya. Isunya ialah bagaimana undang-undang ini tidak akan disalahgunakan, ditujukan hanya terhadap pembangkang, *selective persecution, prosecution* yang telah dinyatakan.

Saya sendiri pun tidak percaya kepada Pejabat Peguam Negara. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun tahu kes ini. Saya pun telah tulis kepada Tuan Yang di-Pertua, kes yang mana yang saya diserang dalam kawasan Parlimen, hingga hari ini, tidak ada apa-apa tindakan yang serius kerana ia melibatkan ahli keluarga salah seorang Timbalan Menteri yang ada di dalam Dewan ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** [*Bangun*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oleh sebab ada kedudukan, orang yang ada jawatan, pihak Barisan Nasional, maka tidak ada apa-apa tindakan. Maka, apa jaminan bahawa Peguam Negara yang diamanahkan dengan jawatan untuk menentukan bahawa untuk melaksanakan undang-undang ini juga tidak akan melakukan pilih kasih. Sudah jamin dia akan melakukan pilih kasih, sedangkan dalam kes yang sekarang ini pun termasuk kes Yang Berhormat Bagan, kes saya juga sudah jelas adanya pilih kasih.

Lalu, apa jaminan di dalam undang-undang ini bahawa persoalan berita palsu akan diambil tindakan hanya apabila pembangkang yang kononnya terlibat. Akan tetapi kenyataan-kenyataan liar yang lain seperti hendak mansuhkan, hendak hapuskan Rejimen Tentera Askar Melayu kalau Pakatan Harapan memerintah, tindakan apa?

Kenyataan bahawa Yang Berhormat Gelang Patah akan menjadi Perdana Menteri kalau Pakatan Harapan menang, tindakan apa? Peguam Negara tidak akan ambil apa-apa tindakan. Maka, apa jaminan bahawa Peguam Negara akan bertindak dengan adil. Nombor satu. Kedua, undang-undang ini tidak akan digunakan terhadap isu-isu yang remeh yang tidak ada kena-mengena dengan soal keselamatan dan keamanan awam. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Fasal ada merujuk kepada perkara yang bersangkutan, saya minta kebenaran...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini baru yang makan cili, terasa pedas Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya minta kebenaran laluan daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Yang di-Pertua. Minta izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, teruskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya ingin menjelaskan di sini, apa yang berlaku itu, tindakan sekarang sedang diambil. Kita tidak takut. Pihak pendakwa raya sekarang mengambil tindakan terhadap anak saya dan juga beberapa orang rakan mereka yang datang ke sini bukan tujuan untuk merusuh, tetapi hendak memberitahu Yang Berhormat Shah Alam, mulut itu jaga sikit, jangan kurang ajar. [*Dewan ketawa*] Itu sahaja. Akan tetapi dituduh merusuh, *it is okay. It is okay.* Walaupun ada ura-ura—Tunggu dahulu, berilah *chance* bercakap. Walaupun ada jalan penyelesaian begitu begini, suruh bayar *fine* sikit, kita tidak mahu. *1 cent also we don't want to pay. We want to settle in court. We settle in court. We will see...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat. Boleh? 36(12). Sebenarnya, Yang Berhormat Pasir Salak ini tidak faham. Dia cakap tidak ada tindakan tegas, bukan tidak ada tindakan. Telinga itu pekakkah? [*Dewan riuh*]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tindakan undang-undang begitu lebih tegas daripada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Atas kesalah kecil apa? Ini bukan kecil, ini kesalahan besar, serius. Apa masalah kecil? Cubalah pandai sikit jadi Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini mungkin Menteri terakhirlah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, minta duduklah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sikitlah. Macam mana tidak habis lagi saya jawab, sudah sampuk ini. Saya hendak beritahu tindakan undang-undang itu lebih teruk, lebih tegas, lebih kuat. Kalau pihak mahkamah hendak hukum penjara berapa tahun pun, penjaralah. *We are prepared*. Kita berani kerana benar. Kalau pihak pendakwa raya rasa ini tuduhan daripada pihak Yang Berhormat Shah Alam itu betul, okey *go ahead*. Kita sedia menerima. *We are not like you, you are coward*, pengecut. Satu.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, tindakan Yang Berhormat Shah Alam mengeluarkan kata-kata terhadap saya 'sial', tunggu. *We will settle in court*.

#### ■1640

Saya hendak beritahu, kita hendak bicara, dia yang tidak berani. Dia minta tangguh selepas pilihan raya pula konon. *I want to have it now, now, now*. Penakut.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Takut...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini mengelirukan Dewan. Bukan saya yang minta tangguh. Dia yang minta tangguh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pembohong.

**Beberapa Ahli:** [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Ini berita palsu, berita palsu ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini *false news*. Ini berita palsu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini berita palsu.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Sudahlah, Kalau Yang Berhormat Sepang jadi *lawyer* lagi teruk...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan saya yang minta tangguh. Saya pergi ke mahkamah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, badan besar, hati kecil.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Shah Alam badan besar, hati kecil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar, sudahlah Yang Berhormat Kapar.



**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Hujah Timbalan Menteri tadi mengukuhkan bahawa pendakwa raya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** AG dan institusi mahkamah bersama dengan UMNO Barisan Nasional. Itu pengakuan sendiri. Keberanian beliau membuktikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar, sudahlah. Ini di antara Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Pasir Salak, sudah pun saya dengar. Bermakna kes ini sekarang dalam mahkamah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, kalau sudah dalam mahkamah, di mahkamahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, tetapi yang dia kata sanggup di penjara dan sebagainya. Mana boleh penjara kesalahan-kesalahan kecil. Maksimum pun RM100 sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam, sudahlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini menunjukkan memang berat sebelah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau Ahli Parlimen Barisan Nasional yang kena, kita boleh jamin tindakan yang lebih tegas tetapi bila kita yang kena...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pembohong, penipu.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, duduklah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kesalahan-kesalahan kecil Tuan Yang di-Pertua, keselamatan Parlimen dipukul, polis Parlimen dipukul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam sudahlah. Duduk Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *He is a mad man. [Dewan ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, kadang-kadang saya tergelak kerana tadi Yang Berhormat Bagan ada minta perhatian saya supaya tindakan diambil kepada Yang Berhormat Baling mengenai satu hujah yang sebenarnya saya tidak dengar. Baru tadi ini saya dengar dua atau tiga perkataan *unparliamentary*, 'bohong', 'pengecut' dan sedemikianya. Kadang-kadang saya sendiri

bingung, mana sudah perkataan-perkataan *unparliamentary* dan tidak. Sudah jadi kebiasaan. Jadi terpaksa kena sabar. Yang lebih-lebih itu janganlah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tadi pun mengatakan bahawa *Attorney General* berat sebelah dan sedemikianya, itu sudah sangkaan jahat tetapi saya biarkan. Akan tetapi jangan sampai kecoh, *temperature* naik. Apabila *temperature* naik, *both side* banyak betul saya punya *white blood cell* yang mati. *[Dewan ketawa]* Tolong saya. *Temperature* juga naik, tidak pandai turun, 178, 180.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Pakar ada. Pakar ada sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada undang-undang, Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri, bolehkah buat satu rang undang-undang di mana kalau kesihatan Speaker terjejas oleh kerenah Ahli Yang Berhormat, ada insurans, boleh saman. *[Dewan riuh]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak payah undang-undang. Itu Tuan Yang di-Pertua kena letak jawatan sahaja, selesai masalah. *[Dewan riuh]* Tidak payah ada undang-undang. Ini saya punya pandanganlah, pandangan saya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, makan ubat Yang Berhormat Sepang. Merepek sudah itu. Sudah mula merepek dah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, apa Yang Berhormat Subang?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isu *unparliamentary* ini, memang saya faham apa Tuan Yang di-Pertua cakap tadi tetapi ada beza kalau kadang-kadang kali kedua kita terlepas cakap sebut 'bohong' berbanding dengan perkataan 'bodoh', itu beza, ada beza. Itu yang digunakan di sana. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* 'Bodoh'. So, I rasa kita boleh bezakan itu dan kita mesti *control*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang, ini *unparliamentary words*, tidak ada *degree of* ini di atas, ini tengah, ini bawah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, *we have to draw the line...*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Unparliamentary words means across the board, unparliamentary words.* Jadi, saya mohon kerjasama semua, elakkan menggunakan perkataan-perkataan yang *unparliamentary* mulai daripada saat ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua saya ingat kita tengok orang yang cakap itulah. Kalau orang yang cakap itu macam Yang Berhormat Baling itu memang biasalah. Itu kita *expected* lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Satu keajaiban kalau dia boleh cakap dengan baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Menteri. Sila teruskan menjawab.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau degil macam Yang Berhormat Gelang Patah pun boleh dibiarkan dia berada dalam Dewan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada satu penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri, Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Satu tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Last* Yang Berhormat Batu Kawan. Jawab Yang Berhormat Batu Kawan, selepas itu jangan lagi beri pencilahan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta izin *just* tambah satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terus habiskan. Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum tanya lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh izin? Satu sahaja. *I have one point.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, selepas Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Subang. Selepas Yang Berhormat Subang, jawab, jangan lagi ada gangguan, sampai habis. Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya ingin bangkitkan tiga poin daripada jawapan yang diberikan oleh Menteri tadi.

Satu, Menteri kata tadi *Twitter* yang sekarang ini lebih dikenali sebagai *toxic Twitter* menampakkan ramai wanita diganggu secara seksual, dengan izin *sexual harassment on Twitter*. So, tidak masuk akal kalau Menteri hendak menggunakan poin ini untuk *defend her argument on why we need Anti-Fake News Bill when she can actually table Anti-Sexual Harassment Bill to protect women on social media. You do not need Anti-Fake News Bill for that*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. So, saya minta Menteri, *get your priority straight if you want to protect women from being harassed online, come out with Anti-Sexual Harassment Bill, not Anti-Fake News Bill. That is number one.*

*Number two, tadi Yang Berhormat Tanah Merah menyatakan bahawa beliau sedih Yang Amat Berhormat Pekan merangkap Perdana Menteri difitnah oleh media antarabangsa. Kami sebelah sini menunggu dengan izin, [Merujuk kepada blok pembangkang] with bated breath when the Prime Minister is going to make a police report to get the police and SPRM all on board to investigate this fake news, so-called fake news by international media. To date, the Prime Minister has not done that. Do we need this law because of his inefficiency or his intention to cover up the mega scandal that is surrounding him?*

*Third point Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini, pada tahun lepas dalam Belanjawan 2018, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menyatakan RM50 juta diperuntukkan untuk pembangunan sekolah Tamil di Malaysia. Tiga hari yang lepas, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Hulu Selangor menyatakan RM1 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan sekolah Tamil. Now I would like to ask here, who is the one who has made this fake news? Is it the Prime Minister or is it the Deputy Education Minister? Who will be accountable, who will decide which is fake news and which is not? Year in year out Tuan Yang di-Pertua. We have to read this kind of news as election is coming. All these fake promises that have been made and now you want to criminalize this kind of freedom of expression. Saya harap Menteri boleh menjawab. Terima kasih.*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin sambung daripada poin penting yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Padang Serai. Yang Berhormat Padang Serai rujuk pada perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan di mana disebut dengan jelas memang sekatan boleh dikenakan atas *freedom of speech* dengan izin tetapi saya baca dalam bahasa Inggeris, “*But as it deemed necessary or experience in the interest of security*” atau *public order*. Itu perkataan yang sangat penting. *Security* atau *public order*. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri jawab, bila kita teliti contoh-contoh, ada lapan contoh di dalam rang undang-undang ini yang disediakan oleh kerajaan, adakah kerajaan faham semua lapan contoh ini bila kita baca (a) sampai (h).

Saya mula dengan izin dengan (a) itu, secara ringkas, “*A menawarkan maklumat palsu kepada B*”. Dia tidak masuk dalam kandungan itu.

So, kita kurang jelas, (b) lebih jelas. “*A mengada-adakan suatu maklumat dengan menyatakan dalam artikel yang diterbitkan dalam blog nya bahawa Z seorang usahawan sekian, sekian*”. Maksudnya kandungan itu berkenaan dengan seorang Z. Ini isu peribadi terhadap seorang individu sahaja.

Misalan (c) pun macam itu. “A mengada-adakan suatu maklumat dengan menyatakan dalam artikel yang diterbitkan dalam blog nya bahawa Z seorang usahawan sekian, sekian”. Semua ini berkaitan dengan satu orang bercakap dengan seorang lain. *We talked about individual* dengan kepentingan individu sahaja.

Misalan (d), “A menerbitkan suatu iklan yang mengandungi karikatur Z yang menampilkan Z sebagai pelabur berjaya sekian, sekian”. Itu pun merupakan seorang individu.

Misalan (e), “A menerbitkan suatu pernyataan dalam akaun media sosialnya bahawa produk makanan syarikat Z mengandungi ramuan bla, bla, bla, berbahaya dan sebagainya”. Itu pun berkenaan satu syarikat, syarikat yang kononnya buat satu tindakan yang salah dan sebagainya. Bukan tidak boleh disebut ini berkenaan dengan isu yang berkaitan dengan *national security, public order* dan sebagainya.

Misalan (f), “A mengadakan suatu laman sesawang yang meniru laman sesawang suatu agensi kerajaan”. Baru kita ada satu contoh yang berkaitan dengan kerajaan. Saya akan balik kepada ini Tuan Yang di-Pertua. Saya habis dengan D dan H dulu.

Misalan (g), “A memberi ucapan dalam suatu forum umum yang diadakan di suatu tempat awam. Dalam ucapannya A maklumkan bahawa Z telah menyalahgunakan wang sekian, sekian”. Mungkin ayat itu memfitnahkan Z betul tetapi bukan isunya keselamatan negara, bukan isu *public order* yang ditimbulkan.

Akhirnya (h), “A mengadakan suatu sidang akhbar dengan mendakwa bahawa Z seorang pemilik pasar raya akan memberikan cenderamata sekian, sekian, sekian”.

#### ■1650

Itu pun tidak ada isu keselamatan negara. Jadi, saya balik kepada isu yang berkaitan dengan jabatan kerajaan ini. Itu pun bila kita baca contoh itu. Okey, memang ia bagi gambaran bahawa ada kenyataan daripada jabatan kerajaan yang akhirnya palsu. Perlu kah kita undang-undang begini untuk selesaikan masalah itu? Itu persoalannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dan saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, adalah cukup jelas semua contoh-contoh yang disebut dalam rang undang-undang ini boleh dinampak tidak ada sentuh pada— tidak kena-mengena isu yang perlu di bawah Perlembagaan Persekutuan iaitu *national security*, dengan izin, ataupun *public order*. Atas alasan itu, kita boleh sekat. Oleh sebab itu kita kata memang sekatan atas *freedom of speech* dalam rang undang-undang ini memang tidak ada asasnya dari segi undang-undang, dari segi prinsip perlembagaan.

Adalah jelas semua ini adalah berkaitan dengan kepentingan individu sebab itu kita boleh lihat ia terlalu luas dan mudah disalah guna. Itulah poin yang jelas. Jadi, apakah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri? Apabila semua contoh-contoh ini dengan

cukup menjelaskan, menunjukkan bahawa tujuan rang undang-undang ini dengan jelas tidak ada berkaitan dengan satu, tujuan menjaga keselamatan negara atau *public order* dan sebagainya. Ini adalah untuk menjaga siapa? Adalah untuk menjaga seperti yang kita sudah dengar, Perdana Menteri daripada tuduhan MO1 dan 1MDB dan sebagainya. Itulah tafsiran yang jelas. Kita minta penjelasan juga kalau tuduhan adalah media antarabangsa buat, *so called fake news* atau tuduhan palsu. Manakah saman fitnah? Kita menunggu-nunggu saman fitnah. Itulah *remedy*-nya. Saya akhir dengan ayat ini sahaja Tuan Yang di-Pertua dan minta Yang Berhormat Menteri faham, semua contoh-contoh ini ada *remedy*-nya.

Memang, saya tidak sebut tindakan yang disebut dalam lapan contoh ini, betul. Tindakan itu memang salah. *It requires a remedy* tapi *remedy* yang jelas. Kebanyakan contoh ini, kebanyakan masalah ini, *remedy*-nya adalah saman fitnah di mahkamah. Itu sahaja, saman. Kenapa kita- dan kita tidak perlu bawa satu rang undang-undang dengan ini yang dengan peruntukan yang sangat *draconian*, sangat menindas, sangat luas, kabur dan mudah disalahgunakan. Minta penjelasan.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Minta sedikit Tuan Yang di-Pertua, Setiu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sebut tadi Yang Berhormat Subang penghabisan. Sila.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya minta penjelasan sedikit, penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tidak apa. Biar saya jawab, mungkin yang lain hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri mahu jawab.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Jawab dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya dalam penggulungan saya sudah memberikan jawapan dan saya telah menerangkan. Akan tetapi masih terdapat ketidakfahaman daripada pihak sebelah sana. Akan tetapi tidak apa, saya jelaskan lagi sekali, tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil apa yang Yang Berhormat Subang cakap dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pertama sekali berkenaan dengan perlembagaan. Mereka mengatakan perlembagaan hanya boleh membuat undang-undang yang boleh membuat, dengan izin, *limitations* kepada kebebasan bersuara dengan syarat *public order*, ketenteraman awam.

Saya hendak bacalah, kalau boleh Yang Berhormat Subang dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor, kenalah baca semua perkara yang saya sebut dalam Perkara

2(a), perlembagaan. Izin saya, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ia nyatakan bahawa ke atas hak-hak yang diberikan kepada perenggan (a), fasal 1 - apa-apa sekatan yang didapati perlu atau sesuai manfaat demi kepentingan, keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau prinsip moral dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau melindungi Dewan Undangan Negeri, untuk membuat peruntukan mengenai pindaan mahkamah fitnah— So, maknanya Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengatakan hanya pembacaan kepada perlembagaan ialah *public order*, salah. Dia tidak baca lengkap sebab perlembagaan membenarkan dengan beberapa perkara, termasuk ketenteraman awam atau prinsip moral.

Saya sudah terangkan dalam Dewan ini bahawa undang-undang ini adalah *quasi criminal*. Ini adalah undang-undang juga untuk rakyat, ini bukan undang-undang yang mana pemerintah atau kerajaan atau Menteri yang membuat keputusan, tidak ada. Ini undang-undang diwujudkan supaya mana-mana pihak yang disebut dalam contoh ini, yang merasa diri mereka dijadikan mangsa dalam kesalahan berita palsu, berita tidak benar, boleh pergi ke mahkamah memohon *interim order*, perintah supaya mahkamah boleh mengeluarkan perintah supaya berita itu diturunkan. Ini yang kita minta, pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, *interim order* itu bererti dia kena puaskan hati mahkamah bahawa itu berita, *fake news*. Itu memang tanggungjawab pemohon kepada mahkamah. Kemudian mahkamah boleh membenarkan *setting aside* mana-mana pihak yang tidak mengaku bahawa ini adalah *fake news*. Bererti Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya undang-undang ini bukan undang-undang yang diberikan kepada keputusan Menteri. Saya sebut, dalam undang-undang ini tidak ada langsung disebut bahawa pihak yang membuat keputusan bahawa itu adalah berita palsu atau tidak benar adalah kerajaan. Saya sudah sebut banyak kali. Kalau Tuan Yang di-Pertua, saya minta izinlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita baca huraian. Huraian menyatakan, selalu dalam undang-undang, kita buat rang undang-undang, kita tidak boleh lari pada baca huraian, Tuan Yang di-Pertua.

Huraian menyatakan bahawa Akta Antiberita Tidak Benar 2018, akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk memperkatakan tentang berita tidak benar dengan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan tertentu dan langkah-langkah untuk mengekang penyebaran berita tidak benar dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan. Dengan berkembangnya teknologi selaras dengan peredaran masa, penyebaran berita tidak benar menjadi kebimbangan global dan semakin serius sehingga menyentuh orang awam. Akta yang dicadangkan bertujuan untuk melindungi orang awam daripada penyebaran cepat berita tidak benar dan pada masa yang sama

bertujuan untuk memastikan hak kebebasan bercakap dan bersuara di bawah Perlembagaan Persekutuan dihormati.

Peruntukan mengenai kuasa mahkamah untuk membuat perintah untuk menghapuskan apa-apa penerbitan yang mengandungi berita tidak benar menjadi satu langkah untuk menangani penyalahgunaan medium penerbitan, secara khususnya platform media sosial. Melalui akta yang dicadangkan adalah diharapkan agar orang awam menjadi lebih bertanggungjawab dan berhati-hati dalam berkongsi berita dan maklumat.

Itu sahaja. Tidak ada langsung disentuh bahawa ini adalah undang-undang yang mana kuasanya diberi kepada Menteri untuk membuat keputusan bahawa itu berita benar atau tidak benar. Jadi, Yang Berhormat Bukit Gelugor tanya saya tentang MO1. Saya hendak menjawab kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, yang hanya boleh menjawab siapa itu MO1 adalah mahkamah, lepas undang-undang ini diluluskan. Mahkamah yang membuat keputusan. Oleh sebab setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut banyak kali bahawa Tuan Yang di-Pertua telah memberi petua tentang perbahasan ataupun apa-apa isu yang hendak dibawa dalam isu tentang RM2.6 bilion.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Itu bermaknanya bahawa bagi pihak kerajaan, kita menerima pakai keputusan petua. Akan tetapi saya sudah terangkan di sini bahawa tidak adanya boleh dipakai bahawa tuduhan tentang rang undang-undang ini adalah terletak pada kuasa kerajaan, kuasa Menteri.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Biar saya jawab kemudian saya duduk, boleh tanya saya balik. Kemudian Yang Berhormat Bagan tanya soalan. Dia kata, saya telah dituduh bawah kesalahan yang disebut, saya membuatkan— kes beliau dan beliau kata dan undang-undang itu ada, kenapa tak nak pakai undang-undang sama? Saya sudah terangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan perbezaan, di mana saya kata tentang *fake news* ini dalam elemen *social media*, saya terangkan tentang *scientific research* yang mana kegunapakai kepercayaan itu adalah lebih pantas, dengan *forwards* yang mana Yang Berhormat Baling telah memberikan contoh. Dia katakan kadang-kadang *forward* itu terlalu laju yang menyebabkan ini masalah berita palsu.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut juga tentang Yang Berhormat Baling tanya kepada kerajaan, apa yang boleh buat kalau kes Yang Berhormat Baling, macam kes Yang Berhormat Bagan? Saya kata kalau ada undang-undang ini, kes Yang



Berhormat Bagan itu boleh diturunkan daripada media sosial. Itu diperuntukkan dalam undang-undang ini. Yang penting Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan media sosial Tuan Yang di-Pertua, beza dengan kes-kes fitnah yang mana disebut oleh Yang Berhormat Subang ialah kes fitnah itu, hakim hendak tentukan fitnah itu *slander* atau *libel*. Maksudnya, ada fitnah, tidak ada fitnah. Jadi, memakan masa di mahkamah tapi berita itu masih tergantung.

Dalam kes di sini, kita kerajaan mewujudkan *interim order* yang mana macam kes Yang Berhormat Bagan sebut tadi bererti, contohnya kes Yang Berhormat Bagan. Kes anak Yang Berhormat Bagan itu boleh diturunkan daripada media sosial supaya hakim memberikan perintah turunkan. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, yang masalah di sini ialah perbezaan antara *Printing Presses and Publications Act* (PPA) dengan apa yang berlaku hari ini dalam *social media* ialah *social media* ini kuncinya yang dipakai ini bukan datang dari Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. *Facebook, Twitter, Instagram*, semua akaun ini adalah dari negara luar.

#### ■1700

Saya sebut tadi *borderless*, Tuan Yang di-Pertua. Bererti, masalahnya perintah daripada mahkamah ini kalau kita tengok bawah MCMC punya akta, bawah *Printing and Publication Act*, apa pun yang dibuat laporan polis— macam kes Yang Berhormat Seputeh dengan kes Yang Berhormat Batu Kawan, mereka telah menyatakan mereka dikenakan berita palsu. Mereka pergi ke balai. Saya pun kena, Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi buat laporan polis, sampai hari ini tidak ada tindakan. Akan tetapi dengan adanya rang undang-undang ini, mereka seperti Yang Berhormat Seputeh dan seperti Yang Berhormat Batu Kawan boleh pergi ke mahkamah. Tidak perlu tunggu polis, pergi mahkamah minta turunkan berita palsu kerana, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang paling besar berita palsu ialah masalahnya berita itu masih ada tergantung dalam *highway social media platform*. Ini masalahnya.

Saya telah bertemu dengan *Facebook*, dengan *Instagram*, dengan *Twitter*. Mereka mengatakan mereka akan respons untuk turunkan dengan syarat ada *Court Order*, itu sahaja. Apa yang kita hendak bantu ini ialah masyarakat umum, masalah umum. Kerajaan apabila buat sesuatu kerana kita letakkan keutamaan kepada rakyat, kita bukan poleмикkan isu itu. Ini isu rakyat. *[Tepuk]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sebab kalau berlakunya— ini Yang Berhormat Bukit Katil tanya saya fasal huraian ada kartun. Cari...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Penjelasan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Dua belas orang kena bunuh, 11 orang cedera sebab kartun menghina agama Islam. Yang bunuh jurnalis itu adalah al-Qaeda punya penyokong, Tuan Yang di-Pertua. Kartun begitu sensitif dalam isu agama. Jadi dalam perkara ini, adakah apabila orang sudah kena bunuh sebab berita palsu, kemudian kerajaan akan dituduh tidak menjaga rakyat? Saya rasa pembangkang boleh cakap, dia boleh polemikkan isu, yang bertanggungjawab kepada rakyat adalah kerajaan hari ini, Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Jadi bagi saya, saya sudah terangkan. Pertama, bukan undang-undang *draconian*. Kerajaan bukan buat keputusan, bukan Menteri, bukan perintah Menteri tetapi mahkamah. Kedua, diwujudkan kenapa tergesa-gesa? Saya beritahu tadi bahawa *social media* ini dalam masa kita bercakap ini, macam-macam tengah ada di situ. Jadi ini bukan undang-undang biasa. *This is not unidentified*. Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sikit.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sekejap. Biarlah saya jawab. Kemudian Yang Berhormat boleh bangun selepas itu.

Yang Berhormat Bukit Gelugor sebut tentang *elephant in the room*. *Elephant in the room*, tidak habis-habis fasal gajah dalam Dewan. Saya tengok tidak ada gajah. Apa yang kita tahu dalam Dewan itu hari itu daripada Khamis sudah ada hantu dalam Dewan. Akan tetapi isunya, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya sudah cakap dengan ada undang-undang ini, kedua-dua pihak boleh meminta pembelaan daripada mahkamah supaya *instrument social media platform* yang bertemakan di peringkat antarabangsa boleh dikeluarkan.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *they are not obligated to take down the news*, Tuan Yang di-Pertua. Mereka cakap, Tuan Yang di-Pertua, mereka beritahu saya apabila bercakap, ia ada sistemnya sendiri. Dia kata dia boleh. "*You report, we take down*", dengan izin. Akan tetapi apabila saya tanya berapa *percent*, Tuan Yang di-Pertua? Tidak boleh jawab. Sebab dia kata sendiri, dia mengaku dalam banyak tulisan menyatakan bahawa *fake news* itu banyak sangat, Tuan Yang di-Pertua. Berjuta-juta yang keluar dalam satu hari.

Apa yang paling bahaya, Tuan Yang di-Pertua, *fake account*. *Fake account* ini orang dayus, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak berani letak muka dia, nama dia, IC dia, ini *fake account*. Masalah ini, masalah paling besar ini *fake account*. *Fake account* itu hendak saman siapa, Tuan Yang di-Pertua? Hendak cari siapa? Hendak cari hantu raya? Mana hendak cari hantu raya? Mungkin dalam Dewan ini sekali-sekali adalah hantu lain. Akan tetapi hendak cari siapa, Tuan Yang di-Pertua?

Selepas itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan *fake news* ini yang bukan sahaja masalah *fake account*, apabila *fake account* itu kita hendak saman dia fitnah

macam Yang Berhormat Subang sebagai peguam, kita saman, boleh saman, eh, hendak saman siapa? *Who are you going to sue with fake account?* Janganlah mengelirukan rakyat. Jadi apa yang kita buat, Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat ialah minta *Facebook, Instagram, Twitter* turunkan cerita itu dan dia kata, “*Saya hendak perintah mahkamah*”. *We are being fair to them*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Kita ini bukan jenis kerajaan yang paksa-paksa. Kita ikut *due process*, dengan izin, undang-undang. Saya jawablah, selepas itu Yang Berhormat...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Biarlah saya jawab semua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sikit, sikit.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua sudah suruh bahas, bahaslah. Kemudian selepas itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap fasal...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit penjelasan?

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Tidak. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, tanya sikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bukan sahaja soalan fitnah...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Soalan.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Macam Yang Berhormat Bukit Katil, saya sudah cakap fasal tali heboh di mana...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada kuasa di bawah MCMC. Macam mana dengan kuasa MCMC?

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** ...Boleh membuat bahan pembunuhan. Kemudian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Multimedia Commission. Multimedia Commission* boleh turunkan bila-bila pun apa-apa *social media*.

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Yang Berhormat Tanah Merah tanya kenapa pihak kerajaan— saya sudah terangkan kepada Yang Berhormat Tanah Merah. *Can you stop...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh bagi laluan sikit?

**Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said:** Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Subang. Saya duduk, Yang Berhormat Subang tanya. Tidak ada masalah. Kita boleh

tunggu sampai 12 malam, tidak ada masalah. Akan tetapi masalahnya saya sudah jawab semua soalan.

Kemudian tentang kenyataan Yang Berhormat Subang tadi bertanya tentang bentuk undang-undang. Saya sebut *is quasi-criminal*, Tuan Yang di-Pertua. *Quasi-criminal*, maknanya individu yang menjadi mangsa boleh juga pergi ke mahkamah.

Kemudian Yang Berhormat Bukit Gelugor sebut tentang *knowingly*. Dia kata kononnya mengeluarkan elemen *knowingly* dengan menggantikan elemen *maliciously* tiada elemen mens rea. Tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Elemen *maliciously* bebannya lagi tinggi daripada *knowingly*. Bererti kerajaan mendengar kepada pandangan-pandangan Ahli Parlimen dan juga pandangan-pandangan rakyat. Sebab kalau undang-undang ini adalah *intentionally*, dengan niat sahaja, susahlah Tuan Yang di-Pertua. Bolehlah dilihat sebagai kononnya zalim. Akan tetapi dengan niat jahat ini, beban bukti nak tuduh niat jahat ini satu proses yang begitu ketat sebab ini juga *quasi-criminal* yang mana elemen jenayah pun terlibat, Tuan Yang di-Pertua.

Bererti, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nak cuba terangkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tahu, pertama, *fake news* adalah bahaya. Kedua, kerajaan tahu *fake news* ini bukan datang daripada Malaysia, selalunya platform dari luar negara. Ketiga, kerajaan tahu juga elemen-elemen unsur *fake account* yang datang dengan elemen-elemen niat jahat. Keempat, kerajaan tahu bahawa perlu ada *due process* iaitu undang-undang, hakim yang menentukan. Kelima ialah kita mewujudkan hukuman sebagai maksimum RM500,000 hanya sebagai *deterrent*. Maksimum RM500,000. Kalau kita buat RM50,000 kah, RM500 kah, siapa yang hendak takut dengan undang-undang yang dianggap memberitahu pada rakyat, jangan sewenang-wenangnya memfitnah orang dengan *fake news* dengan *fake accounts*? Itu sahaja.

Tetapi akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum sahabat-sahabat saya yang lain itu nak bangun, terpulang pada individu, Tuan Yang di-Pertua. Macam saya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang orang tak fitnah dalam *social media*? Kiri kanan kena fitnah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ayah saya ajar saya kalau kita hendak berpolitik, inilah cabaran orang politik. Betul tidak? Apa yang orang tak cakap fasal kita? Tidak ada masalah. Akan tetapi kalau kita ini jenis orang politik yang teramat sensitif, semua tidak boleh tetapi hendak berpolitik, kita gunalah rang undang-undang ini untuk membantu.

Saya rasa sahabat saya Yang Berhormat Seputeh dan juga Yang Berhormat Batu Kawan boleh menjadi pemakai pertama kepada rang undang-undang ini sebab mereka merasakan bahawa mereka telah sentiasa dinodai oleh *fake news*. *Use the law. This is*

*for you.* Ini undang-undang untuk awak dan juga untuk kami. Bukan undang-undang ini hanya untuk kerajaan.

Jadi, itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja yang saya nak cakap.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri. Soalan, soalan.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Silakan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta...

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Minta sedikit pencerahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pengerang?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Eh, Menteri pula.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Menteri, sedikit ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri, *just* susulan daripada jawapan tadi.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sebentar tadi, Yang Berhormat Pengerang, saya ingin memberi penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Pengerang memberi laluan kepada saya. Dengan izin, Yang Berhormat Padang Terap ya. Saya ingin memberi penjelasan tadi. Yang Berhormat Batu Kawan maklum pada saya tadi bahawa minggu lalu saya kata kerajaan bagi peruntukan RM50 juta, selepas itu hampir RM1 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RM1 bilion itu peruntukan Ahli Yang Berhormat Pekan daripada tahun 2009 hingga 2018 ini hampir RM1 bilion atau secara spesifik RM986 juta. Minggu lalu saya buat pengumuman RM50 juta ini peruntukan tahun 2017.

Kalau hendak tahu cerita palsu, Yang Berhormat, saya bagi contoh. Tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor janji nak buat satu Sekolah Desa Coalfield, 18 bilik darjah. Hari ini dia buat enam bilik darjah. Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan kerana memberi peluang untuk saya memberi penjelasan. Terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah 14 kali saya bangkitkan isu SJKT Sungai Bakap di sini. Hari ini Yang Berhormat Menteri dengan muka tidak malunya boleh katakan RM1 bilion telah diperuntukkan selama sembilan tahun untuk sekolah-sekolah Tamil.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Fasal muka tidak malu inilah, Yang Berhormat Batu Kawan, muka yang tak malu.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Berapa tahun lagi nak mengelirukan Dewan, mengelirukan rakyat di bawah sana?

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya telah melaksanakan janji RM3.5 juta telah diberikan kepada Lembaga Pengelola Sekolah. Satu inci pun Yang Berhormat Batu Kawan tidak memberi hak kepada rakyat Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Berapa kali lagi? *RM16 million a year. Are you not ashamed to lie to people? Are you not ashamed to lie? [Dewan riuh]*

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tidak ada. *I am not ashamed. I am very proud.*

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Are you not ashamed that the money is not given to Tamil School. There are only...*

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *I am very proud to inform you that this government has fulfilled all the application unlike your government who talks rubbish time to time.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *Lie after lie year in, year out taking false promises. Shame on you Yang Berhormat Hulu Selangor!*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *You shamed off. You should be shamed.*

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** *You are the Minister. You should resign. The money is not channeled to the schools.*

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** *Yang Berhormat Pekan decide my future. Yang Berhormat Segamat decide my future. You are no one to decide my future.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Hulu Selangor, rakyat yang *decide*. Bukan cium-cium *decide*, faham? Bukan *muah, muah*, cium sahaja kerja.

■1710

Bukan Yang Amat Berhormat Pekan *[Ketawa] please lah. Please lah, please lah shame on you brother.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Yang Berhormat Pekan decide, who is Pekan?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya ada satu soalan ya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Speaker boleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat yang berdiri duduk dahulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan susulan daripada jawapan yang dibagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri itu tolong duduk.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ada soalan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri cakap dia sedia bagi laluan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh bagi laluan. Boleh ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada lagi gangguan seperti begitu, saya akan suruh Yang Berhormat Menteri duduk dan tidak sambung lagi gulung. Saya ada kuasa begitu kerana itu maknanya melengah-lengahkan persidangan. Saya duduk tadi di sini mendengar hujah Yang Berhormat Batu Kawan selepas itu penjelasan diminta oleh Yang Berhormat Menteri, saya *surprise* kenapa dia minta penjelasan dan patut dia juga beri penjelasan. Penjelasan yang diberikan itu bagi saya *fair*. Jadi janganlah nanti bertunjuktunjukkan dan sedemikiannya. Kalau tidak, lain kali saya tidak benarkan. Jangan nanti kalau saya ambil tindakan keras ada lagi yang membuat *statement* di belakang saya. Selepas itu saya ambil tindakan keras lagi, buat *statement* saya akan ambil tindakan keras lagi sehingga saya masih berkuasa di sini.

Kalau lagi ini diganggu, saya akan suruh Yang Berhormat Menteri sudah selepas itu, saya kemukakan masalah di hadapan Majlis.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, sabar tiga hari lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua tentang— minta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua tiga Ahli Yang Berhormat yang berdiri, mana satu?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ringkas sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ringkas.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri ada pilihan, siapa sahaja.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap lagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit ya, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang berdiri ini sudah bercakap tadi, yang Ahli Yang Berhormat di belakang itu belum bercakap, sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sahaja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Belah bahagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri bahawa ada satu *publication The Economist* susulan daripada Yang Berhormat Menteri kata *court* boleh – sesiapa yang rasa hendak ada *complaint* dia boleh dapat *court order*. Jadi apa yang berlaku kepada *The Economist*, dia ada kata dalam *publication* dia mengatakan, “*stop, thief! A Prime Minister accused of stealing millions from the state prepares to steal an election from voters*”.

Ini dia letakkan gambar Yang Amat Berhormat Pekan jadi ini ada *Malaysian content*. Ini bermaksud bahawa Yang Amat Berhormat Pekan boleh pergi dapatkan *application* daripada *court* dan tutup *The Economist*. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah itu benar kerana bukan sahaja *The Economist*, di sini ada *long list*. *This a long list of*– ini ada 20 lebih *publication* daripada Tempo...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Koyak, koyak.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ... kepada *Wall Street Journals*, kepada *New York Times*, kepada *The Economist*, *Financial Times*...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Fake news, fake news*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Adakah ini kalau Yang Amat Berhormat pergi ke *court* dan adakan interim order, dia akan *banned* semua *online news* media macam ini? Adakah ini akan menyebabkan Malaysia tutup semua *online news* media dekat Malaysia, hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tutup semua, siarkan TV3 seluruh dunia.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya bagi peluang. Saya kata tadi kalau kita baca rang undang-undang ini, perkataan rang undang-undang itu ialah sesiapa. Maknanya undang-undang ini tidak mengatakan kerajaan ataupun Eksekutif ataupun Menteri. Maknanya sesiapa kalau mereka mahu – saya sebutkan tadi contoh bahawa – saya juga macam-macam fitnah sosial media tetapi saya tidak ada masalah, saya buat satu laporan polis, itu sahaja selepas itu MCMC tidak



buat tindakan kah, MCMC membuat siasatan kah terpulang kepada MCMC ataupun polis hendak membuat tindakan. Itu sahaja satu.

Akan tetapi seterusnya saya tidak buat laporan. Jadi dalam perkara ini terpulanglah kepada individu. Sebab dalam undang-undang ini yang kita cadangkan ini ialah sesiapa ... mungkin contoh dia mungkin Yang Berhormat mungkin Neelofa. Mungkin Neelofa hendak pakai ini, betul tidak Yang Berhormat Baling? Yang Berhormat Baling kesian dekat Neelofa kan Yang Berhormat Baling? Mungkin Neelofa, mungkin juga Ustaz Syamsul Debat. Ustaz Syamsul Debat dituduh bawa lari isteri orang sebagai contoh. Ini contoh. Mungkin terpulang sebab isunya ialah di dalam undang-undang klausa *criminal* ini rakyat Malaysia...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Belah bahagi.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Diberikan perlindungan melalui dua perkara. Satu *interim order*, kedua ialah untuk mendapatkan *permanent order*. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [*Menyampuk*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** ...*Freedom of press*. Semuanya kena tutup...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Betul tidak Yang Berhormat Menteri semua kena *press*, *The Economist*, *New York Times*, *World Street Journal*, *Tempo* dan sebagainya semua kena tutup, betul Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya satu soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Satu soalan Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Habis menjawab.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, satu soalan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Soalan yang terakhir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat yang berdiri.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya mahu tanya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** ... Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Satu soalan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri telah pun menyebut nama saya banyak kali tadi. *It should be only fair.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** ...*And I ask her question.*

**Tuan Yang di-Pertua:** ... Menunggu mahu menjawab lagi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Betul, saya tanya satu soalan sahaja. Satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, Ahli Yang Berhormat tidak menjawab lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Come on, be a gentleman.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Be a gentleman, aiya mana boleh Yang Berhormat Menteri gentleman, dia perempuanlah Yang Berhormat Bukit Gelugor, aiya-ya.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Satu soalan, adakah Yang Berhormat Rahman Dahlan akan disiasat di bawah *fake news act* ini?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Rahman Dahlan akan dinaikkan pangkat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah Yang Berhormat Kota Belud akan disiasat kerana memberitahu semua dunia bahawa Yang Amat Berhormat Pekan adalah MO1. *Willing be investigated under this act? You must answer that.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tuan Yang di-Pertua, kita undi Tuan Yang di-Pertua. Undi, undi.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mohon belah bahagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kita mohon belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belah bahagian? Seorang akan menyatakan belah bahagian kah ini?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebut dahulu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya memohon belah bahagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belah bahagi. Saya nampak ada lebih daripada 15 orang yang berdiri, maka kita adakan belah bahagian. Tolong bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

#### ■1720

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini adalah keputusan belah bahagi yang kita kendalikan sebentar tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak setuju, untuk rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang adalah 64 orang *[Tepuk]* yang bersetuju untuk rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang ialah 123 orang. *[Tepuk]*

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

#### ■1730

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. *[Dewan riuh]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar ia dirujuk kepada *Select Committee* mengikut *Standing Order 54(2)*. *[Dewan riuh]*

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Dah menang belah bahagi dah lah. *Sit down, please!*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ada bahas mengenai perkara itu dan keperluan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu sebab apabila tadi waktu saya kemukakan bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, *I pause for a little bit*, memberi peluang sama ada Perkara 54(2) digunakan untuk dibawa ke

peringkat Jawatankuasa tetapi tidak adapun yang berdiri sehingga saya kemukakan. Lepas itu ada belah bahagian. Terlampau jauh sudah Ahli Yang Berhormat kita jalan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum belah bahagi saya sudah bangun tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak... [*Dewan riuh*] *I stood up.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis dalam Jawatankuasa.

[*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*]

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Eh! Tipulah. Kita tengok sendiri, *you* tak bangunlah. Hei, duduklah. Duduklah, *wasting time* lah. Duduklah, duduklah! Pigi dah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Berita palsu.

### Fasal-fasal 1 hingga 3 –

**Tuan Pengerusi:** Siapa? [*Dewan riuh*] Sila Yang Berhormat Kapar.

#### 5.32 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin masuk kepada tafsiran nombor 2 berkenaan dengan apa-apa berita yang dipanggil sebagai berita tidak benar adalah "*Apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya*". Di sini, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang maksud yang dikatakan sebagai sebahagian atau keseluruhannya sebab ini membuka ruang untuk disalah interpretasikan kerana di sini tidak ada apa-apa penjelasan khusus mengenai maksud apa-apa berita, itu yang pertama.

Yang kedua adalah kita nampak dekat sini pun telah diletakkan sebagai rakaman audio atau apa-apa bentuk lain. Rakaman audio ini boleh disalahgunakan dan sebagainya dan saya minta Yang Berhormat Menteri pun memberi penjelasan secara khusus tentang rakaman audio dan bentuk-bentuk lain yang dimaksudkan dekat sini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### 5.33 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membahaskan tentang fasal 3 ini, *extra-territorial application*. Dengan izin Tuan Pengerusi, saya berpendapat seksyen 3 ini mungkin ada

masalah dalam pelaksanaan nanti jika diluluskan. Kerana apa saya kata begitu? Kerana dia melibatkan warganegara yang bukan rakyat Malaysia. *"If any offence under this act is committed by any person, whatever his nationality or citizenship, in any place outside Malaysia"*. Kita tahu bahawa dalam kes seperti ini, dia bukan hanya melibatkan pendakwaan tetapi dia juga melibatkan penyiasatan.

Jadi saya nak tanya kepada pihak Menteri, adakah kita sedar bahawa apabila kita mengadakan seksyen ini, dia akan menjadi satu seksyen yang saya panggil satu seksyen yang mahal lah, yang *costly* lah sebab nak siasat satu kes yang melibatkan bidang kuasa luar negara ini bukan mudah. Kita perlukan mungkin polis kena pergi luar negara dan sebagainya. Ia melibatkan wang rakyat akan digunakan lagi. Jadi saya...

**Seorang Ahli:** Nak bahas ke usul?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan usul lah. Menteri tak faham, diamlah. Jadi kita merasakan bahawa seksyen ini tak sepatutnya diadakan. [Disampuk] Lagi satu, ia mungkin boleh mengancam isu kedaulatan sesebuah negara sebab kita ganggu rakyat luar negara. Walaupun saya boleh *appreciate concern* pihak kerajaan bahawa *fake news* ini dalam *subsection (2)* ini melibatkan *victim* dia adalah rakyat Malaysia tetapi oleh kerana ia melibatkan kejadian di luar negara, saya *concern* ia akan menyebabkan bukan sahaja kos penyiasatan, pendakwaan akan menjadi mahal tetapi dia juga akan menyebabkan hubungan luar antara Malaysia dan negara-negara lain akan menjadi masalah.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh sedikit. Baru-baru ini dalam perbahasan dasar ada dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak, dalam kes 1MDB ini apa kita nak ini. Ya, dia kata apakah undang-undang yang kita hendak pakai. *Are we going to implement this Malaysian law* atau tidak? Dengan penuh hormat, saya rasa pihak Yang Berhormat Pasir Salak mungkin keliru. Apa yang berlaku dalam kes 1MDB sebagai contoh, oleh kerana ia berlaku di Amerika yang melibatkan undang-undang Amerika, sudah tentulah Amerika terpaksa gunakan undang-undang mereka di sana. Takkanlah kes yang berlaku di Amerika, kita nak gunakan undang-undang Malaysia.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Pasir Salak keliru. Dia kata kita ada undang-undang Malaysia, berkenaan hal ini kita nak guna undang-undang apa? Di Malaysia, kita guna undang-undang Malaysialah tapi di luar negara, takkan nak guna undang-undang Malaysia? Lagi satu, negara lain ada buat undang-undang. Negara ini tak ambil tindakan

undang-undang. Jadi ini yang menyebabkan kita bangkitkan dalam Parlimen ini dan juga di luar Parlimen, kenapa dalam keadaan Switzerland, Singapura, Amerika ambil tindakan, di Malaysia yang mana 1MDB ini berasal daripada negara kita, tiba-tiba negara ini tidak ada tindakan undang-undang. Yang ini yang kita jadi *laughing stock*, jadi satu bangsa yang diketawakan oleh semua rakyat di luar negara.

Jadi Tuan Pengerusi, saya berpendapat seksyen 3 ini adalah satu seksyen yang *problematic* yang kalau dilaksanakan, ia mungkin akan mendatangkan banyak masalah dan juga banyak kos yang akan terbabit. Sekian, terima kasih.

### 5.37 ptg.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Boleh saya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Saya hanya ingin membangkitkan satu isu berkenaan peruntukan dengan izin Tuan Pengerusi, 3(2) iaitu berkenaan dengan *extra-territorial application*, dengan izin. Apa yang dinyatakan di perenggan dua dengan izin, adalah seperti berikut; "*For the purposed of subsection (1), this act shall apply if, for the offence in question, the fake news concerns Malaysia or...*" Dan inilah yang penting, "*...or the person affected by the commission of the offence is a Malaysian citizen*".

*Now*, ini jelasnya merupakan satu peruntukan yang tidak berperlembagaan oleh kerana kita tahu di bawah Perlembagaan Persekutuan, Tuan Pengerusi, kami mempunyai peruntukan yang jelas yang melindungi *equality before the law*, dengan izin. Di dalam erti kata lain, semua orang dijamin dilindungi oleh undang-undang walaupun kita merupakan warganegara Malaysia atau warganegara luar negara. Ini juga akan menimbulkan kesulitan lain seperti sekiranya contohnya, seorang warganegara asing mungkin penerbit artikel di dalam WSJ ataupun *The Economist*, sekiranya mereka difitnah oleh Kerajaan Malaysia, apakah keadaannya?

*What is the situation*, dengan izin Tuan Pengerusi sekiranya *the government propagates fake news against such parties? What if the Government of Malaysia*, dengan izin, *what if the Government of Malaysia spread fake news against the Wall Street Journal, against The Economist? Against the New York Post?* Adakah, kenapakah mereka tidak dilindungi oleh akta ini seperti saya dan warganegara Malaysia yang lain? Kenapakah mereka dinafikan hak yang sama seperti saya?

Adakah ini menunjukkan satu matlamat untuk melindungi *the Government of Malaysia* daripada diambil tindakan di bawah akta ini? Oleh kerana itu Tuan Pengerusi,

saya berpendapat dengan segala hormatnya bahawa frasa "...or the person affected by the commission of the offense is a Malaysian citizen" itu perlu dikeluarkan untuk diberi keseimbangan dengan Perlembagaan Persekutuan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Katil. Sila.

■1740

5.40 ptg.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan ringkas sahaja berkaitan dengan prosedur yang telah pun dinyatakan di peringkat dasar tadi dan juga diperincikan dalam hujah ini, dalam perbahasan ini tentang pihak-pihak yang tidak berpuas hati apabila mereka dikenakan dengan berita yang tidak benar, misalnya dinyatakan secara terperinci di fasal 7. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa seseorang yang mendapat kesan atau tempias daripada berita tidak benar ini mempunyai ruang di bawah fasal 7 iaitu permohonan secara sebelah pihak atau *ex parte* dan dinyatakan dengan jelas prosedur, termasuk borang yang telah pun disertakan dalam rang undang-undang ini.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan prosedur mengetepikan penerbitan berita yang tidak benar ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa di dalam fasal 8, umumnya Tuan Pengerusi, mana-mana pihak yang mendapat kesan ini dia boleh memfailkan kes di mahkamah, permohonan di mahkamah secara *ex parte*, sebelah pihak. Inilah dikatakan *value add* ataupun tambah nilai di dalam undang-undang ini. Walhal kita mempunyai pelbagai lagi undang-undang tetapi dikatakan oleh kerajaan bahawa antara perkara yang istimewa berkaitan dengan undang-undang ini adalah seseorang itu boleh terus membuat permohonan di mahkamah secara sebelah pihak.

Apa yang menjadi masalah yang ingin saya bangkitkan ini ialah berkaitan dengan fasal 8(3) yang menyatakan bahawa sekiranya perintah dikeluarkan oleh mahkamah supaya sesuatu berita itu dikeluarkan. Akan tetapi perintah itu diperolehi oleh kerajaan yang berhubungan dengan penerbitan yang mengandungi berita yang tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Di sini saya ingin satu penjelasan yang lebih rinci, apa sebenarnya mekanisme semak dan imbang ini? Oleh kerana di sana terdapat dua perkataan yang saya fikir perlukan penjelasan daripada kerajaan ataupun *the drafter of this bill*, dengan izin, Tuan Pengerusi. Keadaan mana yang menjejaskan atau dan keadaan mana yang berkemungkinan menjejaskan?

Apa mekanisme semak dan imbangnya agar perkara ini dapat diperhalusi dengan begitu teliti? Seperti mana yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada *due process of law* dalam hal ini. Dalam keadaan manakah kerajaan ataupun boleh mengambil pendirian untuk tidak mengeluarkan berita tersebut? Oleh kerana prosedur ini perlu dijelaskan. Nanti kita tidak mahu perkara ini, seperti mana yang dibahaskan di peringkat Dasar tadi, dijadikan sebagai satu *shield* untuk kita mengemukakan berita-berita yang bersifat kritikan kepada kerajaan dengan alasan berita itu berkemungkinan menjejaskan keselamatan negara ataupun ketenteraman awam. Jadi, saya fikir ini perkara yang lebih mustahak untuk dijelaskan. Oleh kerana kita faham antara *value add* undang-undang ini yang telah pun diluluskan di peringkat Dasar tadi ialah perkara ini. Jadi, bagaimana kalau kerajaan membuat keputusan itu? Bagaimanakah mekanisme semak dan imbang supaya ianya tidak disalah lakukan?

Kedua, saya ingin tanya rasional dari segi hukuman. Seperti mana yang diulas di peringkat Dasar tadi, hukuman yang dikenakan tadi diberikan hukuman yang berat atas alasan *deterrent*, dengan izin, maknanya memberikan peringatan ataupun memberikan ketakutan kepada rakyat. Cuma saya lihat ada dua keadaan di sini. Pertama ialah mereka yang membuat kesalahan ini dan dalam masa yang sama, hukumannya sama dengan mereka yang menyediakan bantuan kewangan. Jadi di sini, undang-undang ataupun hukumannya sama. Saya ingin tahu, apakah rasionalnya hukuman ini sama? Sedangkan saya fikir yang lagi berat itu adalah tentulah mereka yang *maliciously posting*, dengan izin, perkara ini di dalam laman web ataupun disebarkan secara meluas dan sebagainya. Jadi, ini perkara yang saya fikir perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dalam peringkat Jawatankuasa ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ,Yang Berhormat Padang Serai, selepas Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.45 ptg.**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, saya bermula dengan klausa 1 hingga 3. Saya bermula dengan klausa 1 iaitu yang mana menyatakan bahawa akta ini boleh dipanggil sebagai *The Anti-Fake News Act 2018* dalam bahasa Inggeris. Tuan Pengerusi, nama pun *fake news* ini sebenarnya tidak ada, kita nampak tidak wujud dalam *legal language* sebelum wabak *fake news* ini tiba-tiba melanda dunia. Ini satu perkataan yang tidak logik, ungkapan yang tidak logik *fake news* ini yang dibuat popular oleh tak lain lagi iaitu *Donald Trump*.



Sebelum itu kita pun tak dengar perkataan *fake news* ini dan ia tidak mempunyai makna dari segi undang-undang. Jika satu rang undang-undang dibuat, terutamanya undang-undang jenayah, perkataan-perkataan yang menjadi definisi kesalahan perlulah mempunyai *basis* di dalam *jurisprudence*, di dalam *criminal jurisprudence*, perlu mempunyai takrifan yang diterima. Tidak boleh ambil satu perkataan *fake news* daripada Trump atau sebagainya, daripada internet dan buat satu rang undang-undang, cipta satu rang undang-undang atas asasnya. Itu pun salah, *fake*, apa itu *fake*? *Fake* adalah objek, *an object is fake. A fake moustache. Fake news?* Inilah masalahnya apabila lompat atas *bandwagon* yang dibuat oleh orang-orang seperti Trump.

Kedua, interpretasi. *The* interpretasi *fake news* ini adalah sesuatu yang *fully or partly false*. Sepenuhnya tidak benar atau sebahagian tidak benar. Kalau kita teliti klausa 2 dengan jelas, berita tidak benar termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana dan seterusnya. Tidak ada apa-apa selain daripada itu, maknanya *gist* kesalahannya dan kesalahannya ada dalam klausa 4 belum naik lagi ialah bahawa perkataan itu sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, itu sahaja. Bukan sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu dan boleh membawa kepada tergugatnya ketenteraman awam dan boleh membawa kepada *security federation* terjejas, tidak ada apa-apa begitu, hanya itu sahaja.

Jadi sebab itu, soalan yang ditanya sebelum ini tidak dijawab juga. Akan tetapi Menteri menyatakan bahawa ia termasuk di dalam 10(2)(a) iaitu sekatan yang dibenarkan. Akan tetapi kalau kita lihat, sekarang banding fasal 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan Tuan Pengerusi, bersama dengan klausa 2 dan takrifan berita tidak benar. Kita lihat bahawa bila banding takrifan berita tidak benar, langsung tidak jatuh di mana-mana di bawah 10(2)(a). Saya minta Menteri yang kononnya kata kita tidak baca sepenuhnya 10(2)(a), sila baca 10(2)(a) sekali lagi. Di mana ada takrifan mengenai *interest of security, public order* dan sebagainya. Yang lain semua tidak relevan, *friendly security, morality, privileges of Parliament, defamation, incitement*, semua ini tidak relevan kepada akta rang undang-undang, yang *relevant interest of the security of the federation and public order*.

Di mana ada istilah-istilah itu di bawah takrifan di bawah 2 dan seperti kita sebut sebelum ini, jika kita tinggal dalam peringkat *Committee* ini, jika ini adalah takrifan yang diterima, maka ia dengan jelasnya akan bercanggah dengan perlembagaan, 100 peratus bercanggah dengan perlembagaan kerana tidak ada *connection* dengan 10(2)(a). *Basis*nya ini adalah di bawah perlembagaan kita, kita mempunyai hak bersuara di bawah 10(1)(a). Memang tidak *absolute*, boleh disekat di bawah 10(2)(a). Akan tetapi kalau boleh disekat bawah 10(2)(a), mestilah sekatan-sekatan yang dibenarkan di bawah 10(2)(a).

**■1750**

Ini di mana? Ini bermakna mana-mana perkataan yang dinyatakan akan diperjenayahkan walaupun tidak kena-mengena dengan sekatan di bawah Perkara 10(2)(a). Bermakna, Tuan Pengerusi, atas takrifan yang diberi oleh klausa 2 ini— berita tidak benar— undang-undang ini keseluruhannya adalah bercanggah dengan Perlembagaan. Kalau bercanggah dengan Perlembagaan, ia adalah undang-undang yang tidak sah.

Kalau undang-undang yang tidak sah, Tuan Pengerusi, inilah dia *fake law*. Ini adalah *fake law*... [*Dewan riuh*] Yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri ke Dewan ini dan yang menggugat ketenteraman awam, yang menggugat negara ini adalah *fake law* seperti ini. *Fake law* seperti ini yang merampas hak asasi rakyat. Itu mengenai takrifan di bawah klausa 2.

Klausa 3 yang menyatakan mengenai *extra-territorial application*. *If any offense committed by any person, whatever nationality or citizenship at any place may be dealt with in respect*. Maknanya, Tuan Pengerusi, saya tidak pernah tengok satu seksyen seperti ini. Bermakna, kerajaan mempunyai obligasi untuk tangkap dan *extradite Attorney General of United States, Jefferson Sessions* ke Malaysia. Kalau undang-undang ini diluluskan, Jefferson Sessions menyatakan bahawa MO1 dan dalam *report DOJ* yang telah dinafikan oleh pihak kerajaan berkali-kali, bermakna kita meletakkan beban atas kita untuk *extradite Jefferson Sessions, Peguam Negara US*. Adakah itu masuk akal? Tidak masuk akal. Jadi jangan bawa klausa-klausa seperti ini yang tidak masuk akal.

Tuan Yang di-Pertua, klausa seperti ini seperti cerita *King Canute* yang duduk di pantai dan memerintahkan ombak jangan lagi datang ke pantai. Cuba memberi perintah kepada ombak supaya jangan bergerak. Itu cerita *King Canute*— mitos. Ini klausa 3 seperti cerita King Canute membuat berbagai-bagai klausa yang langsung tidak boleh dikuatkuasakan apabila ia lulus. Apa makna ini? Ini undang-undang seperti ini kalau kita luluskan, kita memperbodohkan diri sendiri, itu sahaja. Undang-undang yang paling tidak masuk akal yang saya pernah lihat dalam lima tahun kita berdebat di dalam *Chambers* ini. Tuan Pengerusi, hanya fasal 1 sehingga 3 pada masa ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**5.53 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya jawab pada isu-isu yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian. Pertama sekali berkenaan dengan isu yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Kapar berkenaan dengan sebahagiannya. Saya rujuk pada fasal 1 hingga 3, Tuan Pengerusi. Apakah secara sebahagiannya (*partly*) atau keseluruhannya (*wholly*) adalah palsu? Jadi jawapannya ialah ya. Walaupun sesuatu penerbitan itu mengandungi sedikit sahaja berita atau maklumat palsu, penerbitan itu boleh dikira sebagai berita tidak benar. Walau bagaimanapun, bagi maksud pendakwaan, pihak pendakwa akan mengambil kira beberapa pertimbangan atau faktor sebelum memutuskan sama ada seorang itu boleh didakwa bagi apa-apa kesalahan di bawah rang undang-undang. Antara pertimbangan itu adalah sama ada bahagian yang palsu dalam penerbitan itu material ataupun tidak.

Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor merujuk fasal 3(2) menyatakan tidak berperlembagaan disebabkan oleh *extra-territorial application*. Saya agak terperanjatlah sebab undang-undang ini diwujudkan untuk melindungi rakyat Malaysia. Jadi sesiapa yang bertanggungjawab melakukan kesalahan sama ada rakyat Malaysia di luar negara ataupun orang luar negara yang menjadikan rakyat Malaysia sebagai mangsa, undang-undang ini memberikan perlindungan yang sama. Kita tahu daripada maksud *extra-territorial* itu, kita tidak boleh lari daripada elemen yang mana kita pakai.

Kalau kita lihat undang-undang yang sedia ada, saya sudah sebut tadi dalam perbahasan di peringkat dasar, bahawa bacaan bila disebut tentang *extra-territorial* itu, kita baca bersama dalam Akta Bantuan Bersama Dalam Perkara Jenayah 2002 dan Akta Ekstradisi. Maksudnya proses itu akan diikuti dan bila Yang Berhormat sebut tentang mereka itu tidak akan mendapat perlindungan undang-undang, jawapan saya, kalau kita tengok daripada bacaan bersama undang-undang ini bersama undang-undang yang saya sebut tadi, yang terlibat itu akan dibawa ke Malaysia supaya yang dituduh itu boleh melalui proses *due process* mahkamah kita. Ini sesuatu perkara yang tidak boleh disebut sebagai sesuatu yang tidak unik sebab ini memang dilakukan.

Sebagai contohnya dalam undang-undang *anti-trafficking*, yang mana saya melihat proses ini adalah proses yang diwujudkan dalam banyak negara. Saya daripada pendengaran perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya melihat bahawa dalam sidang Parlimen selepas pilihan raya, *insya-Allah*, mungkin dalam Akta Jenayah Seksual Kanak-kanak juga perlu diletakkan klausa yang sama di mana bukan sahaja terhadap rakyat Malaysia di luar negara tetapi juga mana-mana orang luar negara yang mana mangsanya adalah rakyat Malaysia. Jadi ia menjadikan undang-undang ini boleh dilihat sebagai undang-undang yang memang boleh melindungi rakyat Malaysia.

Kemudian Yang Berhormat daripada Padang Serai menyebut sekali lagi dalam fasal ini berkenaan dengan perkataan '*fake*' mengatakan *fake* ini dilihat daripada Donald

Trump dan sebagainya. Saya pun tidak tahulah macam mana Yang Berhormat boleh menyatakan seolah-olah kerajaan tidak mengkaji. Daripada pihak Peguam Negara, definisi itu diambil daripada *Oxford Dictionary* yang mana perkataan 'fake' itu ditakrifkan sebagai *not genuine claiming to be something that is not*. Kalau kita tengok kepada rang undang-undang ini dalam fasal 3 itu, kita sebutkan bahawa adanya *fake* yang mana termasuk juga berita tidak benar. Saya baca dalam bahasa Inggeris, Tuan Pengerusi, yang mana, "*Fake includes any news*" bacaan "*Wholly or partly false*". Maksudnya *false* itu sebahagian daripada *fake*. *Fake* itu boleh dilihat sebagai *umbrella*.

Yang Berhormat Bukit Katil menimbulkan isu-isu yang mana bagi saya belum sampai lagi kepada fasal tersebut dan bila fasal tersebut disentuh, soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil akan saya jawab, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

#### **Fasal-fasal 4 dan 5 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**5.58 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Pengerusi, fasal 4 subfasal 4(1) rang undang-undang ini dipinda seperti berikut:-

- (a) dengan menggantikan perkataan "*diketuainya*" dengan perkataan "*niat jahat*";
- (b) dengan menggantikan perkataan "*sepuluh tahun*" dengan perkataan "*enam tahun*".

Fasal 5 rang undang-undang ini dipinda dengan menggantikan perkataan "*sepuluh tahun*" dengan perkataan "*enam tahun*".

Pindaan kepada fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan elemen niat jahat bagi kesalahan di bawah fasal 4 dan mengurangkan hukuman pemenjaraan daripada sepuluh tahun ke enam tahun bagi kesalahan itu.

Pindaan kepada fasal 5 rang undang-undang bertujuan untuk mengurangkan hukuman pemenjaraan daripada sepuluh tahun ke enam tahun bagi kesalahan di bawah fasal 5.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas. Hendak bahas kah? Ya, sila.

**5.59 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa pindaan pertama ini menggantikan perkataan "*diketahui*" dengan perkataan "*niat jahat*", saya rasa ini adalah satu *improvement* yang baik tetapi saya masih tidak faham kenapa itu hukuman sepuluh tahun memang sekarang sudah ditukar kepada enam tahun? Kalau kita banding dengan seksyen yang lebih kurang sama di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, saya rasa denda ataupun hukuman ini adalah masih terlalu tinggi.

■1800

Kalau saya buat perbandingan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia seksyen 233, di mana kalau sebar itu berita palsu mereka kalau didapati bersalah boleh lah dihukum dengan denda RM50,000 atau pun penjara satu tahun atau pun kedua-dua. Akan tetapi di sini walaupun saya rasa *the nature of the offence*, kesalahan adalah lebih kurang sama juga lah sebar itu berita palsu tetapi hukuman di sini adalah lebih banyak berat. Dia boleh didenda dengan tidak melebihi RM500,000 atau pun dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau pun kedua-dua. Jadi, saya tidak faham, walaupun saya rasa *the nature of offence* adalah lebih kurang sama tetapi denda atau pun hukuman di bawah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini adalah jauh lebih berat daripada Akta Komunikasi dan Multimedia.

Kedua saya juga hendak sentuh, kerajaan menyatakan bahawa mereka bentang rang undang-undang ini dengan satu niat yang suci, dengan satu keikhlasan bahawa mereka memang hendak berperang dengan berita palsu. Akan tetapi saya tidak faham adalah walaupun kita memang sudah ada akta SKMM, kenapa kita tidak guna akta SKMM ini untuk berperang dengan berita palsu. Saya hendak membuat satu rujukan kepada apa yang berlaku kepada *The Malaysia Today* dan Raja Petra yang telah diarah untuk mengeluarkan tiga artikel mengenai Robert Kuok di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia.

Jadi, memang SKMM telah mengarah Raja Petra dan *Malaysia Today* untuk turun kan ketiga-tiga artikel mengenai Robert Kuok yang mendakwa beliau telah buat derma kepada DAP. Kenyataan itu adalah tidak benar. Berita itu adalah palsu, Robert Kuok sendiri telah menafikan bahawa beliau pernah buat apa-apa derma kepada DAP.

Saya rasa SKMM arah *Malaysia Today* dan Raja Petra untuk turunkan artikel itu juga bermaksud bahawa artikel itu memang adalah palsu.

Akan tetapi apa yang saya tidak faham adalah walaupun SKMM telah arah Raja Petra dan *Malaysia Today* untuk turunkan artikel tersebut tetapi tiada tindakan lanjutan telah diambil oleh Raja Petra. Seseorang yang didapati bersalah di bawah seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia mereka boleh dihukum dengan RM50,000 atau pun penjara satu tahun atau pun kedua-duanya. Jadi, memang kalau ini niat adalah suci memang adalah pendirian kerajaan Barisan Nasional bahawa kita tidak boleh duduk sahaja, kita mesti lah buat seberapa yang kita mampu untuk berperang dengan berita palsu.

Kenapa SKMM tidak guna Akta Komunikasi dan Multimedia ini terhadap Raja Petra terlebih dahulu? Kenapa kita perlu rang undang-undang yang baru ini apabila rang undang-undang sedia ada memang sudah *empower* kerajaan kita, *empower agency* kita untuk ambil tindakan kepada mereka yang terbitkan berita palsu, sebar berita palsu dan apabila *incident* seperti Robert Kuok yang didakwa telah memberi derma kepada DAP, ini telah terbukti salah. Akan tetapi tidak ada tindakan yang telah diambil. Jadi, makna ini tunjuk bahawa ketegakan Barisan Nasional, keikhlasan Barisan Nasional untuk perang dengan berita palsu. Jadi, saya minta lah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kulai, rang undang-undang ini berunsur pencegahan (*deterrence*) bagi memberi mesej yang jelas bahawa setiap individu hendaklah bertanggungjawab terhadap perkongsian maklumat yang benar dan sihat. Boleh dikenakan denda serta penjara atau kedua-duanya sekali. Mahkamah juga boleh memerintahkan mereka yang didapati bersalah untuk membuat permohonan maaf.

Rang undang-undang ini adalah memberi mesej yang jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan penyebaran berita tidak benar yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, keselamatan negara malah akan terus memastikan keselamatan negara terus dipelihara. Hukuman yang setimpal diperuntukkan berdasarkan *degree* sesuatu kesalahan sebagai contohnya penganan hukuman penjara hanya dikenakan bagi kesalahan di fasal 4 dan 5 sahaja.

Sebenarnya Tuan Pengerusi kalau kita lihat Akta Komunikasi dan Multimedia tahun 1998, seksyen 23(1)(a) ialah undang-undang pada tahun 1998. Hari ini kita berhadapan dengan undang-undang tahun 2018 yang mana kita melihat bahawa bentuk

kesalahan ini ialah boleh disebut sebagai kesalahan *fast and furious* Tuan Pengerusi ya maknanya laju dan ganas. Bererti bahawa ini bukan calang-calang saya dah sebut tadi saya dah sebut tadi dalam jawapan peringkat dasar, kartun pun di Perancis pun bagi dua belas orang mati. Begitu dahsyat nya undang-undang dalam kategori *fake news*. Jadi, sebenarnya itu lah dasar kerajaan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Fasal-fasal 4 dan 5 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

### **Fasal-fasal 6 hingga 14**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **6.46 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, fasal 4 sehingga?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal-fasal 6 hingga 14.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 6 hingga 14? Terima kasih. Saya ingin merujuk kepada fasal 7 di mana kita dapati mahkamah boleh mengeluarkan mana-mana perintah untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar yang boleh dipohon secara ex-parte. Apabila kita melihat kepada fasal ini kita mendapati mahkamah seksyen hanya akan menggunakan laporan polis dan dokumen lain yang menyokong permohonan ini. ini sahaja yang digunakan untuk menilai adakah sesuatu berita itu palsu atau tidak. Tidak ada apa-apa panduan lain yang diberikan, kita biarkan kepada budi bicara mahkamah untuk menentukan nilai atau pun mutu atau kualiti bahawa itu adalah palsu atau tidak. Itu yang pertama.

Kedua, kita mendapati bahawa di fasal 7(3) apabila menerima permohonan di bawah subseksyen (2) dan selepas menimbangkan permohonan itu atau apa-apa keterangan lain, jika mahkamah puas hati bagi penerbitan yang mengandungi berita tidak benar sepatutnya dihapuskan, mahkamah ada perintah-perintah dan sebagainya. Yang menarik apabila kita gabungkan fasal 7(3) dengan fasal 8(3) di mana ia berbunyi jika

sesuatu perintah di bawah seksyen 7 diperoleh oleh kerajaan yang berhubungan dengan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara, tiada permohonan boleh dibuat untuk mengetepikan. Ini bermaksud walaupun fasal 8 memberi ruang untuk seseorang itu mengetepikan perintah yang dikeluarkan oleh fasal 7 tetapi jika perintah itu diperoleh oleh ex parte oleh kerajaan maka ia tidak boleh diketepikan.

Sini ada beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Sebagai contoh isu yang berkenaan dengan MO1 atau 1MDB, adakah isu itu dianggap sebagai isu kerajaan atau isu seorang individu? Bila MO1 dikaitkan dengan Yang Berhormat Pekan, Yang Berhormat Pekan akan masuk ke mahkamah buat ex-parte permohonan di Mahkamah Sesyen, adakah dia mewakili kerajaan atau sebagai seorang individu? Sebagai seorang individu beliau tidak boleh menggunakan fasal 8(3), tetapi kalau kita anggap itu adalah mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara, walaupun saya tidak boleh kaitkan macam mana isu 1MDB, MO1 dan RM2.6 bilion dan sebagai nya mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara tetapi atas kerangka fasal 8(3) ini, seseorang boleh sahaja menggunakan ini adalah kerajaan, ini adalah isu kerajaan, ini adalah isu keselamatan, ini adalah isu ketenteraman. Maka, mereka boleh salah gunakan kerangka ini dan perintah yang diambil tidak boleh diketepikan langsung.

■1810

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri memberi satu komitmen dan penjelasan tentang bahagian yang saya bangunkan atau bangkitkan pada hari ini. Sebab ia boleh disalahgunakan sebab kita tak tahu definisi mana-mana orang bila dikaitkan dengan fasal 4 yang telah dibincangkan tadi kita hanya ada mana-mana orang. Jadi sekarang mana-mana orang ini sesiapa pun boleh dan kita dapati di fasal 8(3) ia menerangkan secara terperinci perkataan 'kerajaan' bermaksud mana-mana orang itu termasuk kerajaan, jadi kerajaan pun boleh pergi ke mahkamah dan membuat satu, mendapatkan satu perintah. Jadi bila dia membawa perintah ini, perintah itu tidak boleh diketepikan. Jadi bila seorang individu yang berada di peringkat Kerajaan Persekutuan adakah bila ia disabitkan dituduh secara peribadi boleh dianggap sebagai kerajaan dan dia boleh guna pakai fasal 8(3). Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, satu fasal 8 saya belum.



**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh mencelah masa Menteri menjawab ya.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Sama sahaja.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Belum lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal 8.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tak apa bagilah satu fasal.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Satu fasal.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya satu fasal 8.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Lapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ringkas ya ringkas.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi mengenai fasal 8, 8(3) terutamanya ia jelasnya adalah satu fasal yang cuba menyingkirkan kuasa mahkamah kerana ia menyatakan bahawa jika *publication* itu berkaitan dengan ketenteraman awam atau keselamatan negara, maka tiada permohonan boleh dibuat untuk mengetepikan perintah itu. Tuan Pengerusi saya tidak tahu kalau Menteri telah membaca ataupun kalau Menteri dinasihatkan mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi, selepas keputusan dalam kes Indira Gandhi dan juga kes Semenyih Jaya kedua-duanya keputusan Mahkamah Persekutuan, *ouster clause is no longer valid* dengan izin. *Ouster clause* seperti 8(3) adalah tidak lagi *valid* selepas keputusan-keputusan tersebut.

Dalam kes Indira Gandhi, Mahkamah Persekutuan menyatakan dengan jelasnya bahawa, *in our view therefore* dengan izinkan saya membaca, "*In our view therefore base on the principal in any minute, the lack of jurisdiction by registrar render is certificate issue the nullity. Section 101(2) cannot have that effect excluding the courts power of judicial review over the registrar issuance of the certificate. It is settle law the supervisory jurisdiction of court to determine the legality of administrative action cannot be excluded even by an express ouster clause. It would be re parchment to the rule of law and the judicial power of the court if the registrar decision is immune from review even in light of uncontroverted facts that the registrar had no jurisdiction to make such decision*".

Jadi ini adalah jelasnya menentang ataupun bercanggah dengan undang-undang kerana itu adalah keputusan Mahkamah Persekutuan. Indira Gandhi lawan Pengarah Jabatan Agama Islam 2018 1MLJ 545 saya bacakan ke dalam *Hansard* kerana kalau hendak teruskan juga dengan *amendments* klausa seperti ini walaupun undang-undang adalah jelas itu adalah satu perkara yang amat serius.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebut juga mengenai 8(3) adalah ini. 8(3) membuktikan apa yang saya sebut tadi bahawa seluruh takrifan *fake news* ini tidak jatuh di bawah *ambit* 10(2)(a) iaitu sekatan yang dibenarkan bagi ketenteraman awam. Ini kerana 8(3) jelasnya menunjukkan bahawa ada dua kategori di sini. Kategori-kategori *fake news* yang tidak jatuh di bawah 8(3) iaitu yang tidak prejudis kepada *public order or national security* jelas satu *application* boleh dibuat di bawah seksyen 8 tersebut. Namun yang jatuh di bawah 8(3) iaitu yang *prejudicial to prohibit order in national security* tidak boleh diketepikan. Ini bermakna jelas dari 8(3) bahawa memang ada satu kategori besar *fake news* yang ditakrifkan dan diperjenayahkan di bawah rang undang-undang ini yang tidak jatuh di bawah *public order national security*.

Bermakna bercanggah dengan fasal 10(2)(a) terbukti melalui rang undang-undang ini sendiri bahawa Tuan Pengerusi— bahawa rang undang-undang ini adalah bercanggah dengan 10(2a). Kalau tidak mengapa ada dua kategori dalam 8(3). Terbukti hanya kategori *public order national security* dinyatakan tidak boleh di *settle side*. Maksudnya ada satu lagi kategori, kategori apa? Kategori yang tidak jatuh di bawah 10(2)(a) bermakna seperti saya hujah tadi ini adalah satu undang-undang *unconstitutional*, maka ini adalah *fake law, fake law* terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Pengerusi, saya rujuk pada Yang Berhormat Kapar berkenaan dengan isu yang ditimbulkan. Ini adalah lebih kepada fasal 7 yang dalam dokumen tentang dokumen hendak dijadikan dokumen sokongan. Kalau kita tengok dalam jadual 1 rang undang-undang ini ada tiga jenis dokumen yang perlu dilampirkan dalam permohonan di mahkamah, laporan polis dokumen membuktikan penerbitan itu tidak benar dokumen sokongan lain. Beban kepada pemohon untuk memuassakan hati kepada mahkamah di atas kuasa mahkamah untuk mempertimbangkan kebarangkalian bahawa berita itu tak benar dan perlu dihapuskan. Ini adalah lebih kepada yang dirujuk dalam perkara ini iaitu interim order.

Kemudian fasal 8 itu yang membenarkan mahkamah mengetepikan Yang Berhormat menimbulkan berkenaan dengan isu, isu yang berkenaan dengan fasal 8(3). Bagi saya Tuan Pengerusi jawapan daripada pihak kerajaan ialah fasal 8(3) itu perlu dibacakan secara menyeluruh iaitu jika sesuatu perintah di bawah seksyen 7 diperoleh oleh kerajaan yang berhubung dengan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar, yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara tiada permohonan boleh dibuat untuk menepikan oleh perintah itu oleh orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Bererti bacaan yang kita buat di bawah fasal 8(3) itu adalah jenis-jenis berita yang tidak benar yang menjejaskan atau yang berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Maknanya pada tahap dengan izin, *degree* yang begitu tinggi.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang *ouster clause* sebagai dalam fasal 8(3) tidak boleh diperuntukkan. Saya dimaklumkan bahawa kes tersebut masih disebutkan di dalam maksudnya di dalam perkara ini masih diwujudkan rayuan *for appeal*. Maknanya ia boleh membuatkan permohonan mengatakan bahawa fasal 8(3) ini tidak bererti bahawa mereka yang tidak dapat perintah untuk tidak mengetepikan tidak boleh membawa rayuan kepada perkara ini. Maknanya mereka masih boleh pergi ke mahkamah dalam 8(3).

Walaupun mereka boleh membuat permohonan dan mahkamah bawah fasal 3 mengatakan tidak boleh ketepikan tetapi mereka masih boleh membuat rayuan kepada keputusan tersebut. Itu jawapannya Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat sambung sikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sudah habis ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia suruh selalu tunggu sehingga hujung selesai tunggulah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tak boleh jawab.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

*[Fasal-fasal 6 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan) dan diluluskan]*

■1820

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.21 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Pergigian 2017 diwujudkan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian, mengawal selia amalan pergigian dan iaitu perkara-perkara berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pergigian sedia ada telah wujud sejak 1 Oktober 1971 dan telah menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pendaftaran dan amalan pengamal pergigian serta bagi membuat peruntukan tertentu untuk maksud negara berkenaan dengan suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran sebagai seorang pengamal pergigian dan membuat peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tersebut di atas.

Tambahan kepada peruntukan asal Rang Undang-undang Pergigian 2017 akan mewujudkan peruntukan bagi pendaftaran dan pengawalseliaan pakar pergigian dan juruterapi pergigian serta bagi penguatkuasaan di bidang pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pergigian 1971 telah mengawal selia amalan dalam bidang pergigian selama 46 tahun dengan jayanya. Walau bagaimanapun dengan perkembangan pengamalan dan teknologi dalam bidang pergigian, suatu akta baru yang mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan peruntukan yang merangkumi semua aspek pengamalan pergigian terkini adalah diperlukan. Tambahan pula dengan perkembangan pesat dan dinamik dalam bidang pelancongan kesihatan di Malaysia, dijangkakan ramai pengamal pergigian serta pesakit akan merentas sempadan dan memasuki negara ini. Fenomena ini akan membawa kepada cabaran baru yang harus ditangani melalui rang undang-undang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pergigian 2017 ini mengandungi sembilan bahagian dan 104 fasal. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, izinkan saya menjelaskan bahagian-bahagian seperti berikut;

Bahagian I rang undang-undang ini mengandungi tajuk ringkas dan tafsiran bagi istilah yang diguna pakai dalam rang undang-undang baru ini.

Bahagian II menerangkan penubuhan Majlis Pergigian Malaysia, fungsi dan kuasa Majlis, keanggotaan Majlis, pelantikan Setiausaha Majlis serta perwakilan fungsi dan penubuhan Jawatankuasa di bawah Majlis. Sebuah Majlis akan diwujudkan terdiri daripada perwakilan pengamal pergigian dari sektor awam, pengawal pergigian dari sektor swasta dan juruterapi pergigian untuk mengawal selia pendaftaran dan pengamalan pengamal pergigian bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian III menerangkan penubuhan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia, fungsi dan kuasa Lembaga, keanggotaan Lembaga, pelantikan Setiausaha Lembaga serta perwakilan fungsi dan penubuhan Jawatankuasa di bawah Lembaga. Sebuah Lembaga akan diwujudkan terdiri daripada perwakilan juruterapi pergigian dan pengamal pergigian untuk mengawal selia pendaftaran dan pengamalan juruterapi pergigian bagi memastikan perkhidmatan berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian IV menerangkan tentang pendaftaran pengamal pergigian dan juruterapi pergigian yang melibatkan peruntukan bagi pendaftar pengamal pergigian dan pendaftar juruterapi pergigian, daftar pergigian dan daftar juruterapi pergigian, pemotongan dan pembatalan nama dari daftar, pengiktirafan kelayakan oleh Majlis, peperiksaan kelayakan profesional atau *professional qualifying examination*, pendaftaran individu yang layak sebagai pengamal pergigian dan juruterapi pergigian, sekatan ke atas pendaftaran, pendaftaran sebagai pakar pergigian dan juruterapi pergigian pasca asas, pengamalan sebagai pakar pergigian, pendaftaran bersyarat, perakuan pengamalan, perakuan pengamalan tahunan, perakuan pengamalan sementara bagi warga asing, kelulusan bagi perkhidmatan masyarakat serta pertubuhan perbadanan dan syarikat pergigian.

Bahagian IV bertujuan untuk menjalankan fungsi kawal selia pakar pergigian, pengawal pergigian dan juruterapi pergigian dan juga memastikan hanya mereka yang berkelayakan dan diiktiraf sahaja memberi perkhidmatan pergigian bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat kepada rakyat.

Bahagian V dalam rang undang-undang ini memperuntukkan bidang kuasa tatatertib terhadap semua pengamal berdaftar kepada Majlis dan bidang kuasa tatatertib terhadap semua juruterapi pergigian kepada Lembaga dan merangkumi penubuhan Jawatankuasa Aduan, pengendalian aduan dan maklumat serta hukuman yang boleh dikenakan yang meliputi celaan, penggantungan amalan dan pengeluaran nama dari daftar.

Bahagian V bertujuan melindungi rakyat dan memberi ruang serta peluang bagi menyalurkan ketidakpuasan hati mereka terhadap sebarang kecuiaan atau kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan.

Bahagian VI menerangkan tentang kesalahan di bawah rang undang-undang ini dan hukuman yang akan dikenakan ke atas orang yang didapati bersalah. Ini bertujuan memastikan pengamalan pergigian dijalankan oleh orang yang bertauliah sahaja demi menjaga imej negara dan keselamatan rakyat.

Bahagian VII menerangkan tentang peruntukan penguatkuasaan bagi memberi kuasa kepada pegawai Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan penguatkuasaan di bawah rang undang-undang ini yang merangkumi peruntukan untuk menyita dan merampas dokumen atau bahan serta pendakwaan. Bahagian ini merupakan peruntukan baru yang dimasukkan supaya tindakan terhadap pengamalan pergigian haram dapat dilaksanakan.

Bahagian VIII menerangkan tentang kuasa Ketua Pengarah Kesihatan untuk mengarahkan pengamal yang berdaftar mendaftar menjalani tempoh khidmat wajib. Peruntukan ini akan memastikan taburan pengamal pergigian dan capaian penjagaan kesihatan pergigian yang optimum kepada semua rakyat di seluruh pelosok negara. Bahagian ini juga menerangkan berkaitan pematuhan kepada kod tatalaku profesional dan garis panduan amalan tentang peruntukan am yang merangkumi pelantikan penasihat undang-undang bagi Majlis dan Lembaga, kuasa untuk mengkompaun, penalti am dan kuasa untuk membuat peraturan.

Bahagian IX menerangkan peruntukan pengecualian dan peruntukan peralihan merangkumi tempoh kepada pelajar yang sedang mengikuti kursus pergigian di sekolah pergigian yang tersenarai dalam Jadual Kedua Akta Pergigian 1971 untuk mendaftar dengan Majlis di bawah akta baru.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang mensyaratkan hanya pengawal yang berkelayakan, berwibawa dan profesional sahaja akan didaftarkan dan layak untuk menawarkan perkhidmatan pergigian terutamanya kepada rakyat Malaysia dan juga kepada orang asing di negara ini.

#### ■1830

Dengan ini, kualiti dan keselamatan perkhidmatan pergigian adalah terjamin serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan pergigian. Pelaksanaan Rang Undang-Undang Pergigian 2017 juga secara tidak langsung akan memberi pengiktirafan terhadap profesion pergigian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah bacaan pertama pada 28 November 2017, profesion pergigian dan perubatan telah memohon supaya beberapa pindaan dibuat kepada Rang Undang-undang Pergigian 2017. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kerana:

- (i) hukuman yang dikenakan ke atas pengamal pergigian bagi kesalahan yang dianggap sebagaimana *minor* sangat tinggi dan turut membawa hukuman penjara;
- (ii) terdapat peruntukan tidak jelas bahawa seorang pengamal pergigian boleh didakwa hanya sekiranya diketahui bahawa seorang yang tidak berdaftar mengamal di premis yang sama; dan
- (iii) untuk menjelaskan bahawa rang undang-undang ini tidak mengehadkan pengamal perubatan dari menjalankan pengamal perubatan dan supaya mana-mana pengamal pergigian yang bertugas di Kementerian Kesihatan Malaysia boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Aduan.

Justeru, dengan mengambil kira pandangan profesional pergigian dan perubatan serta pihak-pihak yang berkepentingan iaitu *stakeholders*, pindaan yang dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan adalah di fasal 62 dan fasal 69 serta sub fasal 42(5), 44(2), 52(2)(c), 72(2) dan 85(3). Dengan itu, dalam peringkat Jawatankuasa kemudian daripada ini, kementerian bercadang untuk meminda sub fasal 42(5) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan "*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya*" dengan perkataan "*dua puluh ribu ringgit*". Sub fasal ini dipinda bertujuan untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan untuk menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengamal iaitu antara lainnyanya kegagalan mempamerkan perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan semasa di tempat yang mudah dilihat.

Kementerian juga selanjutnya bercadang untuk meminda sub fasal 44(2) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan "*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya*" dengan perkataan "*dua puluh ribu ringgit*". Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengamal iaitu kegagalan seorang pengamal pergigian atau juruterapi pergigian memaklumkan kepada pendaftar pergigian atau pendaftar juruterapi pergigian mengikut mana-mana yang berkenaan apa-apa pertukaran pada alamat rumah atau alamat pengamalannya dalam tempoh 30 hari selepas pertukaran itu.

KKM bercadang untuk meminda perenggan 52(2)(c) rang undang-undang dengan memotong perkataan "*Bahagian Kesihatan Oral*". Perenggan ini dipinda untuk

mbolehkan mana-mana pengamal pergigian daripada Kementerian Kesihatan dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Aduan.

Kementerian juga bercadang untuk meminda fasal 62 dan fasal 69, di mana fasal 62 rang undang-undang dipinda dengan memasukkan selepas sub fasal (3), sub fasal yang berikut iaitu *“tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan”*. Fasal ini dipinda untuk memperjelas bahawa tiada apa-apa dalam fasal 62 boleh menghalang seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan walaupun pengamal perubatan ini tidak didaftarkan di bawah rang undang-undang ini. Manakala perenggan (c) dalam fasal 69 rang undang-undang dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan *“menjalankan amalan pergigian di premis”* dengan perkataan *“diketahuinya”*. Perenggan ini dipinda bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang pengamal hanya melakukan kesalahan jika pengamal itu secara diketahuinya menjalankan amalan pergigian di premis yang sama dengan seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian.

KKM bercadang untuk meminda sub fasal 72(2) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan *“lima puluh ribu Ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”* dengan perkataan *“dua puluh ribu Ringgit”*. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun dengan denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh seseorang antara lainnya kegagalan pengamal memilih atau penghuni mana-mana premis yang digunakan atau dipercayai telah digunakan sebagai tempat untuk menjalankan amalan pergigian dan mana-mana orang yang dijumpai dalam premis itu membantu pegawai diberi kuasa dalam memberikan bantuan sebagaimana yang dikehendaki secara munasabah oleh pegawai diberi kuasa.

KKM seterusnya bercadang untuk meminda sub fasal 85(3) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan *“lima puluh ribu Ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya”* dengan perkataan *“dua puluh ribu Ringgit”*. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengamal iaitu kegagalan pengamal memberikan maklumat yang diminta oleh majlis ataupun lembaga mengikut mana-mana yang berkenaan dalam tempoh 30 hari dari tarikh beliau dikehendaki berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran doktor pergigian dan juruterapi pergigian untuk mengawal selia amalan pergigian dan bagi perkara-perkara berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ramai yang minat? Ya, empat orang, 10 minit ya. Yang Berhormat Kota Raja.

**6.38 ptg.**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana membentangkan Rang Undang-undang Pergigian ini. Kita tahu bahawa ini regulasi ataupun pengawal selia dan aturan profesion pergigian ataupun kedoktoran adalah penting kerana ia melibatkan rakyat yang terbanyak. Saya cuma ingin bertanya beberapa perkara.

Dahulu saya ingat masa kita kecil-kecil dahulu, kita boleh cabut gigi di tepi jalan. Amalan ini dilakukan oleh orang-orang yang tidak adapun latihan tetapi oleh sebab pengalaman, cabut gigi ini bukan susah sangat. Kalau gigi itu sudah longgar dan sebagainya. Akan tetapi kita tahu cabut gigi geraham dan sebagainya, tentulah lebih sukar. Jadi, adakah lagi di negara kita ini praktis sebegitu? Saya biasa beberapa tahun dahulu diberitahu bahawa ada, masih ada yang mencabut gigi tetapi dia tidaklah mengatakan dia doktor pergigian tetapi seseorang yang berpengalaman untuk mencabut gigi. Bayaran untuk khidmat pergigian ini bukanlah murah, terutamanya 'mempalam' gigi, *filling and all that*, bukanlah sesuatu perkara yang murah.

■1840

Akan tetapi apa yang saya hendak tanya kepada kementerian ialah amalan sekarang di klinik-klinik pergigian, saya diberitahu bahawa apa pun masalah yang datang, pesakit yang datang dengan beberapa masalah yang ada, doktor hanya boleh melakukan satu prosedur sahaja iaitu kalau dia ada tiga atau empat gigi untuk dipalam, doktor dibenarkan hanya buat satu sahaja sehari. Kalau ada lagi, dia kena datang lagi. Kalau ada empat gigi, empat hari dia kena datang pada masa yang berlainan. Jadi ini adalah mungkin kerana tidak ada peruntukan atau *government is trying to reduce cost whatever*,

jadi dengan menyusahkan rakyat begitu, empat kali mungkin dia datang sekali lah kecuali bila giginya sudah tidak tahan sangat sakit baru dia akan datang lagi. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian.

Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin bertanya sekarang oleh kerana kita tidak ada statistik mungkin sebagai Ahli Parlimen, berapa sebenarnya doktor pergigian kita di seluruh negara? Daripada segi taburannya, adakah kita boleh dikatakan sudah mencukupi dan daripada segi pakar-pakarnya daripada setiap bidang yang kita ada ortodontik, restoratif dan sebagainya, bagaimana nisbah antara pesakit dan doktor gigi itu sendiri? Keperluan negara kita ini, bilakah boleh kita jangka dipenuhi? Ini kerana memang gigi ini semua orang tahu sangat penting kerana bila sakit memang tidak tahan. Akan tetapi oleh kerana kos yang mahal untuk pergi kepada doktor swasta, ramai orang akan *delay*.

Malah saya biasa berjumpa dengan orang yang dia memang memerlukan sangat gigi palsu itu daripada segi kosmetiknya sangat hodoh bila kita tidak ada gigi tetapi kalau hendak buat gigi itu pergi kepada klinik kerajaan, *queue*-nya terlampau panjang dan kalau hendak pergi ke klinik swasta, maka kosnya mereka tidak mampu. Jadi ini pun kita kena juga beri perhatian. Bagi saya, dia bukan lagi kosmetik tetapi ia adalah *self-esteem* seseorang apabila dia tidak ada gigi. Saya tidak tahulah, saya bila tengok orang tidak ada gigi, saya kata *please go and* buat gigi ini sebab dengan sendirinya, orang kata dia punya imej dia itu tanpa gigi ada kurangnya di situ. Jadi kita hendak sedikit ini mengikut *sub specialty* dan sebagainya.

Saya juga ingin mengatakan bahawa ada doktor-doktor gigi am melahirkan kebimbangan mereka dengan klausa 34. Saya rasa Menteri pun telah mendapat aduan daripada *Malaysia Dental Association* bahawa sekarang ini pun kita tahu bahawa doktor-doktor pergigian biasa walaupun mereka bukan *specialist* tetapi *the continuing education is on going* sebab ada *demand* daripada pesakit. Jadi tidak semestinya kita pergi kepada seorang pakar gigi untuk buat *braces for instance*.

Baru-baru ini, *I think* beberapa tahun yang lepas ataupun mungkin tahun lepas, saya tidak ingat beritanya, kita ada heboh seorang wanita muda belajar macam mana hendak buat *braces* daripada *YouTube* dan kemudian dia menawarkan khidmat untuk buat *braces* bagi orang-orang yang mempunyai mungkin giginya jarang, jongang dan sebagainya, mereka dapatkan rawatan daripada wanita ini. Memang sudah ke mahkamah, dijatuhkan hukuman bersalah tetapi malangnya berita yang kita dapat, denda yang dia perlu bayar telah dikutip oleh satu persatuan pengguna untuk membantu dia membayar denda kepada mahkamah. Maka dia lepas begitu sahaja, tidak dipenjarakan dan sebagainya.

Jadi saya ingin sedikit penjelasan di situ, apakah *follow up* daripada Kementerian terhadap kesalahan wanita ini? Saya tidak ingat namanya tetapi memang heboh bahawa dia memberi perkhidmatan *braces*, dia pasang *braces* di hotel.

Kemudian, kebimbangan— tadi saya sebut tentang doktor gigi am. Mereka sentiasa pergi *upgrade themselves* dan mereka menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang juga dilakukan oleh para *specialist*. Kebimbangan mereka sekarang ialah apabila klausa 34 ini yang saya tengok di dalam pindaan ini tidak ada, ialah apabila mereka tidak lagi selepas ini dapat melakukan prosedur-prosedur yang mereka anggap mudah yang mereka boleh buat, yang mereka telah belajar dan bertanggungjawab ke atasnya seperti pasang *braces* dan sebagainya. Saya tak tahu sangat prosedur tetapi *braces is a very common one* yang mereka pergi kepada doktor-doktor pergigian umum. Sekiranya selepas ini, adakah mereka ini akan didapati bersalah kerana melakukan prosedur-prosedur yang dikira hak milik *specialist*? Mungkin ada lagi prosedur-prosedur yang saya sendiri tidak sempat nak bertanya kepada mereka tapi *this is an example*. Dan saya biasa melihat bahawa mereka melakukan kerja yang baik. Anak saya dahulu pun ada *prognathisme a little bit* dengan masalah gigi, *general dental doctor* dia boleh dan harganya pun tidak begitu mahal. Masa itu saya tidak tahu tentang perkara ini dan memang masa itu tak mampu nak pergi kepada *specialist*.

Jadi, kebimbangan mereka selepas ini, apabila kita telah meluluskan ini, adakah prosedur-prosedur yang mereka telah lakukan sebelum ini dan tidak ada kompelin, tidak ada aduan, tidak ada salah laku dari segi apa yang mereka lakukan itu, sekarang ini mereka dah tak boleh lakukan kerana ia adalah bidang daripada *sub specialty* ini? Jadi, mereka meminta seksyen 34 ini supaya dipinda sedikit supaya jelas bahawa mereka masih lagi boleh melakukan prosedur-prosedur ini dan tidak semestinya hanya *specialist* ataupun *sub specialist* dalam bidang-bidang ini.

Kebimbangan kita adalah apabila prosedur yang kita *consider*, kita anggap tidak memerlukan pergi kepada pakar adalah kosnya. Bila ia dimonopoli oleh segolongan *specialist*, misalnya *sub specialty* kita tahu ada banyak— ada benda yang kita tahu kita kena pergi kepada *specialist*. *But, there are certain things the general dental doctors can do it. But now, are they able to do this?* Itu sebabnya mereka telah— saya ingat Menteri telah mendapat juga surat daripada mereka supaya mereka mencadangkan— kalau saya tengok *feedback* daripada *dentist*, secara umumnya mereka menganggap ini adalah satu akta yang baik. Tetapi, seksyen 34 ini mereka merayu supaya dipinda daripada klausa yang sedia ada yang mengatakan “*A practitioner whose name does not appear in the Specialist Division of the Dental Register shall not practice as a dental specialist in the*

*specialty*” kepada “*A practitioner whose name does not appear in the Specialist Division of the Dental Register shall not practice dentistry under the title of specialist*”.

Maknanya, mereka mengharapkan bahawa prosedur-prosedur yang mereka buat itu mereka boleh tulis di dalam tawaran mereka di klinik mereka, makna mereka boleh buat *braces*— saya tak tahu apa lagi penyakit yang ada dengan gigi ini mungkin. Palam gigi itu biasa kepada doktor biasa. Tetapi prosedur-prosedur lain, mereka tidak mengaku yang mereka ini *specialist* tetapi mereka boleh melakukan prosedur ini dengan selamat. Jadi dengan adanya klausa 34 ini, adakah ini akan menghalang mereka daripada melakukan apa yang mereka boleh lakukan dengan baik dan tidak ada aduan salah laku terhadap mereka?

Itu sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

#### **6.48 ptg.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pergigian 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membangkitkan isu tentang pengusaha-pengusaha kedai yang menjalankan aktiviti memasang atau membuat gigi buatan atau gigi palsu, di mana selepas akta ini diluluskan, saya kawatir banyak pengusaha yang sekarang menjalankan aktiviti memasang dan membuat gigi palsu ini akan terjejas terutama mereka yang banyak di luar bandar termasuk kawan-kawan saya yang menjalankan aktiviti ini sejak mereka kecil lagi mereka belajar. Mereka tak ada sijil, tak ada kelayakan tapi mereka ada menjalani latihan dan mereka boleh membuat satu cara di mana boleh jalankan aktiviti untuk membuat dan memasang gigi palsu ini.

#### **■1850**

Saya hendak dapatkan statistik di Malaysia ini berapakah pengusaha-pengusaha sebegini yang mereka tidak mencabut gigi, mereka tidak menampal gigi, mereka hanya membuat gigi palsu iaitu gigi buatan. Ada yang kedai yang telah menjalankan aktiviti selama 30 tahun dan mereka memberi banyak perkhidmatan ini kepada orang kampung, makcik-makcik, pakcik-pakcik yang telah pun tidak ada gigi. Mereka datang untuk memasang kerana kosnya bukan tinggi yang mereka boleh mampu untuk membeli gigi palsu ini kerana kosnya rendah kerana mereka bukan pakar gigi.

Adakah selepas akta ini diluluskan saya sangat kawatir golongan ini akan gulung tikar. Mereka tidak boleh menjalankan tugas aktiviti mereka lagi. Bagaimana kerajaan ada

skim boleh bantu mereka ini kerana sekarang mereka memang mengharapkan kerajaan boleh menolong. Kalau hanya doktor gigi pakar yang didaftarkan yang boleh menjalankan aktiviti untuk membuat gigi palsu ini. Bagaimana golongan ini. Kita khawatir kalau akta ini diluluskan semua aktiviti untuk membuat gigi palsu ini akan di bawah doktor gigi. Bagaimana golongan ini?

Saya difahamkan doktor gigi ini mereka bukan pakar buat gigi palsu, mereka tidak tahu buat *so* mereka sub *contract* ini kepada orang begini. Kalau sub-kan kepada *technician* begini tentu kos akan tinggi, kos akan tinggi. Orang-orang kampung, pakcik, makcik kesian mereka ini tidak ada gigi untuk – kalau tidak dapat buat gigi yang murah ini mereka tidak ada gigi tidak boleh cakap dengan fasih. Terutama di kampung saya hendak sebut di Selama, Perak; Selama, Kedah; ada banyak kedai gigi sebegini.

Saya memang tidak setuju kalau kedai ini buat aktiviti untuk cabut gigi. Mereka ada yang segelintir yang buat, saya tidak setuju sebab mereka bukan pakar. Saya sendiri semasa kecil lagi saya pernah kerana tidak ada mampu untuk pergi tengok doktor gigi saya pergi kedai sebegini untuk cabut gigi. Saya pun tidak tahu adakah mereka ini *qualified* atau tidak? Saya tidak tahu adakah mereka doktor atau tidak. Selepas saya besar saya baru tahu mereka bukan doktor gigi. Itulah masalahnya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *But they can do it.*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *So*, saya hendak dapatkan statistik berapakah pengusaha sebegini akan terjejas di Malaysia ini kerana saya memang kesian kawan-kawan saya yang buat *business* sebegini kerana merekalah yang akan terlibat secara langsung akan mendapat kesan daripada akta sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta kerajaan terutama Yang Berhormat Menteri usaha kerajaan untuk membantu mereka ini bolehkah memberi latihan kepada mereka untuk menjadi satu *technician* untuk membuat gigi palsu yang *qualified*. Kalau tidak saya rasa golongan ini akan terjejas teruk selepas akta ini kuatkuasakan.

Saya juga minta Yang Berhormat Menteri supaya bagi penyelesaian untuk menyelesaikan masalah ini. *So*, saya itu sahaja ucapan saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh. Selepas Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kuala Kedah selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, sila.

**6.54 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya setuju dengan pandangan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Kota Raja dan juga Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tentang fasal 34 kerana saya juga terima e-mel

dan juga rungutan daripada kawan-kawan saya *dentist* yang berkhidmat sekarang. Bagi mereka pindaan seharusnya dibuat dalam 34(1) itu iaitu cadangan seorang *dentist* kepada saya ialah yang seseorang itu walaupun nama dia tidak ada dalam bahagian pakar daftar pergigian tetapi mereka boleh dibenarkan untuk mengamalkan rawatan yang sepatutnya kepada pesakit.

Sebenarnya saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri yang ada di sini. Saya rasa salah satu tujuan untuk ada rang undang-undang ini adalah untuk mendaftarkan pakar pergigian, *to have a specialist*.

Akan tetapi, kalau kita melihat di Kuala Lumpur pun saya pun tidak tahu mana ada *dental specialist center*, *dental specialist hospital*. Saya rasa tidak ada kalau saya ditanya mana ada *specialist center* untuk jantung. Kita tahu ada IJN, kita tahu mungkin ada HSC hospital tetapi kalau pergigian tidak tahu mana hendak cari.

Jadi kena cari kalau ikut rang undang-undang ini kalau gigi kita sakit sampai pada tahap mungkin pihak *dentist*, doktor pergigian kata hendak buat *crowning*-kah, hendak buat sedikit *surgery*, *oral operation crowning* dan sedikit mungkin dalam bidang kepakaran *dental specialist*. Mana hendak cari dan kalau waktu gigi sakit sangat hendak cari siapa, hendak cari Menteri ? *So, we know where the specialist – you know*, kanak-kanak kah, wanita kah dan sebagainya. Akan tetapi, bukan dari segi pergigian.

Jadi saya memang berharap pada tahap ini negara kita ini belum sampai ke tahap adanya *specialist center* untuk pergigian, pihak kerajaan, pihak kementerian akan longgar ini atau buat pindaan pada 34(1) ini supaya ia tidak menjejaskan yang *practitioner* yang doktor gigi sekarang dan juga untuk bagi pesakit.

Di sini saya hanya hendak baca sedikit e-mel yang dihantar oleh seorang *dentist* kepada saya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam bahasa Inggeris [*Membaca petikan*] ‘... *in advanced in developed countries general dentist are free to practice all procedures in the field of dentistry provided they consider themselves having the necessary knowledge skills and training. The general dentist are all legally responsible of any complaint that brought against them in the event of mouth practice or negligence. Malaysia is a free market and the general dentist will want to have a fair playing field of dental practice and not being side line or accuse of illegal practice. If the general dentist provides treatments that only be served for the specialist, so we have limited number of dentist specialist in area specialty and most private dental specialist are concentrated in Klang Valley region.*

So, ini adalah poin yang utama yang dihantar oleh seorang *dentist*, doktor pergigian kepada saya. Saya panjangkan kesemua kebimbangan para doktor pergigian kerana mereka rasa ini akan mengganggu *treatment* yang akan dilakukan oleh mereka

terhadap pesakit dan juga ini juga akan menjejaskan pesakit yang hendak minta *treatment* daripada *dentist* yang selalunya bila gigi sakit ada masalah kita mahu doktor buat cepat-cepat untuk kita kerana tidak ada masa.

So, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri boleh menimbangkan rayuan dan juga suara hati Wakil Rakyat dan juga doktor pergigian untuk meminda fasal 34(1) yang kita telah sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

### **6.59 ptg.**

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara dasarnya saya menyokong rang undang-undang ini dan merasakan ini ialah rang undang-undang yang baik kerana memanglah dengan berkembangnya masyarakat dengan majunya negara dan adanya berbagai perkembangan dalam masyarakat tadi menghasilkan pelbagai kepakaran dan juga orang-orang yang mendakwa menjadi pakar. Maka kita perlu satu akta yang kukuh yang sesuai, selari dengan masa sekarang untuk mengawal selia dan juga memastikan perkhidmatan yang terbaik dapat kepada masyarakat.

Saya juga mengalu-alukan penubuhan Majlis Pergigian Malaysia dan Lembaga Juruterapi Pergigian Malaysia.

### **■1900**

Cumanya saya ingin menyebut bahawa Majlis Pergigian Malaysia itu pada saya seharusnya melihat segala kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang berkaitan dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Hal ini kerana saya dimaklumkan dalam Dewan ini juga beberapa orang doktor masih belum menerima APC mereka. Jadi, kelemahan itu tidak dibawa kepada Majlis Pergigian Malaysia yang saya rasa perlu sangat melihat kembali apa masalahnya APC sudah bulan April, masih belum dapat.

Rakan-rakan saya tadi menyuarakan kebimbangan dan juga *concern* dengan izin, tentang yang disebut tukang gigi tradisional. Walaupun itu nampaknya akan dijenayahkan. Amalan tukang gigi tradisional akan dijenayahkan melalui akta ini tetapi satu hakikat yang tidak dapat kita nafikan bahawa memang ini wujud dalam masyarakat kita terutama di kawasan-kawasan pedalaman.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya pernah bertugas di Hospital Baling dan kebanyakan orang di Baling membuat gigi palsu pada tukang gigi tradisional dan juga jumpa tukang gigi tradisional untuk cabut gigi. Apa yang menariknya, banyak orang yang pergi kata cabut giginya tidak sakit sebab itu dikatakan tukang gigi tradisional dan gigi palsu jauh lebih murah.

Jadi saya rasa walaupun kita hendak maju hendak kita hendak semuanya berdasarkan kepada bukti saintifik dan kelayakan yang setaraf, tetapi kita tidaklah seharusnya menganggap ini satu benda yang jelik atau jenayah. Sekurang-kurangnya kita ada pertimbangan, *recognition* dalam satu bentuk lain. Mungkin kita rasa itu berisiko—tetapi menarik juga kalau Yang Berhormat Menteri dapat memberikan statistik aduan atau laporan polis atau kes mahkamah tentang tukang-tukang gigi tradisional. Ini kerana jarang saya dengar mereka ini di saman ataupun didakwa melakukan *malpractice* atau salah laku. Di luar bandar, memang mereka sangat penting untuk buat gigi palsu. Saya rasa kalau semua orang ke hospital untuk gigi palsu, mungkin perkhidmatan pergigian tidak dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua orang sebab dengan izin, *the clinic will be over burden*. Itu satulah pandangan.

Keduanya, pandangan tentang pakar pergigian *versus general practitioner* ataupun doktor am pergigian. Itu juga *argument* yang sama tentang GP dalam *general practice* perubatan dengan pakar. Ini kerana kadang-kadang doktor gigi biasa yang disebut *general practitioner* tadi juga GP dalam perubatan, mereka belajar bertahun-tahun, pergi seminar, pergi *workshop* dan lain-lain lagi dan mereka melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan teknik. Mereka boleh memberikan perkhidmatan.

Saya ingat lagi anak saya perlu rawatan ortodontik dan di bandar kecil yang kami tinggal itu tidak ada pakar ortodontik tetapi ada doktor yang boleh buat. Maka ia akhirnya selesai, menyelesaikan itu walaupun mengambil masa panjang rawatan ortodontik, tetapi itu memberikan perkhidmatan yang sangat baik. Sedangkan ada ramai orang golongan masyarakat yang membawa anak-anak mereka yang bermasalah jengang, *malocclusion* yang teruk. Pergi mendaftar di klinik kerajaan dan akhirnya apabila sampai giliran untuk rawatan ortodontik, anak itu telah hampir berkahwin. Telah menjangkau usia 18-20 tahun habis zaman persekolahan. Jadi, itu satu benda yang perlu kita fikirkan.

Ini kerana saya ada pengalaman sebagai *general practitioner* perubatan, tetapi saya pernah berjumpa dengan anak-anak yang ada masalah *low self-esteem* dan lain-lain lagi. Antara mereka itu ada masalah jengang yang teruk dan memang kasihan. Keluarganya juga memang tidak mampu pergi rawatan yang mahal-mahal. Jadi akhirnya, ibu-bapanya mengambil ketetapan ini ialah takdir dan teruskan begitu. Ini pengalaman peribadi yang memang saya alami sendiri dan anak itu juga reda dengan keadaannya.



Akan tetapi saya tahu dia merasa kekurangan sebab sangat teruk. Maka pertuturannya juga terganggu.

Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan statistik waktu menunggu untuk rawatan ortodontik di sektor kerajaan. Ini kerana saya rasa rawatannya terlalu lama dengan izin, *unbelievably long*. Ada yang hendak masuk universiti baru sampai giliran. Jadi itu tidak mencapai matlamatnya.

Saya ada beberapa perkara yang saya tidak – yang saya rasa rang undang-undang ini tidak begitu menyenangkan dari segi dendanya yang termasuklah *custodial sentence* tetapi itu telah diubah dan saya mengalu-alukan perubahan itulah.

Saya juga mengalu-alukan perubahan pada fasal 62 dengan subfasal 4 kerana sebelum diubah, pakar bedah plastik dan *faciomaxillary surgeon* akan terkesan. Mereka bukan *dentist* tetapi mereka ada buat banyak pembedahan di mulut. Dengan perubahan tadi, saya rasa rang undang-undang ini menjadi lebih kemas, lebih baik dan relevan. Dan...

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Kuala Kedah.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh saya minta tolong sedikit?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Okey.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tadi saya terlupa satu perkara yang agak penting mengenai yuran. Kalau kita dalam perubatan, *medicine*, MMA ada buat garis panduan harga. Maknanya untuk rawatan-rawatan tertentu ia ada harganya, *guide*. Ia tidak boleh lebih daripada *between* harga ini, harga ini dan harga ini. Jadi kerana sekarang ini *specialist* sudah ada *special register*, saya harap juga ada harga ataupun *what should be the market price for it*. Ini kerana kita kena banding harga yang ditawarkan.

Misalnya, kalau tadi ortodontik walaupun kita tahu harganya tidak *exact* sebab ia bergantung kepada berapa batang gigi dan sebagainya. Akan tetapi kalau tidak ada garis panduan ini, maka maknanya rakyat akan terpaksa terima sahajalah apa yang diletakkan sebagai harga rawatan itu. Hal ini kerana pakar gigi ini tidak ramai, kebanyakannya adalah di bahagian swasta. Jadi saya harap di dalam akta ini juga nanti kemudian mungkin dalam bidang peraturannya, akan ada garis panduan yuran kepada rawatan keadaan tertentu. Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa walaupun kita melakukan kawal selia yang baik dan saya setuju bahawa orang yang bukan pakar itu tidak harus mengiklankan dirinya

sebagai pakar dan mengenakan yuran pakar. Akan tetapi satu bentuk pengiktirafan terhadap bukan pakar, *general practitioner* yang dapat melakukan prosedur dan rawatan yang baik itu harus ada ruang dan juga harus digalakkan kerana ia akan mengurangkan waktu menunggu dan mengurangkan kos kepada masyarakat.

Kita juga kena mengiktiraf bahawa di hospital kerajaan juga kadang-kadang ada doktor yang tidak ada kepakaran tetapi ia sudah banyak kali melakukan pembedahan. Ortopedik misalnya, dia diiktiraf dan dibenarkan. Malahan kadang-kadang pakar sendiri meminta dia membuat pembedahan yang sukar kerana dia lama pengalaman. Jadi harus ada ruang di mana pengiktirafan diberi tidak semata-mata kepada kelayakan pakar atas kertas. Itulah yang saya rasa yang perlu ada *flexibility* dalam rang undang-undang ini.

Akhirnya, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya harap pelaksanaannya nanti akan memberikan kebaikan kepada masyarakat dan akan tidak merencatkan perkembangan pergigian kepada orang-orang yang tidak ada ijazah kertas kepakaran tetapi boleh berkhidmat dengan baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 7.09 mlm.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan di peringkat dasar berkaitan dengan perkara-perkara di dalam Rang Undang-undang Pergigian 2017.

Satu perkara yang telah di bincang oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah berkaitan dengan fasal 34(1) iaitu seorang pengamal yang namanya tidak terdapat dalam bahagian pakar daftar pergigian tidak boleh mengamal sebagai pakar pergigian di dalam kepakaran itu. Tujuan mengadakan fasal itu ialah untuk mewujudkan satu daftar iaitu *register* untuk pakar-pakar.

#### ■1910

Ahli-ahli Yang Berhormat kena memahami bahawa ada pengawal pergigian selepas mendapat ijazah pergigian mereka iaitu PPDS contohnya, mereka telah mengikuti lanjutan di dalam pendidikan dan latihan mereka di dalam bidang-bidang kepakaran untuk empat tahun secara berterusan, selepas itu mereka mendapat *master degree* dan sebagainya. Sekarang kita tidak mempunyai peruntukan untuk mendaftar mereka di dalam satu senarai daftar, satu *registry*. So, kita memerlukan satu *registry* untuk mendaftarkan mereka. So, tujuan mengadakan fasal ini ialah untuk membolehkan Majlis Pergigian Malaysia atau *Malaysian Dental Council* untuk mewujudkan *dental specialist*

*register* seperti yang telah dilakukan oleh *Malaysian Medical Council* untuk *medical specialist register*.

So, itu ialah untuk memberi pengiktirafan kepada kumpulan ini supaya kita memberi secara sah bahawa mereka yang mempunyai kelayakan melalui latihan atau pendidikan lanjutan yang mereka telah dapat, mereka boleh diiktiraf sebagai pakar di dalam bidang itu contohnya *periodontist*, *orthodontist*, *oral and maxillofacial surgeon* dan sebagainya.

Soalan kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah bolehkah seorang pengamal pergigian biasa, *dental general practitioner* melakukan prosedur-prosedur yang boleh dilakukan oleh seorang *specialist*. Saya memberi satu *comparison*, contohnya saya seorang doktor pakar kulit dan mereka ada yang ada di dalam Dewan ini yang menjadi seorang doktor *general practitioner* tahu 90 peratus daripada kes yang dirawat oleh doktor pakar kulit dirawat oleh *general practitioner* juga. So, ini tidak dianggap sebagai satu kesalahan kerana latihan yang diberikan oleh seorang doktor *general practitioner* membolehkan beliau merawat banyak daripada kes-kes yang dirawat oleh seorang doktor pakar kulit.

Oleh sebab itu *Malaysian Medical Council* tidak boleh menyalahkan seorang *general practitioner* kerana memberi rawatan kepada seorang yang mempunyai penyakit kulit, tidak boleh. Sama sahaja *comparison* di sini. Tujuannya ialah untuk mewujudkan *registry* dan untuk memastikan mereka yang panggil mereka sebagai seorang *specialist* ialah mereka yang namanya ada di dalam senarai daftar *registry*. Akan tetapi ia tidak menghalang sesiapa pun untuk menjalankan apa-apa prosedur di mana mereka telah mendapat latihan di mana mereka mempunyai keyakinan, mereka mempunyai kemahiran untuk menjalankan contohnya *crown*, contohnya *braces* seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kota Raja tadi yang boleh dilakukan oleh seorang *dental practitioner* yang biasa.

Tujuan undang-undang ini bukan untuk menghalang mereka menjalankan prosedur ini. Perkara ini telah dijelaskan kepada doktor-doktor yang telah berjumpa pihak bahagian pergigian di dalam kementerian, perkara ini dijelaskan supaya mereka tidak perlu risau bahawa tindakan akan diambil terhadap mereka kalau mereka melakukan prosedur-prosedur yang boleh dibuat oleh seorang pakar dan oleh mereka kalau mereka mempunyai keyakinan. *They have adequate amount of training* dan mereka mempunyai kemahiran di dalam perkara itu.

So, saya mahu menjelaskan pada hari ini, tujuan mengadakan pindaan ini bukan untuk mengetatkan mana-mana pihak daripada menjalankan prosedur-prosedur di mana mereka mempunyai keyakinan bahawa mereka boleh menjalankan prosedur itu

melainkan mereka tidak boleh panggil bahawa mereka adalah seorang pakar di dalam bidang itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi saya cadangkan fasal 34(1) ini haruslah dipinda kerana ia kata seorang pengamal yang namanya tidak terdapat dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian tidak boleh mengamalkan sebagai pakar pergigian dalam kepakaran itu. *Because you are restricting them with your law here.*

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** *No. The keyword is pakar pergigian, you see?* Tidak boleh mengamalkan sebagai pakar pergigian. Kalau mereka mengamalkan sebagai seorang doktor pergigian membuat prosedur tertentu ia tidak akan halang. *So long as you don't call yourself a specialist* itu tujuannya. So, kalau mereka tidak panggil mereka sebagai seorang pakar iaitu mereka tidak boleh panggil mereka sebagai pakar di dalam *name board* mereka, mereka tidak boleh letak, *'I am consultant orthodontist'*. Mereka tidak boleh buat begitu melainkan nama mereka ada di dalam daftar pakar-pakar. Kalau nama mereka tidak ada, mereka—tetapi mereka boleh menjalankan prosedur-prosedur di mana mereka telah ada latihan, mereka mempunyai kemahiran dan mereka mempunyai keyakinan *I can do a good job out of this*. Terpulang kepada mereka.

Kalau isu wujud daripada apa yang mereka buat, *then it is up to them to defend themselves* bahawa mereka mempunyai kemahiran, *it shall prove that they had adequate skills for* mereka melakukan perkara itu. Ini sama di dalam *medicine* pun sama, di dalam *dentist*, prinsip itu sama. Contohnya kalau sakit perut *you can get treatment from a general practitioner* atau *you can get treatment from gastroenterologist*. Terpulang kepada pesakit untuk pilih kerana dua-dua orang boleh memberi rawatan kepada penyakit yang sama. Ini kerana seorang doktor biasa memberi rawatan kepada sakit perut, tidak bermaksud dia sudah melakukan satu kesalahan.

So, perkara ini saya berharap dapat menjelaskan bahawa tujuan mengadakan seksyen 34 ini bukan untuk menghalang mana-mana pihak supaya tidak boleh membuat mana-mana prosedur. Lagi satu perkara ialah tentang *traditional practitioners*. *Traditional practitioner* yang dahulu yang saya tahu pada suatu ketika, mereka yang tidak mempunyai latihan, mereka mendapat kemahiran melalui tradisi, mereka telah membuat tugas-tugas sebagai cabut gigi dan sebagainya, sekarang saya ingat kita sudah sampai ke satu tahap di mana di dalam negara kita perkembangan perubatan dan perkembangan pergigian bahawa perkara-perkara ini sebenarnya dilakukan oleh mereka yang mempunyai latihan di dalam bidang itu.

Walau sedemikian, ada lebih kurang 22 orang *these old people* yang masih ada dan tujuan akta itu untuk mengetatkan atau menghalang mereka menjalankan. *We hope*

*as time passes by, group* ini akan di *phase out* dan mereka tidak ada lagi dan kerja untuk di dalam bidang pergigian hanya akan dibuat oleh mereka yang mempunyai latihan di dalam bidang pergigian.

Satu perkara yang lain yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat PJS ialah berkaitan dengan isu mereka yang membuat *dentures*. Mereka ini bukan— *dentures* ini dibuat bukan oleh doktor pergigian atau juru *therapist* yang dikawal oleh akta ini. Ini dibuat oleh *dental technician*. So, oleh itu akta ini tidak akan menghalang *dental technician* menjalankan kerja mereka. So, mereka yang menjadi *dental technician* memang latihan yang berbeza dan mereka mungkin akan jatuh di dalam satu kumpulan profesional di bawah Kementerian Kesihatan yang dipanggil *the elite professional* dan mereka mendapat latihan dan pengiktirafan sebagai satu *dental technician* dan mereka yang membuat *dentures, braces* dan sebagainya.

Di dalam bidang itu pun ada yang mendapat kemahiran melalui pengalaman mereka secara warisan dan ada yang mendapat kemahiran melalui kursus-kursus dan bidang-bidang profesional yang wujud pada masa sekarang. So, dengan masa apa yang berlaku *all this will become professional* kerana di dalam perkembangan bidang pergigian di dalam negara kita, kita sedang pergi ke satu arah di mana kita akan memberi penekanan kepada profesionalisme di dalam semua pihak.

So, kerana kita memberi penekanan kepada profesionalisme, maka pada satu masa semua orang yang melibatkan diri di dalam mana-mana aspek di dalam bidang rawatan pergigian itu ialah mereka yang terdiri daripada kumpulan yang mempunyai latihan di dalam bidang-bidang itu. Ini sangat mustahak untuk memastikan bahawa bidang pergigian berkembang selaras dengan perkembangan bidang ini di seluruh dunia, selaras dengan perkembangan sains contohnya. Buat *dentures* dahulu, buat *dentures* sekarang berbeza. Sekarang banyak teknologi yang ada. Sekarang *computerized assistance* sedang datang. Ini kerana perkara-perkara ini ada, kita mesti menyediakan diri kita supaya negara kita pun maju selaras dengan perkembangan ini. So, dengan itu apa yang saya beritahu ialah bahawa kita kena membuka minda kita untuk memastikan bahawa perkembangan ini diberi peluang.

#### ■1920

Pada masa yang sekarang, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan bahawa adakah kelulusan akta ini akan menghalang mereka yang buat *dentures* pada hari ini, esok tidak boleh buat. Itu tidak kerana *this act has got nothing to do with dental technicians*.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Hanya hendak kenal pasti. Selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan, so mereka ini akan teruskan *business* mereka,

tidak ada gangguan, tidak ada didakwa, tidak ada apa, yakni rang undang-undang ini tidak ada kena mengena dengan mereka, *I mean* kumpulan ini? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Agak sama Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya, bagi saya yang *sentencing is a bit very restrictive*, kalau tidak ada isu, okeylah. Semua *dentist* boleh jalankan *business as usual*. Akan tetapi kalau ada apa-apa masalah, jadi semua ini akan terpakai. Jadi, ini adalah apa yang membimbangkan para *practitioners*. Mengikut seorang *dentist* yang saya kenal, dia kata di seluruh negara kalau ikut apa yang dikatakan *specialist* dari segi membuat *braces*, hanya 200 orang sahaja. Akan tetapi sekarang kita pergi ke *dental clinics*, semua *dentist* buat *braces* untuk kita. So, *it say*- Jadi, kami hendak tanya, apakah ini perlu yang begitu ketat dalam Fasal 34(1) ini? Kenapa kah ia *diapply* hanya untuk *dentist* sahaja? Kenapa ia tidak juga dikenakan pada *specialist* untuk kulit ke ataupun yang lain lah? So, *why you just focus on the dentist?*

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Untuk di dalam bidang perubatan, di dalam Akta Perubatan *is under the Medical Act*, ini *Dental Act* untuk pergigian sahaja. Ahli Yang Berhormat, niat *Executives* semasa menggubal mana-mana undang-undang dijelaskan semasa perbahasan di dalam Dewan ini. So, hari ini saya menjelaskan dan ia akan ada di dalam *Hansard* bahawa tujuan mengadakan pindaan ini bukan untuk menghalang mana-mana pengamal pergigian daripada melakukan mana-mana *procedure*, di mana beliau mempunyai keyakinan bahawa beliau mempunyai pengalaman dan kemahiran di dalam bidang itu, melainkan beliau tidak panggil diri sendiri sebagai seorang pakar, kalau nama mereka tidak ada di dalam daftar pakar. Jelas? So, apa yang saya katakan ini boleh digunakan sebagai satu *reference* untuk menjelaskan apa tujuan kerajaan semasa menggubal undang-undang ini. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey, saya cadangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri itu sebenarnya sangat jelas. Jadi, gantikan Fasal ini lah? Ini kerana *I can understand what he said very well*. Akan tetapi yang selepas jadi undang-undang, yang *legal language* memang saya rasa ini mencungkil kebimbangan daripada banyak pihak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, mahkamah akan guna pakai kenyataan itu Yang Berhormat ya.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Okey, Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan bahawa mahkamah boleh gunakan apa yang saya katakan pada hari ini kerana ia ada di dalam *Hansard*. Lagi apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*  
*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

#### **Fasal-fasal 1 hingga 41 –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kapar, selepas itu Menteri menjawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cadang buat pindaan Fasal 34(1).

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Erm, Yang Berhormat, tidak boleh buat pindaan macam itu. Kena buat dalam bentuk usul Yang Berhormat ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Akan tetapi boleh ucaplah? Jadi, kerana apa yang Menteri kata, perbahasan ini yang niat dan sebagainya semua akan masuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berbeza, berbeza.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau ada apa-apa isu dalam mahkamah, jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau perbahasan Yang Berhormat sedemikian, itu kena buat usul. Kalau hendak buat pindaan kena buat usul. Kecuali Yang Berhormat cuma melibatkan diri dalam perbahasan, kita boleh terima sebagai perbahasan Yang Berhormat ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Okey, perbahasan. Saya hendak cadangkan pihak kementerian. Jadi, saya tukar- Okey, Fasal 34(1) seorang pengamal yang namanya tidak terdapat dalam bahagian pakar daftar pergigian tidak boleh panggil dirinya sebagai pakar pergigian tetapi boleh mengamal rawatan yang sepatutnya kepada pesakit. Ini jelaslah. Seluruh dunia tahu tetapi siapa yang draf fasal ini saya rasa dia memang ini draf dalam *air-cond room*. Tidak tahu keadaan yang sebenar sehingga buat macam itu yang susahkan seluruh dunia, susahkan semua *dentist* kita, susahkan juga pesakit. Ini kalau ada apa-apa isu, hanya peguam yang dapat peluang, *only lawyers that make money*, kalau ada apa-apa isu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mula dengan Fasal 5 berkenaan dengan kuasa Majlis. Saya mendapati ada banyak

anggota Majlis yang akan diterapkan. Akan tetapi apabila kita melihat kepada Fasal 5, ia memberi satu ruang yang agak luas, di mana Majlis boleh melakukan segala benda yang perlu atau suai manfaat bagi pelaksanaan fungsinya di bawah akta ini. Kita mendapati ini adalah trend kerajaan di lima tahun kebelakangan ini yang memberi kuasa yang meluas kepada Majlis dan juga Menteri. Kita dapati akta ini pun memberi kuasa yang meluas kepada Majlis. Kita nampak dekat sini, saya akui ada pakar-pakar yang akan duduk di bawah Majlis ini. Akan tetapi bila kita kata segala benda yang perlu dan suai manfaat perlu ada *guidelines*, perlu ada panduan, kalau tidak mana-mana pihak, Majlis ke Menteri ke, mana-mana pihak boleh salah gunakan. Saya minta penerangan daripada Yang Berhormat Menteri, ada tidak apa-apa garis panduan telah disediakan?

Saya masuk ke Fasal 7, di mana lagi sekali kuasa Menteri untuk melantik anggota Majlis. Bila kita teliti Fasal 7(1), ia memberi pengecualian. Di mana untuk perenggan 6(1)(e) hingga (h) Menteri boleh melantik, manakala Fasal 6(1)(a) sampai (d), ia mendiamkan diri dan ia tidak memaklumkan kuasa Menteri. Jadi, saya meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan juga pemilihan keanggotaan Majlis ini. Mengapa ada dua bahagian yang berbeza iaitu Fasal 6(1)(a) sampai (d), tidak dimaklumkan Akta Mendiamkan Diri. Manakala secara *specificnya* untuk Fasal 6(1)(e) sehingga (h) dimaklumkan kuasanya terletak pada Menteri. Begitu juga dengan (i) iaitu Fasal 6(1)(i) juga tidak dimaklumkan, saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan bahagian itu juga.

Seterusnya, Fasal 29. Ini berkenaan dengan kelayakan bagi pendaftaran sebagai doktor pergigian. Saya ingin masuk terus kepada Fasal 29(2)(b), di mana di sini ia berbunyi '*walaupun perenggan (1)(a), seorang warganegara Malaysia yang tidak memegang sesuatu kelayakan yang diberikan oleh institusi latihan tempatan...*' dan diteruskan, bahagian (b) khususnya, '*...dia membuktikan hingga Majlis berpuas hati bahawa dia seorang yang layak dan sesuai dan mempunyai akhlak yang baik*', yang ini pun saya minta kita membiarkan satu kuasa sepenuhnya kepada Majlis. Majlis berpuas hati, *satisfaction*. Apa yang seorang individu berpuas hati dengan sesuatu penjelasan, berbeza Tuan Pengerusi. Yang ini pun saya rasa perkataan yang digunakan sebagai puas hati *is a layman word compared to a professional enactment of law*. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat Menteri tadi pun akui bahawa apa yang disebut dalam Dewan yang mulia ini akan digunakan dalam interpretasi pada hari yang akan datang.

#### ■1930

Jadi dekat sana saya nampak terlalu luas bila kita kata "*Majlis berpuas hati*". Apa yang berpuas hati? *How to...?* Ini berkenaan dengan kelayakan seseorang. Jadi saya



minta definisi dan penerangan tentang maksud bahagian (b) ini perlu dimasukkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin membawa pandangan Yang Berhormat Seputeh tadi berkenaan dengan fasal 34 di mana dekat sini, fasal 34 sub (1) yang menerangkan bahawa seorang pengamal yang namanya tidak terdapat dalam Bahagian Pakar Daftar Pergigian tidak boleh mengamal sebagai pakar pergigian dalam kepakaran itu. Ini perlu juga diterangkan. Saya nampak tadi Yang Berhormat Menteri telah pun menerangkan tetapi untuk saya, Yang Berhormat Menteri, walaupun kita beri interpretasi dalam Dewan yang mulia ini, apabila kita buat akta-akta sebegini, panduan khusus perlu diberikan. Tidak boleh kita mengelirukan apabila kita membaca perkataan seperti yang ini. Bila saya sekali baca fasal 34 sub (1), dia membawa maksud bahawa dia tidak boleh mengamalkan diri seseorang itu sebagai seorang pakar pergigian dalam kepakaran itu tetapi ia tidak menyebut ia boleh melakukan perkara-perkara selain daripada itu. Itu adalah interpretasi yang perlu diambil daripada penerangan Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu memberi ruang...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu memberi kita ruang *lacuna* dalam undang-undang seperti ini. Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Macam dulu Rang undang-undang ISA itu diadakan, ia untuk menangani komunis. Mana sangka saya sebagai seorang mangsa *fake news*, itu berita tidak benar, saya dimasukkan di bawah ISA... *[Dewan riuh]* Jadi maksudnya bila kita ada buat undang-undang yang longgar, undang-undang yang hanya Menteri sekarang faham, kita tak tahu 10 tahun kemudian apa yang akan berlaku.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Fake news* dah selesai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul kah, Yang Berhormat? Jadi kita perlu betulkan sekarang. Kalau tidak, ada apa-apa masalah, mungkin waktu itu Menteri sudah pun bersara, dia baru keluar cakap, "*Oh, you know, our niat, our intention is not like that*". *Cannot*. Kena buat senang seperti apa yang saya cadangkan, senang, seluruh dunia faham. Tak perlu buat macam ini ketat untuk ikat kaki tangan *practitioner* pergigian yang biasa ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Kapar?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya sebagai pengamal undang-undang, saya selalu tekankan apabila kita buat

undang-undang, kita tidak boleh memberi ruang untuk disalah tafsir. Tafsiran undang-undang amat penting. Walaupun ada komitmen daripada Yang Berhormat Menteri, penerangan diberikan, tetapi di mahkamah nanti, bila ada isu yang dibangkitkan dan sebagainya ataupun bila *practitioner* duduk dalam Majlis dan sebagainya, dia ada pandangan dia sendiri, dia ada *interpretation* dia sendiri. Satu perkataan pun boleh membawa seribu satu maksud.

Jadi bila buat undang-undang sebegini— kebelakangan ini saya nampak banyak ruang *lacuna* dan ruang yang boleh diberi beberapa tafsiran dibawa ke hadapan. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh dalam undang-undang ISA apabila disalahtafsirkan dan sebagainya.

Saya minta Yang Berhormat Menteri, benda ini dah lulus tetapi untuk masa depan. Yang Berhormat Menteri kena faham, Yang Berhormat Menteri duduk sana sebagai Menteri Kesihatan. Walaupun akta ini ada kuasa— saya pun terkejut bila baca tadi. Akta ini membawa satu perkataan baru. Saya jarang tengok perkataan seperti ini. Mana tadi? *What is the word?* Ada *effect* yang selama-lamanya. *You know, there is a word there.* Dia ada *effect* selama-lamanya. Turun temurun *if I not mistaken, I saw it somewhere. Pardon me for that.*

Akan tetapi Menteri tidak duduk sana turun temurun. Esok ada Menteri baru, ada interpretasi yang berbeza. Itu yang kita minta seseorang yang duduk sebagai Menteri, *due respect, take effect of all the angles.* Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

### **7.34 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, berkaitan dengan fasal 34(1), saya ingat saya tak perlu beri penjelasan kerana saya sudah beri dengan jelas.

Tadi Ahli Yang Berhormat telah bangkit berkait dengan seksyen 5 dan seksyen 7. Seksyen 5 memang bila ada sesuatu majlis ditubuhkan, kuasa diberi kepada majlis itu untuk menjalankan tanggungjawabnya dan kerjanya. Dan kuasa itu ialah untuk memastikan bahawa semua tanggungjawab yang telah diberi kepada majlis itu boleh dijalankan secara baik. Kalau majlis itu tidak diberi kuasa, maka majlis tidak boleh menjalankan dan menunaikan tanggungjawabnya. Itulah sebab di mana-mana undang-undang di mana satu majlis diwujudkan, ianya diberi tanggungjawab.

Dan soalan adakah Majlis ini akan menyalahgunakan kuasa yang ada, itu ialah satu perkara yang boleh dibangkit untuk mana-mana pihak di mana-mana tempat pun.

Kita mesti ada keyakinan bahawa Majlis ini akan menggunakan kuasa yang diberi itu secara baik.

Tentang fasal 7 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, seksyen-seksyen itu terlibat, mereka yang akan dilantik di dalam Majlis melalui pilihan. Kalau di dalam pilihan tiada orang yang telah dipilih, maka kuasa diberi kepada Menteri untuk mengisikan kekosongan itu. Yang lain semua ialah mereka yang dilantik oleh Menteri atau oleh lembaga untuk menjadi. So mereka yang dilantik tidak dimasukkan di dalam fasal 7(1) melainkan mereka yang dipilih.

Terima kasih.

*[Fasal-fasal 1 hingga 41 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal 42 [Pindaan]-**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda sub fasal 42(5) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan “*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya*” dengan perkataan “*dua puluh ribu ringgit*”.

Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan untuk menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 42 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 44 [Pindaan]-**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda sub fasal 44(2) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan "*lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya*" dengan perkataan "*dua puluh ribu ringgit*".

Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kapar, selepas itu Menteri menjawab.

**7.39 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuba, *with due respect*, dua analogi di antara fasal 42 dengan 44. Fasal 42 ini saya rasa penting kerana ia perlu mempamerkan perakaunan tempat premis mereka tetapi yang ini berkenaan dengan pemberitahuan pertukaran alamat selepas 30 hari ini, saya rasa walaupun RM50,000 itu tukar kepada RM20,000, ini lebih kepada masalah teknikal. Saya rasa sepatutnya RM20,000 itu pun saya ingin merekodkan dalam Dewan yang mulia ini, ini tidak ada kena mengena dengan kepakaran seseorang doktor. Ini hanya kesilapan yang amat kecil dan sangat-sangat teknikal. RM20,000 pun untuk menghukum seorang doktor itu saya pandang sebagai satu situasi yang tidak sepatutnya berlaku dalam undang-undang ini.

**■1940**

Sepatutnya kita bagi surat, notis dan sebagainya, amaran dan sebagainya. Ini untuk saya, saya ingin merekodkan tindakan saya, *I'm against this particular fasal. Thank you.*

**7.40 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kalau dilihat kepada 44(2), dengan izin *A dental practitioners or a dental therapist who fails to comply with subsection (1) commits an offence, and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding RM20,000* bermaksud ada kuasa untuk beri RM10,000 atau RM5,000 atau memberi amaran kepada mahkamah. Jadi ini semua tetapkan kadar maksimum sahaja, siling saja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendak disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

**[Fasal 44** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 45 hingga 51** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

#### **Fasal 52 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

7.41 mlm.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda perenggan 52(2c) rang undang-undang dengan memotong perkataan 'bahagian kesihatan *oral*'. Perenggan ini dipinda untuk membolehkan mana-mana pengamal pergigian daripada Kementerian Kesihatan dilantik sebagai anggota jawatankuasa aduan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 52** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 53 hingga 61** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

#### **Fasal 62 [Pindaan]-**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**7.43 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda Fasal 62 rang undang-undang dengan memasukkan selepas sub fasal 3 sub fasal yang berikut iaitu 4 tiada apa-apa juga dalam seksyen ini boleh menghalang seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan. Fasal ini dipinda untuk memperjelas bahawa tiada apa-apa dalam Fasal 62 boleh menghalang seorang pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 daripada menjalankan apa-apa tatacara perubatan walaupun pengamal perubatan ini tidak didaftarkan di bawah rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, selepas itu Menteri menjawab.

**7.44 mlm.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk Fasal 62, klausa (3) ini denda sebanyak RM300,000 dan dipenjarakan tempoh tidak melebihi enam tahun ini saya rasa ini hukuman yang amat berat. Kalau kita bandingkan dengan Akta Perubatan Malaysia 2012, maksimum *fine* hanya RM100,000 dan penjara hanya tiga tahun tetapi yang ini saya rasa *dental* ini hukuman lebih tinggi beberapa kali ganda. Jadi saya rasa ini tidak adillah untuk, hukuman terlalu berat sangat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat, boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila kita baca Fasal 62 sub 1 perlu dibaca sekali dengan sub 2 dan 2 bergantung pada subseksyen 1. Kita nampak beberapa subseksyen ini menggunakan perkataan cuba untuk memasukkan, cuba untuk melakukan, cuba untuk merawat, cuba untuk melakukan pembedahan dan diikuti pula dengan di bahagian (g), nasihat atau layanan. Benda ini juga merangkumi denda yang begitu banyak iaitu sehingga RM300,000 atau penjara enam tahun. Apa pandangan Yang Berhormat sebab saya rasa perlu dibezakan orang yang melakukan dan cuba melakukan dan kita *just* letak tidak melebihi dan kita berikan interpretasi kepada mahkamah untuk lakukan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Setuju dengan pendapat Yang Berhormat Kapar di mana kalau kita bandingkan Akta Perubatan Malaysia 2012 di mana kalau perubatan ini lebih *risky* daripada *dental*. Mengapa perubatan ini hukuman lebih rendah daripada pergigian. Jadi saya hendak dapat penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**7.46 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kita kena memberi tumpuan kepada 62(1) dan ia memang jelas seseorang yang tidak didaftarkan di bawah akta ini tidak boleh menjalankan amalan pergigian iaitu contohnya doktor pergigian haram yang kadang-kadang menjalankan pelbagai jenis tugas. Sekarang di dalam akta kita tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka. Melalui 62, salah satu daripada tujuannya ialah untuk memastikan mereka yang boleh buat (2)(a) sampai (j) ialah mereka yang telah didaftarkan di bawah akta ini sebagai pengamal doktor pergigian.

Tujuannya untuk memastikan tidak ada orang yang akan menyamar sebagai seorang doktor pergigian, mereka tidak mempunyai kelayakan yang diiktiraf, tidak boleh menjalankan tugas sebagai doktor pergigian untuk memberi perlindungan. Kita dengar banyak cerita tentang mereka yang langsung tidak mempunyai apa-apa latihan menjalankan kerja sebagai seorang doktor pergigian di hotel, di *supermarket* dan sebagainya kerana tiada kuasa di dalam undang-undang kita mempunyai satu kuasa dan denda itu bukan untuk mengenakan *to punish them* tetapi *as a deterrent* supaya mereka yang ingat boleh membuat kerja sedemikian dan membawa bahaya, membawa satu masalah kepada mereka yang akan dirawat, kita memberi perlindungan kepada rakyat. Itu ialah tujuannya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri, saya hanya hendak tanya mengapa hukuman begitu berat? Kalau doktor palsu, doktor yang...

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Yang Berhormat telah membuat perbandingan dengan *Medical Act* dan sini. *Medical inner care act* sampai sekarang tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap doktor haram. *Medical act* cuma mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap doktor yang telah didaftar dengan *Malaysian Medical Council* tetapi kuasa ini ialah untuk mereka yang tidak mendaftar dengan *Malaysian Dental Council*. Ini adalah perbezaannya. *So Medical Act* cuma mengawal selia mereka yang menjadi pengamal perubatan tetapi ini adalah untuk mereka yang tidak diiktiraf sebagai pengamal doktor pergigian, ada perbezaannya. Jadi di dalam keadaan ini, ada satu keperluan untuk memberi denda yang tinggi, untuk *act*, mungkin satu *deterrent* supaya mereka yang mahu buat perkara-perkara ini tidak akan membuat perkara. Kalau tidak ada, *for them* kalau dia sudah rawat lima orang dan sudah dapat

RM100,000. RM300,000 *will not be a big sum*. So kita mesti ada satu *deterrent* untuk memastikan kumpulan ini tidak akan wujud.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendak disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 62** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

■1950

**[Fasal 63 hingga 68** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**Fasal 69 [Pindaan]–**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**7.50 mlm.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda perenggan (c) dalam fasal 69 rang undang-undang dengan memasukkan sebelum perkataan “menjalankan amalan pergigian di premis” perkataan “dengan diketahuinya”. Perenggan ini dipinda untuk memperuntukkan bahawa seseorang pengamal hanya melakukan kesalahan jika pengamal itu secara diketahuinya menjalankan amalan pergigian di premis yang sama dengan seseorang yang tidak berdaftar menjalankan amalan pergigian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 69** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]



**Fasal-fasal 70 hingga 71 –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**7.51 mlm.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekali lagi kita nampak pegawai diberi kuasa yang amat luas di mana fasal 70 memaklumkan bahawa pegawai awam daripada Kementerian Kesihatan diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah akta ini dan penerangannya diberikan di bawah subseksyen 3. Bagi mengelakkan keraguan dengan izin, *“for the avoidance of doubt”*. Saya pun tidak faham apa yang dimaksudkan untuk mengelakkan keraguan. Keraguan hendak bezakan di antara pegawai polis dengan pegawai di bawah akta ini itu yang dimaksudkan, Yang Berhormat kena beri penerangan.

Disambung dengan perkataan, *“adalah diisytiharkan bahawa bagi maksud ini seorang pegawai diberi kuasa dalam mempunyai semua atau mana-mana kuasa seorang pegawai polis dalam apa jua pangkat berhubung dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah Akta 593”*. Ini untuk saya Tuan Pengerusi, akta ini melahirkan satu jabatan polis di bawah Kementerian Kesihatan.

Sewajarnya benda ini boleh diselaraskan dengan Kementerian Dalam Negeri, pihak polis yang sedia ada, PDRM yang sedia ada dan dengan kerjasama pegawai, mereka boleh melakukan tugas seorang pegawai polis. Akan tetapi kita nampak dekat sini satu kuasa yang meluas kita beri kepada pegawai yang tidak dilatih. Ini adalah pegawai daripada Kementerian Kesihatan diberikan kuasa, selepas itu diberi sepenuhnya kuasa seperti mana yang ada dalam Kanun Tatacara Jenayah.

Saya rasa *again seriously* perkara seperti ini tidak boleh dimasukkan dalam mana-mana akta-akta bukan sahaja akta ini mana-mana akta pada masa ke depan sebab kita ada PDRM, mereka boleh melakukan siasatan dan sebagainya. Di sini bila kita kata semua atau mana-mana kuasa semua *that means everything* yang seorang pegawai polis boleh lakukan di sini pegawai ini boleh lakukan.

Kedua, apa juga pangkat bermaksud polis daripada apa pangkat pun paling tinggi sampai paling bawah semua pegawai ini ada. Dia sudah mengatasi situasi struktur organisasi yang ada pada PDRM. Selepas itu kalau kita boleh masuk bahagian ketiga dengan penyiasatan polis dalam kes boleh tangkap. Ini adalah kes boleh tangkap. Sekarang kita bagi kuasa kepada pegawai awam untuk membuat penangkapan seolah-olah dia adalah seorang polis.

Saya rasa usul ataupun fasal sebegini tidak patut dimasukkan dalam akta sebegini. Walaupun saya ketahui Yang Berhormat akan bangun mempertahankan akta ini sebab ini adalah akta beliau tetapi dari sudut prinsip dan naluri undang-undang perkara seperti ini tidak boleh digalakkan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

#### **7.55 mlm.**

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, di dalam akta ini ada beberapa aspek untuk mengawasi tingkah laku seseorang doktor pergigian di dalam menjalankan tugas beliau supaya mereka menjalankan tanggungjawab mereka dan sebagai satu kementerian yang mempunyai tanggungjawab untuk menjaga dan memberi perlindungan kepada rakyat, kita mesti mewujudkan satu suasana atau persekitaran di mana rakyat diberi perlindungan daripada kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

Itulah sebab di dalam akta beberapa perkara yang telah diterangkan sebagai kesalahan dan bila ada kesalahan ada denda yang telah ditetapkan dan untuk menguatkuasakan undang-undang ini untuk memastikan apa yang mereka sudah melakukan kesalahan itu, kita memerlukan pegawai-pegawai yang mempunyai kuasa. So, bila kuasa itu diberi memang di dalam undang-undang ini tujuannya ialah untuk mewujudkan pegawai-pegawai itu dan memberi kuasa kepada mereka.

Akan tetapi kuasa mereka terhad kepada apa yang ada di dalam akta itu bukan luar daripada akta itu. Bermaksud bahawa apa-apa yang ada di dalam Kanun Tatacara Jenayah yang patut digunakan untuk menguatkuasakan apa yang ada di dalam akta itu boleh digunakan oleh seseorang pegawai penguat kuasa di dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Kalau mereka tidak diberi kuasa itu, maka mereka tidak boleh menjalankan tugas mereka. Itulah sebabnya kuasa itu diberi. Saya berharap keterangan ini akan menjelaskan kekeliruan yang telah diwujudkan oleh Yang Berhormat.

*[Fasal-fasal 70 hingga 71 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

#### **Fasal 72 [Pindaan] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**7.57 mlm.**

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda fasal-fasal 72 rang undang-undang dengan menggantikan perkataan RM50,000 atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dengan perkataan RM20,000. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan yang dilakukan oleh pengamal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**[Fasal 72** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**[Fasal-fasal 73 hingga 84** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**Fasal 85 [Pindaan]–**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**7.58 mlm.**

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Pengerusi, kementerian meminda fasal 85(3) rang undang-undang dengan menggantikan perkataan RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dengan perkataan RM20,000. Sub fasal ini dipinda untuk mengurangkan amaun denda yang dikenakan dan menggugurkan hukuman penjara bagi kesalahan kecil yang dilakukan oleh pengamal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalah ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbincangan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam kertas pindaan hendaklah disetujui.

*[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Fasal 85 sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 86 hingga 104 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 3 April 2018.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.02 malam]*